

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEDUABELAS  
PENGAL PERTAMA  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 12**

**Selasa**

**20 Mei 2008**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman 30)
<b>USUL:</b>	
Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong - <i>Y.B. Dato' Seri Ong Ka Ting (Kulai)</i>	(Halaman 31)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 70)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 235)

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Selasa, 20 Mei 2008**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)  
***mempengerusikan Mesyuarat***]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya menjemput Yang Berhormat...

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya nak minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya belum habis lagi Yang Berhormat. Duduk dulu, saya sebut nama dia dulu.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Sebelum soalan dijawab, saya mahu penjelasan dulu. Kita nampak dalam 222 Ahli-ahli Parlimen, ada kadangkala Ahli-ahli Parlimen tiap-tiap minggu keluar *prime time* dia punya soalan. Ini kita mahu tahu Tuan Yang di-Pertua kerana kalau begini, lain kali kita tak hantar soalanlah.

Kita mahu *ruling* sebab apa ini serius Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat.

Soalan Yang Berhormat Kalabakan pernah naik pada 8 Mei 2008, No.7. Yang jadi satu masalah kita Yang Berhormat, *prime time* ialah setengah jam yang pertama, liputan media. Ini belum kita buat, mungkin Yang Berhormat cadangkan supaya ditambahkan masa ke satu jam setengah.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Bukan saya cadangkan tambah masa, tetapi ada soalan yang tak perlu sebut ini. Ada soalan tiap-tiap minggu *prime time*. Jadi itu mesti mahu keadilan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat. Kita akan buat keadilan Yang Berhormat. Sila duduk Yang Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi.

1. **Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan, sejauh manakah hak kerajaan negeri membatalkan atau mengubah sebarang perjanjian air yang sedia ada.

**Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Joseph Salang Anak Gandum]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat daripada Batu Pahat, sesebuah perjanjian air yang telah ditandatangani di antara kerajaan negeri dengan pihak lain akan mengikat kedua-dua pihak termasuk pengganti dalam hak milik atau pun *successor in title* dengan terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam perjanjian tersebut. Sehubungan dengan itu, kerajaan negeri boleh mengubah sesuatu terma dan syarat dalam mana-mana perjanjian yang telah ditandatangani sekiranya perjanjian tersebut memperuntukkan klausa untuk berbuat demikian.

Bagi perjanjian berkaitan air yang telah ditandatangani oleh kerajaan negeri termasuk perjanjian konsesi, pada kebiasaannya perjanjian tersebut memperuntukkan satu klausa bagi membuat apa-apa pindaan atau perubahan ke atas perjanjian sedia ada dengan syarat kedua-dua pihak secara bersama bersetuju berbuat demikian. Terima kasih.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu daripada janji-janji manis Kerajaan Negeri Selangor ialah memberikan air percuma sebanyak 20 *cubic meter* setiap rumah. Kerajaan Negeri Selangor mendakwa terpaksa menanggung kos sebanyak RM4 juta bagi setiap 20 *cubic meter* tersebut.

Apa yang saya ingin tahu ialah, berdasarkan kepada perjanjian yang sedia ada sebenarnya kos untuk 20 *cubic meter* itu ialah RM11.40 dan bukannya RM4 seperti yang didakwa oleh Kerajaan Negeri Selangor. Ini bermakna kalau untuk satu juta isi rumah, maka kos pembaziran yang akan disubsidi oleh Kerajaan Negeri Selangor ialah sebanyak RM 11.4 juta dan bukannya RM4 juta.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, pendekkan soalan Yang Berhormat.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Ya. Oleh sebab itu saya rasa ini adalah usaha untuk melindungi pembaziran. Ini yang kita kata sebagai 'Pakar Kelentong Rakyat' ataupun PKR...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sudah Yang Berhormat?

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** ...Pertanyaan tambahan saya ialah, bukankah lebih baik RM11.4 juta itu dibayar kepada anak Selangor yang masuk universiti sebanyak RM1000 seperti yang dijanjikan dalam manifesto sehingga Kerajaan Negeri Selangor didakwa oleh seorang pelajar yang ada di negeri Selangor.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Batu Pahat, ini bukan debat Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Pertanyaan tambahan saya, bolehkan Kerajaan Negeri Selangor menentukan harga sesuka hati sebanyak RM11.40 dan bukannya RM4 tanpa persetujuan daripada syarikat Syabas dan kalau Syabas enggan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Duduk Yang Berhormat Batu Pahat.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** ...Bolehkah Kerajaan Negeri Selangor melakukan paksaan untuk mengambil alih...

**Tuan M. Kula Sgaran [Ipoh Barat]:** Mana soalan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat batu Pahat!

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** ...70%...

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Batu Pahat!

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order*. Ini masa untuk soalan tambahan dan bukannya berbahas.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Dia minta TV ambil lama sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya ingat Yang Berhormat Batu Pahat ingat soalan tambahan mestilah dipendekkan. Peraturan Yang Berhormat kena ikut. Ya Timbalan Menteri.

**Dato' Joseph Salang Anak Gandum:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan tambahan daripada Yang Berhormat Batu Pahat iaitu berkenaan dengan pemberian air percuma 20 *cubic meter* dari Kerajaan Negeri Selangor kepada penduduk-penduduk negeri tersebut.

#### ■ 1010

Itu adalah terhad kepada kerajaan untuk memberi, sekiranya kerajaan negeri ada duit dan ada peruntukan spesifik untuk berbuat demikian... [*Tepuk*]. Sekiranya mereka hendak berbuat demikian dengan menambahkan lagi volum air yang hendak diberikan percuma kepada penduduk-penduduk Selangor itu pun terhad kepada kerajaan tersebut. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sila Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat nyatakan negeri-negeri yang telah mengadakan *concessionaire agreement* dan nyatakan nama-nama negeri tersebut. Serta dikhususkan mana terma-terma dan ia adalah *win-win situation*, di mana negeri-negeri yang terlampau *concessionaire agreement* yang betul-betul membawa kerugian kepada rakyat dan negara ini. Apakah mekanisme yang sedia ada di mana kerajaan boleh menentukan supaya terma-terma perjanjian yang dibuat dengan *concessionaire* itu berpatutan dan jika tidak, adakah setakat ini

ada apa-apa analisa yang dibuat supaya semua perjanjian ini adalah dengan *arm's length* tadi? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Joseph Salang Anak Gandum:** Terima kasih Yang Berhormat dari Ipoh Barat atas soalan tambahan yang dikemukakan.

Sebenarnya Yang Berhormat, untuk makluman Dewan yang mulia ini, semua pemegang konsesi yang berjumlah 14 telah mendaftarkan semua perjanjian-perjanjian pokok dan tambahan iaitu berjumlah 56 perjanjian pokok dan perjanjian tambahan. Kesemuanya sedang disemak oleh pemegang-pemegang konsesi dan SPAN iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara.

Dalam perjanjian tersebut iaitu terma-terma yang akan dirundingkan termasuk juga harga atau tarif yang berpatutan dan diharapkan selepas semakan nanti kesemuanya dapat dikemas kini dan kesemua konsesi yang ada akan boleh dikatakan yang boleh *viable* serta juga boleh mampan. Jadi jangan kita pada masa ini merasa risau berkenaan dengan apa yang patut dirundingkan dan apa yang tidak patut dirundingkan.

Oleh kerana, SPAN ditubuhkan untuk menjaga kepentingan negara dan ianya akan memastikan bahawa pemegang konsesi akan boleh hidup *viable* dan juga rakyat tidak akan dibebankan dengan harga air yang tidak berpatutan. Terima kasih.

**2. Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, adakah kerajaan berhasrat meminda seksyen 25(a) yang mengenakan denda yang terlalu tinggi dan seksyen 52 yang memastikan bot dan peralatan dirampas di bawah Akta Perikanan 1985 yang dianggap keterlaluan terhadap nelayan-nelayan.

**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Mustapa Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1985 kerajaan memperkenalkan Akta Perikanan. Akta ini diperkenalkan untuk menguruskan sumber perikanan supaya ia mampan, supaya sumber ini berkekalan sampai bila-bila kerana ikan merupakan sumber protein yang penting untuk rakyat Malaysia. Di bawah akta ini terdapat 33 seksyen ataupun 33 kesalahan yang boleh dikenakan oleh kerajaan bagi mereka yang melanggar peraturan, syarat-syarat yang dikenakan.

Soalan Yang Berhormat adalah berkaitan dengan dua seksyen iaitu seksyen 25 dan juga 52. Seksyen 25 ada dua bahagian, subseksyen (a) adalah berkaitan dengan denda bagi bot nelayan asing yang menceroboh negara kita, 25(b) adalah berkaitan dengan kesalahan bot nelayan tempatan yang melanggar syarat yang dikenakan oleh kerajaan. Di bawah seksyen 52, mahkamah ada kuasa untuk melucut hak bot-bot atau barang kes yang didapati bersalah.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah seksyen 25(a) yang melibatkan nelayan asing mahkamah boleh menetapkan denda sehingga RM1 juta bagi tekong ataupun nakhoda. Bagi awak-awaknya pula ialah RM100,000 seorang.

Jadi dendanya adalah tinggi dan saya berharap Yang Berhormat Beruas tidak datang ke Dewan ini untuk membela kepentingan nelayan asing yang mencero boh perairan negara kita. Kerajaan tidak berhasrat untuk meminda seksyen ini kerana kita merasakan seksyen ini penting untuk menjaga kepentingan nelayan tempatan.

Bagi seksyen 25(b) yang melibatkan nelayan tempatan, denda tidak melebihi RM20,000 atau pun penjara tidak lebih dua tahun. Jadi ada perbezaan hukuman bagi nelayan asing dan juga hukuman bagi nelayan tempatan.

Kita mengenakan denda yang tinggi untuk nelayan asing, untuk menjaga kepentingan negara, untuk menjaga kedaulatan negara dan juga menjaga sumber perikanan bagi negara kita. Jikalau kita benarkan nelayan asing mencero boh negara kita maka kepentingan 90,000 orang nelayan negara kita yang menangkap ikan bernilai sehingga RM6 bilion setahun akan terancam.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2007 terdapat 68 kes tangkapan di bawah seksyen 25(a) melibatkan nelayan-nelayan asing dan bilangan nelayan adalah 562 orang dan jumlah denda RM32.5 juta. Sehingga April tahun ini, kita telah melakukan 26 tangkapan melibatkan 140 orang nelayan dendanya RM4 juta.

Bagi nelayan tempatan, kerajaan bertimbang rasa dan sekarang ini denda dikenakan setelah tiga kali amaran diberikan, tiga kali kompaun. Pertama kita bagi kompaun, kedua kompaun dan yang ketiga juga kompaun dan yang keempat barulah dihadapkan ke mahkamah. Kompaun yang dikenakan minimum RM500 dan maksimum RM20,000. Jadi bagi nelayan tempatan, kerajaan amat bertimbang rasa dan tindakan undang-undang hanya diambil setelah tiga kali kompaun dikenakan. Maknanya kesalahan yang keempat barulah dikenakan tindakan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua kerajaan tidak bercadang untuk meminda undang-undang yang sedia ada untuk menjaga kepentingan rakyat Malaysia dan untuk memastikan bahawa sumber perikanan negara mampan, untuk memastikan ia berkekalan sepanjang masa. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Beruas.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menanya menteri sama ada beliau sedar bahawa kerana denda yang begitu tinggi sampai RM1 juta bagi nakhoda nelayan asing dan juga RM100,000 seorang bagi anggota-anggota krew. Jumlah denda itu kadang-kadang sampai berjuta ringgit.

Oleh kerana jumlah yang begitu tinggi biasanya wang denda ini tidak dibayar dan anggota-anggota krew nakhoda *vesse/* ini lebih kita kata sudi disara hidup oleh kerajaan Malaysia dalam penjara Malaysia. Ini kerana alternatif kepada denda yang begitu tinggi ini adalah kadang-kadang tiga hingga enam bulan penjara sahaja.

Soalan saya, adakah menteri sedar bahawa undang-undang sedemikian tidak efektif tetapi menjadi satu beban kepada negara dan kita tidak mendapat apa-apa denda daripada apa yang dikenakan terhadap nakhoda...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Soalan kepada seksyen 52, soalan tambahan saya kepada dua seksyen berkenaan. Adakah menteri sedar bahawa oleh kerana hukuman yang begitu tidak adil dan berat itu telah menyebabkan nelayan-nelayan yang tidak bersalah juga takut ke mahkamah, kerana...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sudah, sudah Yang Berhormat tidak payah 'kerana'...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Saya hendak tahu apakah jawapannya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Biar Yang Berhormat menteri menjawab kerana, Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Saya hendak tahu apakah jawapannya.

**Tuan Ahmad Maslan [Pontian]:** Soalan, soalan.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Kerana semua nelayan sekarang ini takut ke mahkamah sungguhpun tidak bersalah..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya faham Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** ..Kerana mereka terpaksa..

**Tuan Ahmad Maslan [Pontian]:** Ceramah kah?

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Dia mesti bagi rasuah ataupun menerima sahaja apa-apa kompaun yang dikenakan. Bukan tiga kali kompaun.

#### ■ 1020

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sudah Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** *[Tepuk] [Dewan riu]*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** ...Tidak salah pun kena kompaun. Adakah ini menteri... *[Dewan riu]*

**Tuan Ahmad Maslan [Pontian]:** Ceramahkah, ceramahkah?

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** ....Jadi ini satu ketidakadilan...

**Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Soalan, soalan.... *[Dewan riu]*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** ...Saya ingin membela nasib nelayan-nelayan tempatan... *[Dewan riu]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Duduk, Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** ...Menteri mesti berikan satu jawapan...

**Tuan Ahmad Maslan [Pontian]:** Ini soalan atau berceramah?

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** ...Itulah soalan saya.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Bawa keluar soalan, hendak masuk TV ke?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Beruas, sila duduk.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Adakah tahu masalah ini dan apakah...Ya... [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sila duduk, Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** ...Minta menteri beri penjelasan bagaimana menyelesaikan masalah kedua-dua seksyen ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sila, sila duduk Yang Berhormat. Baik, baik, saya faham, Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** ...Itu soalan saya. Memang ini satu soalan, bukan satu ceramah... [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Duduk, duduk, Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** ...Ini soalan yang timbul daripada jawapan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Beruas, sila duduk.

**Dato' Mustapa Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan membela semua rakyat dan nelayan merupakan satu kumpulan yang besar, 90 ribu orang dan kerajaan telah melaksanakan pelbagai program untuk memastikan bahawa mereka dapat mencari makan. Itu sebabnya ada akta. Kalau tidak ada akta atau peraturan, tidak ada lesen, maka kita akan berhadapan satu hari nanti keadaan ikan tidak ada. Kita pun akan tidak berpeluang untuk menikmati sumber protein ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebut tadi dalam jawapan, kerajaan cukup bertimbang rasa. Kita bagi kompaun, yang pertama kompaun; yang kedua kompaun; yang ketiga kompaun; yang keempat barulah yang dihadapkan ke mahkamah. Ini adalah bagi mengambil kira kepentingan nelayan. Kita tidak zalimlah seperti mana yang didakwa oleh Yang Berhormat Beruas ini. Kita amat bertimbang rasa dan kita yakin dengan tindakan ini akan memastikan sumber perikanan negara akan terpelihara.

Berkaitan dengan soalan kedua, sama ada saya sedar ataupun tidak, ramai di kalangan pesalah-pesalah warga asing ini yang memilih untuk tidak bayar denda. Kerajaan sedar, kebanyakan mereka memang tidak ada duit RM1 juta ataupun RM100 ribu dan mereka memilih



untuk masuk ke penjara. Akan tetapi persoalannya, kalau kita tidak buat begitu, kalau kita lepas begitu sahaja, apa cadangan Yang Berhormat? Kalau tidak ada tindakan, sudah pasti mereka akan menceroboh ke seluruh pelosok perairan kita dan rakyat Malaysia, Yang Berhormat Beruas dan semua tidak akan ada peluang untuk tangkap ikan.

Jadi kerajaan berpendapat ini adalah langkah yang wajar. Ia lebih merupakan satu *deterrent*, dengan izin, dengan adanya denda yang tinggi, dengan adanya kuasa untuk merampas, maka sebenarnya ia telah berjaya membendung sedikit sebanyak. Hendak selesai 100% memang mustahil, tetapi ia berjaya membendung kegiatan yang tidak bermoral ini, yang melanggar peraturan negara, yang menceroboh kawasan perairan negara, kita perlu bertegas, Tuan Yang di-Pertua.

Sesiapa sahaja yang menceroboh kawasan perairan negara, kita harus mengambil tindakan yang tegas. Kalau kita relaks dalam perkara ini, sudah pasti kita punya kedaulatan akan tercabar. Terima kasih.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan menteri minta saya bagi saranan...

**Beberapa Ahli:** *[Bangun] [Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tidak apa, Yang Berhormat, itu hak menteri, Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Marang... *[Dewan riuh]*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** ...Menteri tanya apa-apa cadangan. Saya ada dua cadangan yang baik...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Duduk, duduk, Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** ...Saya ada dua cadangan yang baik. Satu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Marang.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** ...Bagi Orang Asli mesti setimpal, bukan terlalu tinggi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Beruas, sila duduk.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** ...Menteri minta saya buat cadangan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Kita buat ikut peraturan, Yang Berhormat. Kita di Dewan ini, ikut peraturan, Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** ...Menteri minta bagi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya faham. Yang Berhormat kalau tidak puas hati, tanya pada masa lain lagi. Tulis surat atau berjumpa dengan menteri.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** ...Menteri tadi minta saya bagi cadangan.

**Dato' Ismail Kasim [Arau]:** Tulis surat. Nanti di luar Dewanlah, di luar Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Di luar Dewan, Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Menteri yang tanya.

**Dato' Ismail Kasim [Arau]:** Soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Marang, Yang Berhormat Marang. Sila duduk Yang Berhormat Arau, sila duduk Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Tuan Yang di-Pertua, di sana terdapat peralatan-peralatan nelayan yang merosakkan pembiakan hasil laut seperti pukat tunda, pukat kaya dan sebagainya. Oleh kerana peralatan ini boleh menjejaskan pembiakan hasil laut yang begitu ketara dan merosak sekali sehingga menjejaskan pendapatan nelayan kecil. Adakah kerajaan bercadang untuk terus bertindak menghapuskan peralatan yang seperti ini, ataupun mengadakan satu peraturan kawalan yang lebih agresif dan berkesan untuk mengawal pembiakan hasil laut?

Yang kedua, apabila hasil laut ini berkurangan, terdapat bot-bot nelayan yang tidak lagi digunakan untuk menangkap ikan, tetapi untuk berniaga diesel dan ini boleh juga menjejaskan nelayan kecil. Apakah keberkesanan tindakan yang diambil selama ini dan adakah langkah yang lebih bersungguh lagi untuk mengatasi masalah ini?

**Dato' Mustapa Mohamed:** Kerajaan sekali-kali tidak berkompromi dengan mana-mana pihak termasuklah nelayan yang menyeludup diesel, mengambil diesel daripada depot-depot dalam negara yang mana harganya cuma RM1. Ini diesel yang di subsidi dan dijual ke luar negara.

Ini satu kegiatan yang memang kerajaan tegas dan kita mengambil tindakan tegas dan kita sering kali membaca dalam akhbar – bukan sering kalilah, sekali-sekala kita baca dalam akhbar tentang tindakan tegas yang diambil oleh kerajaan. Jadi kerajaan tidak berkompromi dengan mana-mana pihak yang menyalahgunakan subsidi diesel yang diberikan kepada nelayan dan lain-lain pihak yang diberikan subsidi.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pukat tunda, kita perlu pastikan bahawa sumber laut ini berkekalan, ini penting. Itu sebabnya selain daripada lesen bot, lesen juga dikeluarkan untuk pukat ditentukan pukat apa yang boleh digunakan. Pukat tunda ini walaupun bilangannya tidak begitu banyak, kira-kira lima ribu *vesse/s* yang menggunakan pukat tunda, tetapi dari segi hasil tangkapannya, kira-kira 70% hingga 80%.

Dari segi bilangan pukat tunda tidak banyak, tetapi oleh kerana berkesan untuk tangkap ikan dan pukat tunda ini memang telah mengaut ikan-ikan kecil dan ini akan menyebabkan sumber perikanan mungkin boleh pupus. Oleh yang demikian, tindakan tegas diambil untuk memastikan pukat tunda tidak mencero boh. Pukat tunda ini hanya boleh beroperasi di kawasan

tertentu dan jika di ceroboh, maka tindakan akan diambil di bawah seksyen 25(b) yang saya sebutkan tadi.

Selain daripada itu juga, kerajaan mengenakan peraturan pukot yang mempunyai diameter tertentu sahaja boleh digunakan. Kalau diameternya kecil, umpamanya kerajaan sudah pun buat kajian mengenai pukot yang 32 milimeter diameter, dengan izin, di mana kita dapati pukot ini terlalu kecil dan dengan itu boleh menangkap ikan-ikan kecil dan dengan itu boleh menjejaskan sumber perikanan negara.

Kerajaan amat prihatin tentang perlunya kita jaga masa depan negara kita dan oleh yang demikian, tindakan tegas akan diambil untuk memastikan nelayan-nelayan yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan akan diambil tindakan sewajarnya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Datuk Bung Moktar bin Radin.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu saya ingin bertanya...

**Dato' Dr. Mohamad Shahrur Osman [Lipis]:** Soalan nombor tiga, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Minta maaf kerana...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak apa. Saya hendak tanya, *sound system* dalam Dewan kita ini apa masalahnya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya tersilap lihat. Yang Berhormat Lipis dahulu, Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya tidak silap. Saya mahu tanya apa berlaku dengan *sound system* dalam Dewan kita?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya menerima nota daripada Ahli-ahli mengatakan bahawa *media system* dalam Dewan kurang baik, kurang jelas dan tidak boleh didengari dan saya telah memberi nota kepada setiausaha untuk memperbaiki perkara ini, pada hari ini juga. Terima kasih Yang Berhormat.

**3. Dato' Dr. Mohamad Shahrur Osman [Lipis]** minta Perdana Menteri menyatakan, sejauh mana Malaysia telah membina landasan baru bagi memastikan ekonomi negara terus mampu bersaing dalam kepelbagaian cabaran yang mendatang.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Amirsham A. Aziz]:** Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kejayaan daya saing yang dicapai oleh Malaysia sekarang adalah hasil daripada perancangan holistik, sistematik dan pragmatik sejak merdeka lagi.

Tiga kaedah perancangan yang diamalkan iaitu bagi tempoh jangka panjang, tempoh sederhana dan tempoh jangka pendek. Kini negara sedang melaksanakan Rancangan Malaysia Kesembilan bermula dari tahun 2006 hingga 2010 dan akan diteruskan pula dengan Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi tempoh 2011 hingga 2015.

Walau bagaimanapun, Misi Nasional 2006 - 2020 diperkenalkan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan adalah rangka kerja bagi menentukan landasan baru, bagi hala tuju jangka panjang negara bagi menghadapi persekitaran ekonomi antarabangsa yang semakin kompetitif, tahap persaingan global yang semakin sengit, kenaikan harga minyak yang tinggi dan ketidakpastian ekonomi dunia.

Sehubungan dengan itu, dasar dan strategi pembangunan di bawah Misi Nasional adalah untuk menjadikan ekonomi Malaysia lebih berdaya tahan dengan memberi penekanan pertumbuhan ekonomi berasaskan sumber dan kekuatan dalam negeri, di samping meningkatkan daya saing di peringkat global.

▪ **1030**

Antara strategi-strategi tersebut termasuklah:

- meningkatkan ekonomi dalam rantaian nilai yang lebih tinggi; menjadikan sektor swasta sebagai peneraju utama pertumbuhan; menarik lebih banyak pelaburan tempatan dan asing yang berkualiti, berteknologi tinggi dan moden; serta membuat pelaburan dalam sektor yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi;
- penekanan ke arah melahirkan masyarakat minda kelas pertama dan modal insan bertaraf dunia yang berpengetahuan tinggi, kemahiran fleksibel dan kreatif serta memiliki etika kerja dan nilai kerohanian positif;
- mempercepatkan peralihan kepada ekonomi berasaskan pengetahuan dengan memberi penekanan ke atas penyelidikan dan pembangunan;
- mengembangkan pasaran eksport negara dengan pasaran tradisional, menerokai pasaran baru dan pasaran bukan tradisional seperti China dan Eropah Timur;
- memperdalamkan dan memperluaskan lagi asas eksport sektor pembuatan; dan
- memperbaiki sistem penyampaian kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada landasan ini kita dapat melihat bahawa ekonomi Malaysia telah mencapai pertumbuhan seperti yang disasarkan iaitu 6.1% setahun dalam tempoh 2006 hingga 2007 lebih tinggi sedikit berbanding dengan matlamat asal iaitu 6% setahun di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Ini merupakan satu pencapaian yang memberangsangkan dalam suasana ekonomi dunia yang tidak menggalakkan dan suasana geopolitik yang tidak menentu.

Pada masa yang sama kerajaan sentiasa bersikap pragmatik dalam pengurusan ekonomi supaya dapat membuat tindakan yang sesuai selaras dengan keadaan ekonomi semasa bagi menjamin pertumbuhan yang terus memberangsangkan. Sebagai kesimpulan landasan ekonomi yang dibina akan dapat menerajui negara ke arah lebih berdaya saing. Namun landasan tersebut perlu sentiasa dipantau untuk memastikan ia sentiasa mampan dan kukuh dengan mengambil kira perubahan dan keadaan semasa.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya percaya krisis makanan dan dijangka akan berlaku juga krisis air dalam dunia ini termasuk negara kita dan ia ada kaitannya dengan perubahan iklim dunia. Kadang-kadang keadaan ini dan ada kemungkinan kalau krisis ini tidak ditangani segera ia boleh menyebabkan peperangan berlaku.

Apabila peperangan berlaku ia akan berkait juga dengan kedudukan ekonomi kita dan sebagainya. Soalan tambahan saya, sejauh manakah Malaysia telah menjalinkan kerjasama dengan Kumpulan G-77 dan Selatan-Selatan serta kerjasama dengan negara-negara seperti China, India dan Rusia dan kalangan negara-negara Timur Tengah jika peperangan yang berlaku tanpa kita perlu sangat bergantung kepada ekonomi Amerika Syarikat. Terima kasih.

**Datuk Amirsham A. Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan tadi adalah perlu untuk kita mempelbagaikan ekonomi kita dari segi eksport ke negara-negara yang baru seperti Selatan-Selatan, Timur Tengah, China dan India. Dari segi itu kita telah mendapat pencapaian yang baik. Sekarang ini eksport Malaysia adalah memesongkan kepada pertumbuhan di negara-negara yang saya sebutkan tadi. Dari itu pergantungan kita untuk eksport tradisional akan berkurangan.

Dari segi kenaikan harga makanan dan kemungkinan krisis air, Malaysia tetap akan bekerjasama dengan negara-negara di dunia untuk menangani krisis itu. Dari segi makanan baru-baru ini Malaysia telah mengadakan perjanjian ataupun mengimport beras daripada negara-negara jiran. Itu adalah salah satu daripada cara untuk menangani keadaan sekarang. Dato' Mustapa bin Mohamed, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani juga telah menyatakan strategi sekuriti makanan minggu lalu dan minggu sebelumnya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Machang.

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Cerita mengenai kejayaan ekonomi negara akan hanya bermakna jika sekiranya rakyat terbanyak boleh mendapat manfaat dari sudut keadilan pengagihan. Sama ada secara langsung ataupun tidak satu komponen pengagihan kekayaan negara adalah dalam bentuk *capitation grant*, dengan izin, seperti mana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Soalan saya ialah apakah kerajaan bercadang dan bersedia untuk menyemak semula formula pengagihan *capitation grant* ini kerana semakan terakhir ialah pada 12 Februari 1992 memandangkan kepada kesan dan implikasi ekonomi dan beban kehidupan rakyat yang semakin meningkat. Terima kasih.

**Datuk Amirsham A. Aziz:** Kerajaan pada masa ini belum ada cadangan untuk menyemak semula *capitation grant* itu, tetapi dari segi peruntukan untuk Rancangan Malaysia termasuk Rancangan Malaysia Kesembilan. Dari segi peruntukan untuk *development expenditure* dengan izin, kita akan tetap memberi keutamaan kepada negeri-negeri yang kurang maju terutama untuk membasmi kemiskinan tegar ataupun kemiskinan yang biasa. Sekian.

**4. Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, apakah langkah kerajaan dalam membantu golongan usahawan kecil dan kontraktor Kelas 'F' agar berjaya mempertingkatkan tahap ekonomi mereka.

**Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha mempertingkatkan keupayaan usahawan kecil di negara ini pelbagai pendekatan dilaksanakan oleh kementerian menerusi pelbagai program seperti pembudayaan dan khidmat nasihat, latihan keusahawanan, pembangunan perniagaan, pembiayaan dan juga pewujudan peluang-peluang perniagaan.

Selain itu pelbagai dana juga disediakan kepada usahawan kecil dalam melonjakkan kapasiti mereka supaya lebih berdaya tahan, berdaya maju dan berdaya saing. Kementerian melalui TEKUN Nasional memberi fokus dalam menyediakan pinjaman mikro kredit sehingga RM50 ribu kepada usahawan-usahawan kecil. Manakala bagi kategori usahawan-usahawan kecil pembiayaan disediakan sehinggalah RM500 ribu melalui Majlis Amanah Rakyat, SME Bank dan Bank Rakyat. Secara keseluruhannya kementerian menyediakan 20 tabung khas pelbagai pecahan dan bidang melalui agensi-agensi tersebut.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kementerian telah memperuntukkan sejumlah RM1.33 bilion bagi tujuan membiayai para usahawan melalui agensi-agensi di bawahnya. Bagi tujuan memantapkan sistem penyampaian sedia ada kementerian telah mempermudah dan mempercepatkan proses untuk mendapatkan pinjaman termasuk menetapkan kadar faedah yang rendah dan tidak memerlukan cagaran bagi pinjaman yang kurang RM50 ribu serta memendekkan proses permohonan pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kontraktor Kelas 'F' pula, sehingga 15 Mei 2008 sebanyak 31,823 kontraktor Kelas 'F' telah berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor. Kerajaan sedang dan telah melaksanakan beberapa program bagi memantapkan kontraktor Kelas 'F' supaya mampu bersaing dan berjaya meningkatkan tahap ekonomi mereka. Di antara program-program yang telah dan sedang dilaksanakan oleh PKK dan agensi di bawah kementerian ialah Kursus Asas kemahiran Teknikal, Kursus Pengkhususan Kemahiran Kerja, menggalakkan

usahawan untuk menceburi sistem binaan IBS atau *Industrialize Building System* sebagai *installer* dan mengadakan program Ekspo Industri Binaan di seluruh negara. Terima kasih.

■1040

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang tidak ada sesiapa boleh menafikan bahawa kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah memperuntukkan berbilion-bilion ringgit untuk usahawan-usahawan dan juga kontraktor Kelas 'F' di seluruh negara.

Walau bagaimanapun, apakah langkah-langkah yang seterusnya yang boleh diambil oleh kementerian ini untuk memastikan kelompok masyarakat usahawan dan kontraktor Kelas 'F' yang pada ketika ini sedang berjuang sama ada boleh maju ataupun tidak bergantung kepada projek yang dibiayai oleh kerajaan.

Jadi apakah langkah-langkah yang lebih drastik untuk memastikan kelompok mereka ini boleh dipastikan berjaya, sehingga tidak ada lagi nyawa-nyawa ikan? Ada kontraktor Kelas 'F' ini terpaksa gulung tikar sebab tidak ada yang perlu diusahakan. Jadi, adakah kementerian ini mempunyai satu pendekatan yang lebih baik untuk memastikan tidak ada sekelompok masyarakat pun terpinggir ke arah mencapai matlamat kita termasuk di Sabah dan di Sarawak.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Mengenai Kelas 'F', kita sedia maklum bahawa bilangannya begitu banyak dan sebab itu salah satu langkah untuk kita menyusun semula Kelas 'F', kerajaan telah pun membekukan pemberian Kelas 'F' ini pada 8 April 2005. Daripada langkah yang kita buat, semasa kita membekukan kelas F tersebut, bilangannya ialah 35,000, tetapi hari ini dalam tempoh tiga tahun, dia tinggal 3,000 Kelas 'F'.

Jadi, dengan adanya bilangan Kelas 'F' yang kita susun, maka kita akan dapat mengagih-agihkan kerja. Namun demikian kalau mengikut perangkaan kita dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, di mana peruntukan RMK-9 berjumlah RM220 bilion untuk pembangunan. Kalau 10% sahaja kita peruntukkan kepada Kelas 'F', bermakna Kelas 'F' akan dapat RM22 bilion.

Jadi, kalau kita ikut purata, pada ketika ini kita hanya memerlukan RM22,000 Kelas 'F' sahaja. Ini bermakna sudah lebih. Walau bagaimanapun kita sedang mengkaji cara-cara supaya bagaimana kelas-kelas begini dapat kita bantu dengan kita mengadakan kerja-kerja undi seperti mana yang telah kita buat selama ini. Terima kasih.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** *[Bangun][Mengangkat tangan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang hujung ini. Sila Yang Berhormat.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Mana satu ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Betul-betul ini...

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Hulu Langat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tidak payah angkat tangan lain kali Yang Berhormat, saya nampak.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Adakah kerajaan juga berhasrat untuk memberi kontrak kecil atau projek kecil ini kepada koperasi-koperasi dan apakah syarat yang dikenakan? Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Memang kita galakkan supaya banyak koperasi lagi dapat ditubuhkan kerana koperasi seperti kita sedia maklum bukan sahaja boleh menjaga kebajikan ahli-ahli tetapi juga memberikan keuntungan kepada ahli-ahlinya.

Mengenai cadangan Yang Berhormat sama ada hendak bagi koperasi atau tidak, setakat hari ini sesiapa juga yang memohon projek-projek tender ini, kita terpaksa mengikut peraturan-peraturan yang telah disediakan seperti mana Pekeliling Arahan Perbendaharaan, ada yang perlu 'dikerjabagi' bawah RM20,000.00, ada yang sebut harga dan ada juga yang tender terbuka. Jadi, semua pemilihan ini adalah bergantung pada harga yang mereka masuk. Terima kasih.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Bukan soalan. Kita ada sepuluh soalan pertama, dahulu kita ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sudah Yang Berhormat, sudah Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ada *agreement* lima-lima, sebelah sana, sebelah sini, tetapi nampaknya kali ini macam tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat. Okey, tidak mengapa, duduk Yang Berhormat. Baiklah duduk Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Hanya tiga daripada sepuluh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Duduk, duduk Yang Berhormat. Saya faham Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Dahulu *gentleman agreement*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Duduk Yang Berhormat. Kalau kita buat macam ini Yang Berhormat, soalan-soalan pun tidak naik juga Yang Berhormat. Sila duduk Yang Berhormat. Tuan Razali bin Haji Ibrahim.



**5. Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]** minta Menteri Kewangan menyatakan, berapakah jumlah projek-projek pembinaan rumah-rumah di bawah Skim Rumah Mesra Rakyat yang terbengkalai atau tidak disiapkan mengikut jadual dan apakah jenis tindakan dan pampasan yang disediakan.

**Menteri Kewangan Kedua [Tan Sri Nor Mohamed Yakcop]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Muar bersamaan pertanyaan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tidak boleh dengar Yang Berhormat Menteri, ya.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Saya mohon minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Muar bersamaan pertanyaan Ahli Yang Berhormat Sekijang dan Ahli Yang Berhormat Sepanggar yang dijadualkan dijawab pada 26 dan 27 Mei 2008, memandangkan ketiga-tiga pertanyaan tersebut menyentuh perkara yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, perumahan merupakan satu keperluan asas sosial dan penyediaan rumah yang mencukupi, berkualiti serta mampu dimiliki oleh semua kumpulan pendapatan merupakan keutamaan negara.

Sebagai sebahagian usaha memberi peluang kepada golongan kurang berkemampuan untuk memenuhi impian memiliki kediaman sendiri, kerajaan melalui Syarikat Perumahan Negara (SPNB) telah melaksanakan Projek Rumah Mesra Rakyat bagi golongan berpendapatan rendah seperti nelayan, petani, peladang, ibu tunggal dan keluarga yang miskin, yang menghadapi kesukaran mendapatkan pinjaman perumahan untuk memiliki rumah sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Skim Rumah Mesra Rakyat diperkenalkan pada bulan Ogos 2002, sebanyak 11,410 permohonan telah diluluskan dan sebanyak 3,850 permohonan sedang dalam proses mendapat kelulusan. Dengan keseluruhan permohonan sebanyak 15,260 SPNB telah menyiapkan dan menyerahkan di seluruh negara sebanyak 5,563 unit Rumah Mesra Rakyat bernilai RM230 juta manakala sebanyak 5,847 unit masih dalam proses pembinaan dan menandatangani perjanjian.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Skim Rumah Mesra Rakyat di Semenanjung, harga seunit rumah 1,000 kaki persegi, berspesifikasi tiga bilik tidur dan dua bilik air adalah bermula...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Dia tanya jenis tindakan dan pampasan yang disediakan Yang Berhormat. Sila.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Ya, ya, ya. Saya akan jawab soalan itu, tetapi ini juga dikemukakan soalan tentang harga. Harga bermula daripada RM60,000.00 hingga RM70,000.00 manakala harga di Sabah dan Sarawak, bermula dari RM55,000.00 hingga RM76,000.00 bergantung pada jenis dan keluasan rumah.

Tuan Yang di-Pertua, objektif kerajaan ialah dalam mewujudkan skim perumahan ini juga melihat pembinaan perumahan dalam konteks pembangunan negara. Dalam semua keadaan, SPNB diarahkan untuk memberikan kontrak-kontrak kepada kontraktor-kontraktor tempatan untuk membina rumah-rumah ini dan banyak, hampir keseluruhan dalam proses pembinaan ini telah disempurnakan dengan baik. Ada juga, tetapi tidak banyak, ada 44 kes, 44 unit daripada sejumlah 1,149 unit yang tergendala yang tidak dapat disempurnakan oleh kontraktor yang dilantik. SPNB telah melantik semula kontraktor baru, kontraktor lain yang berwibawa untuk menyiapkan pembinaan rumah yang terbengkalai itu. Juga Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Kalau tidak siap, ada pampasankah Yang Berhormat?

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Siapa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Kalau tidak siap, ada pampasan diberi kepada pembeli?

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Kerajaan Tuan Yang di-Pertua, skim SPNB Rumah Mesra Rakyat, diwujudkan untuk memberi satu kaedah yang begitu baik untuk rakyat sebab satu per tiga dari kos pembinaan diberi percuma.

■1050

Hanya 2/3 dari kos dibayar balik. Itu pun dibayar balik secara percuma, tidak ada bunga, tidak ada faedah dan juga kaedah mekanisme pembayaran balik dibentuk dengan sedemikian rupa supaya yang perlu dibayar balik hanya RM150 sebulan.

Dalam keadaan di bawah skim yang diwujudkan tidak ada pinjaman bank sebab SPNB sendiri bagi pinjaman tanpa faedah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Bermakna kerajaan tidak akan bagi pampasan kalau terlambat Yang Berhormat. Itu jawapan dia.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tidak wujud pampasan setakat ini sebab hanya yang terlibat 44, itu pun SPNB yang mengambil tindakan dengan cepat untuk menyempurnakan rumah yang terlibat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih. Yang Berhormat Lipis, minta maaf. Yang Berhormat Muar.

**Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perasaan individu apabila memiliki rumah ini adalah satu perkara yang cukup nikmat sama ada orang miskin atau orang kaya dan saya rasa dalam jawapan tadi saya boleh petik berkaitan dengan soalan saya hanya 44 kes terbengkalai dan pada saya kejayaan membina 5,563 rumah sejak rumah mesra rakyat tahun 2002 dilancarkan adalah satu pencapaian yang baik.

Cuma soalan saya, apabila kita melihat kepada golongan miskin kadang-kala kita tidak melihat juga kepada golongan muda yang baru hendak mula dan ada tanah dan mereka tidak semestinya kaya. Saya hendak bertanya kepada kementerian, bagaimana kita dapat

memasukkan atau membantu kerana syarat SPNB di bawah Rumah Mesra Rakyat mesti berkahwin sedangkan mereka mempunyai tanah yang kecil di kampung yang boleh dibangunkan bersama dengan SPNB untuk dibina bukan setakat Rumah Mesra Rakyat, mungkin satu perumahan kecil yang melibatkan tuan punya tanah yang terdiri daripada golongan muda, anak kepada keluarga-keluarga yang sudah lama dan ini boleh membentuk satu usaha sama yang miskin dengan SPNB. Terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, antara syarat untuk mengambil bahagian beli rumah di bawah skim Rumah Mesra Rakyat ialah ibu bapa tunggal, boleh tetapi mempunyai tanggungan, berkahwin dan mempunyai tanggungan, jumlah pendapatan isi rumah tahunan tidak melebihi RM1,500 sebulan atau RM18,000 setahun.

Memang pada masa ini, yang belum kahwin tidak layak. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, kita lihat dari segi permintaan atau *demand* dengan izin, penawaran dan kita telah membuat satu keputusan bahawa kita memberi *priority*, keutamaan kepada mereka yang sudah berkeluarga.

Namun kalau difikirkan perlu bahawa yang belum kahwin pun patut diberi, dilayakkan, kerajaan tidak ada halangan dan cadangan ini akan dipertimbangkan. Terima kasih.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Tuan Yang di-Pertua, apakah Yang Berhormat sedar banyaknya projek skim perumahan rakyat ini terbengkalai kerana pemilihan kontraktor-kontraktor dibuat atas kepentingan politik, bukan di atas dasar keupayaan, prestasi syarikat-syarikat yang menawar untuk menjalankan projek tersebut.

Ini kerana pengerusi SPNB sendiri lazimnya dilantik di kalangan orang-orang politik dan mereka-mereka ini ada agenda di mana syarikat-syarikat yang melaksana projek tersebut ialah di kalangan mereka-mereka tertentu supaya mereka mendapat bayaran komisen secara senyap-senyap yang akhirnya projek terbengkalai. Terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi dari 1,149 unit yang sedang dibina hanya 44 unit terbengkalai dan ini menunjukkan bahawa kebanyakan unit-unit yang dibina itu telah sempurna disiapkan oleh kontraktor yang telah dilantik. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**6. Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]** minta Menteri Kesihatan menyatakan, bilakah projek pembinaan tempat letak kereta bertingkat di setiap hospital di Sarawak akan mula dilaksanakan dan berapakah jumlah kos pembinaan projek tersebut.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kuching, kerajaan melalui Kementerian Kesihatan bercadang membina tempat letak kereta secara bertingkat, hanya di Hospital Umum Kuching, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan bagi mengatasi masalah tersebut.

Projek ini sebenarnya akan dilaksanakan bersama-sama dengan pusat bersalin berisiko rendah di hospital tersebut. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Tuan Chong Cheing Jen [Bandar Kuching]:** Soalan tambahan saya. Saya telah dimaklumkan bahawa projek pembinaan tempat letak kereta bertingkat di Hospital Umum Kuching sepatutnya dimulakan pada tahun lalu tetapi ia ditangguhkan.

Apakah punca penangguhan pembinaan pelaksanaan projek ini dan bilakah projek ini akan dilaksanakan kali ini dan sama ada *public tender* akan diadakan atau *direct nego* untuk penganugerahan projek itu.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat Kuching.

Oleh sebab projek tersebut adalah bersekali dengan Pusat Bersalin Berisiko Rendah, dia bersekali dengan tempat letak kereta bertingkat jadi *priority* nya adalah Pusat Bersalin Berisiko Rendah bukan *parking* atau tempat letak kereta bertingkat. Jadi kita sudah susun balik *priority*, kita hendak pastikan keutamaan diberi kepada projek-projek yang bersangkutan paut dengan *people centric* dengan izin, atau pun yang mengutamakan penyampaian perkhidmatan, perubahan dan kesihatan.

Tender tersebut akan diurus oleh JKR dan biasanya akan dibuat secara tender umum. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Chong Cheing Jen [Bandar Kuching]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya belum dijawab. Soalan asal saya bilakah projek akan dilaksanakan, tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Bila Yang Berhormat?.

**Tuan Chong Cheing Jen [Bandar Kuching]:** Bila, bila? Bagi saya satu tarikh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sudah Yang Berhormat Kuching, sudah faham. Yang Berhormat Menteri hendak jawab atau tidak?

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Tidak mengapa, tak nak jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Dia tak hendak jawab Yang Berhormat.

**Tuan Chong Cheing Jen [Bandar Kuching]:** Tiada jawapankah?.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ini gaji buta sahajalah.

**Tuan Chong Cheing Jen [Bandar Kuching]:** Tak kan kita mahu tunggu lama lagi. Berapa tahun lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Bandar Kuching, dia tiada jawapan Yang Berhormat.

**Tuan Chong Cheing Jen [Bandar Kuching]:** Tiada jawapan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Dia kata tender terbuka akan dibuat dan ini akan dibuat apabila JKR siap semua.

**Tuan Chong Cheing Jen [Bandar Kuching]:** Tapi bila? Kita mahu tahu. Tuan Yang di-Pertua pun berasal dari Kuching.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya memang faham Yang Berhormat. Saya selalu pergi ke hospital Yang Berhormat.

**Tuan Chong Cheing Jen [Bandar Kuching]:** Masalah yang sangat teruk ini.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** *[Bangun]*

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sila duduk Yang Berhormat Kuching. Yang lain itu saya ingat ini perkara yang spesifik, yang berhubung dengan tempat letak kereta Hospital Kuching.

Jadi saya ingat tempat-tempat lain itu tidak payah tanya berapa kaki persegi hendak buat. Terima kasih Yang Berhormat.

**7. Tengku Razaleigh Hamzah [Gua Musang]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, adakah pihak kerajaan melaksanakan kajian terperinci berhubung peningkatan kadar jenayah. Jika ada apakah ia hanya berasaskan kepada faktor kajian aspek jenayah semata-mata. Adakah dilakukan kajian secara saintifik punca tercetusnya kejadian jenayah serta hala cara mengurangkannya sesuai perkembangan masa kini.

**Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan kepada Yang Berhormat dari Gua Musang di atas soalan yang dikemukakan untuk pengetahuan Yang Berhormat.

Kerajaan telah mengkaji berkenaan peningkatan kadar jenayah berasaskan kepada statistik dan profil jenayah yang disediakan oleh PDRM. Hasil dari itu, menerima syor dari polis bagi menanganinya. Daripadanya juga kita dapat menjangkakan kenapa penambahan jenayah berlaku.

Secara keseluruhannya, ia telah mengambil kira bukan sahaja dari kejadian jenayah itu sendiri tetapi juga faktor-faktor kemanusiaan dan faktor fizikal. Faktor kemanusiaan seperti bimbingan keagamaan tidak kuat, keluarga yang kucar-kacir atau dipengaruhi oleh dadah dan begitu juga tempat di mana tempat-tempat seperti tempat kunjungan orang ramai yang gelap, tempat kanak-kanak yang banyak halangan pemandangan.

#### ■1100

Jadi banyak faktor yang membolehkan kita untuk mengambil langkah-langkah tertentu bagi mengatasinya. Daripada itu Tuan Yang di-Pertua, PDRM juga mempunyai strategi ataupun

hala cara mengurangkan jenayah iaitu dengan meningkatkan jumlah anggota polis dan juga kehadiran polis melalui rondaan MPV dan motosikal, mewujudkan balai, pondok polis dengan sewaan bangunan dan mengadakan pondok-pondok polis ataupun balai polis di kawasan-kawasan yang bukan tradisional iaitu kawasan-kawasan perumahan dan juga kawasan-kawasan rumah kedai yang mempunyai kekerapan berlakunya kejadian jenayah. Kita juga menggunakan pendekatan melalui Rakan Cop, sistem pesanan ringkas dan sistem pesanan multimedia serta melakukan perkara-perkara yang boleh mendatangkan keyakinan rakyat terhadap kehadiran polis.

Selain daripada itu, pihak polis juga telah mengadakan kerjasama dengan kementerian dan agensi-agensi lain termasuk NGO bagi kita melihatnya secara holistik dan dapat menangani masalah peningkatan jenayah secara bekerjasama di antara masyarakat dan PDRM. Terima kasih.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. adakah benar sebab utama bagi peningkatan kadar jenayah adalah kelemahan dalam agensi penyiasatan dalam polis. Di Pulau Pinang empat peguam telah dibunuh. Di Kulim, Kedah - ada satu peguam dibunuh dalam pejabatnya. Adakah kerana kelemahan dalam agensi penyiasatan; penjenayah-penjenayah mengambil peluang untuk melakukan jenayah. Bolehkah dapat jawab.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor di atas soalan yang dikemukakan. Soalan itu bentuk khusus, dia ada masanya memang ada kelemahan di dalam penyiasatan jenayah. Namun untuk saya mengaitkan bahawa penyiasatan jenayah itu adalah sebabnya penambahan dan berlakunya banyak jenayah; saya tidak mempunyai maklumat dan data di mana saya telah analisis perkara itu.

Oleh itu, ianya perlu dilihat secara keseluruhan. Peningkatannya mempunyai banyak faktor peningkatan jenayah dan faktor ini sebagai mana yang saya katakan ia termasuk faktor kemanusiaan, faktor kawasan, tempat dan kita perlu kerjasama tapi kelemahan siasatan memang ada tapi itu menimbulkan di dalam soal-soal pendakwaan. Itu adalah satu persoalan yang lain. Terima kasih.

**Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sering dengar aduan tentang kes jenayah yang banyak dilakukan oleh pendatang haram atau warganegara asing. Soalan tambahan saya ialah, apakah ini benar dan jika benar apakah tindakan yang diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah ini. Terima kasih.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Gelang Patah. Ia daripada cakap-cakap memang seolah-olah pendatang asing adalah terlibat banyak dengan kes-kes jenayah, tapi mengikut statistik keterlibatan pendatang asing di dalam jenayah adalah di dalam rangka 2%

atau 3%. Jadi tidak benar untuk kita mengatakan bahawa kejadian jenayah ini adalah disebabkan oleh pendatang asing. Terima kasih.

**8. Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan, apakah perancangan kerajaan bagi meningkatkan kesedaran penggunaan *internet* di kalangan ibu bapa terutama masyarakat di luar bandar dan berapakah jumlah bandar yang telah diliputi kemudahan WIFI.

**Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Joseph Salang anak Gandum]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Jerai, kementerian amat peka mengenai keperluan menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan komunikasi secara menyeluruh di seluruh negara menggunakan pelbagai teknologi bagi teknologi berwayar mahupun teknologi tanpa wayar.

Sehingga Disember 2007 statistik kementerian menunjukkan peningkatan dalam penggunaan *internet dial up* dan jalur lebar; di mana kadar penembusan *internet dialup* bagi setiap 100 penduduk dan kadar penembusan jalur lebar mengikut isi rumah masing-masing adalah sebanyak 14.3 dan 15.5.

Kementerian sedar akan kepentingan promosi bagi meningkatkan kesedaran penggunaan *internet* dan jalur lebar di kalangan ibu bapa terutama masyarakat luar bandar supaya mereka tidak ketinggalan dalam masing-masing adalah sebanyak 14.3 dan 15.5. Kementerian sedar kepentingan promosi bagi meningkatkan kesedaran penggunaan *internet* dan jalur lebar di kalangan ibu bapa terutama masyarakat luar bandar supaya mereka tidak ketinggalan dalam arus pembangunan teknologi, maklumat dan komunikasi masa kini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, dalam meningkatkan kesedaran penggunaan kemudahan komunikasi termasuk *internet*, antara inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan oleh kementerian melalui projek dan program jurang digital dan projek jalur lebar ialah:-

- (i) pelbagai aktiviti yang telah dilaksanakan di bawah Program Internet Desa atau PID yang melibatkan masyarakat setempat terdiri dari kalangan ibu bapa. Di antara aktiviti yang dijalankan dengan mengadakan bengkel-bengkel menggunakan kemudahan ICT untuk warga emas, warga pendidik dan juga warga wanita setempat. Objektif utama mengadakan bengkel-bengkel tersebut adalah untuk menimbulkan kesedaran terhadap kepentingan ICT dalam membangunkan masyarakat setempat dari segi ekonomi dan juga sosial;
- (ii) penerbitan majalah aspirasi digital setiap dua bulan bagi mempromosikan inisiatif yang telah diambil oleh kerajaan dalam usaha merapatkan jurang digital. Majalah ini diterbitkan sebanyak 15,000 naskhah setiap edisi dan diedarkan ke sekolah-sekolah,

*telecentre* dan juga agensi kerajaan dan bukan kerajaan sebagai rujukan dan bahan bacaan umum. Laman web juga telah dibangunkan bagi tujuan mempromosikan langkah-langkah kerajaan dalam memberi perkhidmatan ICT kepada masyarakat luar bandar bagi memastikan akses sama rata di kalangan mereka dan juga masyarakat bandar; dan

- (iii) mengadakan *road show* ke negeri dengan kerjasama kerajaan negeri dan menganjurkan pertandingan mengenai kesedaran kepentingan jalur lebar melibatkan peserta yang terdiri daripada penduduk-penduduk setempat.

Program ini telah berjaya meningkatkan kesedaran dan kepentingan perkhidmatan jalur lebar kepada penduduk setempat di samping menyampaikan maklumat mengenai aplikasi perkhidmatan jalur lebar melalui *telecentre*.

Selain itu, melalui Pelan Pelaksanaan Jalur Lebar Nasional yang sedang dirancang oleh kementerian; kempen kesedaran dan promosi secara besar-besaran mengenai penggunaan kemudahan *internet* dan jalur lebar merupakan antara komponen utama yang akan dilaksanakan bersama-sama penyedia perkhidmatan komunikasi di negara ini. Kempen dan promosi ini tidak terhad kepada ibu bapa tetapi juga kepada orang ramai di bandar dan juga luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kemudahan perkhidmatan *wireless, hotspots* sehingga Disember tahun 2007 terdapat sebanyak 1,485 lokasi *hotspots* meliputi beberapa bandar di seluruh negara telah dilengkapi dengan teknologi WiFi. Terima kasih.

**Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan menteri. Apa yang kita faham pada hari ini adalah kesedaran penembusan jalur lebar di Malaysia ketika ini adalah amat jauh beza dengan negara Asia. Contoh Singapura 75%, Hong Kong 80%, Korea Selatan 93% manakala Malaysia 18% sahaja.

■1110

Apakah kementerian sedar perkara ini dan bagaimana langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini?

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Terima kasih Yang Berhormat Jerai dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ya, memang betul, kerajaan sedar bahawa sekiranya dibandingkan dengan negara Singapura, Hong Kong atau Korea Selatan memang kita ketinggalan. Namun, sebagai sebuah negara Asia yang sama-sama membangun, kita tidak jauh ketinggalan dari negara-negara lain. Walaupun demikian, kerajaan sedang memperuntukkan perbelanjaan yang besar untuk menyediakan jalur lebar yang telah diumumkan oleh Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi pada minggu yang lepas.

Begitu juga, kita sedang mengubah peraturan dalam penggunaan USP supaya USP ataupun perkhidmatan sejagat akan dapat disalurkan kepada tempat-tempat yang kurang diliputi



oleh jalur lebar dan diliputi oleh perkhidmatan telefoni. Ini dikategorikan sebagai T3, atau *time 3* ataupun zon ketiga iaitu lebih-lebih lagi kawasan luar bandar dan pedalaman. Sesudah perubahan dibuat mengenai penggunaan tabung USP itu, kita percaya bahawa penggunaan jalur lebar akan lebih banyak lagi dinikmati oleh rakyat kita di Malaysia.

Pada pengumuman yang dibuat oleh menteri pada minggu lepas iaitu pada tahun 2010, kita di Malaysia akan dapat menyediakan perkhidmatan jalur lebar sekurang-kurangnya 50% dari semua isi rumah kita di Malaysia. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau setuju dengan cadangan daripada Parti DAP dan rakan-rakan kita dalam PR, bahawa dalam menggubal satu perancangan untuk penggunaan *internet*, ia mestilah berteraskan prinsip 3A Tuan Yang di-Pertua, iaitu *internet* mestilah kepada orang ramai secara 3A, dengan izin, *affordable*, *available* dan *assessable*. Dalam aspek ini jumlah yang telah diperuntukkan di bawah RMK-9 adalah sebanyak 3.7 bilion, iaitu lebih rendah daripada tahap antarabangsa yang menetapkan 2.5%. Bukankah ini menunjukkan bahawa kerajaan kurang komited untuk memastikan penggunaan *internet* selaras dengan prinsip 3A?

Aspek kedua Tuan Yang di-Pertua, dari segi *efficiency* di mana sungguhpun disebutkan *broadband* atau jalur lebar. Namun, apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, dari segi aspek servis yang telah diberikan adalah teruk sekali. *Streamyx* sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Sungguhpun kapasiti yang dijanjikan mungkin 1 *giga*, tetapi yang diberikan hanya separuh sahaja. Kapasiti ialah separuh, lebih-lebih pun tidak sampai 60%.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Dari segi *penetration* Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia hanyalah 15% sedangkan di negeri-negeri lain 70% dan bukannya ini adalah salah satu aspek di mana *efficiency service provider* mestilah dipertingkatkan, kalau tidak janganlah berikan monopoli kepada mereka. Bukalah pasaran semua *service provider* supaya mereka boleh masuk... [Tepuk] Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Terima kasih Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang yang juga Yang Berhormat Bagan. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kita bersetuju bahawa pada masa ini, *Streamyx* memanglah kurang memuaskan. Oleh yang demikian, kerajaan telah memutuskan bahawa kerajaan akan berkongsi menyediakan perkhidmatan yang lebih canggih dan lebih pantas lagi dari yang sedia ada menggunakan *cooper wire*, iaitu Projek Jalur Lebar yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi minggu lepas.

Berkenaan dengan *availability* sebenarnya, sekiranya penduduk Malaysia memang benar-benar hendak menggunakan *internet*, pada masa ini 48% buah rumah di Malaysia boleh dibekalkan dengan servis yang ada, iaitu menggunakan *service Streamyx*.

Namun, ramai yang belum menggunakan servis tersebut dan sama-samalah kita rakyat yang sudah menikmati servis internet memujuk dan mempromosikan servis tersebut kepada rakan-rakan kita yang belum lagi menggunakan servis itu.

Berkenaan dengan *affordability*, *availability* dan *accessibility*, memang betul. Itu bukan slogan dari kawan-kawan kita dari sebelah sahaja, iaitu kerajaan juga memang peka berkenaan dengan perkara ini. Kita memang sentiasa mencari jalan dan mencari teknologi yang sesuai untuk menyediakan perkhidmatan jalur lebar mahupun perkhidmatan *internet* yang lain supaya rakyat kita di Malaysia sama-sama menikmati kemudahan tersebut. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, soalan nombor 9 yang dikemukakan Datuk Seri Ong Ka Ting tidak akan dikemukakan pada hari ini kerana Yang Berhormat Datuk Seri Ong Ka Ting sekarang menghadiri pengebumian bapa mertua beliau, dan untuk itu beliau telah memohon bercuti untuk satu hari dan telah diluluskan. Dengan itu, saya menjemput Yang Berhormat Datuk Richard Riot anak Jaem.

**10. Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, adakah kementeriannya mempunyai rancangan untuk menjadikan negeri Sarawak sebagai "Jelapang Padi".

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa lawatan beliau ke Sarawak pada 4 April tahun 2008 telah mengumumkan bahawa negeri Sarawak akan dijadikan sebagai sebuah jelapang padi negara selain daripada negeri Kedah. Lanjutan daripada itu, Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani juga telah membuat tinjauan di Sarawak pada 7 Mei 2008.

Di antara beberapa kawasan-kawasan baru yang berpotensi telah dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak yang melibatkan seluas 41,100 hektar seperti berikut:

- (i) kawasan Lingga/Banting, iaitu 1,994 hektar;
- (ii) Bijat/Stumbin 2,054 hektar;

- (iii) Sungai Seblak 3,537 hektar;
- (iv) Paloh 8,080 hektar;
- (v) Matu Daro 1,281 hektar;
- (vi) Pulau Bruit 3,353 hektar;
- (vii) Nanga Merit 801 hektar; dan
- (viii) Lembah Limbang 20,000 hektar.

Peruntukan berjumlah RM25 juta telah diluluskan oleh kerajaan bagi pembangunan kawasan jelapang padi di Sarawak daripada jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak RM75 juta yang telah diluluskan bagi Projek Tanaman Padi di Sarawak bagi tahun 2008.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

■1120

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat dari Serian.

**Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, hampir semua tanah-tanah yang telah dikenal pasti itu kalau tidak silap saya adalah tanah rata. Soalan saya, di kawasan Parlimen saya kebanyakan tanah adalah tanah bukit. Jadi adakah kementerian mempunyai rancangan untuk membangunkan agar tanah-tanah bukit ini juga dapat diserapkan dalam skim untuk menjadikan Sarawak sebagai jelapang padi kedua. Sekian, terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat dari Serian. Jadi buat permulaan Yang Berhormat, kita mengenal pasti tanah yang berjumlah 41,000 hektar ini memandangkan hasrat kerajaan adalah untuk membangunkan tanah-tanah ini menjadi estet mini padi. Jadi memerlukan tanah yang rata, jadi ini untuk permulaan. Akan tetapi namun demikian, saya difahamkan Kabinet juga telah meluluskan supaya subsidi-subsidi khasnya baja kepada tanah-tanah bukit juga diberikan untuk membantu kepada pesawah-pesawah menjalankan aktiviti penanaman padi seperti biasa bermakna kita juga mengiktiraf kawasan-kawasan padi bukit tetapi pada masa yang sama kita memberi tumpuan dahulu kepada estet mini padi yang telah dikenal pasti berjumlah 41,000 hektar. Terima kasih Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ini soalan Sarawak Yang Berhormat ya, jadi mana-mana soalan kepada Sarawak, padi sahaja.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Bukan soal Sarawak Tuan Yang di-Pertua, soal padi.

**Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Bukan soal padi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Sri Gading, sila Yang Berhormat, nak pindah ke Sarawak Yang Berhormat, sila-sila.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalu-alukan Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Hasrat kerajaan hendak membuka sawah-sawah baru ini, 41,000 hektar ini, saya mengalu-alukan. Akan tetapi bukan senang Tuan Yang di-Pertua kerana sawah padi ini memerlukan perairan, belanjanya besar dan memakan masa. Kenapa tidak Kementerian Pertanian, jelapang-jelapang yang sedia ada ditingkatkan hasilnya daripada 3, 4, dinaikkan jadi 10 tan. Kenapa tidak diusahakan kerana ia sudah ada perairannya, dah ada macam-macam kemudahan. Tingkatkan sahajalah supaya petani-petani ini, besar-besar ini boleh meningkatkan hasil dan dengan itu masalah beras tidak ada dalam negara ini, akan dapat diselesaikan dalam masa yang singkat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat.

**Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Itu yang saya hendak tanya itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik, Timbalan Menteri sila jawab.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat atas keprihatinan dan soalan itu tetapi Yang Berhormat soalan ini menjurus kepada Sarawak jadi kita jawab kepada Sarawak dahulu. Akan tetapi secara keseluruhannya, saya rasa Yang Berhormat Menteri telah banyak kali di dalam Dewan yang mulia ini telah memberitahu dari segi memang perancangan kementerian khasnya kerajaan di bawah dasar jaminan bekalan makanan.

Kita memang menumpukan kepada semua kawasan-kawasan yang ada, kita perbaiki dari segi kemudahan yang ada di mana perbelanjaan termasuk segala itu untuk stok penimbang dan sebagainya yang diumumkan iaitu RM2.5 bilion. Termasuklah untuk kita memperbaiki segala jelapang yang ada dan juga di luar jelapang dan ditambahkan input, diberikan lagi subsidi, dipastikan mekanisasi ladang ini dijalankan dengan baik dan ditambahkan pula memastikan bahawa harga jaminan padi pun kita telah naikkan.

Jadi Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat Menteri telah menjawab dengan begitu baik sekali dari segi program untuk kita menambahkan pengeluaran padi dan beras negara. Saya rasa memang kita tidak tinggalkan tetapi sebab soalan ini menjurus kepada Sarawak, jadi kita menceritakan juga apa perancangan kerajaan untuk kita menjadikan Sarawak juga jelapang padi kedua. Yang ada jelapang padi yang sedia ada, dan di luar jelapang memang sudah ada tetapi ...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Itu fasal Tuan Yang di-Pertua Sarawak, yang bertanya Sarawak, yang jawab Sarawak, orang lain tak boleh campur.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Minta Yang Berhormat jangan buat dialog.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Tak, boleh, kita melayan bermakna saya ingin menekankan di sini bahawa semuanya diambil.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Timbalan Menteri, lihat kepada sini.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Semuanya telah diambil kira tetapi kita juga sebab soalan ini menjurus kepada Sarawak jadi kita juga memberitahu dari segi perancangan. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bersama dengan Kementerian Pertanian dan Pemodenan Makanan di Sarawak bahawa ada beberapa program yang kita adakan dan sebagai langkah yang segera, RM54.9 juta telah diagihkan untuk *season* yang akan datang, bermakna musim yang akan datang iaitu kita tumpukan di kawasan Tulai Tekap di Bondong Sian, di kawasan Paloh dan juga kita memperbaiki dari segi perparitan dan saliran. Dan juga kita hendak mempertingkatkan dari segi pengeluaran padi yang ada di Sarawak di mana sekarang ini di dalam jumlah 2 tan sehingga 3 tan sehektar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik, terima kasih. Yang Berhormat Tuan Hasbi bin Habibollah.

**11. Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang]** minta Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, bilakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk melaksanakan program lonjakan mega bagi kawasan Limbang.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Tuan Joseph Entulu anak Belaun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Limbang. Lokasi projek agropolitan bagi negeri Sarawak dikenal pasti oleh kerajaan negeri. Sehingga hari ini, Unit Perancangan Ekonomi negeri Sarawak telah mengemukakan lima cadangan kawasan bagi pelaksanaan projek agropolitan. Kawasan-kawasan tersebut ialah;

- (i) Pulau Buit bahagian Mukah;
- (ii) Bukit Saduk bahagian Betong di Sri Aman dan Kapit di antara kawasan tersebut;
- (iii) Lingga Setumbin Sembau *area* atau bahagian Lingga Setumbin Sembau di bahagian Sri Aman;
- (iv) di kawasan Batang Sadong di bahagian Samarahan; dan
- (v) di kawasan Kedayan Telang Usan di bahagian Miri.

Setakat ini pihak kementerian belum menerima cadangan untuk melaksanakan program lonjakan mega luar bandar di kawasan Limbang. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Puan Norah binti Abd Rahman.

**12. Puan Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis]** minta Menteri Pelancongan menyatakan, apakah promosi yang dirancang oleh kementerian untuk meningkatkan Sarawak sebagai suatu destinasi pelancongan dalam Malaysia. Setakat ini, Sarawak tidak kelihatan dalam apa-apa juga promosi yang telah dibuat oleh kementerian.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Menyampuk]*

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun]*

**Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Mana Menteri? Menteri pergi mana?

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Saya boleh jawab, saya jawab.

**Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]:** Saya ingat ...

**Menteri Pelancongan [Datuk Seri Azalina binti Othman Said]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sila Yang Berhormat.

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Soalan nombor 12 daripada Yang Berhormat Tanjong Manis.

Tuan Yang di-Pertua, soalan adalah berkenaan dengan apakah strategi-strategi yang dilaksanakan oleh kementerian yang melibatkan negeri Sarawak. Jumlah pelancong luar negara yang datang ke negeri Sarawak pada tahun 2007 ialah seramai 2.4 juta orang dan jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 19.9% berbanding dengan tahun 2006 yang mencatat seramai 2.03 juta orang.

Kementerian Pelancongan sentiasa mengatur pelbagai strategi bagi menarik lebih ramai pelancong ke luar negara terutama sekali ke negeri Sarawak. Antaranya:

- (i) menganjurkan misi galakan dan seminar pelancongan, promosi makanan dan kebudayaan;
- (ii) meluluskan program lawatan suai kenal untuk pengusaha-pengusaha pelancongan, wakil media asing serta syarikat-syarikat perfileman bertujuan memberikan pendedahan serta pengalaman sebenar mengenai produk-produk pelancongan di Malaysia khususnya di negeri Sarawak;
- (iii) Pejabat-pejabat Tourism Malaysia di luar negara telah mempromosikan Malaysia khususnya negeri Sarawak menerusi kempen pengiklanan taktikal;
- (iv) kerjasama dengan syarikat-syarikat penerbangan asing dan pengusaha pelancongan untuk menawarkan perkhidmatan sewa khas yang dapat menampung kekurangan penerbangan terus ke negeri Sarawak;
- (v) penerbitan serta pengedaran risalah-risalah pelancongan dalam pelbagai bahasa melalui pejabat-pejabat di luar negara serta agensi-agensi pelancongan di setiap pasaran bagi memberikan maklumat terkini berkenaan dengan produk pelancongan dan aktiviti pelancongan yang boleh dilakukan di negeri Sarawak;

- (vi) penganjuran acara-acara bertaraf antarabangsa negeri Sarawak seperti *Rainforest World Music Festival*, *Gawai Dayak*, *Miri International Jazz Festival* dan *Sarawak Regata* untuk menarik lebih ramai pelancong ke negeri Sarawak;
- (vii) Kementerian juga melalui *Tourism Malaysia* sentiasa melaksanakan dan mempergiatkan usaha-usaha pengiklanan bagi negeri Sarawak sebagai destinasi pelancongan melalui program pengiklanan luaran, pengiklanan acara dan pengiklanan media cetak di dalam dan di luar negara;
- (viii) memperkenalkan Sarawak sebagai destinasi MICE iaitu dengan izin, *Meeting Incentive Convention and Exhibition* dengan mendorong persatuan-persatuan antarabangsa dan juga syarikat-syarikat multinasional supaya menganjurkan program MICE di Malaysia khususnya di negeri Sarawak.

■1130

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan melalui *Tourism Malaysia* terus menjalankan usaha untuk menjalankan program promosi yang lebih berkesan bagi memastikan Negeri Sarawak menjadi destinasi pelancongan yang terkenal di rantau Asia dan juga di Negara Malaysia. Itu saja Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi soal Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat.

*[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]*

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG  
LATIHAN KHIDMAT NEGARA (PINDAAN) 2008**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Latihan Khidmat Negara Tahun 2003; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Wira Abu Seman Yusop]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**USUL**  
**MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN**  
**SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Pertama Parlimen Kedua Belas”. **[15 Mei 2008]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sekarang saya menjemput Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyambung menjawab. Sila Yang Berhormat.

**11.32 pg.**

**Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung sesi jawapan kementerian pada hari ini, daripada minggu yang sudah. Cuma tiga orang saja yang telah membangkitkan persoalan dan sebahagian daripada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Parit Buntar, sudah pun saya jelaskan. Cuma saya nak menyambung sedikit apa yang telah beliau bangkitkan.

Yang Berhormat Parit Buntar mencadangkan untuk menilai semula doktrin patriotisme. Sesungguhnya kita tidak perlu untuk menilai semula sesuatu doktrin tersebut kerana doktrin hanyalah berbentuk kenyataan atau dengan izin, *statement* semata-mata. Namun saya yakin apa yang perlu diberi perhatian oleh setiap warga negara adalah pemahaman dan penghayatan terhadap prinsip-prinsip Rukun Negara dan pematuhan Perlembagaan Persekutuan serta disokong dengan pelaksanaan program-program pengukuhan perpaduan yang berterusan.

Dalam hal ini saya berpandangan, kita perlu untuk mengetepikan sebarang fahaman politik sempit yang boleh memecah belah perpaduan kaum yang telah kita bina selama ini.

Walaupun pelbagai cabaran dan halangan dihadapi, namun kerajaan akan tetap meneruskan usaha dengan menggunakan pendekatan bersepadu ke arah memperkukuhkan perpaduan.



Contoh pertama, dalam konteks pendidikan. Pihak kerajaan telah menubuhkan lebih banyak institusi pendidikan prasekolah iaitu tabika perpaduan bagi mendidik kanak-kanak tentang erti perpaduan dan kepentingannya.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Contoh kedua, penubuhan Kelab Rukun Negara ataupun KRN di sekolah-sekolah dan di institusi pengajian tinggi awam dan swasta merupakan usaha-usaha untuk menerapkan semangat jati diri dan cintakan negara. Dalam tahun 2007, terdapat sebanyak 1,210 Kelab Rukun Negara di sekolah dan 20 di institusi pengajian tinggi telah ditubuhkan. Penubuhan Kelab Rukun Negara ini akan diperluaskan ke semua politeknik, kolej komuniti, pusat matrikulasi dan institusi perguruan seluruh negara.

Usaha-usaha menyemai nilai-nilai perpaduan ini turut disokong oleh Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan. Usaha penerapan perpaduan melalui budaya dan kesenian turut dilaksanakan, antara pendekatan yang diguna pakai oleh pihak kementerian ialah dengan mengadakan sambutan Majlis Rumah Terbuka Malaysia, di mana ia memberi ruang kepada setiap kaum di negara ini untuk memahami dan seterusnya menghormati budaya kaum-kaum lain.

Dalam tahun 2007, melalui keseluruhan program anjuran kementerian seperti Program Merayakan Seni, Program Bimbingan Seni Budaya, Semarak Bangsawan, Lanai Warisan Seni dan lain-lain, didapati seramai 1,086,748 peserta yang terlibat di mana terdiri daripada 689,232 kaum Melayu, 17,909 peserta kaum Cina dan 100,833 orang kaum India manakala kaum-kaum lain seramai 124,744 orang

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab cadangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Lenggong. Pihak kementerian menerusi Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional sememangnya telah meningkatkan pelaksanaan program perpaduan di kalangan belia, menggiatkan aktiviti pertukaran belia dari Sabah dan Sarawak dan mengadakan program-program berkaitan perpaduan. Program Pengukuhan Perpaduan tidak hanya tertumpu kepada golongan-golongan tertentu tetapi ia adalah untuk pelbagai lapisan masyarakat bermula dari peringkat kanak-kanak prasekolah.

Pengukuhan perpaduan di peringkat belia melibatkan pelbagai kategori yang tergolong dalam kumpulan ini seperti belia dari kumpulan pelajar-pelajar sekolah, IPT, belia yang telah berjaya dan belia dalam komuniti. Kumpulan belia yang tidak tergolong dalam kategori pelajar, institusi rukun tetangga merupakan institusi yang paling sesuai untuk mengukuhkan perpaduan. Di bawah institusi ini terdapat beberapa jawatankuasa komuniti yang dikenali sebagai Jiran Muda. Jawatankuasa ini diberi ruang seluas-luasnya untuk menganjurkan aktiviti-aktiviti yang melibatkan golongan belia.

Antara program yang mendapat sambutan menggalakkan ialah Liga Sukan Komuniti. Dalam tahun 2007, seramai 453,600 orang telah menyertainya. Melalui pemerhatian awal didapati bahawa aktiviti ini telah berjaya meningkatkan persefahaman, kerjasama dan perhubungan kaum. Program Pertukaran Lawatan Antara Wilayah Sabah, Sarawak dan Semenanjung turut dilaksanakan. Antaranya ialah Program Lawatan Integrasi, Titian Integrasi, Titian Padu, Kembar Padu yang turut melibatkan kumpulan belia. Dalam program ini, peserta diberi ruang yang luas untuk berinteraksi melalui modul keluarga angkat, aktiviti-aktiviti sukan dan gotong-royong. Dalam tahun 2007, seramai 2,672 orang telah terlibat dalam program ini...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** *[Bangun]*

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** *[Bangun]*

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Selain daripada program-program di atas, program mengukuhkan perpaduan yang lain juga turut diadakan. Antaranya ialah Kempen Kibar Jalur Gemilang, Forum Perpaduan, Kem Padu Anak Malaysia, Kuiz Perpaduan, Bual Bicara Perpaduan, Bengkel Percambahan Minda Jiran Muda dan lain-lain. Saya menyeru agar para pemimpin...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** *[Bangun]*

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** ...untuk bersama-sama memainkan peranan dalam memperkukuhkan perpaduan kaum. Saya yakin dan percaya bahawa matlamat untuk mewujudkan masyarakat yang hidup harmoni...

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Kuala Selangor bangun.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** ...Bagi habis dulu. Lepas ni nanti saya bagi peluang. Bersatu padu akan tercapai sekiranya pemimpin-pemimpin memberikan sepenuh kerjasama dalam menjayakan setiap program dan aktiviti perpaduan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya yakin tidak ada sesiapa pun dalam Dewan ini meragui kepentingan perpaduan nasional dan juga integrasi nasional. Cumanya dari sudut pendekatan. Pendekatannya saja yang mungkin berbeza.

Telah pun diterangkan dan ditegaskan betapa pendekatan-pendekatan yang disebutkan menteri sebentar tadi adalah penting saya kira, tetapi untuk hari ini setelah kita melalui khususnya dalam pengalaman Pilihan Raya Umum Ke-12 yang lalu, di mana kita dapati juga

kemenangan yang dicapai oleh perpaduan dan gandingan tiga kaum, tiga agama, tiga budaya besar yang memenangkan dan memberikan satu nafas baru dalam demokrasi di negara ini.

Yang jelas menunjukkan bahawa kita mampu melepasi politik perkauman. Yang dengan kata lain juga, kita perlu beredar daripada kaedah *symbolism* dengan izin, ataupun simbolisme ataupun kaedah-kaedah yang lebih bersifat perkara-perkara yang zahir dan struktural sifatnya. Untuk kembali kepada menerobos dan mampu mencecah *domain* yang lebih penting yakni dari segi isi, dari segi aksi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, ringkaskan Yang Berhormat.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** ...Perpaduan nasional dan integrasi nasional.

■ 1140

Di sini saya minta Yang Berhormat menteri kalau boleh kiranya saya mencadangkan khususnya dalam usaha kita kembali melihat sejarah perjuangan kemerdekaan, apakah boleh kiranya Yang Berhormat menteri sudi untuk memberikan laluan pendekatan ilmiah, pendekatan akademik untuk kita tegaskan bahawa di sana wujud dua golongan besar yang kedua-duanya penting dalam mencapai kemerdekaan. Golongan pertama, golongan yang dikatakan yang bersedia berunding di atas meja perundingan. Yang dikatakan golongan *accommodationist*, yang tidak perlu saya terangkan bagaimana tokoh-tokohnya tetapi perlu ada juga penerimaan dan kita sudah sampai kepada kematangan politik di negara kita ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, ringkas Yang Berhormat.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** ...Yang kita perlu tahu. Apakah boleh juga kita menerima satu *revisit*, satu penemuan semula, merakamkan semula untuk generasi baru bahawa di sana wujud dua golongan yang dua-duanya berjuang untuk kemerdekaan. Golongan *accommodationist* dan juga golongan *confrontationist* dalam bahasa yang digunakan dalam *political science*...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Apakah kiranya golongan dikatakan kiri, golongan Islamis yang telah disebutkan Yang Berhormat Shah Alam dua tiga hari yang lalu, supaya juga dibawa dalam satu penulisan akademik untuk generasi baru menatap dan menekuni bahawa kedua-duanya penting dalam perjuangan kemerdekaan dan saya tidak perlu menjelaskan dengan lebih tokoh-tokoh di kalangan golongan yang *confrontationist* yang di penjara, yang dibunuh, yang dibuang negara! Yang kedua-dua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, ringkas Yang Berhormat.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** ....Penting. Apakah kiranya boleh Yang Berhormat Menteri menerima satu penulisan semula, satu penulisan semula sejarah kemerdekaan, menerima kepentingan dua golongan. Golongan *accommodationist* dan golongan *confrontationist* daripada sayap kiri ke sayap Islam ke...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** ...Apakah Yang Berhormat bersedia untuk kementerian menerima satu penulisan semula sejarah kemerdekaan yang lebih tepat dan lebih mengakui yang lebih berautoriti, yang lebih ada yang dikatakan *intellectual righteousness* untuk ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat. Dah tiga kali tanya soalan.

**Seorang Ahli: [Menyampuk]** Soalan, soalan.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** ...Jadi persoalannya, persoalannya adalah ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dah tiga kali tanya soalan.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** ...Apakah kementerian sedia menerima *revisit of* perjuangan kemerdekaan ini. Terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Kuala Selangor yang telah mencadangkan beberapa langkah bagaimana kita untuk mempertingkatkan penyatuan masyarakat pelbagai kaum di negara kita. Kementerian memang terbuka dalam usaha kita mengambil langkah-langkah yang berkesan yang lebih efektif untuk memastikan agar penyatuan kaum ini dapat kita jayakan.

Saya pada saat ini meneliti pendekatan-pendekatan yang telah dilakukan dan juga pendekatan-pendekatan baru bagaimana kita cuba mengatasi. Kalau kita mengimbuai sejarah dia, contohnya berlakunya 13 Mei adalah berlaku sedikit sebanyak oleh kerana ketidakseimbangan dari segi *income (pendapatan)* masyarakat yang ada di kalangan di negara kita ini.

Maka dengan itu tercetuslah Dasar Ekonomi Baru sebagai satu langkah. Kita melihat bahawa penyatuan kaum ini bukan hanya menggunakan budaya, bukan hanya menggunakan *economic factor* sebagai satu elemen yang boleh kita guna pakai untuk mengatasi masalah di peringkat negara kita...

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: [Bangun]**

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: [Bangun]**

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** ... Dalam hubung kait apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor tadi iaitu nak melihat supaya ada *write-up* dengan izin, daripada kumpulan-kumpulan yang tertentu. Apa yang penting Tuan Yang di-Pertua, ialah...

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Mohon penjelasan.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** ...Bagi saya habiskan dulu... ialah untuk kita menyatakan kebenaran tentang sejarah. Persoalan sama ada kita nak *accommodate* pihak-pihak sama ada *left wing, right wing* dengan izin, itu bukanlah jadi masalah kepada kita. Apa yang penting kepada kita ialah untuk menceritakan tentang kebenaran kerana kebenaran itu akan

mengatasi segala kebatilan akhirnya di muka bumi ini. Ini penting kepada kita agar anak-anak kita mempunyai maklumat yang tepat. Jadi saya melihat dan saya ...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** *[Bangun]*

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tak apa Yang Berhormat Kuala Selangor. Duduk dulu, saya jawab. Saya katakan apa yang penting landasan yang kita gunakan ialah kebenaran penceritaannya. Kita boleh menerima pakai contohnya kalau ada cadangan daripada pihak-pihak ekstremis ataupun kumpulan-kumpulan tertentu ataupun *accommodationist*, yang kumpulan-kumpulan *right wing* ataupun *left wing* tentang pandangan mereka, bagaimana kes-kes itu berlaku tapi kita kena buat kajian secara mendalam. Bukan hanya menerusi kemudahan yang ada di dalam negara kita.

Kita akan merujuk maklumat yang kita peroleh daripada negara-negara luar. Dahulu negara kita dijajah oleh pihak British. Banyak kandungan maklumat yang diperolehi daripada muzium yang ada, *historical* perpustakaan yang ada di negara-negara luar. Kalau itu selari sama ada pandangan *right wing*, *left wing* kah, kita akan menceritakan. Apa yang penting ialah kebenaran...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** *[Bangun]*

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** *[Bangun]*

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, nak bagi jalan Yang Berhormat?

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Menteri, sikit penjelasan menteri, kalau boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kalabakan, Yang Berhormat Kalabakan.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Saya mengambil sikit, sikit lagi menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia bagi Yang Berhormat Kalabakan Yang Berhormat. Nanti dulu Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh bangun kemudian nanti. Yang Berhormat Kalabakan.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Saya cerita pasal integrasi nasional. Sejak tahun 1963 hingga sekarang ini, kita nampak kita tidak memupuk integrasi nasional mengenai Sabah, Sarawak dan Semenanjung kerana kita nampak sekarang, dulu kita ada pendekatan di mana ada Feri Malaysia untuk kita dapat tambang murah, guru-guru, pegawai-pegawai kerajaan, orang-orang Sabah dan Sarawak datang ke Semenanjung ini dengan tambang yang murah. Kemudian, Feri Malaysia dihapuskan. Tidak ada pendekatan yang baru untuk memupuk integrasi nasional kerana sekarang kita nampak ada Air Asia dan juga MAS tapi harga yang begitu mahal. Sabah, Sarawak, orang-orang yang bekerja kerajaan, guru-guru dan lain-lain tidak mampu.

Jadi sama ada kementerian begitu serius untuk integrasi nasional, jika ada, adakah cara untuk memperbaiki keadaan udara atau secara macam dulu Feri Malaysia supaya mereka mampu untuk datang atau apa macam cara untuk mungkin untuk integrasi nasional ini, kerajaan membayar subsidi untuk rakyat Sabah dan Sarawak untuk datang ke Semenanjung untuk tujuan ini.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Kalabakan yang telah membangkitkan sama ada kita serius dalam usaha untuk memupuk integrasi di kalangan pelbagai kaum di negara ini.

Sebenarnya kita ambil serius dalam usaha ini seperti apa yang telah dilakukan terdahulu contohnya dari segi apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kalabakan, kita wujudkan Feri Malaysia untuk membolehkan supaya rakyat Malaysia yang berada di Sabah dan Sarawak dapat membuat lawatan ke Semenanjung dengan kos yang rendah. Oleh kerana keadaan logistik itu tidak begitu agak *viable* dengan izin, diteruskan maka ia telah dihentikan tapi dalam konteks untuk mempermudah masyarakat berulang alik ataupun kunjung-mengunjung, kadar-kadar kos tertentu telah kita ambil perhatian.

Contohnya macam saya sebutkan tadi iaitu dalam usaha kita untuk nak mempertingkatkan lawatan-lawatan di antara kumpulan rukun tetangga yang ada di negeri Sabah, di Sarawak ke Semenanjung. Daripada Semenanjung ke Sabah. Kos itu ditampung oleh pihak kerajaan menerusi kementerian kita dengan kosnya begitu agak munasabah.

Kemungkinan jumlahnya tidaklah besar tapi ini sebahagian daripada langkah yang kita akan teruskan bagaimana untuk membolehkan masyarakat kita dapat di *interact* dan dapat dirapatkan hubungan. Di samping itu kerajaan sekarang ini dah pun mengambil langkah dengan agak agresif untuk memperbanyakkan rakyat Malaysia yang bertugas dalam perkhidmatan awam untuk bertugas di jabatan-jabatan di Persekutuan dan menempatkan mereka secara *permanent* dan dengan langkah-langkah itu bukan hanya dari segi penempatan tapi ruang dan peluang untuk naik pangkat dan ini akan dapat lebih merapatkan hubungan di antara pelbagai kaum yang ada di negara kita dan saya akan melihat langkah-langkah yang lain seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kalabakan...

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** [Bangun]

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Kalau perlu dengan untuk menyediakan satu kerangka bagaimana contohnya bekerjasama dengan pihak MAS ataupun pihak AirAsia supaya kumpulan-kumpulan contohnya yang dah bukan tua tetapi yang lama. Mungkin dengan kadar-kadar ataupun generasi pelajar-pelajar yang kita hendak pupuk ini kerana generasi inilah merupakan generasi sasaran kita yang kita hendak pupuk perpaduan integrasi di kalangan masyarakat kita, mendapat tambang yang lebih rendah, lebih berpatutan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Nak bagi jalan Yang Berhormat? Yang Berhormat Batu Pahat.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapatkan sedikit penjelasan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor tadi yang meminta supaya ada penulisan semula tentang sejarah ini seolah-olah ingin menafikan apa yang sudah ditulis mengenai dengan perjuangan kemerdekaan di negara kita. Sebenarnya kita tidak pernah pun menafikan. Barangkali beliau tidak banyak membaca buku sejarah. Kita tidak menafikan pun orang yang menentang secara bersenjata seperti di Pasir Salak, Datuk Bahaman dan sebagainya, Mat Kilau. Ini semua bersenjata.

■1150

Apa yang tidak ditulis? Semuanya ditulis dan yang lebih penting ialah bahawa ada juga sumbangan yang lebih berbentuk organisasi menggunakan kebijaksanaan seperti mana yang dilakukan oleh UMNO yang menyatupadukan orang Melayu, menyedarkan mereka tentang bahayanya Malayan Union dan terlibat secara langsung di dalam pembentukan Perlembagaan Persekutuan 1948 yang menjadi asas kepada Perlembagaan 1957. Ini yang tidak difahami oleh Yang Berhormat Kuala Selangor sebenarnya. Soal dia kata bahawa kita juga mesti mengiktiraf golongan kiri apakah dia ingin mencadangkan bahawa kita mesti mengiktiraf apa yang diperjuangkan oleh Parti Komunis Malaya yang mana kita lihat ramai anggota tentera, polis kita terkorban untuk mempertahankan keamanan sedangkan mereka setelah kemerdekaan dicapai pun terus lagi dengan perjuangan bersenjata mereka. Sehingga tahun 90-an baru meletak senjata. Apakah ini Yang Berhormat Kuala Selangor mahu? Saya rasa beliau tidak faham sejarah sebenarnya.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Batu Pahat, apa yang saya katakan tadi bukanlah saya bersetuju dengan pandangan beliau bahawa sejarah yang ada pada hari ini sejarah yang tidak benar tetapi yang saya katakan ialah kalau ada *write up* dengan izin tentang perkara-perkara berhubung dengan sejarah ini boleh dikemukakan dan kita boleh meneliti tentang kebenaran. Apa yang kita katakan pada hari bahawa apa yang telah berlaku itulah kebenarannya. Di negara kita, usaha mencapai kemerdekaan dan tidak ada siapa yang boleh menafikannya kerana saya juga ingat dahulu bagaimana pembentukan Malaysia, *Cobbold Commission* dihantar. Kita bukanlah bergantung sangat dengan *write up* tentang sejarah tetapi kita tahu dan kita juga terlibat dalam kegiatan-kegiatan seumpama itu dan saya menghargai pandangan daripada Yang Berhormat Batu Pahat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Parit Buntar, Yang Berhormat Machang bangun Yang Berhormat.

**Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sangat memahami bahawa tanggungjawab menteri bagi mengendalikan perpaduan ini bukanlah satu perkara yang mudah kerana ia melibatkan *nation building* ia juga melibatkan persoalan yang akan menyatupadukan semua kaum di negara ini. Di antara konsep yang dibawa dalam perpaduan ini ialah antaranya ialah perpaduan negara, integrasi nasional dan juga bangsa

Malaysia yang terkandung di dalam beberapa konsep dan istilah yang digunakan untuk menyatupadukan rakyat negara ini.

Namun demikian setelah kita melalui berbagai proses *nation building* serta peristiwa-peristiwa yang telah membentuk negara kita kepada tahapnya hari ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan lagi apa yang telah saya utarakan dalam ucapan bahas itu iaitu tentang bagaimanakah kalau kita masih menggunakan kaedah yang sama, pemikiran yang sama kita akan mendapat keputusan yang sama. Oleh itu mestilah saya mencadangkan di dalam Dewan yang mulia ini ada satu keberanian *very strong and brave political will* dengan izin untuk kita secara ikhlas menilai semula kedudukan kita dan demi masa depan negara ini serta perkembangan-perkembangan politik yang berlaku dalam dan juga negara termasuk juga kesedaran daripada rakyat kita terhadap apa yang dimaksudkan *patriotism* yang lebih luas konsepnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik Yang Berhormat cukup.

**Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Oleh itu saya ingin mencadangkan sebagai satu input kepada menteri bagi meringankan bebannya sebagai seorang menteri yang mengendalikan benda besar ini. Apa mungkin kita memikirkan satu *retreat* yang melibatkan semua parti politik dalam negara ini untuk kita duduk dan kita *identify* secara ikhlas. Apa masalah kita tanpa kita mengenali diri kita sebagai parti atau apa-apa fahaman bagi kita melihat satu lonjakan baru ke arah Malaysia yang baru untuk kita mengendalikan isu-isu perpaduan ini dengan bentuk yang melibatkan semua kaum, melibatkan semua pihak. Saya minta satu lagi dalam *select committee* yang saya lihat adakah dilibatkan parti pembangkang untuk duduk dalam *select committee* ini untuk bincang perkara-perkara tersebut supaya biarlah apa yang dilontarkan itu bukan *one way thinking* tapi dia terdiri daripada *multi thinking* tetapi *at the end of the day it is for benefit of this nation that we all love in this country*. Itu saja dengan izin, terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Yang Berhormat Parit Buntar. Beliau melihat bahawa pendekatan-pendekatan yang sedia ada kemungkinan keberkesanannya tidak begitu baik tapi kita tidak boleh nafikan bahawa apa yang telah kita lakukan juga mempunyai hasil selama ini dan saya akui bahawa perlu ada pembaharuan khususnya untuk *target group* generasi muda yang ada kerana kita tahu bahawa kita menggunakan kaedah-kaedah budaya semata-mata. Kaedah-kaedah menerusi contohnya di peringkat sekolah pendidikan kemungkinan bukan tidak berkesan tapi ruang lingkupnya amat terbatas.

Mungkin kita perlu menggunakan *website*, *bloggers* bagaimana untuk menyampaikan tentang sejarah yang ada di mana ada *interest* generasi yang muda. Saya akan melihat perkara-perkara apa yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Parit Buntar dan untuk maklumat Yang Berhormat daripada Parit Buntar sebenarnya dalam usaha kita untuk menyatupadukan masyarakat saya setuju saya akui bukanlah satu kerja yang mudah. Contohnya baru-baru ini saya juga bertemu dengan kumpulan-kumpulan daripada kumpulan Islam, Muslim *group* dan



non-Muslim *group* dan saya yakin ada di antara mereka bukan hanya semuanya datang daripada faham Barisan Nasional ada juga datangnya daripada pihak-pihak yang saya yakin daripada pihak bukan kerajaan. Apa yang penting kepada kita sama ada daripada pihak Barisan Nasional atau pihak bukan Barisan Nasional rasionalnya ialah kepentingan tentang hala tuju untuk memastikan langkah-langkah yang sedia ada ini dapat melahirkan satu suasana, satu pendekatan yang boleh menyatupadukan masyarakat. Akan tetapi membimbangkan saya, pada keseluruhannya ialah generasi anak-anak muda kita masih dalam keadaan kadang-kadang kalau dibandingkan negara-negara yang lain mereka melihat apa yang lama sejarah itu lapuk, tidak berfaedah manakala yang moden satu trend yang baru ini yang membimbangkan.

To *change the mind* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, bukan satu kerja yang mudah tapi kita perlu mendekati mereka, *interact* dengan mereka memastikan supaya anak-anak generasi muda ini tidak akan luntur, tidak akan lalai atau pun tidak akan ketinggalan memahami dan mengenali sejarah kerana sejarah ini kalau kita tidak tahu, kalau kita tidak fahami ianya amat penting sekali untuk membolehkan kejayaan kita dapat diperbaiki di masa-masa akan datang. Cabaran yang kita telah lalui menjadi satu ikatan, menjadi satu pengajaran kepada kita, dengan sejarah itulah pentingnya anak-anak generasi muda pada hari ini mengenali jati diri, budaya bangsa mereka. Maka dengan itu saya berharap pandangan-pandangan tidak seharusnya timbul di Dewan yang mulia ini.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Minta laluan.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Malahan juga menerusi tulisan-tulisan saya amat terbuka kalau ada pandangan *by all means* dengan izin *you can always write to me*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Salak bangun Yang Berhormat.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri pada pengamatan saya perpaduan di antara kaum di Malaysia ini baik. Saya dapati baik antara Melayu, Cina dan India di peringkat kanak-kanak, belia percampuran elok tidak ada syak wasangka antara satu sama lain tidak ada perasaan curiga mencurigai tetapi masalahnya saya dapati orang yang tua-tua ini yang ada kepentingan khususnya dalam kepentingan politik selalu buat kenyataan, ucapan-ucapan yang menimbulkan perasaan curiga mencurigai di antara berbagai kaum ini kerana kepentingan tertentu.

Saya bukan mengatakan kepada pihak mana-mana tetapi ramai daripada kita orang politik yang berbuat begitu untuk mendapatkan sokongan mendapatkan undi. Jadi ini saya harap pihak menteri jangan begitu terpengaruh dengan kenyataan-kenyataan yang kononnya tidak ada perpaduan dan tidak ada integrasi kaum di dalam negara kita ini, ini tidak betul. Itu satu saya minta perhatian Yang Berhormat Menteri.

Kedua ialah berhubung dengan sejarah tadi, kebanyakan daripada pelajar kita generasi muda walaupun mereka tidak ada masalah dari segi hubungan kaum tetapi dari segi mata pelajaran sejarah satu masalah di mana pada masa ini kita menekan kepada kursus-kursus pengajian yang bercorak sains teknologi, kursus-kursus kritikal.

■1200

Kursus-kursus sejarah ini jarang ditekankan di semua peringkat sama ada di sekolah, maktab ataupun di universiti. Dengan sebab itu pelajar-pelajar yang keluar dari institusi pengajian yang mana pelajaran bukan sejarah, yang bukan kebudayaan, yang bukan *arts*, mereka akan berada dalam keadaan kita kata dengan izin, *ignorance about history or they know very little about history*.

Jadi dengan sebab itu saya minta Yang Berhormat Menteri boleh atau dapat mempertimbangkan bagi memastikan satu kursus berhubung dengan sejarah, ini menjadi satu kursus pengajian yang kita perkenalkan di peringkat rendah sehinggalah di peringkat tertinggi iaitu di universiti-universiti, menjadi satu mata pelajaran yang wajib dipelajari oleh anak-anak kita supaya mereka besok akan ada perasaan sayangkan bangsa, tahu asal usul. Kita perlu tahu asal usul kita, baru kita berasa kukuh dan kuat. Ada akar umbi dan ini yang kita kehendaki dan boleh kita ambil sebagai contoh negara Jepun umpamanya. Rakyat Jepun cinta kepada negara, sayang kepada bangsa, ingin berkorban untuk negara bukan untuk kepentingan-kepentingan sempit bagi pihak-pihak yang tertentu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Salak tentang pandangan dan juga cadangan beliau. Pertama cadangan yang akhir iaitu menjadikan mata pelajaran yang wajib di peringkat sekolah rendah khususnya. Di peringkat tinggi sudah pun kita sedia maklum bahawa ianya menjadi *option* untuk kita mengambil jurusan-jurusan *history*, sejarah yang ada di peringkat pengajian tinggi. Perkara ini...

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Yang Berhormat, tidak dengar langsung ucapan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tidak dengar ya? Saya ingat sudah dengar. *Sorry*, minta maaf. Saya setuju kalau itu sebagai satu langkah yang membolehkan kita untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pelajar-pelajar... Boleh dengar?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Boleh, boleh.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** ...Pelajar-pelajar di peringkat rendah, maka kita akan berbincang dengan pihak Kementerian Pelajaran bagaimana untuk kita memastikan bahawa itu salah satu mata pelajaran yang dikatakan wajib untuk diambil oleh pelajar-pelajar khususnya di peringkat rendah.

Yang pertama tadi mengenai dengan persoalan perpaduan di negara kita tidak wujud ataupun saya terikut, ataupun terpedaya. Saya hendak bagi jaminan kepada Yang Berhormat bagi Pasir Salak, dengan izin, *I'm not a guy can be easily persuaded by anybody* dalam kita mempunyai pendirian dan penilaian. Cuma kita mempunyai ukuran. Ukuran macam mana kita katakan perpaduan di negara kita. Adakah oleh kerana pandangan kita perpaduan ini, bila kita di pihak sebelah, kita tidak berpadu ataupun kita di pihak Yang Berhormat bagi Pasir Salak baru kita berpadu? Tidak.

Ukuran perpaduan ini terima kasih boleh diukur secara keseluruhannya contohnya dalam pilihan raya. Apabila kita kalah di sesetengah tempat maka tidak ada perpaduan dia. Saya masih ingat kita menang 2004 dengan majoriti yang tinggi. Ini tidak bererti bahawa perpaduan tidak wujud, begitu juga dengan kemenangan pihak pembangkang pada hari ini yang kita lihat dalam pilihan raya yang ke-12 ada kemenangan yang kita lihat berubah di peringkat pihak pembangkang, tidak bererti perpaduan tidak wujud. Perpaduan walaupun dia mengundi mana-mana pihak pun, mana-mana parti, saya ingat masyarakat contohnya macam di kampung saya, di kawasan daerah saya, mereka sentiasa berpadu, cuma mungkin pilihan mereka tentang tokohnya, tentang pihak-pihak tertentu...

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** *[Bangun]*

**Tuan Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** *[Bangun]*

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** ...Akan tetapi, apa yang penting kepada kita langkah-langkah seperti...

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Yang Berhormat bagi Lipis.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** ...Yang saya sebutkan di peringkat awal. Semua pihak tidak kira ahli politik, ataupun pihak ibu bapanya, generasi muda yang ada ataupun NGO-NGO harus mengetepikan fahaman ideologi masing-masing dalam usaha kita menyatupadukan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Lipis dan Yang Berhormat bagi Telok Intan.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya sudah habis menjawab ini. Oleh kerana saya difahamkan banyak lagi kementerian yang belum menjawab. Jadi untuk memberi ruang saya hendak bagi kepada Yang Berhormat bagi Sungai Petani kerana daripada minggu lepas dia berdiri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Okey, Yang Berhormat bagi sungai Petani.

**Tuan Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Saya juga hendak menyokong pendapat Yang Berhormat bagi Pasir Salak tadi. Sebenarnya kadang-kadang budak-budak di bawah anak-anak sekolah tidak ada masalah tetapi yang menjadi masalah ini orang tua yang ada kepentingan. Sebab itu saya ingin mencadangkan

kepada kementerian kalau boleh menggunakan apa jua kaedah untuk memantau penggunaan-penggunaan bahasa dan cara oleh akhbar-akhbar harian khususnya.

Kita tengok akhir-akhir ini Tuan Yang di-Pertua, akhbar harian seperti *Utusan Malaysia* agak *racist* dalam memperkatakan hak-hak orang Melayu. Agak *racist* dalam memperkatakan tuntutan-tuntutan tertentu tetapi harus ingat, kalau sebut bumiputera, kita bukan sahaja bercakap tentang orang Melayu di Semenanjung, tetapi juga ada bumiputera Sabah dan Sarawak. Suka tidak suka ini hakikat. Ini ialah pembinaan negara bangsa, bukan soal politik, soal masa hadapan kita.

Jadi kalau kita terlalu *racist*, dan memperjuangkan satu dan lebih parah lagi *Utusan Malaysia* digunakan oleh kebanyakan hampir semua sekolah melanggan sebagai bahan bacaan harian. Jadi bayangkanlah kita dihidangkan dengan cara persembahan yang tidak manis dan dibaca oleh anak-anak di peringkat ini. Sebab itu dalam satu kajian dibuat tiga tahun lalu, apabila anak-anak sekolah ini melepasi sekolah dan masuk universiti, polarisasi dan juga sifat perkauman makin menebal di universiti rupanya, tidak di peringkat sekolah.

Jadi Datuk Menteri, saya ingat benda ini harus dilihat secara serius supaya kita dapat akhirnya membina satu bangsa yang lebih menghormati antara satu sama lain, tetapi yang lebih penting sekali kita dapat menyatukan semua bangsa kita untuk mencapai satu matlamat yang kita idam-idamkan.

Yang keduanya, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Pasir Salak. Kadang-kadang orang tua-tua, malah pemimpin-pemimpin kita menggunakan perkataan-perkataan yang tidak manis. Contohnya dalam satu temu bual yang dibuat oleh *Straits Times* minggu lepas. Apabila seorang menteri mengatakan pihak yang berusaha untuk mendapatkan mereka di BN menyertai parti di sebelah sini, sebagai '*political prostitution*', '*political prostitute*'.

Lebih parah lagi dia kata, dengan izin, *those who are addicted to prostitution will become 'political prostitute'*. Adakah orang-orang seperti Ketua Pembangkang dengan izin, dikatakan '*political prostitute*', orang seperti pemimpin-pemimpin PAS... Tuan Yang di-Pertua ini soal bahasa. Kalau kita gunakan ini dalam *public consumption*, bayangkan anak-anak sekolah yang sedang menuntut di bangku sekolah. Anak saya *political* dia faham, tetapi tentang *prostitution* dia tanya apa benda Pak? Kita ada masalah Datuk Menteri, khususnya anak. Jadi saya minta sungguh-sungguh Datuk Menteri, ini bukan soal politik, soal membangunkan negara bangsa, terima kasih Datuk Menteri.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sungai Petani tentang cadangan dan pandangan selari dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Pasir Salak tadi berhubung kait dengan penerapan, sejarah dan pendekatan-pendekatan nilai harus kita tingkatkan. Insya-Allah, ini nampaknya macam suara agak ramai pandangan di Dewan ini dan saya akan kemukakan pandangan ini ke pihak atasan untuk membolehkan ianya menjadi

satu kaedah yang boleh diguna pakai untuk menerapkan tentang pengertian sejarah, pengertian budaya bangsa dan bahasa.

Yang keduanya mengenai peranan NGO dan media tadi. Saya juga setuju bahawa perkara ini penting bagi kita tadi segi penggunaan bahasa. Bukan hanya pihak media, saya ingat Dewan ini pun kena juga, ahli-ahli Dewan harus memaparkan memperlihatkan penggunaan bahasa kerana di sini ramai pelajar anak-anak muda kita.

Jadi ini sebagai satu contoh yang baik saya yakin dan bagi pihak kementerian, kita akan adakan pertemuan dengan pihak media massa bagaimana kita menggunakan bahasa-bahasa yang membolehkan langkah-langkah untuk membentuk pemikiran dan pandangan generasi muda supaya mereka tidak terikut.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** [*Bangun*]

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Mungkin apa yang dikatakan oleh pihak media mungkin disalah tafsirkan, iaitu apabila disebutkan '*political prostitute*' mungkin dia lompat-lompat kerana satu langkah yang agak tidak harus berlaku kerana apa yang kita pandang dan kita lihat bahawa rakyat sudah beri mandat kepada kita dan atas sokongan itu jangan kita kecewakan, jangan kita hampakan.

■1210

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lipis bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Saya ingat *the last one* saya bagi. Jadi Tuan Yang di-Pertua, ya.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya meneliti penggulungan Yang Berhormat dibuat oleh Yang Berhormat Menteri tadi dan juga ucapan rakan-rakan.

Jadi saya melihat perpaduan yang kita maksudkan ini untuk membina bangsa dalam konteks integrasikah, akomodasikah atau apakah konsep yang digunakan oleh pihak kementerian? Kalau kita lihat di Malaysia ini di peringkat akar umbi ini, bagi sayalah perpaduan itu memang wujud. Di peringkat akar umbi, di peringkat rakyat biasa tidak ada masalah, bahkan kita saling berhubung di antara satu sama lain.

Apa yang menjadi masalah kadang-kadang ada pihak-pihak pembangkang yang mengapi-apikan hal perkauman ini dan menyebabkan wujud rasa tidak selesa di kalangan rakyat. Bersetuju tak dengan saya?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Lipis. Seperti yang saya katakan di peringkat awal, apa yang penting kepada rakyat di negara ini, bukan hanya mengenali, memahami, memerhatikan tentang penghayatan prinsip-prinsip Rukun Negara dan pematuhan Perlembagaan Persekutuan yang kita sokong selama ini. Ini merupakan

satu landasan, ini satu pendekatan yang penting kerana di situ Rukun Negara dan Perlembagaannya.

Jikalau itu dapat dipatuhi dan disokong oleh pendekatan-pendekatan yang mempunyai prinsipnya yang baik tentang menyatupadukan bangsa, hormat tentang budaya, bahasa, agama yang lain; saya yakin ini akan dapat meningkatkan lagi usaha kita untuk menyatupadukan rakyat. Seperti yang saya sebutkan di peringkat awal Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting kepada kita semua pihak. Tidak kira sama ada kerajaan ataupun bukan kerajaan, NGO dan media. Kita mempunyai peranan yang amat penting sekali untuk melahirkan satu keadaan dan suasana, untuk membolehkan anak-anak kita hidup di masa akan datang dengan keadaan harmoninya. Seperti apa yang berlaku di negara lain, pertelingkahan, pergaduhan, jangan kata hendak sebut Al-Quran pun dibakar, hendak dengar azan pun tak boleh, ya. Kadang-kadang dengar mercun pun kita agak melenting ataupun berbagai-bagai.

Kalau kita lihat kaedah itu, kita boleh rasa gembira, rasa mendengar. Satu ketika dulu bila angkat keris pun itu menjadi masalah. Kadang-kadang ini membimbangkan kita. Kalau pun angkat keris, itu sebahagian daripada amalan budaya...

**Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas]:** *[Bangun]*

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Kemungkinan kalau ditaksirkan dengan niat yang lain, itu lain ceritanya. Namun, apa yang saya katakan, kalau kita dapat memahami dengan secara ikhlasnya tentang kebudayaan masyarakat lain menghormati, saya yakin kita akan dapat melahirkan negara yang bersatu padu. Saya ingat setakat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat hendak bagi Yang Berhormat Pasir Mas kah?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Saya ingat setakat itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Dah *last one* tadi. Saya ucapkan jutaan terima kasih...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** ...Kepada, ada lagi? Yang Berhormat Pasir Mas.

**Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas]:** Yang Berhormat, saya mengikuti jawapan Yang Berhormat tapi kadang-kadang dengar tak dengar, saya minta maaf. Kadang-kadang bunyi bahasa Jerman, kadang-kadang Jepun. Jadi saya tak berapa faham. Jadi saya ingat kalau boleh jawapan itu biar kuat sikit supaya saya dapat dengar dengan jelas.

Apa yang saya hendak bertanya Yang Berhormat, mungkin dalam jawapan Yang Berhormat dalam keseluruhannya, iaitu teras perpaduan ini dia mesti ada dasar dan kita ada dasar dulu iaitu Dasar Kebudayaan Kebangsaan ialah berteraskan pada budaya ibunda iaitu budaya peribumi. Apakah usaha kementerian Yang Berhormat untuk memperjelaskan kepada generasi muda mengenai dengan Kebudayaan Kebangsaan yang berteraskan budaya peribumi ini, termasuklah lambang seperti keris.

Keris ini seolah-olah menghantui sesetengah kaum di negara ini akibat ianya dipolitikkan; tetapi sebenarnya keris ini adalah lambang budaya Melayu. Di mana Hari Pertabalan Yang di-Pertuan Agong, Hari-hari Keputeraan Sultan-sultan Melayu dan di mana-mana sahaja kita lihat di universiti, keris menjadi cokmar sebagai lambang dan dikucup oleh Yang di-Pertuan Agong.

Jadi, sekarang ini sudah berpusing cerita. Sehingga seolah-olah keris ini satu senjata yang menakutkan orang apabila Menteri Pelajaran yang juga Ketua Pemuda UMNO memohon maaf dan saya kira permohonan maaf itu tidak mewakili orang-orang Melayu, itu hal peribadinya. Namun soalnya, apakah usaha kementerian untuk memberi kesedaran bahawa keris bukan mengancam sesiapa pun. Ianya sekadar budaya bangsa Melayu, ia menjadi lambang budaya negara kita ini. Terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Pasir Mas yang telah membangkitkan tentang budaya. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat, saya cakap Jepun, cakap Jerman, mungkin dia tak faham kot? Mungkin tak dengar oleh sebab sama ada mikrofon ataupun bahasa yang saya guna pakai...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang pasti Yang Berhormat tak ada bahasa Jepun, tak ada bahasa Jerman.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Saya tak pernah... *[Ketawa]* Mungkin taksiran beliau. Apa yang penting kepada kita seperti yang dikatakan lebih awal ialah penyatuan bangsa ini harus dilakukan oleh semua pihak. Berhubung kait dengan Dasar Kebudayaan Kebangsaan ini, sebenarnya pada prinsipnya kita tidak mempunyai dasar yang begitu agak, dah dinyatakan, cuma ia dibangkit pada 1971. Bila mana satu konvensyen yang diadakan di Kuala Lumpur. Selepas itu, hasil daripada konvensyen itu telah kita ambil petik; itu sebahagian daripada penggubalan dasar DKK iaitu Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang berteraskan kepada tiga perkara iaitu sebahagiannya berhubung kait dengan terasnya.

Pertama ialah berhubung kait dengan nilai-nilai kebudayaan serantau ini, yang ada hubung kait dengan bukan hanya negara kita, negara-negara serantau. Di samping itu, dalam konteks agama juga perkara yang penting sebagai satu isu yang boleh dikaitkan pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan di negara kita.

Berhubung kait dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pasir Mas tentang keris tadi, saya memang setuju dengan Yang Berhormat. Ini seharusnya tidak dipolitikkan. Seperti yang saya katakan tadi, bila kita mendengar azan, ada kadang-kadang sesetengah pihak di kampung, mungkin dia kedengaran bising, mengganggu; tetapi azan itu sebenarnya panggilan ibadah kepada umat Islam dan seharusnya tidak timbul.

Begitu juga dengan keris, bila ia dibangkitkan, keris ini satu budaya baru. Baru saya keluar daripada merasmikan Hari Muzium Kebangsaan Antarabangsa, daripada Muzium Negara tadi dan saya juga mengangkat keris dan cium keris. Tak jadi masalah dengan kita.

**Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]:** *[Bangun]*

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Bukan niat kita dengan menggunakan. Ini satu daripada masyarakat...

**Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas]:** Sikit lagi Yang Berhormat. Penjelasan sikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hulu Terengganu Yang Berhormat.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Ya, saya ingat setakat itu sahaja Yang Berhormat Pasir Mas kerana saya sudah beri laluan yang terlalu banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak beri Yang Berhormat Hulu Terengganu?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Saya ucapkan jutaan terima kasih...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tak bagi Yang Berhormat, sila duduk.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** ...Kepada semua pihak yang telah membangkitkan tentang isu...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tak bagi Yang Berhormat. Dia hendak habiskan ucapan Yang Berhormat.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** ...Berhubung kait perpaduan dan kementerian. Saya ucapkan jutaan terima kasih di atas cadangan dan pandangan yang telah mereka berikan, insya-Allah...

**Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Padang Serai, duduk Yang Berhormat Padang Serai.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** ...Segala pandangan akan diguna pakai. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]:** Allah, habis dah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kementerian Pelancongan.

## 12.18 tgh.

**Menteri Pelancongan [Datuk Seri Azalina binti Othman Said]:** Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, Terlebih dahulu saya ingin bagi pihak Kementerian Pelancongan ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat kerana telah bersama-sama membahaskan perkara berkenaan dengan Kementerian, serta memberikan pandangan yang amat berguna di dalam memajukan Industri Pelancongan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Gombak telah menyentuh mengenai pengguguran *signature events* yang dianjurkan di negeri-negeri yang diperintah oleh pihak pembangkang oleh kementerian. Selain itu, Yang Berhormat Gombak juga mendakwa bahawa kementerian turut mengarahkan agar semua Majlis Tindakan Pelancongan Negeri untuk tidak



menyenaraikan acara-acara berkenaan di dalam *calendar of events*, laman web serta bahan-bahan promosi yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat Gombak, acara-acara berkenaan sebenarnya telah dijalankan. Di negeri Selangor sebagai contoh; acara seperti *Bukit Kutu Eco Challenge* telah diadakan pada 18 Mei 2008. Di mana melibatkan seramai 200 orang luar dan di dalam negara. Manakala bagi negeri Perak pula acara seperti '*The Outdoor Heaven Valley Extravagant*' dengan izin, telah diadakan pada 10 hingga 11 Mei 2008 dengan penglibatan seramai 150 peserta luar dan dalam negara.

Di kedah pula acara *Sungai Sedim Visit Malaysia Year* dengan izin *gold grain* akan diadakan pada 21 hingga 24 Ogos 2008. Begitu juga di negeri Kelantan, penganjuran acara Pesta Nasi Seratus akan diadakan pada 9 hingga 11 Julai 2008. Manakala di Negeri Pulau Pinang, *Penang World Music Festivals* yang mendapat publisiti yang cukup meluas dan telah pun diadakan daripada 2 hingga 4 Mei 2008, di mana lebih daripada 10,000 orang telah menyaksikannya.

#### ■1220

Dengan adanya acara-acara yang disebutkan tadi, terbukti bahawa *calendar of events* Kementerian Pelancongan masih menyenaraikan acara-acara tersebut dan pihak kementerian serta *Tourism Malaysia* telah menjalankan aktiviti-aktiviti promosi dengan begitu aktif.

Yang Berhormat daripada Taiping pula telah mempersoalkan kewajaran tindakan mengutuk MTPN dan lain-lain badan agensi yang berkenaan dengan pelancongan di negeri-negeri pembangkang.

Untuk maklumat Yang Berhormat sekalian, penamatan MoU ini adalah bertujuan untuk memudahkan urusan-urusan pentadbiran dan operasi MTPN. MTPN akan ditadbir secara terus dan dipantau oleh Pejabat Ketua Setiausaha kementerian dan kaedah ini telah dilaksanakan dengan jayanya di negeri Kelantan sejak tahun 2004. Kementerian Pelancongan tidak membatalkan apa-apa acara pelancongan yang telah dirancang yang diadakan di negeri-negeri berkenaan. Acara-acara...

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Perkara ini saya ada bangkitkan semasa perbahasan juga. Saya ingin tahu apakah kesulitan atau halangan yang dihadapi oleh Menteri sehingga Menteri perlu membatalkan memorandum persefahaman selepas negeri-negeri ini jatuh kepada Pakatan Rakyat.

Apa yang tidak boleh dibincangkan dalam aspek ini? Kalau kita semua warga Malaysia, kita semua untuk kebaikan negara, faedah untuk rakyat, menghormati keputusan pengundi, apa yang tidak boleh dibincangkan? Apa halangan dihadapi sehingga tak boleh duduk untuk berbincang dan mengambil tindakan yang begitu drastik dengan membatalkan memorandum yang menghubungkan saluran yang lain, majlis yang lain. Saya pohon penjelasan apa halangan dan kesulitan sehingga tak boleh duduk untuk berbincang.

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih pada soalan Yang Berhormat daripada Baru Gajah. Sebenarnya halangan adalah percanggahan dasar, matlamat dan pelaksanaan aktiviti. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat sebut nama...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat kena tunggu. Kalu Menteri bagi, bagilah.

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Biarlah saya jawab. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah mengalami satu pengalaman di negeri Kelantan di mana terdapatnya keadaan tiga bulan gaji pegawai telah tidak dibayar. Itu sebabnya bagi pihak kementerian pembatalan MoU ini sebenarnya akan memudahkan urusan-urusan pentadbiran dan operasi MTPN di mana ketua setiausaha kementerian sendiri yang akan bertanggungjawab untuk menentukan agenda pelancongan dilaksanakan.

Apa yang lebih penting sekali Tuan Yang di-Pertua adalah komitmen Kerajaan Barisan Nasional untuk meneruskan program-program dan projek-projek pelancongan.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Menteri apabila menjawab telah katakan penamatan MoU ini adalah kerana terdapat percanggahan dasar. Maka saya ingin memohon penjelasan dalam Dewan ini, apakah dasar yang terdapat percanggahan. Dulu Kerajaan Barisan Nasional boleh mengambil strategi mengasingkan negeri Kelantan. Adakah mungkin sekarang kita hendak mempromosikan pelancongan Malaysia dengan mengasingkan Pulau Pinang, Selangor, Perak, Kedah dan Kelantan?

Adakah ini mungkin dicapai jika kita betul-betul ikhlas untuk mempromosikan negara kita sebagai salah satu destinasi pelancongan utama dalam negara ini. Maka saya harap Menteri akan mempunyai tahap kematangan politik yang lebih boleh dihormati dalam perkara ini khususnya Kerajaan Negeri Perak bersedia bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk mempromosikan mana-mana aktiviti pelancongan. Tak ada percanggahan dasar. Saya harap dapat penjelasan daripada Menteri.

**Dato' Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu]:** Yang Berhormat, minta jalan di atas...

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Taiping. Izinkan saya jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia nak jawab dulu Yang Berhormat.

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Sebenarnya apa yang disebutkan dalam percanggahan dasar matlamat pelaksanaan ialah kerana parti yang memerintah Kerajaan Persekutuan ialah Barisan Nasional dan parti yang memerintah negeri-negeri pembangkang ialah parti-parti pembangkang. Kalau Yang Berhormat daripada Taiping menuduh kononnya tak ada kematangan, bagi pihak kementerian kita ingin menjawab, Kerajaan Barisan Nasional tidak

melucutkan jawatan mana-mana pegawai yang berlaku hari ini dan kalau kita tengok di negeri Perak contohnya dua minggu lepas kes di mana Pengarah Jabatan Agama Islam Perak telah dilucutkan jawatan. Ini menunjukkan bahawa negeri Perak .....

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Apa kena-mengena dengan pelancongan?

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Menteri, bukan pecat...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tak ada kena-mengena. Tak ada asas.

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Apa yang lebih penting Tuan Yang di-Pertua ialah program-program yang dijanjikan dilaksanakan. Bagi saya, kalau negeri-negeri pembangkang berpuas hati bahawa program telah dilaksanakan mereka perlu merasakan cukup berterima kasih bahawa kita melaksanakan program dan program telah berjalan dengan lancar. Kalaulah Kementerian Pelancongan membatalkan program, tidak menjalankan program, tidak memberikan bantuan pelaksanaan program, bolehlah mereka menuduh bahawa Kementerian Pelancongan tidak matang. Sebenarnya Kementerian Pelancongan matang kerana kita tak mahu kes di mana gaji-gaji pegawai MTPM tak dibayar. Itu saja di aspek operasi dan pentadbiran sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Izinkan saya sambung...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Nak bagi jalan Yang Berhormat? Ramai yang bangun Yang Berhormat. Yang Berhormat Kota Bharu, Pasir Mas, Taiping, Gombak dan Batu. Nak bagi jalan ke tak bagi?

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Biarlah saya jawab, saya ada banyak nak jawab. Ramai lagi menteri-menteri nak jawab Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Nak bagi jalan ke tak bagi jalan?

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Tak payah lah, saya jawab soalan yang sama saja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tak bagi jalan Yang Berhormat, sila duduk.

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Saya dah jawab kita tak ada diskriminasi. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan tidak menyekat penyaluran peruntukan kepada negeri-negeri di bawah pemerintahan kerajaan bukan Barisan Nasional. Sebaliknya peruntukan berkenaan disalurkan terus kepada Majlis Tindakan Pelancongan Negeri...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** ...Di mana kemudahan kementerian melaksanakan semua dasar dan acara yang telah dirancang. Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tak bagi jalan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Menteri, saya nak...

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Batang Sadong telah mencadangkan agar kawasan Batang Sadong dijadikan sebagai kawasan industri.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tak payah minta laluan sebab perkara ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk. Menteri tak bagi jalan.

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Antara produk-produk yang boleh dibangunkan adalah kawasan penanaman padi dan habitat buaya secara semula jadi. Kementerian Pelancongan melalui tindakan Majlis Pelancongan Negeri sememangnya dari masa ke semasa cuba...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tak apalah. Dia buat keputusan tak bagi jalan. Sila duduk Yang Berhormat

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** ...Untuk mengenal pasti perkampungan-perkampungan yang sesuai untuk dijadikan sebagai peserta *homestay* selaras dengan sasaran peningkatan sebanyak 15% untuk setiap tahun. Ini termasuk juga bagi negeri Sarawak. Sebelum didaftarkan di bawah program *homestay*, pengusaha *homestay* perlu mengikut prinsip asas pelancongan desa. *Homestay* juga dianjurkan oleh agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan pemeriksaan rumah juga dibuat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Taiping, Gombak, Ipoh Barat, Padang serai sila duduk

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Ini juga memastikan setiap rumah-rumah bakal pengusaha adalah sesuai untuk perkhidmatan *homestay* kepada pelancong. Selain itu ia juga perlu ada tarikan pelancongan bagi membantu menjayakan program *homestay* di bawah sesuatu kawasan tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat. Menteri tak bagi jalan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Bagi kawasan di Batang Sadong, Tuan Yang di-Pertua, saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Nak bagi jalan Yang Berhormat?

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Saya menjawab soalan yang telah ditimbulkan semasa bahas Tuan Yang di-Pertua. Soalan-soalan sampingan telah saya jawab Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduk, duduk Yang Berhormat.

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Dah jawab, tak ada diskriminasi program dijalankan. Program dijalankan, tak ada diskriminasi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tak payah buang masa Yang Berhormat. Sila duduk. Menteri tak bagi jalan.

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Tak bagi jalan. Biarlah saya habis. Ramai lagi sahabat nak jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduk Ahli Yang Berhormat.

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, saya dah jawab soalan. Dah jawab tadi. Saya jawab tadi Yang Berhormat Gombak tak ada. Saya dah masuk soalan kedua, Yang Berhormat baru sampai. Janganlah Yang Berhormat Gombak bila saya dah jawab baru bangun nak soal. Saya dah jawab. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, teruskan.

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Bagi kawasan di Batang Sadong, perkampungan *homestay* mungkin boleh dibangunkan bagi memberi penginapan alternatif kepada pelancong yang berkunjung di kawasan yang berhampiran dengan kawasan tarikan pelancongan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tak bagi jalan Yang Berhormat. Itu dibenarkan dalam Peraturan Mesyuarat Yang Berhormat.

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Ini kerana kawasan Batang Sadong mempunyai *agrotourism* dan *culture tourism* seperti kawasan-kawasan sawah padi, dusun buah-buahan, hidupan liar serta penonjolan buaya dan budaya masyarakat tempatan. Walau bagaimanapun sehingga kini masih tiada permohonan daripada kawasan Batang Sadong untuk menyertai program *homestay*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat boleh bangun kemudian.

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Rasah telah mencadangkan agar Kementerian Pelancongan dengan Kementerian Pengangkutan untuk meningkatkan kedatangan pelancongan dari segi memperbaiki industri pelancongan khususnya pengangkutan udara. Ini adalah bagi memastikan pelancong-pelancong yang dapat melawat semua negeri-negeri termasuk kawasan pedalaman di Malaysia...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *Point of order..*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri, ada *point of order*.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Sekejap Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *Point of order* yang ke berapa Yang Berhormat?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Berkaitan dengan jawapan dari Menteri, yang pertama tak boleh tengok teks untuk membaca. Yang kedua kalau Yang Berhormat tak ingin memberi penjelasan lebih baik bagi jawapan bertulis saja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tak memberi penjelasan dibenarkan dalam peraturan Yang Berhormat. Yang Berhormat mengemukakan 36(6) tak berkaitan dengan perkara yang sekarang berlaku.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Itu tak dibenarkan dari segi *Standing Order*, itu yang pertama. Yang kedua, kalau Yang Berhormat tidak ingin memberi penjelasan lebih baik bagi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tak boleh. Ada dalam peraturan, Menteri tak bagi jalan Yang Berhormat. Boleh, itu dibenarkan Yang Berhormat. Sila teruskan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan menyedari bahawa aspek kemudahan sampai dan *connectivity* ke destinasi-destinasi pelancongan negara sememangnya aspek yang perlu dititikberatkan terutamanya melalui laluan udara. Kementerian Pelancongan sentiasa bekerjasama bersama Kementerian Pengangkutan dan syarikat-syarikat penerbangan kebangsaan dalam memastikan keperluan pelancong-pelancong asing dipenuhi melalui pelbagai forum. Mesyuarat penyelarasan kemudahan masuk ke Malaysia dan isu-isu pelancong asing yang telah diadakan secara berkala oleh Kementerian Pelancongan bagi tujuan ini.

■ 1230

Keperluan untuk meningkatkan lagi kekerapan kapasiti penerbangan dan penambahan destinasi juga sering kali dibincangkan dengan Kementerian Pengangkutan selaku kementerian yang bertanggungjawab semasa forum-forum tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri ada peraturan mesyuarat. Ya, Yang Berhormat Kota Bharu.

**Dato' Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ke berapa Yang Berhormat?

**Dato' Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu]:** 36(4) menyatakan bahawa adalah menjadi satu kesalahan bagi Ahli-ahli Dewan menggunakan bahasa kurang sopan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Mana bahasa kurang sopan tadi Yang Berhormat? Mana satu.

**Dato' Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu]:** Dia menuduh bahawa Kelantan tidak bayar gaji selama tiga bulan. Itu satu tuduhan yang biadab!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Itu bukan soal bahasa Yang Berhormat [*Dewan riu*]. Itu bukan soal bahasa!

**Dato' Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu]:** Saya selama 18 tahun berada di kerajaan negeri Kelantan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Itu pernyataan. Itu bukan soal bahasa Yang Berhormat.

**Dato' Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu]:** Tidak pernah satu bulan pun tidak bayar gaji. Ini tuduhan tiga bulan!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]:** Minta penjelasan, minta penjelasan.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Padang Serai duduk, Yang Berhormat. *[Dewan riuh]* Teruskan Yang Berhormat Menteri.

**Seorang Ahli:** Minta Yang Berhormat bagi penjelasan. Bulan bila? Tahun bila?

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Berkenaan dengan tiga bulan itu, saya dimaklumkan oleh pegawai di kementerian bahawa terdapatnya kes di Kelantan di mana terdapatnya tiga bulan gaji tidak dibayar *[Dewan riuh]* Itu sebabnya *[Dewan riuh]* dilaksanakan oleh pihak kementerian.

**Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]:** Sebut nama dia! Tahun bila?

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak sebut nama saya boleh tulis surat kepada Yang Berhormatlah.

**Seorang Ahli:** Jangan!

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Sekarang ini saya tidak ada data.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Tarik balik!

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan juga *[Dewan riuh]* Saya tidak boleh tarik balik, ada bukti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Apa nak tarik balik? Padang Serai duduk.

**Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]:** Ada buktikah? Berapa bulan tidak bayar?

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Padang Serai duduk, Padang Serai. Padang Serai tidak boleh buat begini.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Silakan Batu Pahat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Batu Pahat.

**Seorang Ahli:** Tidak boleh bagi penjelasan!

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Pasir Mas, Pasir Mas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Pasir Mas.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, apabila dia sebut kononnya Kelantan berjaya terutamanya peranan Majlis Tindakan Pelancongan. Namun adakah Yang Berhormat sedar setakat yang saya tahu kebanyakan programnya jamu makan sahaja. Jamu makan untuk orang-orang tertentu ke hulu, ke hilir selepas itu bagi kain pelekat musim pilihan raya untuk tarik undi. *[Ketawa]* Apakah ini satu strategi untuk menarik pelancong?

Adakah Yang Berhormat sedar bahawa Kelantan adalah sebuah negeri yang kaya dengan budaya, rakyatnya rajin dan keindahan alam semula jadinya banyak tetapi tidak ada projek-projek khususnya yang betul-betul kita nampak impak dalam soal hendak menarik pelancong. Jadi adakah Yang Berhormat sedia berbincang dengan saya secara peribadi *[Ketawa]* *[Dewan riuh]*

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Ada udang di sebalik batu.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Untuk menarik pelancong ini. Kita boleh bincang di mana-mana sahajalah. Terima kasih *[Dewan riuh]* *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik, cukup Yang Berhormat.

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di negeri Kelantan berkenaan dengan tuduhan yang disebut oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas. Kementerian tidak mempunyai maklumat dalam isu itu, Tuan Yang di-Pertua.

Sebenarnya di negeri Kelantan pada tahun 2008 diletakkan sebanyak RM680,000 untuk program-program iaitu pesta air, cabaran negeri tourism, acara berkala, acara Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan, pesta rakyat, Citrasa, Citarawarna, 'loy keraton', futsal Kelantan open, nasi serutas dan pesta ratu serama.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, di negeri Kelantan masih kita laksanakan program-program pelancongan tetapi jika Yang Berhormat dari Pasir Mas hendak berbincang, insya-Allah tidak ada masalah Tuan Yang di-Pertua asalkan yang penting pelancongan di negeri Kelantan dapat dimajukan dan dikemaskinikan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Peraturan mana Yang Berhormat? Sila Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Peraturan Mesyuarat 36(12). Saya ingin mencadangkan supaya Yang Berhormat Menteri dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Ini kerana telah mengelirukan Dewan ini pada peringkat jawapannya tadi. Ini berdasarkan kepada 26(1)(p) di mana kita boleh membuat serta merta tanpa memberikan sebarang usul, dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tanpa sebarang notis.

Dalam jawapan menteri sebentar tadi beliau menyatakan bahawa dakwaan saya itu tidak benar. Di mana Kementerian Pelancongan telah mengharamkan kempen pelancongan di lima buah negeri. Saya ingin mengemukakan bukti daripada Kementerian Pelancongan sendiri, di



mana Menteri Pelancongan Malaysia pada 25 Mac 2008 telah menetapkan senarai acara bagi beberapa negeri iaitu Selangor..

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini *standing of order* apa itu? Peraturan mesyuarat apa itu?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** ..Kedah, Pulau Pinang. Dengarlah dulu! [Dewan riuh]

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak ada apa itu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduklah Pasir Salak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, dan Kelantan digugurkan daripada senarai acara *signature events* berkenaan. "Sehubungan itu pihak tuan dan puan adalah dipohon agar tidak menyenaraikan acara berkenaan di dalam *calender of events*, laman web serta sebarang bahan promosi dan publisiti."

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Maknanya Yang Berhormat Menteri telah mengelirukan Dewan yang mulia dalam jawapan beliau dan sebab itu saya minta supaya diusulkan beliau dirujuk kepada Jawatankuasa Hak tersebut. Terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Saya bangun untuk menyokong kerana ini sangat mustahak satu perkara hak keistimewaan, seorang menteri datang untuk mengelirukan Dewan yang mulia ini tidak boleh dibenarkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Sebab itu Peraturan Mesyuarat ini adalah dipinda dengan khas dalam Dewan yang lalu untuk 36(12). Tidak pernah ada 36(12) ini dipinda dengan khas untuk keadaan sekarang di mana Yang Berhormat Menteri ada melanggar Peraturan Mesyuarat dan melanggar hak keistimewaan. Ini perlu dikemukakan dan diputuskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri ada menjawab telah memberi jawapan kepada isu yang dikemukakan. Saya melihat bahawa itu merupakan jawapan menteri sebarang percanggahan itu tidak sampai kepada tahap untuk kita rujuk beliau kepada Jawatankuasa Tatatertib. Sekarang ini pun menteri sedang menjawab, saya yakin jawapan kepada masalah yang dikemukakan juga boleh dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri. Teruskan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah saya jawab soalan itu atau saya sambung, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, *Point of order*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Jawab soalan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *Point of order*, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *Point of order*, ke berapa Yang Berhormat?

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Apa yang dibawa oleh Yang Berhormat Gombak itu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tengah jawab Yang Berhormat. Kita boleh bagi masa untuk menjawab.

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** ..Adalah tidak benar, sebabnya saya telah maklum dalam jawapan saya bahawa kita telah menjalankan program dan program telah diadakan. Jikalau Yang Berhormat mungkin ada bukti lain itu sila tunjuk pada sayalah sebab bagi saya maklumat yang kita dapat kita menjalankan program.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya telah kemukakan usul berdasarkan 36(12) dan usul saya mendapat sokongan dari Ipoh Timur. Maka saya mencadangkan supaya usul ini diundi terlebih dahulu untuk Jawatankuasa Khas.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Tetapi ini tidak berkaitan tidak perlu undilah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat saya mendengar usul yang dibawakan oleh Yang Berhormat. Keputusan, saya katakan Yang Berhormat Menteri sedang menjawab kepada isu yang dikemukakan oleh Yang Berhormat. Tidak perlu kita rujuk kepada Yang Berhormat Menteri..

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, saya kemukakan peraturan mesyuarat ini setelah mendengar jawapan menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia sekarang sedang menjelaskan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Dalam jawapan dia, dia mengatakan ini satu dakwaan. Ini bukan dakwaan! Saya bawa hitam putih, minit mesyuarat daripada Kementerian Pelancongan. Jadi Yang Berhormat Menteri mengelirukan Dewan baru saya kemukakan usul 36(12).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Itu keputusan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Dia sudah masuk perkara yang lain!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya sudah membuat keputusan. Yang Berhormat saya faham *point of order* Yang Berhormat kemukakan dan saya telah membuat keputusan bahawa kita tidak perlu rujuk dan kita bagi kepada menteri untuk menjelaskan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tadi dia dah jawab, dah masuk dalam topik lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Dalam jawapan awal dia mengelirukan. Ini adalah satu kesalahan di bawah 36(12). Saya minta Tuan Yang di-Pertua menggunakan budi bicara untuk mengundi bahawa menteri mesti dirujuk kepada Jawatankuasa Khas dan Kebebasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya telah membuat keputusan kita tidak sampai ke tahap itu Yang Berhormat. Itu merupakan keputusan Tuan Yang di-Pertua, kita tidak sampai kepada tahap itu. Yang Berhormat Menteri sila teruskan.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon.

**Datuk Siringan Gubat [Ranau]:** *Point of order* 43, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, 43.

**Datuk Siringan Gubat [Ranau]:** Peraturan Mesyuarat 43 iaitu keputusan Tuan Yang di-Pertua adalah muktamad [*Tepuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik, sila duduk Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Batu Gajah.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Jikalau rujuk kepada Peraturan Mesyuarat 26(1)(p), Tuan Yang di-Pertua tidak ada budi bicara apabila usul dibangkitkan pada masa kejadian itu, dengan ada disokong, ia boleh untuk diputuskan.

#### ■1240

**Datuk Siringan Gubat [Ranau]:** Tidak ikut...

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Ia tidak sama dengan Peraturan 18. Sini tidak perlu memuaskan hati, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Datuk Siringan Gubat [Ranau]:** Pihak pembangkang itu..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, kita tidak boleh...

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Ini tidak ada isu budi bicara timbul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik Yang Berhormat Batu Gajah. Sila duduk Yang Berhormat.

**Datuk Siringan Gubat [Ranau]:** [*Menyampuk*]

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** [*Menyampuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sila duduk, Yang Berhormat. Saya faham apa maksud Yang Berhormat Batu Gajah, tetapi kita tidak boleh sewenang-wenangnya mengusulkan dan membawa menteri atau membawa Ahli-ahli Parlimen yang lain dalam Dewan ini terhadap Perkara 26(1)(p), kerana itu kebijaksanaan kita untuk menentukan mana satu kes yang perlu dirujuk kepada perkara ini, dan saya telah putuskan bahawa kita tidak

perlu *invoke* Perkara 26(1)(p) ini terhadap perkara yang telah dibangkitkan oleh Gombak kepada menteri. Itu keputusannya, Yang Berhormat. Ya, teruskan, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan kerap memaklumkan...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *Point of order, point of order*, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Peraturan 26(1)(p). Yang Berhormat dari Gombak sudah memenuhi semua kehendak di bawah Peraturan 26(1)(p) ialah tanpa notis, dan kedua bahawa perkara ini satu usul, *matter of privilege when it occurred*, ini berlaku dan keputusan dibuat oleh Dewan yang mulia ini, bukan Tuan Yang di-Pertua. Keputusan dibuat sama ada mahu membenarkan atau menolak ialah dibuat oleh Dewan yang mulia ini, oleh kerana usul ini sudah dikemukakan mengikut apa yang dikehendaki dan selain daripada Dewan menolakkannya dan peranan Tuan Yang di-Pertua bukan untuk menyelamatkan kerajaan oleh kerana tidak cukup undi. Mungkin boleh berjaya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya faham, Yang Berhormat. Saya faham, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Ya, saya harap ini boleh diputuskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya faham, Yang Berhormat, tetapi kita harus menilai graviti sesuatu perkara itu. Kita tidak boleh rujuk semua. Saya sudah katakan. Sebab itu saya katakan bahawa saya melihat perkara yang dibangkitkan ini tidak memadai untuk merujuk menteri kepada perkara ini, Yang Berhormat. Itu juga keputusan daripada Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** *[Menyampuk]*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tidak ada budi bicara.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, seharusnya Dewan yang mulia ini mesti dibenarkan untuk menilai apakah persembahan menteri tadi. Ini seharusnya..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tetapi keputusan Tuan Yang di-Pertua tidak perlu merujuk.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *Point of order.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Itu juga satu keputusan di bawah keputusan Perkara 43 yang membenarkan Tuan Yang di-Pertua untuk membuat keputusan terhadap perkara yang dibangkitkan, Yang Berhormat. *[Disampuk]* Tidak apalah, Yang Berhormat. Kita tidak sampai ke tahap itu, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, kita mohon agar Tuan Yang di-Pertua membenarkan Dewan yang mulia ini memutuskan tingkah laku menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, patuh kepada peraturan dan Yang Berhormat juga harus patuh kepada kuasa Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]:** *Point of order*, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** ...untuk membuat keputusan dan keputusan itu adalah keputusan yang muktamad, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]:** *Point of order*, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kita akan melihat isu yang lain, Yang Berhormat untuk merujuk dan *invoke* kepada Perkara 26(1)(p) ini, tetapi untuk kes yang ini saya katakan bahawa kita tidak perlu rujuk menteri kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat juga kena patuh kepada Perkara 43, kuasa Tuan Yang di-Pertua adalah muktamad dan keputusan Tuan Yang di-Pertua adalah muktamad.

**Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]:** *Point of order*, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, teruskan, menteri.

**Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]:** *Point of order*, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kita tidak perlu membahaskan soal definisi undang-undang atau peraturan dalam Dewan, Yang Berhormat. Sebab itu ada Peraturan 43 yang membenarkan Tuan Yang di-Pertua untuk membuat keputusan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua...

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tidak bohong. Ya, Kinabatangan.

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Speaker, harus...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, *point of order*.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** ...mengekalikan keputusan. Keputusan Tuan Yang di-Pertua adalah muktamad.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya telah buat, Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jadi jangan lagi ada benarkan gangguan-gangguan sebegini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya telah menggunakan kuasa Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat. Sebab itu saya minta menteri untuk meneruskan penggulungan. Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di Kedah RM490 ribu diturunkan untuk program pelancongan, Langkawi RM410 ribu, Perak RM670 ribu, Selangor RM430 ribu dan juga di Kelantan RM680 ribu. Jadi tuduhan mengatakan kita telah membatalkan *signature event* adalah tidak betul, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan juga kerap memaklumkan kepada Kementerian Pelancongan mengenai langkah-langkah yang diambil bagi memperbaiki *connectivity*, dengan izin, terutamanya di kawasan pedalaman Malaysia. Ada langkah-langkah yang telah diambil adalah bagi pengambilalihan semula laluan penerbangan ke kawasan pedalaman Sarawak oleh Syarikat Penerbangan MAS Wings Sdn. Bhd. mulai 1 Oktober 2007.

Pelaksanaan dasar *open sky* di antara negara-negara ASEAN juga dijangka dapat dilaksanakan sepenuhnya pada penghujung Disember 2008. Ini bermakna syarikat penerbangan negara ASEAN akan bebas untuk membuat penerbangan ke mana-mana destinasi di Malaysia. Dengan ini dapat memperbaiki...

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Minta penjelasan.

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** ...aspek *connectivity*, dengan izin, yang sentiasa dipandang berat oleh pelancong-pelancong asing dalam memilih destinasi pelancongan mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rantau Panjang bangun, Yang Berhormat.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin penjelasan tentang dasar pelancongan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan. Kita lihat negeri-negeri yang terlibat dengan pelancong-pelancong asing ini, yang kesannya cukup teruk kepada generasi iaitu kepada warga tempatan. Kita lihat apa yang berlaku di Langkawi, bagaimana terlibatnya rakyat tempatan dengan masalah minum arak, judi dan pelacuran yang memang ketara tetapi tidak didedahkan dalam media.

Begitu juga kita lihat apakah yang dirancangkan oleh kerajaan hari ini terutama dari segi menyambut pelancong-pelancong dari Timur Tengah. Apakah yang disediakan oleh kerajaan hari ini mesra dengan pelancong-pelancong yang beragama Islam, terutama kita tengok bagaimana dalam syarikat penerbangan kita yang masih lagi menyediakan minuman haram, arak, kepada pelancong-pelancong terutama pelancong Islam. Begitu juga pakaian pramugari yang tidak melambangkan sedikit pun konsep Islam Hadhari yang diperkenalkan oleh kerajaan. Masih lagi pakaian pramugari kita dengan pakaian yang terbuka, yang singkat, yang begitu menjolok mata dan juga pakaian pramugari MAS yang terbelah, yang tidak melambangkan kesopanan sebagai warga Islam. Ini terutamanya kepada pramugari Islam.

Saya ingin penjelasan bagaimana undang-undang yang melarang merokok dalam penerbangan tetapi arak masih dibenarkan. Jadi di mana sebenarnya konsep pelaksanaan

Islam Hadhari dalam menyambut pelancong-pelancong Islam terutama sekali yang datang ke negara kita dan bagaimana kesannya kepada warga tempatan, hasil daripada dasar yang dibuat oleh kerajaan hari ini. Minta penjelasan.

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam isu berkenaan dengan pemberian minuman arak di Malaysia Airlines System, dengan izin, dan juga pakaian-pakaian yang tidak sopan adalah satu dasar yang dibuat oleh syarikat penerbangan itu sendiri, Tuan Yang di-Pertua.

Bagi Kementerian Pelancongan, kita tidak libatkan diri dalam dasar itu. Kalau kita lihat dari carta kehadiran pelancong-pelancong, kita mempunyai pelancong-pelancong yang datang pada tahun lepas, tahun 2007 adalah sebanyak 20.9 juta orang dan kehadiran ini kalau kita lihat adalah daripada bukan sahaja, negara Eropah tetapi juga dari negeri Timur Tengah, dari Asia Barat dan juga dari negara-negara ASEAN.

Berkenaan dengan isu di Langkawi berkenaan dengan pelaksanaan oleh pelancong-pelancong, tetapi sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek pelancong-pelancong dari luar negara, bagi pihak kementerian, apa yang mereka laksanakan dalam sektor, definisi pelancongan mereka itu semua, Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kementerian, kita tidak melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti mereka, Tuan Yang di-Pertua, tetapi bagi pihak kementerian, kita mahu melihat bahawa daripada kehadiran pelancongan sebanyak 20.9 juta itu, kementerian telah berjaya membawa kemasukan kewangan dalam negara sebanyak RM46 bilion, iaitu yang kedua besarnya berbanding dengan kementerian dalam aspek-aspek *manufacturing*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Minta jalan.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Minta penjelasan sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Sedikit sahaja, saya hendak minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi, Yang Berhormat?

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Ya, saya ingin penjelasan apakah nilai dari segi keuntungan kewangan, material sahaja yang menjadi matlamat Kementerian Pelancongan dalam menggamit pelancong, bukan nilai aspek pembangunan kemanusiaan itu sendiri.

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau kita lihat di Langkawi sebagai contoh, kita mempunyai hotel-hotel bertaraf antarabangsa seperti Four Seasons, Tuan Yang di-Pertua, dan juga Hotel Datai dan seterusnya dan kalau kita lihat sebenarnya dari segi penggalakan pelancongan dalam negara kita, kita melihat ini sebagai satu petanda bagi kemajuan dalam negara kita.

Dalam aspek yang ditanya oleh Yang Berhormat dari Rantau Panjang berkenaan dengan nilai-nilai dari segi moral dan seterusnya, bagi pihak kementerian, kita juga telah menjalankan Program Pelancongan Ibadah di mana contohnya yang berlaku, pelancong-pelancong dari

Singapura telah datang ke Malaysia untuk menjalankan program-program berkhatan secara beramai-ramai. Ini menunjukkan adanya keseimbangan yang dilaksanakan apabila kita melaksanakan program-program kerajaan, tetapi program-program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat swasta sebagai pemilik-pemilik hotel, sebenarnya bagi pihak kementerian, kita tidak mempunyai kuasa untuk campur tangan dalam aktiviti yang dilaksanakan oleh mereka.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Minta jalan, Yang Berhormat. Terima kasih. Saya hendak tanya Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat bersedia untuk berunding dengan pihak penerbangan MAS, Air Asia supaya menghentikan penyediaan minuman keras walaupun untuk pelancong-pelancong. Sebab itu tidak baik dan haram di sisi agama kita kerana dari segi sudut ekonomi, apakah Yang Berhormat sedar Saudi Airlines, Pakistan Airlines dan ada lagi beberapa buah *airline* dari Timur Tengah, mereka tidak menyediakan minuman keras, tetapi pelancong Eropah naik juga dan mencapai keuntungan.

▪ 1250

Apakah Yang Berhormat sanggup mengambil inisiatif dengan tidak melepaskan tangan semata-mata itu adalah tanggungjawab pihak swasta? Terima kasih.

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih kepada soalan daripada Yang Berhormat Pasir Mas. Sudah tentu bagi pihak kementerian kita boleh berbincang dengan pihak Kementerian Pengangkutan, tetapi penentuan adalah memang oleh mereka yang menjalankan sektor pengangkutan ini.

Berkenaan dengan kenyataan Yang Berhormat Pasir Mas mengenai penerbangan-penerbangan daripada negara-negara Timur Tengah yang tidak menyediakan arak saya agak terperanjat sebab daripada pengetahuan kami mereka juga menyediakan minuman keras terutama sekali dengan izin, Etihad Airlines, Emirates Airlines dan Qatar Airways. Jadi agak....

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Akan tetapi Saudi Airlines, Pakistan Airlines tidak ada. Rujuk kepada yang tidak ada, jangan rujuk kepada yang ada. Jangan hendak bandingkan begitu...

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak tengok kemasukan pelancong kita boleh mengatakan juga kemasukan pelancong daripada syarikat-syarikat pengangkutan yang lain. Kalau kita tengok daripada penerbangan British Airways ataupun daripada dengan izin, Cathay Pacific ataupun daripada Singapore Airlines ramai juga pelancong-pelancong yang telah masuk ke Malaysia melalui penerbangan dalam syarikat penerbangan tersebut. Ini menunjukkan bahawa kita boleh berbincang tetapi dari segi dasar yang dilaksanakan oleh kita pada hari ini ialah menentukan bahawa syarikat-syarikat penerbangan yang membawa pelancong-pelancong ke negara kita,..

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Minta penjelasan.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Penjelasan.



**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** ...Kita mahu mewujudkan satu situasi di mana pelancong-pelancong merasa dalam keadaan begitu selesa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Wangsa Maju dan Yang Berhormat Batu Pahat, Yang Berhormat. Hendak bagi yang mana, Yang Berhormat, Wangsa Maju? Ya.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa kerajaan pada hujung tahun ini iaitu 2008, kerajaan perlu melaksanakan *open sky policy*. Adakah Yang Berhormat sedar atau tidak bahawa sekarang ini penerbangan MAS tidak boleh menjalankan *low cost carrier* dan *airlines* yang lain juga tidak boleh menjalankan *low cost carrier*. Adakah kerajaan akan memberi peluang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, isu Yang Berhormat adalah di bawah Kementerian Pengangkutan.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Ya, tetapi tadi Yang Berhormat ada mengatakan bahawa kerajaan akan melaksanakan satu dasar *open sky*. Soalan saya ini termasuklah dalam dasar *open sky* ini. Jadi, adakah kerajaan akan memberi peluang kepada *airlines* yang lain untuk melaksanakan *low cost carrier* dan bukannya memberikan hak kepada Syarikat AirAsia sahaja. Terima kasih.

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Sebenarnya dalam aspek sektor pelancongan saya boleh jawab itu, Tuan Yang di-Pertua. Pihak kementerian kita kalau boleh memang hendak menggalakkan lebih ramai pelancong datang ke Malaysia. Kita pun memang tahu budaya pelancongan di peringkat antarabangsa pada hari ini ialah budaya untuk menggunakan dengan izin, *budget airlines*.

Dengan itu bagi pihak kementerian kalaulah Kementerian Pengangkutan membuat penggalakan memanglah itu kita merasakan itu satu pendekatan yang cukup baik supaya kita dapat memperbanyakkan pelancong untuk datang ke negara kita. Apa yang saya maksudkan dalam *open sky* itu adalah di mana syarikat-syarikat penerbangan di negara-negara Asean yang lain boleh turun di negeri-negeri kita bukan sahaja di KLIA dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Kalau ini diperbanyakkan sudah tentu kita mewujudkan satu penggalakan dan kita mahukan konsep yang lebih terbuka dapat dijalankan supaya kita dapat memperbanyakkan pelancong-pelancong ke negara kita sama ada dari persekitaran negara-negara Asean, negara Barat ataupun negara Timur Tengah. Terima kasih.

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rasah bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berdasarkan jawapan yang saya terima daripada Menteri Pengangkutan yang mengatakan bahawa *open sky*

*policy* pada Disember 2008 itu hanya melibatkan *open sky* di antara ibu negara sahaja tetapi yang melibatkan lapangan-lapangan terbang antarabangsa yang lain di negara-negara Asean, *roadmap* yang disediakan itu hanya akan berkuat kuasa mulai Disember 2012.

Jadi, itu ada percanggahan daripada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Satu lagi, apakah langkah-langkah untuk mempercepatkan lagi implementasi ini. Tadi ada percanggahan yang saya rasa tidak tepat jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apabila kita maksudkan *open sky policy* itu kita dimaklumkan bahawa kita mahukan penerbangan-penerbangan ke negeri-negeri yang berlaku di dalam negara kita dilakukan dalam keadaan yang lebih terbuka. Kementerian memang mewujudkan satu pendekatan di mana kita memang mahu menggalakkan pendekatan yang lebih terbuka dan yang lebih cepat.

Ini kerana daripada jumlah kemasukan pelancongan ke negara kita pada tahun 2007 seramai 20.9 juta iaitu kemasukan yang paling ramai berbanding dengan tahun-tahun kemasukan yang lain, kita dapat lihat antara kemasukan yang paling ramai datang daripada Singapura iaitu 10.4 juta. Kalau kita tengok daripada Singapura antara negara yang terdekat di Malaysia, kemasukannya dari segi peratusan adalah melalui pengangkutan jalan raya dan juga kemasukan melalui kereta api.

Oleh sebab itu kita tengok negara-negara seperti Singapura, Indonesia, Thailand, Brunei dan juga Filipina adalah antara yang paling ramai jumlah pelancong yang datang ke negara kita dan sudah tentu bagi pihak kementerian, kita berharap Kementerian Pengangkutan dapat mewujudkan penggalakan supaya pelancongan di negara kita dapat dimajukan bukan sahaja di peringkat negeri-negeri tetapi juga destinasi-destinasi pelancongan dalam negara kita dapat diperhebat.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Pahat bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak tahu kaedah bagaimana kita mengira kemasukan pelancong asing ke negara ini sebab saya takut bercampur aduk, pekerja asing Bangla pun kita masukkan sekali dalam senarai pelancong dan orang Johor yang bekerja di Singapura masuk balik ke Johor, saya takut itu pun di campur juga. Jadi, saya rasa saya perlu penjelasan bagaimana sebenarnya jumlah pelancong asing ini dikira masuk ke negara kita termasuklah rakyat Malaysia yang masuk ke Hadyai dan masuk balik, takut-takut itu pun dimasukkan juga.

Saya hendak bangkitkan sedikit mengenai dengan pakaian pramugari tadi itu. Mungkin untuk menarik pelancong ini, mungkin kalau itu ada kaitannya pramugari kita ini disuruh pakai baju kurung sahaja. Saya juga hendak tahu adakah betul maksudnya bila pakai skirt ini tujuannya

ialah untuk tujuan keselamatan, manalah tahu kalau kapal terbang hendak terhempas, terbakar atau terjatuh senang hendak terjun kalau pakai skirt.... [*Dewan riuh dengan ketawa*]

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat jawablah berkenaan dengan pakai skirt atau baju kurung ini. Saya rasa mungkin Kementerian Pengangkutan dapat menjawabnya, tetapi bagi pihak kementerian kita melihat dari segi sektor pelancongan, mungkin pakaian kebaya itu juga adalah melambangkan pakaian wanita dalam negara kita. Dalam perkara mengenai pemakaian skirt itu, Malaysia Airlines, dengan izin, tidak menggalakkan pemakaian skirt tetapi mungkin penerbangan daripada syarikat-syarikat swasta.

Berkenaan dengan pengiraan itu, pengiraan kita adalah berdasarkan kepada borang kemasukan pelancong-pelancong ataupun sesiapa daripada luar negara. Dalam borang kemasukan ini kita telah meletakkan satu ruang di mana mereka menyatakan mereka dalam kategori pelancong ataupun pekerja. Namun dari segi definisi pelancongan dalam definisi dunia, pelancongan itu boleh dilihat sebagai definisi di mana mereka mestilah satu malam tidur di Malaysia ataupun seterusnya tidur di Malaysia. Daripada statistik kementerian, kiraan paling lama ataupun....

**Dato' Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu]:** Minta jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Bharu.

**Dato' Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa borang kemasukan imigresen sudah pun dimansuhkan sekarang.

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya yang saya maksudkan borang kemasukan adalah bagi kiraan tahun 2007. Bagi tahun 2008 kementerian telah mencadangkan di mana mereka yang masuk ke negara kita menyediakan satu borang. Walau bagaimanapun tambahan dari segi kiraan itu akan dilaksanakan oleh Persatuan Hotel-hotel Malaysia, dengan izin, *Malaysia Association of Hotels* iaitu MAH, di mana kita akan membuat kiraan. Walau bagaimanapun hubungan kementerian dengan agensi-agensi kerajaan yang lain diharapkan walaupun kad tersebut telah diketepikan tetapi kita akan memberikan satu jenis kad yang baru di mana mereka yang datang ke negara kita mengisi borang tersebut.

Walaupun bagaimanapun saya dimaklumkan oleh pegawai-pegawai di kementerian borang tersebut diketepikan kerana kementerian yang relevan pada isi kemasukan pelawat-pelawat asing mahukan satu sistem yang dilaksanakan melalui sistem komputer, tidak dilaksanakan daripada sistem pengisian borang sahaja.

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan dasar *open sky*. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan sebenarnya sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan mana-mana kementerian dan jabatan agensi yang lain serta pihak swasta dalam usaha-usaha promosi menggalakkan Malaysia sebagai sebuah negara destinasi pelancongan yang terunggul.

Bagi pihak kementerian kemasukan pelancong-pelancong ke dalam negara iaitu ke setiap negeri kita sama ada Pulau Pinang, Perak, Kedah atau Selangor, jumlahnya bagi Malaysia adalah satu jumlah yang sangat penting yang dilihat kemasukan semua pelancong ini adalah kemasukan yang digalakkan dan diberi keutamaan. Jadi, bagi pihak kementerian kita ingin memberi keyakinan bahawa sektor pelancongan, aktiviti-aktiviti dan program-program pelancongan akan dilaksanakan seterusnya di semua negeri kerana kemasukan pelancongan ini dilihat sebagai salah satu daripada cara untuk mewujudkan keutuhan ekonomi dalam negara kita. Oleh sebab itu Kementerian Pelancongan tidak akan ...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak sambung petang, Yang Berhormat?

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Saya hendak habiskan sedikit. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ledang pula meminta kementerian mengkaji dan memajukan Ledang sebagai satu destinasi pelancongan dalam aspek industri pelancongan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak beri jalan kepada Yang Berhormat Taiping, Yang Berhormat?

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memandangkan slogan *Tourism Malaysia* adalah "*Malaysia Truly Asia*" adakah kementerian menyediakan risalah-risalah dalam pelbagai bahasa seperti dalam bahasa Tamil, bahasa Cina dan bahasa Inggeris serta bahasa-bahasa lain supaya memudahkan pelancong-pelancong dari merata dunia untuk melawat Malaysia dengan mendapat kepelbagaian maklumat dan supaya mereka boleh membawa balik ke negara masing-masing turut mempromosikan negara kita. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang sudah jam 1.00 petang kita tangguhkan Mesyuarat hingga ke jam 2.30 petang nanti.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

■ 1430

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Menteri Pelancongan, sambung.

**2.30 ptg.**

**Menteri Pelancongan [Datuk Seri Azalina binti Othman Said]:** Tuan Yang di-Pertua, tadi sebelum kita telah berhenti sebentar untuk makan tengah hari, soalan yang ditujukan kepada saya...

**Dato' Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu]:** 26(1)(p), Yang Berhormat Menteri pada sebelah tengah hari tadi telah pun menyebut mengenai dengan kakitangan Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Kelantan yang tidak dibayar gaji selama tiga bulan. Saya menggunakan peluang rehat tadi untuk menghubungi Exco Kerajaan Negeri Kelantan yang terlibat dengan pelancongan yang dahulu dan juga yang sekarang.

Saya berhubung juga dengan Ketua Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Kelantan. Saya juga mendapat kepastian daripada Pengerusi Persatuan Pelancongan Negeri Kelantan, dan saya juga bercakap dengan pegawai yang menguruskan TIC Negeri Kelantan, di bawah kerajaan negeri. Sebenarnya Majlis Tindakan Pelancongan Negeri adalah suatu badan yang ada di bawah Kerajaan Persekutuan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tidak payahlah...

**Dato' Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu]:** Jadi, tuduhan bahawa kakitangan Majlis Tindakan Pelancongan Negeri tidak dibayar gaji oleh kerajaan negeri adalah suatu perkara yang mengelirukan Dewan ini oleh sebab kakitangan MTPN ini adalah agensi Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri tidak pernah membayar gaji kepada mereka. Ini kes yang berlaku pada tahun 2002, enam tahun yang lalu.

Jadi, oleh sebab Yang Berhormat Menteri telah pun mengelirukan Dewan ini, saya mohon mencadangkan supaya beliau, Yang Berhormat dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu]:** ...Saya mohon sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Duduk dahulu Yang Berhormat, duduk dahulu, duduk dahulu. Silakan.

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya dimaklumkan oleh pegawai-pegawai dari kementerian, memang benar MTPN adalah entiti Kerajaan Persekutuan, tetapi apa yang berlaku, apabila MoU ditandatangani, maka perbelanjaan MTPN, duit Kerajaan Persekutuan, akan diletakkan di Setiausaha dengan izin, *State Financial Officer* atau SFO.

Apa yang berlaku, saya dimaklumkan oleh pegawai kementerian ialah pada masa yang berlaku di sini ialah di mana gaji melibatkan pengurus besar dan juga kakitangan tidak dibayar. Apa yang saya dimaklumkan oleh pegawai dari kementerian ialah, pada hari ini, MTPN Negeri

Kelantan, di mana akaun bayaran segala perbelanjaan pentadbiran dan juga operasi adalah dibayar kepada akaun MTPN Negeri Kelantan secara seterusnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, terima kasih Yang Berhormat. Tolong duduk sekejap.

**Menteri Pelancongan, Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin saya menyambung. Soalan yang ditanya sebelum masa kita berhenti itu berkenaan dengan brosur dalam beberapa bahasa. Izinkan saya memaklumkan terjemahan 21 bahasa...

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti dahulu Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya terpaksa membuat *ruling* kepada *point of order* tadi. Duduk sekejap dahulu.

Yang Berhormat, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri itu adalah bersandarkan kepada informasi daripada kerajaan dan apa Yang Berhormat sebut tadi itu adalah juga informasi daripada pihak yang berwajib di sebelah kerajaan yang disebut tadi.

Jadi, oleh sebab di sini ada percanggahan hujah di antara Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat sendiri, dan saya tidak mempunyai fakta-fakta di hadapan saya secara bertulis, maka buat ketika ini, tidak mengapalah Yang Berhormat Menteri sambung dahulu hujah dan saya akan minta kepastian secara bertulis daripada kedua pihak, barulah saya boleh fatwa. Boleh begitu?

**Dato' Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu]:** Boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, sila Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Insyaa-Allah, pihak kementerian akan menjawab hujah berkenaan dengan isu itu kalau diminta. Jadi, berkenaan dengan soalan-soalan tentang brosur dalam bahasa-bahasa lain, ini dimaklumkan dalam 21 bahasa iaitu bahasa Arab, bahasa Malaysia, bahasa Belanda, bahasa Jepun, bahasa Perancis, bahasa Jerman, bahasa Hungary, bahasa Indonesia, bahasa Korea, bahasa Itali, bahasa India, bahasa Rusia, bahasa Parsi, bahasa Cina, dua jenis bahasa Cina, bahasa Thai, bahasa Turki, Sepanyol, bahasa Spanish, Sweedish, Portugis dan Vietnam.

Jadi, bagi pihak kementerian memang *brochure* promosi dilaksanakan dalam pelbagai bahasa. Izinkan saya menyambung Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan yang dibawa oleh Yang Berhormat Ledang, di dalam hujah bahas ini di mana telah bertanyakan soalan berkenaan destinasi di Ledang, memandangkan projek industri pelancongan di Ledang yang luas dan juga menarik. Apakah Kementerian Pelancongan telah mengkaji dan memajukannya?

Izinkan saya memaklumkan bahawa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, peruntukan di Parlimen Ledang sebanyak RM8 juta yang disediakan bagi melaksanakan projek Taman Negara Johor, Gunung Ledang iaitu di bawah program ekopelancongan, peruntukan ini disediakan bagi menyediakan kemudahan-kemudahan seperti dewan seminar, tempat letak kereta, tandas awam, papan untuk arah, kaunter pendaftaran, *canopy walk*, *board walk*, tapak khemah dan sebagainya.

Projek ini dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Johor dan projek dijangka akan ditender pada bulan Mei 2008. Di samping itu, sebanyak RM1.5 juta telah disediakan bagi memperbaiki cerun jalan ke Taman Negara Gunung Ledang di bawah peruntukan naik taraf penyelenggaraan baik pulih kemudahan pelancongan. Projek ini juga dilaksanakan oleh JKR Johor dengan kerja siasat tapak telah dibuat oleh JKR. Pada masa sekarang, projek ini adalah di peringkat reka bentuk dan dijangka akan ditender pada bulan Jun 2008.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta maaf Yang Berhormat, ada usul daripada Jabatan Perdana Menteri. Sila Yang Berhormat Menteri.

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**14.38 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputuskan Usul Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan selepas itu, mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Rabu, 21 Mei 2008”.

**Menteri Penerangan [Dato' Ahmad Shabery Cheek]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputuskan Usul Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

*[Perbahasan disambung semula]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jempol pula memohon kementerian memberikan perhatian dan peruntukan yang mencukupi bagi...

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Penjelasan, boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Ledang minta penjelasan.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang pertama, saya hendak mengucapkan terima kasih kerana jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tentang Ledang tadi.

Cuma ada beberapa perkara Tuan Yang di-Pertua, yang perlu saya bangkitkan semula kerana maksud saya di Ledang itu, ia adalah sumber industri pelancongan yang sangat luas. Ia tidak tertumpu kepada Gunung Ledang semata-mata. Yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi ialah lebih fokus kepada Gunung Ledang.

■1440

Yang terhormat Menteri, yang saya bangkit dalam ucapan saya tempoh hari ialah berkaitan dengan agropelancongan, berkaitan dengan pelancongan yang berasaskan kepada ilmu dan sebagainya.

Di Ledang juga sebagai contoh, di Bandar Tangkak di situ letaknya penggiat kepada tarian Cina yang tarian singa oleh masyarakat Cina yang ulung di rantau Asia yang boleh dibangunkan dan disuburkan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, terima kasih.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Sedikit lagi. Satu lagi, kalau Langkawi maksud saya tadi. Kalau Langkawi terkenal dengan legenda Mahsuri, saya yakin legenda Puteri Gunung Ledang boleh juga menjadikan Ledang sebagai pusat pelancongan yang ulung di rantau ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Kerana legenda itu sangat masyhur. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Saya cukup bersetuju dengan soalan dan juga kenyataan yang dibuat oleh Yang terhormat Ledang, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat daripada Jempol pula memohon kementerian memberi perhatian dan peruntukan yang mencukupi bagi pembinaan infrastruktur kemudahan kawasan pelancongan kawasan FELDA seperti di Teratak Za'ba.

Tuan Yang di-Pertua, di Negeri Sembilan terdapat sebuah program *homestay* di kawasan rancangan FELDA iaitu di F' Best Homestay Serting, Hilir FELDA Serting Hilir, Jempol.

Maklumat yang diperoleh daripada pengurusan F' Best Homestay Serting Hilir pembinaan gerai-gerai adalah di bawah peruntukan Pejabat Daerah Jempol dan pembinaan serta penyelenggaraan kemudahan seperti dewan peringkat rancangan adalah di bawah FELDA sendiri.

Pembinaan papan tanda penerangan pelancongan dan papan tanda tunjuk arah seperti yang dibina di F' Best Homestay Serting Hilir adalah di bawah peruntukan Kementerian Pelancongan.



**Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]:** Penjelasan, boleh Tuan Yang di-Pertua?. Teratak Za'ba ini adalah merupakan nama yang sangat besar dalam negara kita dan juga di peringkat serantau.

Kerajaan telah pun membangunkan Teratak Za'ba ini sebagai produk pelancongan tetapi saya mencadangkan kepada kementerian supaya kemudahan-kemudahan sampingan untuk melengkapkan Teratak Za'ba ini disediakan seperti dewan seminar, gerai-gerai penjualan kraf dan juga bahan-bahan yang boleh dibeli oleh para pelancong dan juga kemudahan-kemudahan lain.

Bagi *homestay* di kawasan FELDA, pada waktu malam begitu gelap keadaannya. Saya mencadangkan supaya sebahagian...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ini perkara baru?.

**Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]:** Kedua-dua ini disentuh dalam ucapan membahaskan Titah Ucapan Tuanku, Tuan Yang di-Pertua.

Saya mencadangkan kepada kementerian supaya dibuatkan pencahayaan kerana pelancong-pelancong daripada luar negara terutama sekali daripada Singapura dia amat pelik tengok waktu gelap ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya bagi kementerian kita melihat dalam pembentukan produk-produk pelancongan, memang sudah tentunya semuanya di ambil kira apatah lagi kalau produk pelancongan itu berkenaan dengan aspek pelancongan di kawasan luar bandar sebagai contohnya dalam isu-isu kewujudan program-program *homestay*.

Itu sebabnya bagi pihak kementerian, memang dari segi umumnya, memang kita bersetuju. Banyaknya kelengkapan-kelengkapan perlu disediakan untuk membantu mereka yang terlibat dalam industri pelancongan. Itu sebabnya cadangan daripada Yang Berhormat itu akan kita ambil kira dan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kita telah meletakkan segala bantuan bukan sahaja dalam aspek *maintenance* dengan izin, penyelenggaraan tetapi juga dalam aspek untuk menaikkan taraf produk-produk pelancongan.

Jadi berkenaan dengan penubuhan *homestay*, memang sebelum kewujudan satu *homestay*, perlunya Majlis Tindakan Pelancongan Negeri akan terlibat dalam menjalankan kajian bagi potensi perkampungan tersebut untuk didaftarkan sebagai sebuah industri *homestay*. Antara kajian penilaian yang dijalankan ialah mengenal pasti produk-produk pelancongan yang sedia ada itu di kawasan berdekatan supaya produk pelancongan sedia ada dijadikan sebagai produk sokongan kepada aktiviti pelancongan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Rantau Panjang memohon agar kementerian membaiki serta menambah baik kelengkapan, kemudahan infrastruktur produk pelancongan di Rantau Panjang.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kesembilan sebanyak RM32 juta telah diluluskan bagi negeri Kelantan di bawah Program Peningkatan Kemudahan Pelancongan ini termasuk di kawasan Rantau Panjang.

Kementerian ini mengambil kira maklum mengenai kepentingan Rantau Panjang sebagai zon perdagangan bebas dan ia juga merupakan salah satu daripada pintu masuk pelancong daripada luar negara kepada negara kita.

Sebanyak RM8 juta telah diluluskan bagi penyediaan sebuah bazar, pusat jualan bagi menempatkan gerai-gerai sedia ada di Rantau Panjang. Projek ini dilaksanakan oleh JKR dan ianya telah berada di peringkat reka bentuk dan dijangka tender pada bulan Julai 2008. Apabila siapnya projek ini, ianya akan memberikan keselesaan kepada pengunjung dan juga pelancong-pelancong di sekitar kawasan Rantau Panjang. Selain itu pada tahun 2006, terdapat beberapa projek penyelenggaraan yang telah dilaksanakan di kawasan pintu masuk Rantau Panjang seperti penyediaan surau dan kemudahan infrastruktur yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, sekali lagi saya bagi pihak kementerian mengucapkan terima kasih ke atas pandangan.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih di atas peruntukan yang telah diberi kepada kawasan Rantau Panjang.

Saya ingin penjelasan tentang peruntukan untuk pembinaan hotel atau tempat penginapan yang menjadi sungutan kebanyakan para pelancong apabila datang ke sana. Mereka tidak ada tempat penginapan dan ada antara mereka yang terpaksa pergi menginap ke Kota Baharu atau ke Golok. Jadi apa perancangan pihak kementerian untuk memastikan supaya benar-benar infra untuk pelancong ini dapat diberi kemudahan yang sewajarnya.

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Terima kasih kepada soalan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, memang dalam kiraan membangunkan mana-mana produk pelancongan dan kalau kita lihat Rantau Panjang boleh dilihat salah satu daripada projek pelancongan.

Saya tidak dapat menjawab sama ada di dalam isu perbelanjaan yang diletakkan sebanyak RM32 juta di negeri Kelantan termasuk juga dalam pembinaan hotel, Tuan Yang di-Pertua. Kalau Yang Berhormat daripada Rantau Panjang ingin tanya saya spesifik berkenaan dengan sama ada perbelanjaan melibatkan diri dalam pembinaan hotel, saya akan menjawab secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini yang buat hotel Yang Berhormat, kerajaan yang buat atau swasta?.

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Saya tidak pasti Tuan Yang di-Pertua yang hanya saya mendapat jawab ialah RM32 juta untuk negeri Kelantan, RM8 juta untuk penyediaan sebuah bazar di Rantau Panjang tetapi berkenaan dengan hotel sama ada, ada atau tidak

ataupun kita hendak menambah hotel saya akan menjawab secara bertulis. Saya tidak sedia pada jawapan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan itu sekali lagi ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat. Insya-Allah bagi pihak kementerian kita berharap kerjasama daripada Yang Berhormat akan dapat membangunkan pelancongan di seluruh negara Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Kementerian Wilayah Persekutuan.

**2.47 ptg.**

**Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Sri Zulhasnan Rafique]:**  
*Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Petua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam membahaskan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan semasa perbahasan usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Diraja. Bagi pihak kementerian Wilayah Persekutuan, saya akan memberi penjelasan terhadap isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertama kali Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang membangkitkan isu tindakan penguatkuasaan oleh DBKL yang melampau tetapi beliau tidak menyentuh insiden-insiden yang spesifik.

Jabatan Keselamatan dan Penguatkuasaan melaksanakan tindakan penguatkuasaan mengikut kaedah dan peraturan yang telah ditetapkan. Bagi mengawal aktiviti penjajaan, memastikan persekitaran perniagaan yang baik, pihak DBKL mengambil tindakan penguatkuasaan berpandukan peruntukan undang-undang kecil yang diguna pakai iaitu Undang-undang Kecil, Pelesenan Penjaja dan Gerai, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Undang-undang Kecil Pasar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1984 dan Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974.

Di dalam melaksanakan tugas penguatkuasaan, jabatan mengambil tindakan yang tegas jika penjaja tidak mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, notis amaran akan dikeluarkan terlebih dahulu dan disusuli dengan tindakan mengeluarkan notis kompaun jika gagal barulah tindakan sita akan diambil.

Bagi penjaja yang mempunyai lesen, surat tunjuk sebab akan dikemukakan terlebih dahulu dan jika pelesen tersebut gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan maka tindakan membatalkan lesen penjaja akan diambil.

Yang Berhormat Bukit Bintang juga mendakwa DBKL telah menyita premis perniagaan iaitu kerusi, meja dan juga yang Berhormat tidak menyentuh insiden-insiden spesifik.

## ■1450

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Bintang, tindakan penguatkuasaan yang dijalankan oleh DBKL adalah berdasarkan kepada peraturan dan prosedur yang diguna pakai. Tindakan penguatkuasaan dijalankan dengan cara berhemah ke atas penjaja-penjaja yang tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang juga membangkit isu supaya pelantikan datuk bandar dibuat melalui pilihan raya, menggubal pelantikan anggota penasihat DBKL.

Tuan Yang di-Pertua, bagi melaksanakan fungsi dan peranan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai ibu kota; Akta Ibu Kota Persekutuan 1960, Akta 190 telah diadakan khusus untuk memastikan perjalanan pengurusan dan pentadbiran pihak berkuasa tempatan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Akta ini dengan jelas juga telah...

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Biar saya habiskan dahulu. Akta ini juga dengan jelas telah memperuntukkan bahawa pelantikan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Ahli Lembaga Penasihat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pelantikan Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Ahli Lembaga Penasihat Kuala Lumpur adalah tertakluk kepada peruntukan di dalam Akta Ibu Kota Persekutuan dan ianya masih berkuat kuasa sehingga hari ini.

Mengenai cadangan beberapa Ahli Parlimen supaya diadakan pilihan raya kerajaan tempatan bagi jawatankuasa atau jawatan datuk bandar, dasar mengenai perkara ini adalah di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sila.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Tadi, Yang Berhormat Menteri mengatakan mengenai dengan penjaja-penjaja di Bukit Bintang. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri bahawa di Jalan Petaling, saya pun ada bangkit mengenai penjaja-penjaja pendatang tanpa izin ataupun pendatang haram yang berjaja di Jalan Petaling. Saya nampak beberapa kali penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pura-pura sahaja pergi sana hendak tangkap mereka. Namun, sebelum penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur datang ke Jalan Petaling semua pendatang haram sudah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** ...Sudah lari. Saya hendak tanya kenapakah DBKL...

**Tuan Yang di-Pertua:** ...Yang Berhormat, Yang Berhormat. Nanti dahulu, nanti dahulu. Sebelum tanya nanti dahulu. Ada perkataan di sana yang saya rasa tidak elok iaitu pura-pura tangkap. Itu adalah sangkaan jahat. Perkara-perkara sebegitu elakkan. Jangan buat perkataan-

perkataan yang boleh disangkal oleh sebelah dan sedemikianya, kerana itu menimbulkan kadang-kadang kekecohan.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Tarik balik.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Memang itu kita nampak beberapa kali sudah. Berpuluh-puluh kali sudah tapi tak pernah menghapuskan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apalah, tak apalah tak payah tarik balik. Saya cuma ingatkan lain kali jangan gunakan perkataan-perkataan begitu. Ini supaya hujah itu nampak elok dan cantik.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Okey, saya tukarkan. Sudah berapa banyak kali mereka pergi sana tapi tak pernah dapat tangkap pendatang asing.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mungkin dia tidak nampak, bukan dia pura-pura. Mungkin tak nampak. Terlampau ramai orang.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Saya tak kata pura-pura. Saya kata tak pernah hendak tangkap dan sampai hari ini tidak boleh selesaikan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** ...Masalah pendatang asing yang berniaga di Jalan Petaling ini.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Yang Berhormat Wangsa Maju, sebenarnya Tuan Yang di-Pertua soalan yang telah ditunjukkan oleh Yang Berhormat Wangsa Maju itu ada jawapannya apabila kita masuk ke segmen Wangsa Maju yang akan saya jawab selepas ini.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Titiwangsa telah mencadangkan penubuhan jawatankuasa khas...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Minta laluan, Pasir Salak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat Menteri pergi kepada tajuk lain, saya hendak minta penjelasan sedikit berhubung dengan tajuk yang masih dia bicarakan iaitu Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang disebutkan tadi. Saya tengok daripada buku laporan DBKL 2007, organisasi ataupun keahlian lembaga penasihat ini; pengerusinya ialah datuk bandar dan datuk bandar ini ialah sebagai CEO kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Bagaimana pula dia menjadi pengerusi kepada lembaga penasihat?

Lembaga penasihat sepatutnya memainkan peranan untuk menasihatkan. Menasihatkan termasuklah datuk bandar. Jadi saya rasa dari segi kedudukan datuk bandar sebagai pengerusi lembaga penasihat itu tidak cocok bagi tujuan untuk melaksanakan fungsi nasihat yang sepatutnya dimainkan oleh lembaga penasihat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila menteri. Itu pendapat Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Melalui Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 (Akta 190) adalah jelas di dalam akta itu peruntukan pelantikan datuk

bandar dan juga ahli lembaga penasihat dan itulah peraturan dan juga prosedur yang telah digunakan selama ini. Dengan itu, pada masa ini tidak ada pertukaran kepada peraturan ini dan kita akan bawa perkara ini, sebab ini satu perkara yang dasar Tuan Yang di-Pertua. perkara-perkara yang dasar ini kita hanya boleh tentukan oleh Kabinet dan kita akan membawa perkara ini kepada Kabinet untuk dijelaskan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, ini masih dalam Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri berhubung dengan laporan akhbar pada hari ini di mana 1,000 buah bas yang dimiliki RapidKL, saya percaya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur turut terlibat dalam menentukan pengangkutan RapidKL ini di bandar raya Kuala Lumpur.

Kenapa bas ini di mana kosnya lebih kurang RM500 juta lebih kurang lupus begitu. 1,000 buah bas. Kenapa RapidKL perlu membeli bas-bas baru tanpa menggunakan bas yang sedia ada? Apakah ada di sebalik cerita yang tidak baik di atas pembelian bas-bas baru RapidKL ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Bas RapidKL ini Tuan Yang di-Pertua isunya dan jawapannya dan tanggungjawabnya di bawah Kementerian Pengangkutan, dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan juga Kementerian Wilayah Persekutuan tidak terlibat langsung di atas pentadbiran dan pengurusan bas RapidKL dan saya meminta soalan ini dijawab oleh Kementerian Pengangkutan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan membawa dalam Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Kewangan.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan mengenai dengan lembaga penasihat ini. Kita telah berjumpa dengan 10 Ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan, Ahli Parlimen Pakatan Rakyat telah berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri dan kami telah memberitahu menteri bahawa kita membantah ataupun menarik kepada menteri bahawa datuk bandar ini mesti dipilih oleh rakyat dan bukannya dilantik oleh Perdana Menteri.

Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa Yang Berhormat akan membawa perkara ini ke Kabinet untuk berunding dan berbincang perkara ini. Ia sama ada kerajaan akan mengambil tindakan untuk meminda *Federal Capital Act* dengan izin, supaya datuk bandar ini akan dipilih oleh semua rakyat di Kuala Lumpur. Terima kasih.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat Wangsa Maju tadi telah pun dibincang sebanyak dua kali di antara Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada pembangkang dan juga kementerian Wilayah

Persekutuan dan juga Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Sesi perbincangan mesyuarat meja bulat kita telah pun mendapat laporannya dan laporannya telah menyatakan kita perlu mengadakan dua strategi iaitu strategi penambahbaikan jangka pendek dan juga strategi penambahbaikan jangka panjang.

Tadi pun saya ada jawab isu yang disebutkan oleh Yang Berhormat Wangsa Maju, satu isu di mana kita perlu pilihan raya kerajaan tempatan bagi jawatan datuk bandar dan perkara ini terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan bukan di bawah akta-akta di Kementerian Wilayah Persekutuan.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Wangsa Maju, pencelahan-pencelahan ini cuma dibenarkan sekali dua. Kalau ia seolah-olah mendominasi *floor* tidak dibenarkan. Sila, sila penghabisan.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara yang amat penting oleh kerana ini satu isu mengenai dengan *non-representation* dan demokrasi dalam negara kita, di mana Perdana Menteri pun mesti dipilih oleh rakyat. Kenapakah datuk bandar di Kuala Lumpur tidak dipilih oleh rakyat dan juga dipilih oleh seorang Raja...

•1500

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, Yang Berhormat Wangsa Maju. Yang Berhormat Wangsa Maju.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** So, sekarang ini hendak tanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini sudah berbahas, bukan lagi pencelahan.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Saya hendak minta tanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ucapan seperti begini, harus diujahkan sewaktu berbahas. Bukan pada ketika sewaktu menteri menggulung.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Kita sudah bahas perkara ini dan kita dapat tahu jawapan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sekarang ini dia menjawab, jadi sekarang ini ditimbulkan balik bermakna ada percanggahan pendapat seolah-olah itu berbahas. Tidak dibenarkan oleh Peraturan Mesyuarat. Itulah maknanya, kadang-kadang kita lambat untuk menyelesaikan isu.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** No, kita hendak tanya penjelasan daripada Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri, sila jawab menteri. Apa dasar kerajaan mengenai dengan soal ini. Terima kasih.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab dua kali dalam Dewan ini dan saya telah jawab dua kali di dalam perjumpaan dengan mereka. Namun, Yang Berhormat Wangsa Maju masih tidak mahu faham.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini bermakna perbahasan. Menimbulkan kepuasan.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Yang Berhormat Menteri, kita bukan tidak faham. Kita hendak tanya, sebab oleh kerana Yang Berhormat Menteri terus mengatakan perkara ini di bawah Kerajaan Tempatan. Bukan, perkara ini juga dalam Kementerian Wilayah Persekutuan dan juga di dalam Kabinet.

Oleh sebab, Yang Berhormat Menteri telah memberitahu kami semua Ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan, bahawa Yang Berhormat Menteri akan membawa perkara ini ke Kabinet untuk dibincangkan. Sekarang ini, kita tanya adakah perkara ini dibincangkan oleh Kabinet? Jika ada, apakah keputusan itu? Itu yang kita perlu tahu. Oleh sebab rakyat di Kuala Lumpur 500 atau 600 ribu orang tidak puas hati dengan perkara ini. So, silalah beri satu jawapan yang tetap. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau Yang Berhormat Menteri selesa untuk menjawab, jawab. Kalau tidak, tidak payah jawab.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Saya sudah jawab dua kali, Tuan Yang di-Pertua. Tadi pun saya sudah maklumkan di mesyuarat meja bulat yang telah diadakan. Laporan pun sudah siap. Laporan-laporan pun telah saya maklumkan tadi, akan dituliskan dan dibahagikan kepada dua strategi tadi. Strategi jangka pendek dan strategi jangka panjang. Ini dimasukkan di bawah strategi jangka panjang di mana kita perlu menukarkan akta kalau kita hendak apa Yang Berhormat Wangsa Maju hendak. Dengan itu, kita akan bawa perkara ini apabila memorandum siap dan terserah kepada Kabinet. Kabinet akan membuat keputusan-keputusan yang tertentu.

Saya sebagai menteri, tidak boleh membuat keputusan ini dalam Dewan ini. Itulah jawapan saya yang terakhir tentang isu ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, saya nampak Yang Berhormat Wangsa Maju masih geleng kepala. Begitulah dalam Dewan.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Seterusnya, ahli.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa yang kita hendak, kadang-kadang kita tidak dapat. Saya pun tidak dapat juga apa yang saya hendak. Saya mahu yang senyap tetapi bising juga sekali-skala. Sila menteri.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya Ahli Yang Berhormat bagi Titiwangsa yang mencadangkan penubuhan Jawatankuasa Khas mengendali integriti DBKL dan mencadangkan DBKL supaya menubuhkan satu jawatankuasa khas atau melantik badan khas yang bertanggungjawab mengendali integriti DBKL.

Makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Wilayah dan agensi-agensi telah pun mewujudkan jawatankuasa keutuhan di agensi masing-masing dan bertanggungjawab terhadap peningkatan disiplin dan integriti pegawai-pegawainya. Unit Integriti DBKL ditubuhkan pada tahun 2008 sebagai satu usaha untuk mempertingkatkan tahap integriti kakitangan DBKL di semua peringkat.



Usaha ini adalah selaras dengan Pelan Integriti Nasional atau PIN yang telah dilancarkan pada tahun 2004. Melalui struktur pelaksanaan Pelan Integriti Nasional, setiap kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan, agensi kerajaan negeri adalah diarahkan untuk menubuhkan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan untuk menjawab sepenuhnya kepada usaha-usaha penambah baikkan dan pemantapan integriti di tahap organisasi.

Dari bulan Januari 2007 hingga Mei 2008, bilangan kes-kes Tatatertib Integriti DBKL adalah seperti berikut; kes tatatertib selesai sebanyak 118; BPR sebanyak empat kes; dan Polis sebanyak lapan kes.

Bagi mengukuhkan lagi integriti pegawai-pegawai dan penduduk Wilayah Persekutuan tidak ketinggalan dalam menubuhkan Institut Integriti Wilayah Persekutuan. Status penubuhan institut pada masa ini adalah peringkat lantikan jawatankuasa penaja. Yang Berhormat bagi Titiwangsa juga membangkitkan isu kawasan Chow Kit dan masalah gerai di bahu jalan.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah melancarkan beberapa projek pembangunan bagi tujuan untuk mempertingkatkan imej kawasan Pasar Chow Kit dan sekitarnya. Antara projek pembangunan yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut;

- (i) cadangan pembangunan semula pasar Chow Kit di Jalan Raja Bot. Bangunan Pasar Chow Kit sedia ada, akan dibangunkan semula dengan satu bentuk pembangunan yang berupaya menyediakan ruang penjajaan yang seragam, bersih, kemas, dilengkapi dengan kemudahan yang berkualiti. Pada masa ini, konsep reka bentuk sedang disediakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur;
- (ii) cadangan menaik taraf dan memperindah sebahagian Lorong Raja Bot dan sebahagian Lorong Haji Hussein 1. Pada masa ini reka bentuk bangunan ini telah pun diluluskan di peringkat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur; dan
- (iii) cadangan menaik taraf, memperindah Jalan Raja Alang di antara Jalan Raja Abdullah dan Jalan Tuanku Abdul Rahman. Pada masa ini, reka bentuk bangunan telah diluluskan di peringkat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Di samping, cadangan-cadangan projek di atas DBKL sedang menyiapkan kerja-kerja menaik taraf Jalan Raja Alang dan Jalan Raja Muda Musa di Kampung Baru. Kerja-kerja ini dijangka dapat disiapkan sepenuhnya pada penghujung Jun 2008. DBKL juga bercadang untuk memperindah dan menaik taraf Jalan Haji Taib, Lorong Haji Taib 1 hingga Lorong Haji Taib 5.

Walaupun projek-projek ini dilaksanakan berhampiran kawasan Chow Kit, pelaksanaan boleh mengerakkan limpahan pembangunan di kawasan Chow Kit. Di samping itu, ia dapat memberikan kemudahan kepada pelbagai pihak untuk berkunjung ke kawasan Chow Kit.

Makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan Banda Raya Kuala Lumpur, tidak pernah mengeluarkan lesen perniagaan kepada warga asing.

Walau bagaimanapun, sikap sesetengah warganegara yang tidak mahu berniaga telah menjual lesen mereka atau menyewakan gerai mereka kepada warga asing menyebabkan perkara ini berlaku. Jabatan Keselamatan Penguat Kuasa DBKL sering melaksanakan tindakan sita melalui 'operasi kerja' terhadap kerusi, meja yang diletakkan di atas jalan, persiar kaki menyebabkan halangan kepada pengguna.

Sepanjang bulan Januari hingga 12 Mei, sebanyak 2,635 notis kompaun telah diambil dan sejumlah 10,492 peralatan telah disitakan. Isu yang seterusnya, adalah perkara yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kota Raja minta laluan.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai rakyat Malaysia yang menyewakan gerai mereka atau memberi peluang perniagaan kepada pendatang asing. Adakah kerajaan bercadang untuk menggubal undang-undang yang lebih akta atau undang-undang yang lebih ketat supaya perkara ini tidak terus menerus berlaku. Ini kerana apabila rakyat kita yang memberi peluang dan akhirnya perkara ini berlaku berlanjutan, kita perlu mengambil tindakan ke atas rakyat kita, yang pertama.

Kedua, kawasan Chow Kit juga ada dikenali terutamanya Lorong Haji Taib itu dikenali dengan *red area* dengan izin, kawasan merah yang memang terkenal dengan pelacuran. Apakah langkah DBKL untuk membersihkan kawasan ini? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Tuan Yang di-Pertua, tentang tindakan-tindakan yang diambil tadi saya pun sudah sebut tetapi saya boleh sebutkan sekali lagi. Di mana kalau ada perkara-perkara yang melibatkan pelanggaran peraturan-peraturan yang tertentu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur melalui Jabatan Keselamatan membuat penguatkuasaan mengeluarkan notis amaran dahulu. Selepas itu, baru tindakan mengeluarkan notis kompaun sebelum tindakan sita akan diambil. Itulah peraturan-peraturan yang tertentu. Kepada peniaga-peniaga yang telah mendapat *license* yang telah menyewakan atau memberi kepada warga-warga asing. Ini adalah sesuatu yang salah dan tidak boleh dijadikan. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kalau ada laporan-laporan yang tertentu akan mengambil tindakan terhadap isu-isu seperti ini.

Lorong Haji Taib tadi Tuan Yang di-Pertua, saya baru baca tadi tentang tiga projek yang Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang laksanakan. Tujuannya adalah Lorong Haji Taib ini juga terletak di dalam kawasan Kampung Baru. Dengan itu juga, kita telah mengeluarkan Pelan Tempatan Kampung Baru di mana terdapat pelan dan pembangunan-pembangunan yang tertentu yang akan kita bangunkan. Dengan itu juga supaya kita dapat membangunkan kawasan ini, supaya dapatlah pelancong-pelancong dan juga penduduk-penduduk tempatan dapat

bersama dalam suasana yang lebih baik. Dengan itu kita berharap Yang Berhormat yang mengeluarkan soalan tadi dapat membantu kita dalam isu ini.

**Dato' Ismail bin Kasim [Arau]:** Mohon laluan Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih pada Yang Berhormat Menteri.

Persoalannya di sini, keterlibatan orang-orang asing, peniaga-peniaga asing yang seolah-olah menjadikan sesuatu tempat di Jalan Tuanku Abdul Rahman, di Chow Kit di pasar-pasar dan sebagainya.

■1510

Kita lihat seolah-olah menjadi satu tempat contohnya kawasan ini dimiliki oleh Orang Aceh, kawasan ini dimiliki oleh Orang Riau, seolah-olah sudah tidak dapat dikawal lagi. Mereka ini bukan sahaja menguasai satu, dua premis, malah berpuluh-puluh premis untuk satu jenis perniagaan. Jadi tindakan ini sudah lama dan mereka dilihat sudah menguasai sebahagian besar daripada perniagaan kecil yang berlaku di Kuala Lumpur.

Sudah menjadi dominan kata kawan saya, sudah menjadi dominan malah kita lihat tindakan seolah-olah tidak ada dan mereka ini kita lihat seolah-olah sudah menjadi darah daging dan macam tanah air mereka sendiri. Malah mereka melakukan perkara-perkara dan cakap-cakap yang cukup kurang ajar kepada masyarakat tempatan. Ini perlu diambil tindakan segera oleh DBKL untuk memastikan bahawa imej rakyat asing yang mendominasi keseluruhan perniagaan kecil di Kuala Lumpur ini dapat dielakkan. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Terima kasih Yang Berhormat. Tindakan turun padang untuk betulkan isu-isu yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu tidak berlaku dan diambil secara bersepadu. Agensi-agensi yang terlibat adalah Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen dan juga RELA. Kita ada statistik-statistik yang tertentu contohnya ini juga untuk menjawab soalan Yang Berhormat dari Wangsa Maju. Di Jalan Petaling, pada 8 Mei, agensi-agensi yang saya sebutkan tadi mengadakan operasi di mana 240 orang warga asing telah ditangkap untuk dibuat saringan. Daripada jumlah tersebut, seramai 25 orang telah ditahan kerana tidak memiliki dokumen-dokumen perjalanan yang sah.

Dalam isu ini Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur ada kuasa-kuasa tertentu dan juga polis ada kuasa-kuasa tertentu termasuk imigresen ada kuasa-kuasa tertentu. Dengan ini kita menggabungkan ketiga-tiga agensi ini untuk menentukan operasi seperti ini dapat diadakan, operasi seperti ini Tuan Yang di-Pertua selalu diadakan dan itulah contoh yang saya maklumkan tadi. Ini termasuklah Jalan Tuanku Abdul Rahman, Chow Kit dan juga banyak premis yang lain.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]:** Penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai dengan tindakan tadi, tindakan bersepadu yang disebut yang dilakukan oleh DBKL, polis dan sebagainya. Saya rasa apa yang berlaku ialah masalahnya penguatkuasaan ini

ianya bermusim, dia buat sekali lepas itu minggu depan ataupun bulan depan barulah dibuat sekali lagi. Jadi sebab itulah perkara ini tidak berakhir sebenarnya.

Saya fikir perlu ada satu pendekatan bagaimana penguatkuasaan ini dilakukan setiap hari. Contohnya macam tadi disebut oleh Yang Berhormat Kota Raja yang menyebut soal Lorong Haji Taib. Lorong Haji Taib ini wujud sejak umur saya belasan tahun lagi, dah ada dah. Sampai saya ini dah jadi Ahli Parlimen separuh abad pun ada lagi, tak selesai juga.

Jadi soalnya, penguatkuasaan yang bermusim inilah yang menjadi masalah di mana-mana dan ini yang berlaku di Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur. Saya rasa kena cari pendekatan yang jangan bermusim sebenarnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat, sila Menteri.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Terima kasih Yang Berhormat. Operasi di antara ketiga-tiga agensi yang saya sebutkan tadi berkeseluruhan dan mereka turun padang Tuan Yang di-Pertua di dalam tarikh-tarikh yang tertentu. Kadang-kadang apabila saya sebutkan contoh tadi mereka turun ke Masjid India dan Bukit Bintang, kemungkinannya pasukan itu tidak dapat turun ke kawasan-kawasan yang lain. Sebab itu kalau kita nak kerap kali turun ke satu kawasan sahaja, mungkin itu akan menyebabkan kesusahan. Dalam masa yang sama kita perlu tengok kepada isu-isu yang lain termasuk pelancong-pelancong yang tiap-tiap hari melawat kawasan-kawasan tertentu.

Dengan itu kita akan bawa perkara ini sebab tindakan ini Tuan Yang di-Pertua melibatkan tiga agensi dan koordinasi di antara ketiga-tiga ini penting untuk kita menentukan tindakan turun padang ini dapat dinaikkan dan ditambahkan...

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** *[Bangun]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Minta penjelasan.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sehaluan dengan rakan-rakan ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kinabatangan, lain kali untuk makluman Yang Berhormat, sebelum yang duduk di depan dan atas ini panggil siapa yang harus bercakap lebih-lebih dua, tiga orang... *[Ketawa]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya baca, kalau yang bercakap duduk kita boleh terus. Dia sudah duduk.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kinabatangan sudah lama di Parlimen, kenapa perkara seperti ini...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jadi sekarang macam mana Tuan Yang di-Pertua, terus ke duduk?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silalah Yang Berhormat Kinabatangan, lain kali jangan buat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Duduk sudah... *[Ketawa]*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya melihat satu ketika di mana gabungan penguat kuasa ini telah saya terbaca surat khabar. Dia kata "*Lorong Haji Taib telah dibersihkan*". Dua minggu selepas itu saya lalu, penagih dadah berlipat ganda, aktiviti-aktiviti pelacuran berlipat ganda.

Tidakkah kementerian ini berhasrat mencadangkan kalau boleh lorong-lorong yang dikategorikan sebagai sensitif ini diletakkan unit penguatkuasaan 24 jam sebab ini imej bandar raya Kuala Lumpur. Kita lihat Petronas Twin Tower okey, tetapi lorong-lorong *back door* Orang *Philippines* bilang, masya-Allah menjijikkan. Jadi buatlah sesuatu pendekatan yang baik untuk jangka panjang. Kalau lorong ini tidak boleh dibersihkan, dikawal oleh penguatkuasaan, simpan pondok DBKL di sana 24 jam mengawasi bukan di situ sahaja tetapi di mana-mana. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya membantu untuk menyelesaikan masalah Bandar Raya Kuala Lumpur.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita akan bawa perkara ini kepada ketiga-tiga agensi untuk menambahkan operasi turun padang. Di kawasan-kawasan tertentu kita ada pondok-pondok Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur yang terletak di merata-rata tempat di Kuala Lumpur dan mereka bertanggungjawab untuk menentukan operasi ini dapatlah dikoordinasi. Dalam masa yang sama, kita juga mengeluarkan program-program pembangunan yang contoh tadi di Kampung Baru di mana program-program pembangunan ini adalah untuk menentukan tempat itu dapat diceriakan, dapat dibangunkan supaya perkara-perkara yang disebutkan tadi tidak berlaku...

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** *[Bangun]*

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** *[Bangun]*

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Mana satu? Yang Berhormat Kubang Kerian.

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kami di samping memberikan pandangan dan kritikan, kita juga mengadakan *engagement* iaitu kita pernah mengadakan lawatan dengan pihak polis di IPK dan juga Dewan Bandar Raya. Di antara hasil perbincangan kami untuk kita menyelesaikan masalah Chow Kit ini ialah yang dikemukakan oleh pasukan Polis Diraja iaitu dari IPK sendiri iaitu tentang susun lapis dan struktur bangunan-bangunan di Chow Kit itu.

Jadi adakah Yang Berhormat sebagai Menteri Wilayah sedar adakah kerajaan tidak bercadang untuk menstrukturkan semula bangunan-bangunan yang begitu bersusun lapis, rapat-rapat di Chow Kit itu. Adakah Yang Berhormat telah membuat satu kajian tentang pemilik bangunan-bangunan tersebut? Adakah milik individu, milik swasta ataupun itu merupakan tanah-tanah kerajaan. Kalau tanah-tanah kerajaan, adakah kementerian Yang Berhormat bercadang untuk merobohkan bangunan-bangunan tersebut dan membina bangunan-bangunan baru yang

lebih berstruktur ke arah menyelesaikan masalah-masalah penagihan dadah, pelacuran dan seumpamanya. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Tentang langkah-langkah yang boleh digunakan dan juga disambungkan secara jangka panjang. Kita ada pelan-pelan yang tertentu termasuk pelan-pelan pembangunan di kawasan-kawasan yang tertentu. Di kawasan-kawasan tertentu itu kalaulah tanah itu atau bangunan itu pemiliknya adalah pemilik persendirian atau individu, ini bermakna kita perlu mengambil alih atau kita perlu beli bangunan itu atau kawasan itu.

Kalaulah tanah itu atau bangunan itu milik kerajaan, kita boleh adakan satu pelan pembangunan untuk menentukan kita dapatlah menyelesaikan masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Yang Berhormat Titiwangsa.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengucapkan terima kasih atas jawapan-jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi. Saya kira draf pelan pembangunan Kuala Lumpur pun sekarang akan dipamerkan tidak lama lagi di mana di situ kami akan bersama-sama mengambil bahagian untuk mengkaji draf pelan itu demi untuk kepentingan rakyat.

■1520

Di sini saya selaku salah seorang Ahli Parlimen di Kuala Lumpur ini ataupun di Wilayah Persekutuan iaitu di bawah kementerian Yang Berhormat Menteri. Di sini saya memohonlah supaya walaupun maknanya Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan ini di menangi majoritinya oleh Ahli-ahli Parlimen Pakatan Rakyat, tapi sudah sampai masanya kita mengetepikan politik kepartian kerana ini adalah masa kita bekerja untuk menyumbang kepada rakyat.

Kerana apa saya bercakap isu ini. Ini adalah isu yang saya kata *core*, dengan izin, yang teras untuk mengatasi pelbagai masalah yang ada di Kuala Lumpur ini khususnya. Semalam di kawasan saya, Kampung Baru, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Saravanan turun ke kawasan saya tanpa memberi apa-apa pemberitahuan kepada saya dan ini dilihat oleh rakyat. Rakyat mengatakan apa ni? Macam mana Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri turun, Ahli Parlimen tidak diberitahu dan dimaklumkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Bukan, bukan. Ini saya nak menceritakan. Nanti sekejap Yang Berhormat Menteri. Sikit lagi. Jadi, apa yang saya minta penjelasan di sini, adakah Kementerian Wilayah Persekutuan bersedia untuk memberi kerjasama kalau dilihat daripada *retreat* yang kita bersama-sama jalani beberapa minggu yang lalu? Di situ kita telah mengemukakan banyak perkara yang perlu penjelasan, tetapi sehingga kini penjelasan-penjelasan tidak sampai malah apabila saya berjumpa dengan Ketua Pengarah DBKL, beliau

seolah-olahnya tidak mengetahui bahawa kita ada menghantar *presentation* kita kepada kementerian...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Begitu panjang lebar menteri.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Jadi, mohon penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Begitu panjang lebar. Mesejnya ialah cuma pendek saja. Bolehkah bekerjasama?... [*Dewan riuh*] [*Ketawa*]

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Tuan Yang di-Pertua, selepas Pilihan Raya Yang Ke-12, kita telah mulakan kerjasama dengan semua sekali Ahli Parlimen. Pertama kali kita telah menjemput semua Ahli Parlimen untuk berjumpa saya. Dalam perjumpaan yang pertama kita telah menjelaskan hubungan Kementerian Wilayah Persekutuan, Kerajaan Wilayah Persekutuan dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur supaya mereka faham tentang hubungan dari segi akta-akta.

Dengan itu mereka telah diberi peluang untuk berjumpa Datuk Bandar di mana sekali lagi mereka dapat mengeluarkan cadangan-cadangan, rintihan-rintihan mereka di dalam perjumpaan. Di dalam *retreat* meja bulat yang kita telah adakan, inilah *retreat* meja bulat yang kedua Tuan Yang di-Pertua. Yang pertamanya kita adakan tahun lepas dan kita pun telah menjemput Ahli-ahli Parlimen pembangkang. Mungkin mereka sibuk dan tidak dapat datang.

Pada kali ini mereka datang dengan *full force*, dengan izin, dan laporan saya sebutkan tadi mungkin Ahli Parlimen Titiwangsa baru masuk Dewan. Beliau tidak dengar di mana saya kata laporan telah pun disediakan dan kita akan kemukakan perkara-perkara yang memerlukan keputusan jangka panjang, iaitu keputusan dasar-dasar kepada Kabinet. Sebab itu kita akan maklumkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat. So, dengan itu Tuan Yang di-Pertua, kita tidak setujuah Yang Berhormat Titiwangsa menyatakan tidak ada kerjasama di antara Kementerian Wilayah Persekutuan dan juga Yang Berhormat yang sedia ada.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Maran.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** [*Bangun*]

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** [*Bangun*]

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Satu contohnya Tuan Yang di-Pertua, apabila Yang Berhormat Titiwangsa...

**Tuan Yang di-Pertua:** [*Menyampuk*]

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** [*Menyampuk*]

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Dikenalkan sebagai calon pilihan raya, beliau telah meminta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk membantu beliau di dalam program Jabatan Kesihatan yang diadakan sebelum beliau menjadi Ahli Parlimen. Pada masa itu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah pun bekerjasama dengan Yang Berhormat. Jadi, apa Yang Berhormat nyatakan tadi tidaklah benar di mana Kementerian Wilayah Persekutuan tidak bekerjasama dengan Ahli Parlimen-Ahli Parlimen pembangkang. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mana satu?

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang mana satu, Batukah?

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Batu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Batu, Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Menteri Wilayah Persekutuan. Isu saya ialah saya memang menghargai pendirian menteri dalam membuat inisiatif untuk bekerjasama dan berdialog dengan Ahli-ahli Parlimen parti pembangkang tetapi saya ingin bertanya. Kerjasama ini bukan saja dari segi formaliti, tetapi kerjasama ini harus membawa hasil yang boleh mendatangkan kebaikan untuk warga kota.

Dalam perbincangan yang lalu, kita telah banyak kali mendesak kementerian dan juga Datuk Bandar supaya rundingan ini dapat dimanfaatkan, lebih produktif dan salah satu cadangan yang kita telah bangkitkan ialah *KL Plan 2020* supaya kita dapat lebih banyak masa untuk memberi input kepada kementerian dan juga pihak DBKL, tetapi malangnya setelah konsultasi, kita masih dapat satu tarikh yang tidak disetujui semasa perundingan dalam *retreat* dan juga perjumpaan dengan Datuk Bandar.

Bukan saja tidak dipersetujui oleh kesepuluh Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan tetapi kebanyakan persatuan penduduk menuntut supaya diberi lebih banyak masa. Sekurang-kurangnya tiga bulan atau enam bulan supaya kita boleh berbincang secara lebih tara dan memberi pandangan yang konstruktif kepada draf pelan ini. Saya harap menteri dapat jawab dan juga membuat *intervention* yang secepat mungkin supaya kita dapat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Mahu jawab dulukah ataupun sekali gus?

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Sekali gus sebab isu ni sama dengan Yang Berhormat daripada Batu. Sila, Yang Berhormat daripada Batu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Mengenai dengan Draf Pelan 2020 ini, katanya kementerian nak kerjasama ataupun DBKL nak kerjasama juga dengan Ahli Parlimen, sepuluh Ahli Parlimen Pakatan Rakyat di Wilayah Persekutuan ataupun majoritilah. Kalau ada satu *State Assembly*, kami jadi kerajaan dah. So, kalau nak kerjasama, kenapakah dalam satu jawatankuasa khas ini untuk menentukan Draf Pelan 2020 ini, Ahli-ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan tidak dilantik sebagai salah seorang jawatankuasa ini.

Bagaimanakah, jawatankuasa ini akan dijadikan satu jawatankuasa yang telus, yang boleh diterima oleh rakyat di Kuala Lumpur sedangkan Ahli-ahli Parlimen yang dipilih oleh mereka tidak dilantik sebagai itu *committee member*, dengan izin. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sila Yang Berhormat Menteri.



**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Wangsa Maju. Tuan Yang di-Pertua, saya nak cerita sikit satu minit tentang apa yang telah berlaku sebelum Pelan Tempatan 2020 ini dipamerkan pada 15 Mei. Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengambil masa selama dua setengah tahun sebelum ini untuk berbincang dan saya akan sebutkan di sini peringkat-peringkat yang tertentu di mana perbincangan telah diadakan.

Peringkat yang pertama, DBKL telah berbincang dengan pihak berkepentingan yang terdiri daripada persatuan-persatuan penduduk, badan bukan kerajaan, pertubuhan swasta, jabatan kerajaan dalam satu sesi taklimat yang bermula pada September 2005. Bermakna Yang Berhormat-Yang Berhormat di sini pun belum lagi duduk di Dewan ini.

Peringkat yang kedua, perunding telah menjalankan soal selidik dan kajian pandangan atau *opinion survey* di beberapa sektor masyarakat.

Peringkat ketiga, perunding telah merumuskan cadangan awal pembangunan yang dibincangkan bersama warga kota dalam 16 sesi perbincangan kumpulan fokus daripada Disember hingga Mei 2006.

Peringkat keempat, perunding bersama dengan Jabatan DBKL telah merumuskan pelan, draf pelan ini dan mengambil kira pandangan melalui perbincangan kumpulan fokus dan perbincangan kumpulan kerja teknikal dan warga kota dapatlah menyemak selepas dipamerkan pada 15 Mei dan akan ditutup pada 13 Jun...

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, tidaklah betul apabila kita menyatakan bahawa *stakeholders* yang tertentu tidak dibawa bersama untuk berbincang sebab dalam isu ini DBKL telah memulakan selama dua setengah tahun dan dengan itu cadangan Yang Berhormat Batu untuk melanjutkan mungkin selepas 30 Jun. Saya akan membawa perkara ini supaya kita dapat mengeluarkan satu keputusan yang muktamad. Terima kasih.

■1530

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, nanti dulu. Sebelum Yang Berhormat Machang, sebelum siapa-siapa Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat yang berdiri ini pasal soal yang sama, kerjasama ke ataupun ...?

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Ya, draf pelan. Pelan, draf pelan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Mana satu?

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** *[Mengangkat tangan]*

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Yang Berhormat Machang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, mana satu? Yang Berhormat Machang? Yang sana angkat tangan sana itu? Yang Berhormat Machang atau mana satu?

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Yang Berhormat Segambut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Segambut.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini pasal perundingan selama dua setengah tahun sebelum draf KL ini, saya hendak Yang Berhormat Menteri menjelaskan sama ada pandangan penduduk di KL dan juga pandangan badan-badan profesional pernah dijemput tak semasa perundingan dua setengah tahun ini dan juga saya nak Yang Berhormat Menteri menjelaskan mengenai dewan rakyat..., dewan orang ramai di KL di mana kunci-kunci adalah dipegang oleh orang-orang Barisan Nasional dan saya nak Yang Berhormat Menteri sama bersedia untuk wakil rakyat di seluruh KL tak kira dia dari UMNO ke atau Pakatan Rakyat atau mana-mana boleh mengakses kepada dewan orang ramai atau dewan serba guna ini. Terima kasih.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Yang Berhormat Segambut, seperti saya sebutkan tadi, semua sekali *stakeholders* dengan izin, telah pun dijemput dan pandangan-pandangan mereka pun telah diguna pakai sebelum draf Pelan Tempatan 2020 ini dipamerkan dan dengan isu-isu di mana dewan-dewan masyarakat di bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, semua sekali masyarakat boleh menempah dan dewan-dewan yang diberikan kepada NGO-NGO yang tertentu, mereka akan buat keputusan apabila pengerusi-pengerusi jawatankuasa buat keputusan tentang kegunaan dewan-dewan ini. Yang Berhormat Machang.

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hargai kerja kuat dan kesungguhan Yang Berhormat Menteri untuk melahirkan Kuala Lumpur yang lebih kondusif untuk kita duduki. Bercakap tentang pelan pembangunan yang mengambil masa hampir lebih daripada dua setengah tahun, saya suka untuk mendapat penjelasan, apakah prinsip-prinsip asas terhadap pembangunan satu pelan itu diadakan, diambil kira:

- (i) prinsip keutamaan;
- (ii) prinsip keperluan; dan
- (iii) prinsip kemampuan.

Hal ini saya bangkitkan sebab apakah Yang Berhormat Menteri dalam tempoh dua setengah tahun membina pelan pembangunan itu, turut mengambil kira tentang prinsip keutamaan.

Secara khusus, saya merujuk kepada projek Dewan Bandaraya untuk maksud membangunkan 500 *graveyard*, dengan izin yang bila saya tengok dokumen tendernya ialah satu kubur VIP, luasannya 10x10=100 kaki persegi. Tanah rizab kerajaan di lokasi yang dimaksudkan itu harganya barangkali RM500 satu kaki persegi. Maknanya tanah saja RM50,000.

Belum *construction*, belum *landscape*, belum *other facilities*, dengan izin. Sebab itu saya katakan apakah prinsip keutamaan itu diambil kira?

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Satu kategori lubang kubur lagi ialah VVIP ialah 15x15. Sementara saya mengambil bahagian ini, dalam memohon penjelasan Yang Berhormat Menteri, saya mohon sungguh-sungguh agar prinsip keutamaan dan prinsip keperluan dalam apa juga pelan pembangunan yang kita bina harus diambil kira sebab banyak masalah lain. Apakah ini menjadi keutamaan kepada Dewan Bandaraya kalau tidak keterlaluan saya cadangan Yang Berhormat Menteri agar kita batalkan sajarah projek ini...

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** *[Bangun]*

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Kita laksanakan projek lain yang jauh lebih memanfaatkan pada rakyat. Terima kasih... *[Tepuk]*

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Mohon jawab sekali Tuan Yang di-Pertua, jawab sekali.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Pahat bangun Yang Berhormat, Yang Berhormat Batu Pahat.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Ya, berbangkit tentang projek yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Machang tadi, saya rasa memang tidak ada keperluan kita nak buat di kawasan Bandaraya Kuala Lumpur yang dah memang kekurangan tanah. Jadi apa keutamaan, apa keperluannya? Bagi saya, itu projek membazir sahaja dan saya yakin ramai di kalangan orang kenamaan pun kalau dia meninggal, dia tak mahu dikebumikan di Kuala Lumpur, dia mahu dikebumikan di kampung dia sahaja untuk memudahkan keluarga dia. Jadi oleh kerana itu saya minta batalkan sajarah projek tersebut... *[Tepuk]*

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Seperti mana di dalam soalan tambahan Yang Berhormat Machang yang saya dah pun jawab minggu lepas di mana projek ini adalah projek Jabatan Perdana Menteri, tanahnya di bawah KPTG, peruntukannya di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menjadi ejen pelaksanaannya dan saya pun telah terangkan di mana agensi yang terbabit iaitu JPM akan menjawab soalan ini dan kita akan membawa perkara ini, Yang Berhormat Machang, kepada JPM untuk apabila mereka menggulung, mereka menjawab soalan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Wangsa Maju bangun Yang Berhormat.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Soalan sama ya?

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** *No, no*, bukan. Itu yang tadi, yang tadi untuk penjelasan itu. Terima kasih Timbalan Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang

Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri menjawab kepada Yang Berhormat dari Segambut bahawa dewan masyarakat ini bolehlah digunakan oleh semua rakyat. Ini saya amat gembiralah. Namun, adakah Yang Berhormat tahu ataupun tidak tahu bahawa semua dewan masyarakat di Kuala Lumpur ini ataupun dewan orang ramai ini telah digunakan khasnya oleh UMNO sahaja? Dan semua sepanduk UMNO ditaruk di semua dewan masyarakat ini. Menunjukkan seperti dewan ini adalah dewan UMNO.

Bolehkah Yang Berhormat Menteri ini beri satu jaminan bahawa sepanduk-sepanduk parti politik ini diturunkan dengan segera? Itu yang pertama. Yang kedua, mengenai dengan dasar draf pelan 2020 ini, tadi saya telah menanya Yang Berhormat Menteri mengenai dengan jawatankuasa yang menentukan draf pelan ini. Kenapakah sepuluh Ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan ini tidak dilantik sebagai *ex-officio* dalam *committee* ini? Oleh kerana mereka telah dipilih oleh warga kota...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti saya maklumkan tadi, dewan-dewan di Kuala Lumpur, dewan masyarakat yang di bawah jagaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan siapa sahaja rakyat boleh menempah dewan-dewan ini untuk digunakan. Juga ada dewan-dewan masyarakat yang diberi kegunaannya kepada persatuan-persatuan yang tertentu dan kita telah melantik pengerusi-pengerusi ahli jawatankuasa persatuan-persatuan itu dan jika penduduk-penduduk nak gunakan dewan-dewan ini, mereka boleh menempah dan berhubung terus dengan pengerusi-pengerusi jawatankuasa. Dalam masa yang sama, soalan yang kedua Yang Berhormat Wangsa Maju,

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Sepanduk-sepanduk parti politik...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** ... Akan diturunkan atau tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Dewan-dewan itu Tuan Yang di-Pertua, adalah dewan-dewan yang mereka telah mendapat kebenaran untuk menggunakan dewan-dewan itu.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Siapa yang bagi kebenaran untuk sentiasa taruk lambang parti politik UMNO di sana?

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Kebenaran itu diberi ...

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** ... Ataupun Barisan Nasional.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Itu yang penting Yang Berhormat. Oleh kerana dewan-dewan ini adalah dewan masyarakat. Dewan rakyat, dewan orang ramai. Bukan dewan UMNO ataupun Barisan Nasional. So lambang-lambang ini ataupun sepanduk semua ini mesti diturunkan segera.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat ya.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Bukannya sentiasa ada di sana. Juga ada *signboard* di sana.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Menteri nak jawab Yang Berhormat, menteri nak jawab.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Ha, silakan.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya dah jawablah dua kali tadi. So dengan itu, kita terpulang kepada pengerusi-pengerusi ahli jawatankuasa dewan-dewan masyarakat yang kecil ini. Kalau mereka nak turunkan, mereka akan turunkan. Mereka mendapat kelulusan untuk menggunakan dewan masyarakat itu dan mereka boleh menggunakan dewan itu untuk tujuan-tujuan yang tertentu. Soalan yang kedua, di mana kenapakah ...

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Tuan Yang di-Pertua, itu yang kita nak tanya itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Nak bagi jalan Yang Berhormat?

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Kenapa dia ada *signboard* di sana?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Nak bagi jalan?

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** ... Sudah jawab dah.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Ada *signboard* yang *permanent* kat atas itu dinding sana.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, dia dah bagi jawab. Dia bagi jawab dah.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Mana ada jawab!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya sendiri pun dah faham jawapan.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** *No*, itu, itu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia kata terserah kepada jawatankuasa dewan-dewan untuk memutuskan.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Diberi kuasa oleh siapa untuk taruk itu *notice board* yang *permanent* di sana mengatakan inilah seperti dewan UMNO ataupun Barisan Nasional!

■1540

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** ...Siapa yang beri kuasa itu?

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat bagi Gopeng Yang Berhormat?

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Saya hendak jawab soalan yang kedua.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Soalan yang sama, soalan sama Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Selepas ini Yang Berhormat.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Soalan yang kedua...

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Soalan yang sama.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** ...Soalan kedua, Yang Berhormat bagi Wangsa Maju...

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Soalan pertama itu belum dijawab lagi. Siapa yang beri kuasa kepada UMNO baru ke Barisan Nasional?...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Wangsa Maju, cukuplah Yang Berhormat Wangsa Maju.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** ...Siapa yang beri kuasa untuk mempamerkan *signboard* di sana, di dewan masyarakat?

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Mereka, Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat bagi Wangsa Maju, cukuplah.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab tadi. Di mana mereka mendapat kebenaran daripada agensi-agensi tertentu dan mereka boleh menjalankan aktiviti seperti mana yang termaktub di dalam perjanjian mereka. Soalan kedua...

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Yang Berhormat Menteri, sila beritahu kami dengan tetap... [*Dewan riuh*] Jangan bohong. Beritahu kita dengan tetap.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Apa dia?

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Agensi mana yang memberi kebenaran kepada UMNO ataupun Barisan Nasional...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat bagi Wangsa Maju...

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Itu terpulang Tuan Yang di-Pertua, kalaulah tanah itu atau bangunan itu dibangunkan oleh persendirian, mereka dapat kebenaran untuk bangunkan Dewan-dewan itu melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Itu adalah dewan orang ramai... [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Wangsa Maju, ikut peraturan Yang Berhormat Wangsa Maju.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Ada satu agensi sahaja...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat bagi Wangsa Maju, tidak boleh begini, kena ikut peraturan.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** ...DBKL. Sebab Yang Berhormat Menteri tidak jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia menjawab, tetapi Yang Berhormat bagi Wangsa Maju tidak menerima jawapan daripada Menteri.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Jawapan songsang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak boleh macam itu Yang Berhormat.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Soalan kedua, Yang Berhormat Wangsa Maju di mana beliau menanya, kenapakah Yang Berhormat-Yang Berhormat tidak dimasukkan ke dalam Jawatankuasa Pendengaran Pandangan Awam.

Tuan Yang di-Pertua, mereka yang telah dimasukkan di dalam jawatankuasa ini ialah mereka yang terlibat selama dua setengah tahun sebelum ini, dan mereka tahu kehendak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan juga dengan itu merekalah sesuai untuk duduk dalam Jawatankuasa Pendengaran Pandangan Awam tadi.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Yang Berhormat bagi Gopeng.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Soalan yang sama sebenarnya Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya rasa Yang Berhormat Menteri tidak asingkan apakah harta awam ataupun harta peribadi. Walaupun jawatankuasa yang uruskan dewan orang ramai itu diberi kuasa, tetapi jawatankuasa tersebut tidak boleh menganggap bahawa dewan orang ramai itu sebagai harta peribadi. Itu harta orang awam, terima kasih.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Kita sudah jawab tadi, di mana kita telah memberi kelulusan kepada mereka pengerusi jawatankuasa dewan-dewan yang disebutkan tadi dan mereka diberikan kuasa untuk menggunakan dewan itu untuk tujuan-tujuan yang tertentu. Kalau kita hendak berkelahi tentang isu ini Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat habiskan ucapan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Teruskan.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Cuma saya rasa dalam hal ini, jawatankuasa itu telah salah gunakan kuasa. Kalau macam itu seharusnya tarik balik kuasa mereka untuk menentukan siapa yang menggunakan dewan orang ramai itu. Kalau tidak menteri sendiri yang seharusnya mengambil tanggungjawab.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** *[Bangun]*

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab soalan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi Yang Berhormat Bukit Bintang, Yang Berhormat?

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Ya, sila.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tentang draf pelan tempatan, *local plan*. Saya ingin tahu adakah Kementerian Wilayah Persekutuan berhasrat untuk memanjangkan masa mempamerkan di mana-mana tempat di Kuala Lumpur, untuk lebih orang ramai boleh memberi pandangan. Juga, adakah Ahli-ahli Parlimen diberikan naskhah kepada setiap 10 Ahli Parlimen di Kuala Lumpur untuk mendapat satu pelan tempatan oleh kerana orang ramai boleh memberi pandangan tentang pelan tempatan ini? Terima kasih.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Yang Berhormat...

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Boleh celah? *Point* yang sama, boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Saya ingin tahu apakah prosesnya kalau persatuan penduduk atau *other stakeholder* ingin untuk melobi atau membuat rayuan supaya tempoh bantahan ini dipanjangkan? Sila jelaskan, terima kasih.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Bintang dan Yang Berhormat bagi Batu. Soalan Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, kita ada cadangan dan jua permohonan daripada Yang Berhormat bagi Batu untuk melanjutkan proses untuk kemukakan cadangan-cadangan tertentu dan kita akan angkat perkara ini kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Dalam masa yang sama, saya telah meminta datuk bandar untuk memberi kepada semua sekali Ahli Parlimen di Kuala Lumpur satu salinan yang percuma dan insya-Allah ini akan berlaku pada minggu ini.

Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, ada proses-proses tertentu soalan Yang Berhormat bagi Batu di mana melalui seksyen 4(1), Akta 267 Lembaga Penasihat Rancangan Wilayah Persekutuan perlu ditubuhkan untuk menasihati menteri dan sebelum itu di dalam Jawatankuasa Pendengaran Pandangan Awam, mereka yang telah tercatat dalam senarainya akan berjumpa dengan semua sekali yang akan memberi cadangan-cadangan secara bertulis dan mereka akan dipanggil apabila tempoh itu akan berakhir pada 30 Jun atau tarikh yang baru. Boleh saya teruskan?

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Satu soalan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** ...Mengenai dengan draf pelan ini. Sebab...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** ...Sebab menteri tidak beri jawapan lagi mengenai dengan draf pelan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, teruskan Yang Berhormat.



**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Saya hendak tanya kenapa sepuluh Ahli Parlimen...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, dia tidak bagi jalan Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh bangun selepas ini.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Saya sudah jawab tadi. Saya sudah nyatakan. Pelan ini dibangunkan dua setengah tahun sebelum ini. Oleh sebab itu Yang Berhormat-Yang Berhormat semua tidak terlibat dan mereka sudah tahu jawatankuasa-jawatankuasa yang terlibat tahu daripada permulaannya sehingga hari ini, tentang penyediaan pelan ini. Dan itulah jawatankuasa yang kita pakai dan mereka adalah yang akan melanjutkan usaha ini.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Sama ada Yang Berhormat Menteri, ingin memberi peluang kepada semua Ahli Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** ...Dari Wilayah Persekutuan...

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Semua Ahli Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** ...Wilayah Persekutuan untuk menjadi ahli jawatankuasa untuk draf pelan untuk 2020 ini.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak bercadang untuk memberi Ahli Yang Berhormat untuk terlibat dalam jawatankuasa ini... *[Tepuk]* Semua sekali Ahli Yang Berhormat boleh memberi cadangan-cadangan tertentu melalui pejabat Yang Berhormat, melalui badan-badan NGO dan lain-lain kepada aspek pelan pembangunan ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang seterusnya adalah perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat bagi Sepanggar tentang isu Jambatan Tanah Besar Sabah-Wilayah Persekutuan Labuan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan melalui Perbadanan Labuan sentiasa berusaha memastikan pembangunan yang berterusan di Wilayah Persekutuan Labuan. Walaupun tahap pencapaian pembangunan masih belum boleh dibandingkan dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, pelbagai usaha secara berterusan telah dilaksanakan.

Hasil boleh dilihat melalui prestasi pembangunan Labuan, yang telah menunjukkan tahap pembangunan yang amat memberangsangkan sejak tiga tahun kebelakangan ini. Labuan juga tidak pernah ketinggalan untuk menerima peruntukan untuk melaksanakan projek-projek di bawah rancangan pembangunan RMK-9. Semasa RMK-8, peruntukan pembangunan yang telah disalurkan ke Perbadanan Labuan sahaja adalah berjumlah RM141 juta. Manakala RMK-9, peruntukan yang telah diluluskan adalah sebanyak RM317 juta lebih daripada 100%.

Pada tahun 2007, ada tiga pembangunan Labuan yang telah disusun semula dengan menggunakan teras-teras iaitu:

- (i) menjadikan Labuan sebagai hab logistik aktiviti minyak dan gas;
- (ii) menjadikan Labuan sebagai *Halal Distribution Hub*; dan
- (iii) menjadikan Labuan sebagai destinasi pelancongan untuk bekerja dan bersantai.

Pihak kementerian dan Perbandaran Labuan juga mengambil maklum bahawa prestasi ekonomi dijangka akan bertambah baik sekiranya beberapa infrastruktur di pulau ini ditambah atau dinaikkan taraf. Antaranya adalah dengan menyediakan alternatif selain perkhidmatan melalui laut atau antara pulau ini dengan tanah besar Sabah atau kawasan Melombok menjadi tunjang pelaburan bersepadu. Infrastruktur ini dijangka akan mendapat menambah akses ke pulau ini dan akan memberi impak pengurangan kos pengangkutan yang tinggi di Labuan pada masa ini.

**Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan]:** [*Bangun*]

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Oleh kerana itulah cadangan membina jambatan yang menghubungkan Tanah Besar Sabah-Wilayah Persekutuan Labuan adalah salah satu projek yang sedang dikaji oleh Perbadanan Labuan dan Kementerian Wilayah Persekutuan, akan melonjak lagi prestasi ekonomi Labuan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat bagi Labuan bangun Yang Berhormat.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Biar saya habis dahulu. Sebagai langkah pertama pada masa ini Kementerian Wilayah Persekutuan dalam proses melaksanakan kajian fleksibiliti penggunaan jabatan yang dibangkitkan.

▪ **1550**

Surat niat telah dikeluarkan kepada UMS Sabah untuk melaksanakan kajian. Tempoh kajian dijadualkan mengambil masa lapan bulan dijangka siap pada awal tahun 2009 membabitkan kos sebanyak RM1.4 juta. Berasaskan hasil kajian pihak Kementerian Wilayah akan mencadangkan kepada pihak kerajaan sejauh mana projek ini akan memberi kesan yang baik kepada ekonomi Labuan di tanah besar Sabah secara keseluruhan.

**Datuk Haji Yusoff Haji Mahal [Labuan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih menteri. Terima kasihlah atas perancangan untuk Wilayah Persekutuan Labuan yang begitu mantap tetapi walau bagaimanapun apa yang kita lihat sampai saat ini perancangan untuk pembuatan pembangunan jambatan saya rasa agak terlalu lama prosesnya sehingga kini dia punya *design* pun belum selesai yang mengambil masa selama lapan bulan tetapi yang kami hadapi sekarang adalah masalah pengangkutan laut antara Pulau Labuan dan tanah besar Sabah iaitu Menumbuk.

Setakat ini cuma satu feri operator saja yang beroperasi di Pulau Labuan yang mana juga dimonopoli oleh satu syarikat, apakah langkah-langkah kementerian mungkin berbincang dengan Kementerian Pengangkutan yang mana supaya diberikan tambahan operator atau operator feri di Labuan supaya dapat menyelesaikan masalah pengangkutan yang cuma satu feri dilaksanakan saat ini.

Biasanya kalau hari-hari keramaian, bukan sahaja hari keramaian, hari biasa pun kita menghadapi masalah untuk membawa kenderaan kalau mahu ke Kota Kinabalu atau melalui Menumbuk tetapi diharapkan oleh sebab hal ini sudah terlalu lama masalah ini Tuan Yang di-Pertua dan juga kita tidak ada pilihan lain antara Labuan dan tanah besar Sabah cuma dua sistem pengangkutan sahaja. Satu melalui feri dan satu lagi melalui penerbangan yang mana penerbangan juga adalah menghadapi masalah kerana terlalu mahal yang ada sekarang sudah dua tiga kali berlipat ganda berbanding dengan sebelum CEO Sistem Penerbangan Malaysia yang ada sekarang menerajui Sistem Penerbangan Malaysia itu sendiri, terima kasih.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dimaklumkan tadi proses melaksanakan kajian fleksibiliti ini pemberian jambatan telah pun diberi kepada UMS Sabah dalam masa yang sama kita ada satu perjanjian di antara Kerajaan Sabah dengan Kementerian Pengangkutan di mana feri-feri yang tertentu disediakan untuk membawa barang-barang dan juga penumpang-penumpang daripada Menumbuk kepada Labuan. Itu juga dalam masa-masa keramaian yang disebutkan oleh Yang Berhormat daripada Labuan ini, syarikat ini adalah bertanggungjawab untuk menyediakan feri-feri tambahan tertentu dan ini berlaku di dalam tahun-tahun sebelum ini. Pada masa ini syarikat ini telah pun menyediakan dua hingga tiga feri *standby* dengan izin, supaya masalah-masalah tidak berlaku di hari keramaian.

Juga tadi tentang isu penerbangan-penerbangan oleh Malaysia Airlines, betul pada masa mungkin dua tahun yang lalu satu setengah tahun yang lalu di mana jumlah atau bilangan penerbangan ke Labuan dikurangkan tetapi atas rayuan Perbandaran Labuan kita telah tambahkan balik penerbangan ini supaya tidak ada isu-isu tertentu di mana pelancong-pelancong dan juga pekerja-pekerja dapat datang ke Labuan dengan tidak ada masalah-masalah yang terbesar. Isu seterusnya ialah perkara yang disentuh oleh Ahli Parlimen Yang Berhormat bagi Batu mengenai isu setinggan Kampung Kolam Air, Kampung Simpang Batu. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dari Batu, setinggan Kampung Kolam Air, Kampung Simpang Batu berjumlah 140 keluarga.

Setinggan-setinggan ini terlibat dengan dua projek pembangunan iaitu Projek Lebuh Raya Mahameru dan projek pembangunan perumahan DBKL. Setinggan-setinggan ini telah dipindah secara berfasa iaitu ke PPR Intan Baiduri pada 15 Oktober 2005 dan PPR Taman Wahyu Satu pada 1 Januari 2005. Setinggan-setinggan Kampung Kolam Air, Simpang Batu yang terlibat dalam projek pembangunan perumahan DBKL berjumlah 15 keluarga.

Daripada jumlah ini, tujuh keluarga telah ditawarkan kepada PPR Taman Wahyu Dua berkuat kuasa 1 Februari manakala lapan keluarga lagi telah pun mengambil tawaran ke PPR Taman Wahyu Satu. Semua setinggan telah diberi sugu hati pemindahan berjumlah RM1,000. Syeikh Ahmad yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi adalah salah satu penduduk setinggan Kampung Kolam Air, Kampung Simpang Batu yang terlibat dalam projek pembangunan perumahan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Beliau telah pada awalnya enggan berpindah ke PPR yang ditawarkan dengan alasan bahawa datuknya adalah merupakan peneroka kepada kampung ini. Beliau telah kemukakan memorandum kepada Datuk Bandar pada Jun 2007 dan berikutan itu beberapa siri perjumpaan dan rundingan telah diadakan. Akhirnya Syeikh Ahmad bersetuju berpindah mengosongkan tapak itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sungai Siput bangun Yang Berhormat.

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri. Saya ingin tanya berkenaan istilah setinggan kerana ada orang merupakan peneroka bandar kerana mereka ini yang datang daripada luar bandar ini duduk di kawasan-kawasan yang terbiar. Macam bekas lombong atau pun tempat buang sampah dan mereka memulihkan tanah itu. Jadi pakai perkataan setinggan adalah satu penghinaan terhadap mereka. Baiklah kita pakai peneroka bandar, terima kasih.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput. Istilah setinggan ini digunakan pada mereka iaitu keluarga-keluarga yang berhijrah daripada kawasan-kawasan di luar Kuala Lumpur dan menetapkan, membangunkan pembangunan-pembangunan tertentu di atas kawasan-kawasan termasuk tanah-tanah kerajaan dan bukanlah tanah-tanah yang merupai pemilikan mereka.

Dengan itu, itulah sebabnya dalam tahun-tahun sebelum ini Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga MTEN telah membangunkan lebih kurang 35 ribu rumah apa yang dinamakan PPR MTEN di mana kita dapat menempatkan semua sekali setinggan-setinggan ini kepada kawasan-kawasan yang telah pun dibangunkan. Kita nampak tahun 2008 boleh menjadikan setinggan sifar di mana kita sedang menunggu dua tiga pembangunan yang mungkin belum siap tapi dalam masa yang sama kita berharap pada hujung 2008 kita dapat menempatkan semua sekali setinggan-setinggan ini.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tentang rumah PPR yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri. Tahun yang lalu apa yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri, mengatakan bahawa rumah PPR akan dijual kepada penyewa. Saya ingin tahu bilakah ini akan dilaksanakan dan adakah harganya di dalam lingkungan yang boleh ditanggung oleh penyewa ini. Terima kasih.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bintang. Pada 1 Jun tahun lepas Tuan Yang di-Pertua, Kabinet telah memutuskan supaya 15,007 unit PPR MTEN

dijualkan kepada pemohon-pemohon yang layak dan dengan itu kita telah mengeluarkan satu mekanisme. Mekanisme itu pun telah diluluskan oleh Kabinet dan di dalam mekanisme itu terwujudnya satu badan *secretariat*. *Secretariat* ini diketuai oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur dan tujuannya adalah untuk turun padang untuk menerangkan kepada semua sekali penduduk di PPR dan juga setinggan-setinggan tentang mekanisme yang telah diatitkan. Kita sedang berada di peringkat sesi penerangan dan selepas sesi penerangan kita akan menerima cadangan-cadangan, permohonan-permohonan daripada pemohon yang minat dan kita akan menentukan ini dapat dikaji dan sebelum diluluskan akan dibawa dan diangkat kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan selepas itu akan diangkat kepada Kabinet.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat isu yang tidak dibawa dalam pembahasan Yang Berhormat boleh tidak menjawab dan tumpu kepada isu-isu yang telah dibahaskan oleh Ahli Parlimen ketika perbahasan.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Tuan Yang di-Pertua saya teruskan.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titawangsa]:** Saya mohon sedikit berkenaan PPR tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang berjiwa besar menerima persoalan-persoalan daripada kami Ahli Parlimen di Kuala Lumpur. Berkenaan PPR ini saya telah menerima banyak juga aduan daripada orang-orang tempatan di mana mereka katakan mereka untuk mendapatkan sebuah unit PPR antara syaratnya mestilah telah berumah tangga atau pun berkeluarga tetapi mereka dapati ada pendatang-pendatang Indonesia yang ini diberi unit-unit rumah PPR atas nama anak. Kedua-dua ibu bapanya adalah IC merah tetapi anaknya yang masih bujang, masih belum berkahwin menggunakan nama anaknya yang masih bujang, masih belum berkahwin untuk mendapatkan unit rumah di PPR. Jadi bagaimanakah perkara ini boleh berlaku?

■1600

Yang kedua Yang Berhormat Menteri, didapati juga permohonan untuk menduduki rumah PPR ini kadang-kadang mengambil masa sehingga dua tahun untuk diluluskan. Mohon supaya dapat penjelasan mengapa perkara ini berlaku dan mohon supaya dibuat pemantauan supaya masa ini tidak begitu panjang kerana ini kira menganiaya pemohon-pemohon. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kes ini juga spesifik. Rasanya Yang Berhormat boleh kemukakan kes ini terus kepada menteri kerana ianya spesifik.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Tuan Yang di-Pertua, permohonan untuk mendapat rumah-rumah sewa PPR yang di bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan juga yang diambil alih oleh daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah terhad di mana kita tidak cukup rumah untuk disewa dengan harga RM124 tapi dalam masa yang sama, kita ada senarai. Senarai mereka yang memohon untuk menyewa rumah-rumah ini mungkin di dalam jumlah beribu-ribu. Sehubungan dengan itu kajian perlu diambil oleh Jabatan Perumahan Dewan

Bandaraya Kuala Lumpur untuk menentukan mereka memberi rumah itu untuk memberi kepada orang-orang yang layak. Di atas kes spesifik tadi yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Titiwangsa, silalah beri butiran yang tertentu dan kita akan siasat. Tuan...

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Isu-isu, sekejap ya. *Sorry*. Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Isu yang ingin saya bawa tadi, dua perkara ya. Perkara yang pertama yang disebut sagu hati atau pampasan. Dalam konteks Kuala Lumpur sekarang, RM1,000 memang adalah satu angka yang sangat kecil untuk membantu sesuatu keluarga untuk berpindah dari tempat yang mereka berabad atau berpuluh tahun duduk di satu kampung.

Isu yang kedua yang saya bangkitkan dalam ucapan saya sebenarnya bukan sahaja isu kita memindahkan dan juga menempatkan setinggan atau peneroka bandar ini di dalam satu *flat* PPR ataupun tidak, tetapi saya bangkitkan kerana di wilayah ini, kampung-kampung atau suasana kampung atau kampung Melayu ini makin kurang dan sehingga hari ini kita hilang *characteristic* kebudayaan Kuala Lumpur. Kalau kita sebut agenda Melayu, ketuanan Melayu, di Kuala Lumpur kita tidak dapat lihat lagi kampung-kampung Melayu dan kita anggap kampung-kampung ini sebagai setinggan dan kita pindahkan mereka ke dalam *flat-flat* yang tidak ada karakter Malaysia. So, saya mohon Menteri Wilayah dan juga Datuk Bandar fikir tentang isu ini supaya kita jangan hanya mengatakan *world class city* tetapi *world class city* yang tidak ada karakter Malaysia yang khususnya karakter Melayu. Terima kasih.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Tuan Yang di-Pertua, setinggan-setinggan ini asalnya mereka datang dari negeri-negeri yang lain di Semenanjung dan juga dari Malaysia Timur. Oleh sebab itu, mereka datang ke sini, mereka bangunkan rumah-rumah tertentu di atas tanah-tanah kerajaan. Dengan itu selama 20, 30 tahun selama ini, kerajaan tidak mengenakan sewa-sewa dan cukai-cukai yang tertentu. So, apabila kita mengeluarkan satu dasar di mana kita boleh memindahkan mereka kepada satu tempat yang lebih teratur, ke tempat yang lebih bersih, kita wujudkan PPR- MTEN yang saya sebutkan tadi.

Walaupun kita lihat mungkin RM1,000 ini sagu hati adalah satu yang kecil tetapi kita juga mendapatkan bantuan daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di mana apabila mereka hendak pindah, mereka akan diberi bantuan pengangkutan dan juga lain-lain dan ini akan memberikan lebih keselesaan kepada mereka apabila mereka pindah. Dalam masa yang sama Yang Berhormat Batu telah menyentuh tentang pembangunan di mana...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** ...Kita mungkin kekurangan daripada segi kampung-kampung tradisi khususnya. Untuk Yang Berhormat Batu, Tuan Yang di-Pertua kita ada enam kawasan kampung tradisi.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sebelum pergi kampung tradisi Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, saya tunggu *sentence* habis untuk memanggil Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Nanti dia pergi tajuk lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat hendak beri jalan Yang Berhormat?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sebelum pergi tajuk lain. Sebelum pergi tajuk lain Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tadi saya dah *miss* sebab dia laju sangat. Iaitu berhubung dengan Projek Perumahan Rakyat ini. Rumah-rumah pangsa di Kuala Lumpur. Saya ada juga pergi kadang-kadang berziarah kepada orang-orang tertentu di *flat-flat* ini. Saya dapati keadaan kebersihannya mendukacitakan dan setengah daripada bilik-biliknya pun tersangat kecil. Jadi saya mintalah Yang Berhormat Menteri, tolonglah mereka-mereka ini. Janganlah kita ambil sikap melepas batuk di tangga sahaja dalam perkara ini. Belanjalah duit, banyak sikit pun tak apa untuk kesejahteraan rakyat daripada golongan ini.

Saya tengok daripada laporan Dewan Bandaraya tahun 2007, kerajaan khususnya DBKL, kutip banyak duit sewa daripada mereka yang duduk di rumah-rumah pangsa ini. Duit dikutip, gunalah duit itu untuk *maintenance*, untuk juga kebersihan, untuk faedah penghuni-penghuni rumah ini. Janganlah gunakan duit itu ke tempat yang lain. Itu satu.

Keduanya, kita masih lagi ramai rakyat yang, orang kata pendapatan rendah tak mampu hendak beli rumah-rumah dan mereka hanya menunggu bantuan kerajaan. Saya minta Menteri Wilayah Persekutuan dan juga DBKL bina lebih banyak lagi rumah untuk rakyat ini. Kena banyak-banyak. Ini termasuk pegawai kerajaan pun duduk rumah setinggan, anggota polis pun duduk rumah setinggan, askar pun duduk rumah setinggan, ini menyedihkan. Kita jangan tunggu orang lain suruh kita buat. Kita buat. Tunjukkan Kerajaan Barisan Nasional ini betul-betul prihatin kepada nasib rakyat. Terima kasih.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Dari segi dasar perubahan di Kuala Lumpur ini Tuan Yang di-Pertua, Kabinet telah luluskan satu dasar di mana rumah-rumah yang pertama kali dibangunkan di Kuala Lumpur pada tahun 60-an dan rumah-rumah pada masa itu terdapat studio satu bilik dan juga mungkin *maximum* dengan izin, dua bilik selepas mengadakan satu bancian dan bancian ini telah dilakukan pada tahun 90-an keputusan telah dibuat supaya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bangunkan 35,000 rumah-rumah tiga bilik dan dua bilik air.

Inilah kita sebutkan tadi PPR-MTEN. Rumah-rumah yang dibangunkan selepas tahun 60-an sehingga tahun 90-an, ada rancangan-rancangan yang tertentu untuk kita adakan apa yang kita namakan *Urban Redevelopment Scheme* di mana kita akan robohkan rumah-rumah yang

tertentu dan kita akan bangunkan di kawasan-kawasan yang tertentu. Ini termasuklah di dalam kawasan Parlimen yang tidak ada PPR.

Parlimen Seputeh, Parlimen Segambut tidak ada PPR Tuan Yang di-Pertua. Dengan itu cadangan Yang Berhormat di mana kita perlu membangunkan lebih banyak rumah PPR sedang diambil kira dan sedang dilanjutkan oleh kerajaan Tuan Yang di-Pertua. Tadi soalan Yang Berhormat Batu di mana beliau sebutkan mungkin kampung-kampung tradisi ini berkurangan, di Parlimen Batu Tuan Yang di-Pertua, kita ada Kampung Delima, Kampung Seri Delima, Kampung Batu Muda, Kampung Batu Muda Tambahan, Rizab Melayu Gombak, Rizab Melayu Selayang.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengeluarkan peruntukan-peruntukan untuk tujuan menurap semula jalan-jalan kampung sedia ada, membina dan mempertingkatkan perparitan, membina jalan-jalan baru, membaik pulih kemudahan-kemudahan tertentu di kampung-kampung yang berkenaan.

Ahli Parlimen Petaling Jaya Selatan telah membangkitkan di dalam perbahasan beliau tentang pembangunan di Bukit Gasing. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah pun dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Selatan menerusi soalan lisan bertarikh 30 April di mana ianya telah dijawab secara bertulis dan penjelasan serta makluman kepada isu yang dibangkitkan serta tatacara kementerian ini dan DBKL di dalam memelihara dan menguruskan alam sekitar telah dibuat dengan jelas.

#### ■1610

Jadi saya tidak lihat sebarang keperluan untuk mengulang ulasan, juga kes ini masih dibicarakan di mahkamah, Tuan Yang di-Pertua, dan terakhirnya akan disambung bicara pada 13 Jun 2008...

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya. Kes dibicara, Yang Berhormat.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri setuju kalau satu projek yang diadakan di lereng-lereng bukit yang berkecerunan, *slope* lebih daripada 35 darjah, maka satu laporan EIA perlu diadakan dan kita tengok projek Menara Gasing memang lebih daripada 50% lereng-lereng bukit melebihi kecerunan 35 darjah. Mengapa DBKL tidak panggil pemaaju mengadakan satu laporan EIA ini? Yang kedua, untuk Pelan Tebatan 2020, baru dipamerkan dan belum lulus lagi. Mengapa DBKL meluluskan projek ini? Sila bagi jawapan.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak terangkan hal kes ini, kes ini sekarang ini berada dalam mahkamah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak boleh, Yang Berhormat.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** ...Dan disambungkan perbicaraannya pada 13 Jun. Jadi sebab itu mungkin saya tidak boleh masuk dalam perkara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.



**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Dalam masa yang sama, saya boleh terangkan kepada Yang Berhormat atau Jawatankuasa Sensitif yang kita telah adakan oleh kementerian selepas ini mungkin di luar Dewan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengulas isu Yang Berhormat dari Wangsa Maju yang membangkitkan isu ketidakseimbangan pembangunan di Wangsa Maju. Secara khususnya projek pembangunan di Kuala Lumpur akan diteliti dan dinilai kesesuaian oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebelum sebarang kelulusan diterima. Asas pertimbangan utama adalah berselarasan dengan dasar dan strategi yang digariskan oleh Pelan Struktur Kuala Lumpur serta draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur.

Bagi kawasan Wangsa Maju-Maluri, kajian PTKL mendapati sehingga tahun 2005, bilangan stok perumahan sedia ada adalah berjumlah 111,489 unit. Jumlah ini adalah masih rendah berbanding dengan bilangan unit kediaman yang diperlukan berjumlah 126,414 unit menjelang tahun 2020. Manakala bagi ruang lantai perdagangan pula, kajian PTKL mendapati jumlah ruang lantai perdagangan sedia ada pada tahun 2005 di kawasan Wangsa Maju-Maluri adalah berjumlah 3,609,541 meter persegi. Jumlah ini masih juga lagi rendah berbanding ruang lantai perdagangan yang diperlukan berjumlah 4,612,200 meter persegi menjelang tahun 2020.

Mengenai projek pembangunan oleh Tetuan Platinum Victory adalah di Lot 25067 dan PT3650, Taman Melati, Mukim Setapak melibatkan keluasan 32.4 ekar. Tapak ini telah diberi kelulusan pembangunan pada 20 Januari 2003 yang mengandungi 2,025 unit rumah pangsa kos sederhana, 700 unit rumah pangsa kos sederhana rendah serta 47 unit kedai tiga tingkat.

Bagi memastikan pembangunan ini menyediakan kemudahan penduduk yang mencukupi, satu tapak sekolah awam seluas 33 ekar, satu tapak rekreasi seluas dua ekar serta satu tapak penjaja seluas 0.46 ekar telah diperuntukkan dan diserahkan balik kepada kerajaan. Selain itu syarikat Platinum Victory juga terlibat sebagai pemaju projek di kawasan Danau Kota secara usaha sama dengan pemilik tanah Tetuan FBO Land. Pembangunan di kawasan Danau Kota cuma melibatkan baki tanah perdagangan seluas 4.9 ekar dan kediaman seluas 10.9 ekar yang diambil alih melalui Danaharta akibat kegagalan pemilik asal menyiapkan projek.

Untuk makluman, kawasan Danau Kota berupa tanah yang diberi milik terus oleh pihak kerajaan kepada pemaju asal iaitu syarikat Danau Kota Development dan bukan tanah milik DBKL. Pembangunan oleh syarikat Platinum Victory ini bukanlah satu-satu projek terbesar di kawasan Wangsa Maju. Oleh yang demikian untuk mengatakan bahawa projek ini sebagai penyebab utama kesesakan lalu lintas yang berlaku di kawasan Wangsa Maju adalah kurang tepat.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Titiwangsa, Yang Berhormat.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Sedikit.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Siapa?

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan yang tidak sempat saya kemukakan semasa dalam ucapan saya. Adakah Kementerian Wilayah Persekutuan ada mempunyai perancangan untuk membina sekolah agama bantuan penuh kerajaan dan juga maahad tahfiz bantuan penuh kerajaan di kawasan Kuala Lumpur. Ini kerana yang ada sekarang hanyalah sebuah sekolah agama sahaja iaitu Sekolah Menengah Agama Kuala Lumpur yang berada di Kepong sedangkan keperluannya begitu mendesak sekali. Minta penjelasan, terima kasih.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Tuan Yang di-Pertua, isu pembangunan sekolah agama terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri dan di bawah tanggungjawab Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan atau MAIWP dan juga JAWI dan kita serah kepada mereka untuk menjawab soalan ini tetapi saya dengar Yang Berhormat ada cadangan-cadangan tertentu untuk bangunkan sekolah-sekolah agama yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi...

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Wangsa Maju bangun.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Untuk makluman... Ya.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan mengenai dengan projek Platinum Victory Sdn. Bhd. ini. Saya hendak menanya Yang Berhormat Menteri bahawa sama ada Yang Berhormat Menteri sedar atau tidak bahawa ada sebidang tanah yang bersebelahan dengan sebuah tasik di kawasan Wangsa Maju ini yang telah digunakan untuk projek perumahan yang dilaksanakan oleh Platinum Victory Sdn. Bhd. Ini yang ada dalam hujahan saya dan bagaimanakah projek ini diberi kepada Platinum Victory dan sama ada projek ini telah diberikan sebagai *open tender* kepada Platinum Victory ini oleh kerana ada banyak projek di Wangsa Maju di mana terlibat dengan Platinum Victory ini di mana *approval*, kelulusan pelannya dengan sewenang-wenangnya sahaja. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada apa yang saya sebutkan tadi secara mendalam, soalan yang spesifik itu kita perlu tapak yang tertentu, silalah beri kepada saya dan kita akan memberi jawapan secara bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Panjang lagikah, Yang Berhormat?

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Wangsa Maju juga telah membangkitkan isu kemenangan saya sewaktu Pilihan Raya Umum Keduabelas yang lalu dan telah mencadangkan supaya jawatan Menteri Wilayah Persekutuan dimansuhkan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Wangsa Maju seolah-olahnya tidak

merestui kemenangan saya di Setiawangsa. Yang Berhormat mendakwa yang saya boleh menang hanya kerana undi pos.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di kawasan Parlimen Setiawangsa terdapat 57,161 pengundi di mana bilangan pengundi pos adalah seramai 15,000 iaitu 26% berbanding dengan 42,730 orang pengundi biasa. Majoriti kemenangan jelas menunjukkan bahawa kemenangan saya bukanlah hanya kerana undi pos tetapi juga kerana pengundi biasa juga telah memilih saya selaku wakil mereka di Dewan yang mulia ini.

Ucapan Yang Berhormat telah menunjukkan Yang Berhormat menganggap undi pos tidak penting, bahawa Yang Berhormat tidak mengiktiraf peranan dan sumbangan anggota keselamatan iaitu polis dan tentera di dalam proses demokrasi dan tidak menghargai...  
[Disampuk] [Tepuk] ...Malah memperlekeh nilai undi mereka yang bergadai nyawa dan berkorban untuk menjaga ketenteraman dan keamanan negara.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** [Bangun]

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Saya amat berbangga dengan setiap undi pos yang disumbangkan mereka kerana ia melambangkan sokongan anggota keselamatan kepada saya selaku wakil rakyat yang ingin mereka pilih. Mereka juga adalah rakyat negara ini yang berhak untuk menentukan masa depan mereka, malah kerana pengorbanan mereka di dalam mempertahankan keamanan negara, maka Yang Berhormat dan saya boleh berada dalam Dewan yang mulia ini dalam keadaan aman, damai dan harmonis.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Soalan saya semasa perbahasan perkara ini di mana saya meminta kerajaan untuk memansuhkan Kementerian Wilayah Persekutuan oleh kerana bukan soal undi pos.

■1620

Undi pos itu memang adalah satu hak keistimewaan untuk Ahli Yang Berhormat Setiawangsa. Apa yang penting saya mengatakan kenapakah Kementerian Wilayah Persekutuan ini mesti dimansuhkan. Ini disebabkan kedudukan Kementerian Wilayah Persekutuan ini adalah *redundant*, dengan izin, oleh kerana datuk bandar adalah yang berhak untuk membuat apa-apa keputusan dan hak-hak datuk bandar telah ditetapkan di bawah *Federal Capital Act*, dengan izin. Menteri Wilayah Persekutuan tidak ada hak langsung di bawah *Federal Capital Act* ini.

Kita telah berjumpa beberapa kali dengan Menteri Wilayah Persekutuan dan masalah-masalah yang kita bawa kepada Yang Berhormat tidak boleh diselesaikan juga. Ia seperti disalurkan kepada Yang Berhormat sahaja dan kemudiannya kita berjumpa juga dengan datuk bandar, masalah yang sama kita perlu bawa kepada datuk bandar, sedangkan Kementerian Wilayah Persekutuan ini telah dimansuhkan pada tahun 1995 sehingga tahun 2004...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah jelas Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Di mana kedudukan Yang Berhormat Menteri baru dibenarkan oleh Perdana Menteri, Yang Berhormat daripada Kepala Batas ini. Itu yang saya sebutkan. Terima kasih.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique]:** Ada dua isu di sini, Tuan Yang di-Pertua. Isu yang pertama, beliau menyatakan dalam ucapan supaya Kementerian Wilayah dibubarkan. Ini amat jelas bahawa beliau tidak mahu faham tentang hubungan yang saya telah sebutkan beberapa kali, di mana penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur melalui Akta Perlembagaan Pindaan No.2 1973 - Akta A 206 telah memperuntukkan bahawa Kementerian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah terletak hak di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Apabila Kementerian Wilayah Persekutuan diwujudkan semula pada tahun 2004 Wilayah Persekutuan yang terdiri daripada tiga wilayah iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan ditadbir secara lebih fokus.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama mungkin Yang Berhormat juga tidak membuat kajian. Di dalam satu perintah yang baru tugas Menteri Wilayah Persekutuan adalah selaras dengan tugas-tugas yang digariskan di bawah Akta Fungsi-fungsi Menteri 1969. melalui perintah Menteri-menteri Kerajaan Persekutuan No.2 Pindaan No.3 2005 seperti berikut:

- (i) menguruskan kemajuan dan pembangunan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya;
- (ii) dasar-dasar tentang kerajaan tempatan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya;
- (iii) perancangan Lembah Klang;
- (iv) Perintah Tahanan oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Kanun Tatacara Jenayah;
- (v) pentadbiran mahkamah anak negeri Wilayah Persekutuan Labuan;
- (vi) hal ehwal kepulauan (*island*);
- (vii) Akta Ibu Kota Persekutuan 1960;
- (viii) dasar-dasar hal ehwal Bandaraya Kuala Lumpur;
- (ix) dasar mengenai kadar-kadar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;
- (x) dasar mengenai perumahan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;
- (xi) melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Perbadanan Labuan 2001;
- (xii) melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Perbadanan Putrajaya 1995; dan
- (xiii) melaksanakan pengurusan pentadbiran tanah Wilayah Persekutuan.

Sebelum saya mengakhiri, Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Labuan bangun, Yang Berhormat. Hendak bagi Yang Berhormat Labuan?

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Ya, sila.

**Datuk Haji Yussof Haji Mahal [Labuan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya kurang bersetuju dengan cadangan daripada Yang Berhormat Wangsa Maju tadi. Beliau harus melihat secara keseluruhan bukan sahaja Wilayah Persekutuan itu di Kuala Lumpur sahaja tetapi Labuan dan Putrajaya juga salah satu daripada Wilayah Persekutuan.

Bagi kami yang di Wilayah Persekutuan Labuan, satu-satunya Wilayah Persekutuan yang berada di Malaysia Timur, kita mengharapkan Kementerian Wilayah diteruskan dan ini adalah untuk kepentingan secara keseluruhan integrasi nasional. Contohnya adalah bermula daripada Wilayah Persekutuan, kenapa kita harus mansuhkan? Kenapa kita harus marahkan nyamuk kelambu kita bakar?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri sudah jawab, Yang Berhormat. Cuma bersetuju sahaja.

**Datuk Haji Yussof Haji Mahal [Labuan]:** Sekurang-kurangnya cadangan itu harus ditarik balik.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Terima kasih, saya begitu amat jelas sekali...

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Penjelasan.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Saya hendak masuk kepada perkara yang kedua yang saya sebutkan tadi tentang...

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Minta maaf. Ini mengenai pemansuhan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan? Yang Berhormat Cheras.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Terima kasih. Saya juga sama sependapat dengan Yang Berhormat Wangsa Maju mengenai pemansuhan Kementerian Wilayah Persekutuan ini kerana ini adalah ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kita tidak perlu sokongan, Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri sudah jawab.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Ini adalah pendirian saya dan rakan-rakan saya dari DAP selama ini. Saya ingin menasihatkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang tidak ada di sini bahawa kalau kemajuan pembangunan di Wilayah Labuan, Putrajaya atau bandar Kuala Lumpur ini ingin diuruskan dengan sebaik-baiknya, kami kita perlu Kementerian Wilayah Persekutuan. Ini kerana kementerian ini hanya bercita-cita untuk memperkembangkan pengaruh politiknya sahaja. Untuk menguruskan Labuan dan Putrajaya hanya dengan penubuhan satu Lembaga Kemajuan sudah mencukupi, Tuan Yang di-Pertua, tidak payah merugikan pembayar-pembayar cukai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, isu ini sudah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat tidak payah sokong Yang Berhormat Wangsa Maju. Yang Berhormat Menteri sudah jawab pendirian kerajaan Kementerian Wilayah Persekutuan diwujudkan.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Jawapan itu tidak memuaskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak ada yang boleh puas hati, Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Seorang menteri dalam Jabatan Perdana Menteri sudah cukup untuk menjawab segala persoalan yang ditimbulkan dalam Parlimen ini, tidak payah seorang menteri atau timbalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak apalah, Yang Berhormat, cukuplah.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, kita melihat Kuala Lumpur bukan hari ini, sejarahnya sudah lama. Dahulu dan sekarang bagaimana keadaan Kuala Lumpur? Tentu jauh bezanya. Bagaimana pembangunan di bawa di Kuala Lumpur ini kalau tidak ditadbirkan dengan cara yang betul oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan juga kerajaan. Penubuhan Kementerian Wilayah Persekutuan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, kementerian itu dan kementerian ini adalah hak Perdana Menteri! Kalau tuan-tuan hendak bubar tunggu dulu esok jadi Perdana Menteri baru bubar. Sekarang ini masa Kerajaan Barisan Nasional. Mungkin satu hari esok hendak tubuh Kementerian Pembangunan Sabah dan Sarawak, itu hak Perdana Menteri hendak membangunkan Sabah dan Sarawak ataupun hendak membangunkan satu kementerian yang Perdana Menteri fikirkan sesuai. Jangan fikir soal hari ini. Pihak DAP memandang hari ini.

Yang Berhormat Menteri satu lagi, sebelum Yang Berhormat Menteri hendak habiskan.

**Datuk Haji Yussof Haji Mahal [Labuan]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Labuan, sila duduk.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Mintalah Yang Berhormat Labuan, saya tidak boleh mengarahkan duduk, itu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan sudah mahu mengakhiri ucapannya. Saya ada satu perkara yang paling penting yang saya hendak bawa kepada perhatian Yang Berhormat Menteri iaitu Kuala Lumpur ini tela membangun begitu pesat sekali. Saya sudah duduk di Kuala Lumpur selama 30 tahun, saya melihat perubahannya.

Namun yang saya tidak lihat perubahannya ialah penyertaan orang-orang Melayu dan kaum bumiputera yang lain dalam ekonomi Kuala Lumpur, khususnya dalam bidang perniagaan dan pemilikan harta. Ini saya tidak nampak ada perubahan besar. Kompleks perniagaan yang besar-besar, tidak nampak, susah hendak nampak peniaga-peniaga Melayu atau kaum bumiputera yang lain.

Begitu juga dengan hartanah di Kuala Lumpur ini. Kita bercakap pemilikan hartanah secara saksama yang diperjuangkan kesaksamaan dan keadilannya. Di mana keadilannya kalau sekiranya kita lihat bahawa pemilikan hartanah, pemilikan harta, pemilikan ruang perniagaan tidak seimbang? Kenapa pihak kerajaan tidak bertegas dalam perkara ini? Kenapa pihak pembangkang tidak perjuangkan hal ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kulim bangun, Yang Berhormat. Hendak bagi Yang Berhormat Kulim?

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Sebelum Yang Berhormat Menteri berhenti.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Sila.

**•1630**

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Sebelum berhenti Yang Berhormat nanti. Terima kasih Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Satu soalan spesifik sebenarnya, Yang Berhormat Menteri untuk bahawa perhatian berkenaan dengan masalah pembangunan bazar rakyat di Jalan Masjid India.

Kemungkinan Yang Berhormat Menteri tidak diberi taklimat tentang pelan pembangunan kerana masalah besar yang dihadapi sekarang di Jalan Masjid India, berhadapan dengan Wisma Yakin dan Masjid India ialah penutupan jalan tersebut menyebabkan beberapa masalah besar. Contohnya, baru-baru ini bila berlaku kebakaran di Wisma Yakin, pihak bomba tidak dapat masuk langsung ke kawasan tersebut menyebabkan tingkat 9, bangunan tersebut telah hangus.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** *[Bangun]*

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Nanti sekejap satu lagi Yang Berhormat Menteri. Lanjutan daripada itu, juga aduan daripada peniaga-peniaga Wisma Yakin yang telah lama di situ menyatakan bahawa perniagaan mereka terjejas teruk dengan penutupan Jalan Masjid India.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Kami dimaklumkan oleh pihak bomba dan pihak Jabatan Perparitan dan Saliran, menyatakan bahawa mereka tidak pernah memberikan kelulusan kepada pembangunan

tersebut. Jadi kalau boleh minta Yang Berhormat Menteri memberikan penjelasan tentang masalah pembangunan bazar rakyat di Jalan Masjid India. Terima kasih.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta untuk menjawab secara bertulis kepada Yang Berhormat Kulim. Saya hendak berbalik kepada Yang Berhormat Wangsa Maju tadi di mana beliau telah menyatakan dan juga Yang Berhormat Cheras. Sebelum ini saya tidak pernah dengar dari Yang Berhormat Cheras dan Yang Berhormat yang lain di mana apabila Kementerian Wilayah Persekutuan ditubuhkan pada tahun 1978 sehingga 1987 dan juga tahun 2004, apabila mereka menjadi Ahli Parlimen, mereka hendak bubarkan Kementerian Wilayah Persekutuan. Iaitu jawapan saya pun sudah cukup...

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Yang Berhormat Menteri tidak hadir pada waktu itu.

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Tahun 2004, tahun 2004, saya jadi timbalan menteri. Yang Berhormat Cheras tidak pernah langsung sebutkan hendak bubarkan Kementerian Wilayah Persekutuan pada masa itu.

Oleh itu juga saya hendak masuk kepada isu tadi di mana Yang Berhormat Wangsa Maju katanya, beliau tidak menyentuh tentang isu saya menjadi menteri undi pos. Beliau menyatakan Tuan Yang di-Pertua, Menteri Wilayah Persekutuan hanya bergantung kepada undi pos untuk menyelamatkan kerusi Parlimen Setiawangsa. Begitulah sepatutnya beliau mesti diisytiharkan sebagai seorang menteri undi pos.

Saya hendak tanya soalan kepada Yang Berhormat Wangsa Maju. Adakah Yang Berhormat Wangsa Maju tidak sedar, Yang Berhormat telah menang dengan majoriti 150 undi? Jumlah undi pos Yang Berhormat dapat adalah 318 undi... [*Tepuk*] Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, kita janganlah main supaya...

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Sebut isu undi pos ini, Yang Berhormat tanyakan soalan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, berapa lama lagi Yang Berhormat hendak habiskan perkara ini?

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Sudah habis dah, sudah habis dah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Perkara ini sudah berlarutan Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Bila saya lalu, dia pun habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Hendak bagi laluan dengan Yang Berhormat Wangsa Maju?

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Ya, terima kasih Timbalan Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Terima kasih di atas bertanya soalan kepada saya. Jadinya kita boleh *try* jadi menterilah. Sekarang ini menjawab soalan kepada menteri. Saya memang menang dengan 150 undi. Kalau kita buang undi pos pun, saya menang lebih



banyak. Saya menang seribu lebih, tetapi Yang Berhormat Menteri kalau buang semua undi pos, memang sudah *out* daripada Parlimen ini. Sudah bersara dah!!... [Tepuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sudahlah Yang Berhormat. Saya ingat Yang Berhormat Menteri, itulah sahaja sebab benda ini semua spekulasi Yang Berhormat.

**Datuk Haji Yussof Haji Mahal [Labuan]:** [Bangun] [Mengetuk pembesar suara]

**Dato' Sri Zulhasnan Rafique:** Terima kasih. Juga yang terakhir sekali Yang Berhormat Kulim, di mana bangunan-bangunan, bukan Yang Berhormat Kulim, minta maaf. Yang Berhormat Pasir Salak, di mana beliau menyatakan bangunan pembangunan di Kuala Lumpur ini telah menjalani satu fasa yang begitu pesat sekali dan juga kita perlu menentukan bangunan-bangunan untuk bumiputera, orang Melayu dalam bidang perniagaan, bidang pembangunan harta dan lain-lain. Kita bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan kementerian-kementerian yang lain untuk menentukan ini menjadi kenyataan.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ucapkan terima kasih kepada semua sekali Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Diraja ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima dan membenarkan permohonan daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang dijadualkan nombor 23 dinaikkan ke nombor 13 bagi menggantikan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dalam susunan giliran menteri-menteri menjawab ke atas Perbahasan Titah Diraja. Yang Berhormat Menteri, sila.

**16.35 ptg.**

**Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah [Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih banyak-banyak kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Usul Menjunjung Kasih ke atas Perbahasan Titah Diraja yang menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Luar Bandar dan Wilayah.

Menyentuh berkaitan dengan pembasmian kemiskinan, pembangunan wilayah, projek-projek prasarana, utiliti, imuniti sosial, ekonomi desa, hal ehwal Orang Asli, program ICT luar bandar, medan info desa, pembangunan masyarakat KEMAS dan lain-lain. Seramai 23 orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian.

Yang Berhormat Kinabatangan, Kimanis, Batang Sadong, Ranau, Pontian, Tawau, Kalabakan, Pasir Salak, Sibuti, Labis, Kuala Krau, Jempol, Kapit, Maran, Limbang, Tenom, Sekijang, Lawas, Permatang Pauh, Sungai Siput, Batu Gajah, Ampang dan Pasir Mas.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga akhir tahun 2007, liputan bekalan air luar bandar di Semenanjung telah mencapai tahap 97%, Sabah 63% dan Sarawak 62%. Manakala liputan bekalan elektrik luar bandar di Semenanjung telah mencapai tahap 99%, Sabah 76.26% dan Sarawak 84.08%.

Sementara itu liputan pelaksanaan jalan-jalan luar bandar di Semenanjung telah mencapai 95%, Sabah 40% dan Sarawak 34%. Bagi projek jalan kampung pula sehingga tahun 2007, sepanjang 57,266.69 kilometer telah dilaksanakan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, menjelang tahun 2010, mudah-mudahan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah meletakkan sasaran 100%. Kawasan radius sejumlah 30 kilometer daripada bandar dan pekan-pekan di luar bandar akan diliputi oleh kemudahan infrastruktur asas luar bandar seperti bekalan air, elektrik dan jalan.

Membasmi kemiskinan. Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, apakah Yang Berhormat Menteri sedar, jalan kampung yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Iaitu kualitinya, amat teruk sekali. Iaitu kita lihat, apabila ia dibina tidak sempat dua, tiga bulan, rosak.

Apakah Yang Berhormat bercadang untuk membuat pemantauan yang lebih tegas? Kerana kontraktor-kontraktor yang melaksanakan jalan-jalan kampung ini tidak mengikuti spesifikasi yang sebenarnya. Jalan sepatutnya enam inci menjadi empat inci, tiga inci. Batu dicampurkan dengan tanah, pasir. Jadi, apabila siap, datang hujan sedikit, rosak. Jadi sebenarnya kalau kita lihat dari segi mutu, teruk sekali.

Jadi, apakah pihak Kementerian Luar Bandar akan memantau kembali tentang pelaksanaan projek-projek jalan kampung ini? Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Sepatutnya memang jalan-jalan ini boleh tahan, jalan-jalan kampung boleh tahan sekurang-kurangnya lima tahun.

Tuan Yang di-Pertua, kemiskinan merupakan isu yang penting dan telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jempol, Kapit, Tenom dan Sungai Siput.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri sebelum pindah bab kemiskinan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dalam ucapan saya baru-baru ini, saya telah membangkitkan bagaimana keadaan prasarana asas khususnya bagi kawasan Sabah dan di Kinabatangan. Di mana terdapat beberapa batang jalan, kalau dikira bukan jalan raya. Kalau hujan dia menjadi kolam, dia boleh menjadi tempat orang berenang.

## ■1640

Jadi langkah-langkah drastik yang boleh diambil oleh Kementerian termasuk memberi peruntukan segera untuk memastikan bahawa masyarakat di luar bandar juga boleh berurusan setiap hari seperti masyarakat-masyarakat Malaysia di lain-lain tempat.

Ini memerlukan satu usaha yang cukup gigih sebab jalan-jalan ini bukan satu, dua, tetapi banyak, berpuluh-puluh jalan raya, jalan kampung yang tidak boleh dilalui. Jadi apakah pandangan Kementerian ini terhadap masalah-masalah yang dihadapi ini.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan.

Saya baru-baru ini dalam mesyuarat Post-Kabinet di Kementerian, saya mencadangkan semoga dalam masa dua, tiga tahun ini kita hendak setiap bandar atau pekan 30 kilometer radius, sekeliling bandar itu akan ada kemudahan-kemudahan bekalan elektrik, air, dan jalan.

Bermakna kalau kita tengok dari segi *mapping*, kita boleh lihat warna misalnya, air; biru, api; merah, jalan; coklat, dan rumah-rumah PPRT; hitam. Jadi kalau kita tengok, kita boleh tahu di mana warna biru yang banyak, di mana warna merah yang banyak.

Pegawai-pegawai di Kementerian saya telah pun memahami perkara ini semoga kita dapat dengan izin, satu *planning* yang menyeluruh di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Marang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Tuan Yang di-Pertua, sering kali projek-projek luar bandar bersifat projek segera dan gopoh-gapah apabila hampir pilihan raya ataupun adanya wakil rakyat yang meninggal dunia, pilihan raya kecil.

Masa itulah akan dibawa projek-projek segera dan kita bimbang akhirnya rakyat akan mengharapkan wakil rakyat dia mati barulah projek ini akan datang segera. Sekian.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Insya-Allah kita akan buat secara menyeluruh.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sekali lagi Yang Berhormat, apakah Kementerian mempunyai satu *time frame* atau jangka masa berapa tahun permasalahan ini boleh diselesaikan. Adakah dia 20 tahun, lima tahun, 70 tahun? Saya mahu tahu sebab perkara ini telah asal saya masuk kawasan saya, rakyat tanya saya.

"Yang Berhormat bila jalan raya kampung kami ini boleh di naik taraf". Saya pun tidak tahu macam mana saya mahu menjawab. Saya tidak ada garis panduan daripada Kementerian. Jadi apakah Kementerian ada warna biru, merah ini, bila warna-warna ini akan dihilangkan, berapa puluh tahun kah agaknya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Rantau Panjang tanya perkara yang sama?

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Ia berkaitan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sila.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat.

Saya ingin penjelasan sejauh mana perhatian kerajaan terhadap kawasan-kawasan luar bandar, jalan-jalan yang sentiasa terdedah dengan bencana banjir sebab setiap kali tahun berlakunya banjir, jalan ini akan mengalami kerosakan.

Begitu juga kawasan-kawasan pekan-pekan kecil yang sentiasa menghadapi isu yang sama. Jadi sejauh mana peruntukan dan perancangan kerajaan di kawasan-kawasan seperti ini dari segi jangka masa dekat dan jangka masa panjang. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan dan Rantau Panjang.

Berkaitan dengan Yang Berhormat Kinabatangan; *time frame*. Sememangnya pihak kerajaan akan membina infrastruktur tetapi apabila kita siap satu tempat, tumbuh pula kawasan-kawasan baru, perumahan-perumahan baru di satu tempat yang lain.

Oleh itu, saya fikir walaupun sudah siap pada satu ketika tetapi dengan adanya perpindahan dan pertumbuhan yang baru secara dirancang ataupun yang tumbuh, oleh sebab manusia bukan statik maka perancangan akan berterusan sehingga satu hari kesemua kawasan itu akan dapat dipenuhi.

Yang keduanya mengenai apa Yang Berhormat Rantau Panjang timbulkan, mengenai kawasan-kawasan berlaku banjir. Sememangnya pihak kerajaan akan memberi perkhidmatan *maintenance* dengan izin kepada jalan-jalan yang rosak.

Tuan Yang di-Pertua, kemiskinan merupakan isu yang penting dan telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jempol, Kapit, Tenom dan Sungai Siput. Secara umumnya terdapat beberapa kementerian dan agensi yang bertanggungjawab mengenai isu kemiskinan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Pendang bangun.

**Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya mengucapkan syabas kepada Menteri kerana mempunyai misi yang mengatakan 30 kilometer radius akan dibangunkan dari segi tiga kemudahan asas tadi ini.

Apa yang saya dapati di kawasan saya yang diwakili oleh wakil rakyat Barisan Nasional, saya dapati sejak daripada negara kita merdeka, ini bukan kampung baru tetapi kampung sejak daripada merdeka dipohon kemudahan yang paling asas iaitu jalan kampung tetapi tidak mendapat perhatian sampailah sekarang ini.

Jadi saya harap dengan misi yang baru, Menteri yang baru ini, yang mempunyai orang kata peruntukan yang luar biasa yang disebut oleh Menteri ini, saya harap benda ini dapat

dilaksanakan untuk kemudahan rakyat di kampung-kampung, bukannya jauh dalam lingkungan 10 kilometer radius sahaja daripada bandar. Terima kasih.

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Bharu]:** Tuan Yang di-Pertua, lanjutan daripada Yang Berhormat Kinabatangan tadi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan permasalahan luar bandar di kawasan saya di Bandar Bharu dan Kulim. Contohnya pembangunan pembinaan jalan luar bandar di Bandar Bharu yang telah saya difahamkan telah mengambil masa enam tahun masih belum siap lagi sampai sekarang daripada bulatan Bandar Bharu menuju ke Serdang.

Saya ditanya rakyat di sana, bagaimana jalan itu dibina dalam keadaan ianya menutup tali air yang hendak pergi ke sawah padi menyebabkan penanaman padi di sebelah kanan jalan tersebut sampai hari ini sudah mati, tidak boleh dibangunkan.

Ini termasuk juga pembangunan luar bandar ini, Yang Berhormat Menteri di kawasan Karangan. Saya terkejut kerana Kulim ini dikenali sebagai kawasan membangun, Kulim High Tech, dengan slogan “Kedah Maju 2010”, masih ada lagi di kawasan Kulim iaitu di kampung Ulu Paip, Karangan. Kampung yang tidak mempunyai bekalan air dan elektrik sampai hari ini.

Permintaan kepada TNB dibuat langsung tidak dilayan dan satu kawasan perkampungan di Junjung, saya terkejut melihat kawasan itu, jalan dia itu berbeza-beza. Kita akan lalu satu jalan itu cantik ternyata selepas itu tiba-tiba gegar, kawasan tidak cantik, selepas itu cantik balik. Jadi bila saya tanya kenapa jadi macam ini, dia kata “*Yang jalan cantik itu yang dacing punya, yang jalan tidak cantik itu geng Bulan punya, kawasan bulan*”.

Jadi adakah dengan adanya Menteri baru, saya kenal Yang Berhormat Menteri, kawan umrah dengan saya dahulu. Kalau boleh Yang Berhormat Menteri ambil perhatian kepada perkara ini, tidak dianaktirikan rakyat hanya kerana menyokong parti yang berbeza dan kalau boleh pembangunan di kawasan Bandar Baharu ini disegerakan dengan kita menghadapi masalah padi sekarang ini. Bandar Bharu dikenali dengan penanaman padi, kalau boleh tali air dibuka balik dan projek pembinaan jalan luar bandar Bandar Bharu disegerakan kerana sudah pun dibina cuma tidak siap-siap sampai sekarang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat. Yang Berhormat Jempol bangun.

**Tuan Muhammad bin Haji Husain [Pasir Puteh]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Lilah bin Yasin [Jempol]:** Yang Berhormat, ini melibatkan dasar kementerian Yang Berhormat sendiri di mana sekarang ini rumah-rumah yang banyak sahaja kita bina jalan kampung.

Boleh tak, kementerian Yang Berhormat ini menukar sedikit dasar ada sedikit rumah tetapi ada potensi didirikan lebih banyak rumah dengan adanya jalan kampung. Jadi ini akan membolehkan jalan-jalan ini dibina di kawasan-kawasan yang kurang rumah.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada tiga tadi Yang Berhormat. Saya secara umumnya saya beritahu tadi bahawa kita hendak buat satu cara pembangunan, kita tidak hendak buat pembangunan di mana kawasan itu katalah kawasan VVIP.

■1650

Maka kawasan itu baru diberikan perhatian. Oleh itu, saya mencadangkan supaya kita buat secara *mapping* bandar-bandar atau pekan-pekan 30 kilometer di sekeliling pekan tersebut, kita hendaklah menyediakan kemudahan-kemudahan asas api, air, jalan. Ini tiga perkara pokok dan juga rumah-rumah PPRT di mana kawasan-kawasan ini yang wujud orang-orang yang miskin. Jadi tidak timbul sama ada kawasan itu lebat rumah ataupun kurang lebat rumah, tetapi saya berkehendakkan 30 meter radius kilometer daripada bandar atau misalnya daripada Kuala Kubu Baharu 30 kilometer sekeliling Kuala Kubu Baharu itu mesti disediakan kemudahan-kemudahan asas.

Jadi termasuk di Sabah dan Sarawak saya percaya kawasan-kawasan luar bandar bukan hanya di kawasan pekan sahaja yang mempunyai kemudahan, tetapi penduduk-penduduk kampung di sekitar pekan tersebut maka hendaklah disediakan. Jadi saya minta pegawai-pegawai pandang kepada konsep yang kita cadangkan ini untuk mereka membuat perancangan. Ada setengahnya banyak air, setengahnya banyak pakai elektrik. Maka dengan adanya perancangan mengikut bandar 30% radius ini maka kemudahan-kemudahan asas akan dapat disediakan di kawasan sekeliling.

**Tuan Muhammad bin Haji Husain [Pasir Puteh]:** [*Bangun*]

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Mengenai Yang Berhormat daripada Kulim Bandar Baharu....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ada yang bangun lagi Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, di hujung sekali.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Pasir Puteh.

**Tuan Muhammad bin Haji Husain [Pasir Puteh]:** Yang Berhormat Menteri, projek luar bandar di Kelantan sebab apa yang berlaku sekarang ini ialah macam ada satu persaingan antara kerajaan negeri dan Jabatan Pembangunan Persekutuan atau JPP. Jadi kadang-kadang projek itu macam bertindih. Kadang-kadang jalan ini jadi macam *claim* pun dua. Ini di *claim* oleh penghulu Kelantan, yang satu lagi di *claim* oleh PPM, pegawai pembangunan mukim yang dilantik oleh Kerajaan Pusat. Jadi apa yang saya mahu ialah bahawa ada satu penyelarasan

yang berlaku. Kadang-kadang JPP tidak ambil kira pun, kerajaan tempatan umpamanya dalam melakukan beberapa projek pembangunan. Jadi ini menyusahkan ataupun mengelirukan rakyat dari segi pelaksanaan pembangunan itu. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Pasir Puteh. Kerajaan Persekutuan akan membina jalan-jalan di mana terdapat kawasan-kawasan di luar bandar seperti jalan kampung, bekalan elektrik dan juga bekalan air. Jadi saya harap di peringkat pelaksanaan tak wujud pertindihan dan persaingan.

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah merupakan salah satu kementerian yang bertanggungjawab...

**Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Kapit.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** ...Menangani kemiskinan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Kapit bangun Yang Berhormat.

**Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada dua saya hendak penjelasan. Pada awal tadi Yang Berhormat Menteri telah memberi kenyataan bahawa di negeri Sarawak bekalan air luar bandar telah mencapai satu kadar yang telah disebut. Saya ingin penjelasan, adakah kementerian bermaksud air ini adalah yang telah dirawat atau tahap pencapaian itu termasuk juga bekalan air yang tidak dirawat, sebab didapati di kawasan saya memang masih banyak lagi rumah panjang atau dikatakan kampung yang mendapat bekalan air mereka dari sungai ataupun menggunakan sistem graviti, *fed water supply system* yang tidak dirawat.

Satu lagi, saya pernah diberi penjelasan di Dewan yang mulia ini juga pada satu ketika mungkin enam tahun sudah, ini penggal ketiga saya Yang Berhormat Menteri, bahawa di Sarawak, di kawasan Sungai Iran di kawasan Daerah Song dalam kawasan saya di Kapit adalah dikatakan kawasan yang begitu miskin, termiskin di negeri Sarawak. Apakah dengan kadar ini sekarang sudahkah kedudukan ini berubah baik? Apa yang telah dilaksanakan oleh kementerian tentang masalah ini? Mungkin ini agak sukar untuk Yang Berhormat Menteri yang baru dalam kementerian ini untuk menjawab, tetapi adalah tugas saya juga untuk mendapat penjelasan. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai bekalan air di Sarawak sememangnya apa yang saya sebutkan tadi Sarawak 62%. Ini bermakna kawasan yang disediakan oleh kementerian sudah tentulah yang sudah dirawat, tidak termasuk barangkali kawasan-kawasan yang mempunyai air daripada sungai.

Yang kedua, apa yang saya sebutkan tadi 30 kilometer keliling pekan ini, di mana terdapat kawasan-kawasan yang mempunyai bekalan air yang sudah ada daripada pekan, api

sudah ada daripada pekan. Air sudah ada, api sudah ada dan jalan boleh dibuat, tetapi bagi negeri-negeri termasuk Sabah dan Sarawak yang mempunyai penduduk-penduduk di pedalaman, maka satu sistem yang lain juga perlu ada kerana di kawasan pedalaman terlalu pedalaman, tidak ada *line* grid yang boleh sampai bekalan elektrik di situ. Maka bagi kawasan-kawasan pedalaman seperti ini, maka perkhidmatan khusus seperti mengadakan sistem solar ataupun air yang diambil daripada bawah tanah akan dibuat.

Jadi saya harap sahabat saya tadi daripada Sarawak akan dapat memahami bahawa selain daripada sistem menyediakan kemudahan daripada pekan-pekan, maka sistem untuk kawasan-kawasan pedalaman akan ada cara-cara khusus seperti mana yang saya sebutkan tadi. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya sudah beralih kepada soal kemiskinan...

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Ya Yang Berhormat, kemiskinan.

**Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** [Bangun]

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Sibuti berhubung perkara yang sama ataupun...

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Umum Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tadi bahawa kawasan di antara dalam golongan 30 kilometer akan dibantu dalam masa dua tiga tahun. Jadi kawasan saya ini kebanyakannya lebih daripada 40 kilometer jaraknya. Rumah-rumah panjang, kampung-kampung yang jauh di pedalaman lebih daripada 30 kilometer. Adakah mereka ini akan menunggu *another* lebih kurang 10 hingga 20 tahun lagi? Itu yang saya hendak tanya. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Tuan Yang di-Pertua, maksud saya yang 30 kilometer ialah dari segi *planning*, tetapi kalau sekiranya satu-satu kawasan yang mempunyai bekalan elektrik air yang boleh ditarik, maka khusus tempat-tempat seperti ini akan juga diikhtiarkan untuk disampaikan, tetapi untuk *planning* saya meletakkan garis 30 kilometer untuk serta-merta mesti disediakan kemudahan-kemudahan yang tiga bekalan. Jadi bukanlah makna satu-satu kawasan itu hanya 30, dari segi *planning* sahaja, tetapi kalau sekiranya kawasan itu boleh dibuat disambung maka kita akan sambung.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput...

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** [Bangun]

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Dua bangun Yang Berhormat. Mana satu Yang Berhormat hendak bagi?

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Boleh, boleh sila.



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Marang.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya ingin menimbulkan dua persoalan.

Yang pertama walaupun kita telah mencapai kemerdekaan 50 tahun lebih, apa yang menjadi masalah negeri-negeri yang menghadapi ketinggalan kemudahan asas dan masalah kemiskinan seperti Sabah, Sarawak dan termasuk Terengganu negeri yang banyak hasilnya. Ada hasil petroleum. Kemiskinannya tinggi, kadarnya tinggi daripada negeri lain, kemudahan asasnya masih menjadi masalah. Apakah puncanya? Adakah kerana kesilapan pengurusannya ataupun tidak cukup peruntukan yang perlu ditambah lagi.

■ 1700

Yang kedua, dalam menangani masalah kemiskinan, tanggungjawab kerajaan bukan sahaja meringankan bebanan mereka, sekadar memberi subsidi, memberi bantuan untuk sementara waktu. Sepatutnya, mestilah juga untuk membebaskan mereka daripada kemiskinan. Kerajaan sepatutnya mempunyai jumlah yang memuaskan.

Berapa ribu setahun orang miskin dapat dibebaskan daripada kemiskinan. Dalam masa yang sama, dinisbahkan orang miskin yang baru mestilah kerajaan mempunyai satu kajian yang cukup dalam menghadapi masalah ini supaya benar-benar bertanggungjawab dalam mengatasi masalah kemiskinan. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Terima kasih. Berkaitan dengan tidak selesai infrastruktur terutama di Sabah, Sarawak, Terengganu, insya-Allah, saya sedang pun berikhtiar untuk mendapatkan peruntukan tambahan bagi kajian separuh penggal supaya kita boleh dapat menyelesaikan kemudahan-kemudahan yang perlu di kawasan-kawasan seperti negeri-negeri Sabah, Sarawak dan juga negeri-negeri yang memerlukan kemudahan-kemudahan.

Yang kedua, mengenai kemiskinan. Garis kemiskinan sentiasa berubah-ubah. Oleh itu, bergantung pada komponen-komponen pemakanan dan komponen-komponen bukan pemakanan. Jadi, memang dari segi kemiskinan tegar, kerajaan berhasrat menjelang tahun 2010 kita akan dapat menghapuskan jurang kemiskinan tegar. Namun, dari segi kemiskinan, ini akan terus diperjuangkan oleh pihak kerajaan melalui pendedahan..., *opportunity*, dengan izin. Dengan adanya ilmu yang diberi melalui pengajaran dan juga kemudahan-kemudahan, latihan yang diberi untuk membolehkan mereka aktif dalam bidang-bidang ekonomi...

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tan Sri, ada yang bangun.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang mana satu Tan Sri, ada Yang Berhormat Tenggara dengan Sungai Siput.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Sila.

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Yang mana satu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Tenggara.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]:** Tenggara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Dia beri Yang Berhormat Sungai Siput.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Sila, sila.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]:** Tenggara di sebelah sini Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Sungai Siput Yang Berhormat.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Ya, lepas itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ya, lepas itu.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Ya, lepas itu.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]:** Lepas ini Tenggara, saya dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Sungai Siput dahulu, lepas itu Yang Berhormat Tenggara.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]:** Okey, terima kasih.

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat, minta penjelasan adakah cadangan untuk kaji semula definisi kemiskinan. Sekarang kadarnya RM691 untuk sekeluarga lima orang untuk sebulan. Saya ingat tidak wajar. Sungai Siput tidak boleh, mungkin Kuala Lumpur boleh, tetapi Sungai Siput tidak boleh.

Jika mereka hendak pergi ke sekolah, jikalau satu motor dekat rumah, mereka bukanlah hendak duduk sebagai penduduk bandar atau setinggan. Perlu sekurang-kurangnya RM1800. Jadi, adakah cadangan hendak kaji balik. Kita katakan kadar begitu rendah. Apa jadi kepada orang yang ada keluarga-keluarga antara RM700 dan RM2000. Adakah mereka tidak miskin, mereka tidak perlukan bantuan. Jadi, itulah soalnya. Terima kasih

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sebelum Yang Berhormat Menteri jawab, saya ingat Yang Berhormat Tenggara tadi. Janjikan. Sila Yang Berhormat.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, apakah perancangan kementerian untuk mengatasi masalah kemiskinan sama ada kemiskinan ataupun kemiskinan tegar di kalangan masyarakat Orang Asli? Kenapa Tuan Yang di-Pertua, peruntukkan yang disediakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan

untuk projek pembangunan sosial dan juga ekonomi sebenarnya tidak cukup untuk melepaskan soal kemiskinan dan juga miskin tegar di kalangan masyarakat Orang Asli ini.

Kalau kita lihat daripada Prestasi Pembangunan Masyarakat Orang Asli bagi tahun 2005, bekalan elektrik yang sudah sampai ke kampung Orang Asli cuma setakat 62%. Bekalan air 71%, jalan masuk 72% dan perumahan cuma setakat 47% sahaja. Saya hendak tahu, apakah perancangan kementerian untuk menyelesaikan soal kemiskinan di kalangan masyarakat Orang Asli ini kerana kita tidak mahu Tuan Yang di-Pertua, apabila bab Orang Asli ini ia bersamaan dengan kemiskinan. Kalau sebut Orang Asli, mereka sendiri pun tahu, mereka seolah-olah dipinggirkan.

Kita tidak mahu usaha yang dijalankan oleh kementerian ini cuma setakat melepaskan batuk di tangga. Soal pembinaan rumah PPRT sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, sampai sekarang pun tidak dapat diselesaikan. Dibuat secara berperingkat. Kalau di Johor itu, untuk tahun 2007, cuma setakat 19 buah rumah PPRT sahaja yang dapat dibina. Jadi tidak dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih banyak.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Terima kasih, mengenai...

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Yang Berhormat Menteri...  
*[Mengetuk pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tan Sri..., jangan ketuk Yang Berhormat. Tadi saya sudah terima banyak *complaint* pasal media kita ini tidak berfungsi.

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Minta maaf Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Kulim Bandar.

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tan Sri Menteri. Saya pun, kalau dapat Yang Berhormat Tan Sri berikan penjelasan pada soalan saya. Saya minta maaf sebab saya tahu banyak soalan, mungkin terlepas. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Ya, okey, terima kasih Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu. Soalan daripada Kulim tadi spesifik bertanya mengenai perkara-perkara tertentu. Jadi, saya harap dapat ditulis mengenai Bandar Baharu. Jalan dari Bandar Baharu ke Serdang, saya fikir ini terlampau spesifik.

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Ataupun, kalau Yang Berhormat Tan Sri berikan jawapan bertulis.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Insya-Allah...

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Kalau diizinkan.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Kalau diberi pertanyaan bertulis, kita akan jawab. Mengenai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya cadangkan.

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Yang Berhormat Tan Sri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Menteri, Saya cadangkan.

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Saya cadangkan Yang Berhormat Tan Sri berikan jawapan bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ya.

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Kalau boleh saya cadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ya, okey.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Insya-Allah. Mengenai definisi kemiskinan daripada Yang Berhormat tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Sungai Siput.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Yang Berhormat tidak bersetuju mengenai pendapatan isi rumah, RM660. Saya memetik ini daripada angka yang dikeluarkan oleh EPU. Di Semenanjung, RM660 kalau miskin. Kalau di Sabah RM900, kalau di Sarawak RM770. Miskin tegar di Semenanjung RM400, di Sabah RM500, di Sarawak RM480. Namun, paras ini tidak statik. Ia sentiasa turun naik bergantung kepada kos-kos makanan dan juga bukan pemakanan. Perkara ini sentiasa akan dikaji daripada masa ke semasa bergantung pada kadar inflasi dan juga kos-kos lain yang terlibat. Saya ingat Yang Berhormat jangan banyak sangat tanya ya!

Okey, saya masuk dalam bidang kemiskinan. Seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput mengenai garis kemiskinan pada kadar RM690 sebulan bagi setiap isi rumah yang dikatakan tidak mencukupi dan perlu dikaji semula. Untuk makluman, Ahli-ahli Yang Berhormat, paras garis kemiskinan bagi golongan miskin seperti yang ditetapkan oleh kerajaan adalah sebanyak RM650. Saya sudah terangkan tadi. Paras garis kemiskinan ini ditentukan oleh kerajaan setelah mengambil kira keperluan komponen makanan dan bukan makanan oleh sesebuah keluarga. Mengenai Program PPRT, Ibu Tunggal, Program Peningkatan Pendapatan dan Pembasmian Kemiskinan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Krau. Kementerian mengakui akan keperluan peruntukan yang sangat mendesak. Sehubungan itu, kementerian telah pun meminta peruntukan tambahan daripada kerajaan di bawah Kajian Separuh Penggal bagi melaksanakan program-program kementerian terutama program-program membasmi kemiskinan.

Mengenai isu ibu tunggal, kementerian memang memberi perhatian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Pasir Mas bangun Yang Berhormat.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ada soalan spesifik untuk mendapat penjelasan dan perhatian Yang Berhormat Menteri. Apakah Yang Berhormat Menteri sedar pelaksanaan rumah PPRT terutamanya di Kelantan dan kawasan saya Pasir Mas.

■1710

Saya difahamkan sebuah rumah diberi peruntukan RM3,000 tetapi cara pelaksanaannya, ada pihak melantik syarikat dan syarikat ini membekalkan peralatan kayu, keperluan untuk rumah ini. Akan tetapi kayu atau peralatan, contohnya bahan-bahan binaan ini tidak pun sampai harga RM1,500, tak sampai pun RM2,000 malah mereka mengaut keuntungan separuh daripada jumlah RM3,000 ini.

Ini betul-betul hisap darah, orang susah, rumah orang kampung ada pihak cari jalan mengaut keuntungan yang tidak berperikemanusiaan. Ini juga masalah mekanisme pelaksanaan. Sepatutnya sama ada mereka yang berhak itu menerima wang tunai terus dan mereka membeli barang-barang sendiri daripada dilantik orang-orang tengah untuk melaksanakan projek seumpama ini. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Sememangnya projek PPRT ini ialah untuk mengatasi kesusahan orang-orang yang berada di garis miskin dan juga miskin tegar. Saya bersetuju, tidak sepatutnya mana-mana pihak mengambil untung daripada bantuan kerajaan untuk membantu menyelesaikan kemiskinan ini. Terima kasih.

**Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** *[Bangun]*

**Tuan Ahmad Maslan [Pontian]:** *[Bangun]*

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tiga orang bangun Yang Berhormat, Yang Berhormat Kapit, Yang Berhormat Pontian dan Yang Berhormat Sungai Siput.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Yang Berhormat Pontian.

**Tuan Ahmad Maslan [Pontian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada mencadangkan kepada Dewan ini untuk mengatasi kemiskinan dan kemiskinan tegar sekali gus iaitu dengan membuka FELDA fasa kedua. Timbalan Perdana Menteri telah bersetuju untuk dilaksanakan perkara ini.

Pertanyaan saya, adakah kementerian bersama FELDA akan berjumpa dengan kerajaan-kerajaan negeri dan meminta tanah untuk memastikan FELDA fasa kedua ini boleh dilaksanakan bagi 54,977 keluarga miskin dan miskin tegar, diberi empat ekar tanah, bukan 10

ekar berjumlah 87,963 hektar. Jika perkara ini dilaksanakan, kemiskinan dan kemiskinan tegar boleh diatasi sebelum 2010.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Terima kasih Yang Berhormat dari Pontian. Mengenai aktiviti FELDA, bukan di bawah kementerian ini. Namun demikian, Kementerian Kemajuan Luar Bandar ada program seperti agropolitan di mana kita memajukan tanah yang diberikan oleh kerajaan negeri dan kita menyediakan kemudahan-kemudahan, termasuk kemudahan-kemudahan api, air, jalan dan juga kita menanam getah ataupun kelapa sawit.

Dan kita juga memberikan tanah ini kepada peserta-peserta daripada kawasan yang berdekatan. Seperti di Bangi, Sabah, di Terengganu ada, di Perak ada, di Pahang pun ada dan mudah-mudahan nampaknya Sarawak juga ada membuatkan cadangan untuk dibuka di Sarawak. Sekiranya ini dapat dibuat di bawah kementerian ini, maka banyak lagi kawasan-kawasan agropolitan akan dapat diwujudkan di seluruh negara, di mana peserta-peserta daripada miskin dan miskin tegar akan dapat dibangunkan...

**Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Kapit bangun lagi Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Ya.

**Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, nampaknya memang sudah banyaklah program-program yang sedia ada dari Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini, yang bertujuan menangani masalah kemiskinan.

Akan tetapi masih juga kita berhadapan dengan masalah kemiskinan ini. Bolehkah Menteri memberi penjelasan sebab-sebab kekangan kejayaan pelaksanaan program-program tersebut, sebab masalah kemiskinan ini memang sudah berlarutan dan nampaknya walau macam mana pun kita sudah buat, sudah rancang buat masa ini. Saya tidak nampak satu pun peningkatan dalam perkara kita hendak menangani masalah ini.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Terima kasih Yang Berhormat dari Kapit. Sememangnya pihak kerajaan akan terus berbelanja, terus merancang dan terus memajukan kawasan-kawasan luar bandar, menyediakan kemudahan-kemudahan asas, api, air, jalan, rumah. Namun demikian, kita memang tidak boleh dengan izin, *guaranty* bahawa kemiskinan akan hapus kerana sememangnya kemiskinan itu akan ada. Itu sebabnya ada zakat, dan zakat itu juga membantu orang-orang miskin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Kuala Selangor bangun.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Tentunya setelah sekian lama kita merdeka dan dalam usaha untuk

mencapai negara maju, saya kira Dewan yang mulia ini sudah pun nampak jelas bahawa wujud satu yang cukup mengerikan di mana wajah dwi Malaysia, negeri maju dan negeri tidak maju. Jadi dalam konteks negeri yang maju pun seperti di negeri Selangor ini, kawasan Kuala Selangor yang saya wakili wujud kemiskinan. Yang Berhormat Menteri, kemiskinan yang kadang kala bukan sahaja kemiskinan relatif tetapi kemiskinan tegar.

Saya belum dapat dengar lagi satu program yang betul-betul mantap daripada kementerian Yang Berhormat Menteri untuk betul-betul mengatasi, sebab kita mendapati bahawa program yang perlu mungkin melibatkan program-program seperti *land reform* dengan izin, dengan kita berikan mereka yang tidak punya tanah, tidak punya rumah, tetapi yang peliknya ada orang-orang yang kaya, orang-orang yang *politically connected* mendapat tanah sebanyak 200 ekar. Sementara rakyat miskin terus tidak dapat apa-apa dan masih duduk dalam tanah yang dikatakan TOL itu, apa yang dikatakan LMS itu.

Jadi apa dia yang perlu kita dengar daripada menteri dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar ini satu program yang benar-benar dapat mengatasi supaya tidak wujud 2020 nanti, bukan sahaja Sabah dan Sarawak saja, dalam negeri yang maju pun ada kawasan yang miskin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Yang Berhormat, saya ingat dah faham dah, kita perlu dengar sahaja.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Terima kasih Yang Berhormat dari Kuala Selangor. Kementerian saya menyediakan dengan izin, *physical development*, maknanya menyediakan bekalan fizik, air, api, jalan dan perumahan. Akan tetapi untuk mengatasi kemiskinan, bukan hanya dengan menyediakan *physical development* dengan izin, tetapi juga dengan ada pendekatan-pendekatan ilmu, sikap, ketahanan, keberanian dan yang lain-lain, yang bukan berbentuk fizikal.

Saya percaya Yang Berhormat bermaksud bahawa nak menyelesaikan miskin mestilah satu *total approach* dan inilah yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Saya percaya Kementerian Pelajaran, EPU dan juga kementerian-kementerian yang lain, yang mendidik masyarakat juga melakukan tugas-tugas mereka. Akan tetapi Kementerian Luar Bandar menyediakan aspek fizikal, itu yang kita nak buat. Dan mudah-mudahan ini akan dapat dilaksanakan.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Menteri, yang saya maksudkan tadi adalah aspek infrastrukturnya, tanahnya, rumah, jalan, api dan elektriknya. Di negeri yang maju seperti Selangor Negeri Maju 2005 ini pun, di Kuala Selangor wujud *pocket of* kemiskinan.

**Dato' Dr. Zainal Abidin bin Ahmad [Hulu Selangor]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Hulu Selangor bangun.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Ya, sila-sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Orang kuala dengan orang hulu.

**Dato' Dr. Zainal Abidin bin Ahmad [Hulu Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Tan Sri, pada suatu masa dahulu waktu dalam pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional, negeri Selangor sering melaungkan ungkapan dan matlamat mencapai kemiskinan sifar. Apakah matlamat ini wajar dicapai? Minta komen Yang Berhormat Tan Sri Menteri.

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Terima kasih. Yang Berhormat Hulu Selangor ini Timbalan Menteri Besar saya dulu ini ya. Terima kasih, Kuala Selangor mengenai fizikal...

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]:** Tuan Yang di-Pertua, saya nak bertanya, soalan saya tadi belum dijawab oleh Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tunggu menteri jawab yang ini satu, lepas ini kita memperingatkan menteri.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]:** Ha dah jauh dah, dekat tujuh dah saya punya tertinggal. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tak apa Yang Berhormat, dia boleh patah balik.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Okey, saya jawab dulu Yang Berhormat daripada Tenggara mengenai kawasan Orang Asli. Sememangnya ini juga merupakan tanggungjawab pihak kerajaan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan di kawasan Orang Asli.

▪ 1720

Kita mesti ingat selain daripada kita berjaya membina rumah, baru-baru ini saya melawat kawasan Orang Asli di atas daripada Slim. Saya pergi masuk ke kawasan dia. Rumah-rumah PPRT sedang dibuat. Ada sesetengah tempat di mana kawasan-kawasan rumah asli sudah dibuat tetapi mereka kadang kala lambat menerima bahawa kemudahan ini perlu diguna.

Jadi dengan pendekatan kepada, kita kena mendidik, memberikan ilmu, mendedahkan dan memecahkan *psychological barrier* mereka selain daripada memberikan kemudahan-kemudahan, mereka harus juga diubah fikiran mereka untuk sama-sama keluar daripada dengan izin, *viscous circle of poverty* ini keluar. Keluar terus berada bersama-sama dengan masyarakat yang lain bukan hanya duduk di kawasan-kawasan asli tetapi gunakan kemudahan-kemudahan sekolah, pendidikan, keluar dan berada di mana-mana juga tempat untuk mereka menjadi rakyat Malaysia yang biasa.

Okey, yang kedua tadi daripada Kuala Selangor berkehendakkan kemudahan-kemudahan fizikal. Memang benar *target* kita boleh buat tapi rakyat kita dia tidak statik. Ada



kalanya tiba-tiba mereka mewujudkan satu perkampungan baru. Maka oleh itu pihak kerajaan kena menyediakan pula perancangan untuk menyediakan kemudahan ke tempat-tempat yang baru kerana kawasan-kawasan rumah ini dia tidak statik. Dia sentiasa bertambah dari semasa ke semasa. Begitu juga di tempat lain di seluruh negara tetapi kita akui memang ada kawasan-kawasan yang *pockets* ini tetapi bilangannya kecil kalau dibandingkan dengan kemajuan yang telah dicapai.

Mengenai Hulu Selangor, profesor kita mengenai nak menghapuskan kemiskinan sifar. Kita kena ada *target* untuk menghapuskan kemiskinan. Kalau ia tidak hapus, maka menjadi tanggungjawab kita seterusnya untuk merancang, mengatasi dan menyelesaikan masalah-masalah termasuk masalah kemiskinan...

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai peningkatan pendapatan golongan miskin tegar luar bandar adalah bertujuan untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup. Antara bentuk bantuan yang dilaksanakan di bawah program ini adalah seperti pemberian peralatan seperti mesin-mesin...

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** [Bangun]

**Puan Hajah Nancy bin Shukri [Batang Sadong]:** [Bangun]

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** [Bangun]

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Seperti mesin rumput, motosikal roda tiga, mesin jahit, mesin memproses makanan dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tan Sri, ada tiga orang bangun. Sungai Siput, Batang Sadong dan Tuaran. Mana satu?

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Batang Sadong.

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Tuaran.

**Puan Hajah Nancy bin Shukri [Batang Sadong]:** Terima kasih, Yang Berhormat Tan Sri saya nak tanya saja bilakah kita mulakan implementasi projek-projek ini untuk membantu mengurangkan kemiskinan di kawasan kita. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Tuan Yang di-Pertua, bantuan-bantuan yang seperti bantuan ekonomi di kampung-kampung ini berterusan tetapi maklum saja kawasan-kawasan luas, peruntukan tidak mencukupi pada satu ketika. Oleh itu dengan adanya peruntukan-peruntukan, kalau boleh ditambah peruntukan-peruntukan ini, maka kita boleh menyebarkan bantuan-bantuan sama ada bantuan-bantuan barang ataupun bantuan-bantuan seperti latihan yang kita beri.

Berdasarkan penilaian yang dilakukan oleh kementerian daripada 5,200 orang yang diberi bantuan ini, pada tahun 2006 dianggarkan kira-kira 45% telah dapat meningkatkan pendapatan mereka melebihi daripada garis kemiskinan tegar. Kementerian telah menjalankan tindakan susulan seperti pemantauan yang lebih rapi terhadap kira-kira 55% yang masih

menjalankan aktiviti ekonomi tetapi belum mencapai pendapatan melebihi pendapatan garis kemiskinan tegar.

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** *[Bangun]*

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** *[Bangun]*

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Untuk tahun 2007 dengan bajet sebanyak RM80 juta, seramai 6,000 orang telah dilibatkan dengan aktiviti-aktiviti di bawah program peningkatan pendapatan. Mereka masih lagi melaksanakan program tersebut dan hasil penilaian keberkesannya akan hanya dapat diperolehi pada akhir tahun 2008.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, Sungai Siput dan Tuaran bangun lagi. Yang mana satu Yang Berhormat?

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Sungai Siput.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Sungai Siput. Tuaran duduk dulu. Selepas ni Tuaran pula.

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Adakah pihak kementerian sedar akan kelemahan projek perladangan di kawasan Orang Asli. Di sana banyak tempat Orang Asli, tanah rizab Orang Asli dipakai untuk membuat ladang-ladang getah dan kelapa sawit tetapi ini diuruskan oleh syarikat-syarikat swasta dan rakyat tempatan iaitu Orang Asli ramai daripada mereka adalah miskin tegar. Mereka tidak dapat kerja kerana itu syarikat swasta itu anggap Orang Asli malas dan mereka memakai buruh asing.

Dividen yang diberi adalah begitu rendah seperti Sungai Siput pada *average*, dividen yang dia dapat adalah lebih kurang RM100 sebulan sekeluarga. Jadi ini walaupun satu projek yang begitu baik, tapi manfaatnya tidak sampai ke Orang Asli. Orang lain yang dapat manfaat dia. Jadi adakah kementerian akan buat satu kajian, tengok *you know* adakah ini *benefit* nya sampai kepada sasarannya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya jemput Tuaran dulu Yang Berhormat.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tuaran, sila.

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kepada Tan Sri Menteri kerana begitu prihatin tentang soalan tambahan. Saya ingin menyentuh perkara yang spesifik kepada Sabah. Kalau kita lihat peratusan kemiskinan di Sabah, terus tetap kepada tahap 23% yang paling tinggi berbanding dengan peratusan kemiskinan di negeri-negeri yang lain. Kita harus sedia maklum bahawa tahap kemiskinan yang tinggi di Sabah ini disebabkan oleh kehadiran pendatang-pendatang tanpa izin yang dianggarkan berjumlah tidak kurang daripada 700,000 yang menumpang dalam ekonomi negeri Sabah.

Jadi persoalan saya Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali adakah kementerian mempunyai satu perancangan yang khusus untuk menangani kemiskinan di Sabah memandangkan kehadiran pendatang-pendatang tanpa izin ini dari segi jumlah peruntukan.

Kedua, apakah mereka-mereka yang datang tanpa izin ke Sabah ini juga mendapat bantuan dari segi peruntukan daripada kementerian sama dengan orang tempatan. Ini pertanyaan saya yang pertama. Kedua saya ingin terima kasih dan tahniah kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah oleh sebab telah mengadakan satu program yang baik di Pulau Banggi yang telah disentuh oleh Tan Sri Menteri tadi iaitu satu pembangunan tanah di mana tanah itu di bangun dan penerokanya ataupun *settlers* akan diambil untuk duduk.

Jadi saya ingin mencadangkan di sini dan bertanya. Antara penduduk yang miskin di Sabah ini ialah pemilik tanah yang individu tetapi tidak berkemampuan untuk memajukan tanah. Kita tahu sekarang ini ekonomi kita hari ini adalah satu perusahaan yang agak menjamin dan saya percaya kalau tanah-tanah yang terbiar yang dimiliki oleh penduduk secara individu dapat dibantu, mereka dapat dibantu untuk keluar daripada garis kemiskinan.

Jadi pertanyaan saya sama ada kementerian sudah mempunyai perancangan untuk membantu pemilik-pemilik tanah dan di Sabah ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik, baik Yang Berhormat.

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** ...Boleh saya teruskan Tuan Yang di-Pertua? Di Sabah ini banyak pemilik tanah yang miskin ini adalah mempunyai tanah yang kecuramannya 25%. Yang sebelum ini tidak dibenarkan untuk diterokai jadi baru-baru ini Kerajaan Negeri Sabah membenarkan pemilik tanah, *smallholders* yang bercuram 25% ini untuk diterokai.

Jadi adakah kementerian boleh mengorak satu program membantu mereka ini. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Terima kasih daripada Sungai Siput tadi bertanya mengenai bagi kawasan Orang Asli. Kalau ada pihak-pihak swasta membuka kawasan-kawasan perladangan sama ada barangkali getah atau kelapa sawit di sekeliling kawasan Orang Asli, bagaimana nak melibatkan Orang Asli bekerja di kawasan tersebut.

▪ 1730

Bagi kawasan-kawasan yang dilakukan oleh majikan-majikan swasta, ini tidak boleh kita terlibat tetapi kita juga, pihak kementerian juga, ada membuka kawasan-kawasan ladang yang dikendalikan oleh FELCRA bersebelahan kawasan-kawasan Orang Asli dan juga kawasan-kawasan orang-orang miskin tegar seperti mana yang saya lawati dua hari yang lepas di Grik. Di sebelah kawasan penempatan PPRT, ada dibuka kawasan-kawasan ladang yang dikendalikan oleh FELCRA, di mana peserta-pesertanya nanti diberi kepada peserta-peserta daripada miskin tegar.

Jadi dengan itu, mudah-mudahan mereka akan dapat nikmat daripada pembukaan kawasan-kawasan tanah...

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** *[Bangun]*

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Mengenai di Sabah, kawasan Tuaran dan juga di kawasan-kawasan yang lain, yang pertama tadi mengenai pendatang-pendatang tanpa izin, sepanjang yang saya tahu, kita tidak memberi bantuan kepada pendatang-pendatang tanpa izin. Maklumlah, dia pun tanpa izin, macam mana kita nak bagi dia bantuan?

Mengenai Pulau Banggi, agropolitan, nampaknya satu projek yang begitu berjaya di mana rakyat di sekitarnya terutama rakyat miskin tegar akan ditempatkan. Bagi kawasan-kawasan yang lain, seperti yang Yang Berhormat timbul sebentar tadi, memerlukan bantuan dari segi tanam semula. Saya telah pun meminta dalam lawatan saya pergi ke Sarawak baru-baru ini, saya telah bercakap dengan kerajaan negeri di Sarawak supaya kita benarkan RISDA, dan juga Sarawak untuk membuka operasi mereka di Sarawak.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Begitu juga di Sabah. Sebab apa, RISDA mempunyai pengalaman dan mempunyai *technical know how* dengan izin, untuk membantu masyarakat kampung dalam penanaman semula.

Jadi sekiranya *small holders* ada, dan kita boleh rundingkan dengan *small holders*, dan dibuat secara bersama. Kalau sudah ada, misalnya 3000-4000 ekar atau hektar, maka RISDA boleh pergi ke sana dan RISDA boleh mendapatkan peruntukan daripada pihak kerajaan dan membantu pekebun-pekebun kecil getah, kelapa sawit menanam semula. Saya harap ini akan dapat dilakukan...

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** *[Bangun]*

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Beberapa ahli Yang Berhormat membangkitkan....

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang berdiri tapi sebelum ahli Yang Berhormat pilih mana satu Yang Berhormat pilih untuk minta penjelasan, saya suka ingatkan. Sebetulnya *interjections* ataupun minta penjelasan di bawah 37(1)(b) ini kadang-kadang kita salah gunakan.

Ada yang saya dapati bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat berdiri minta penjelasan, lepas itu penjelasan itu dibuat sebagai helah untuk berbahas. Penjelasan dalam konteks 37(1)(b) di mana-mana Parlimen dalam dunia ialah, cuma ingin penjelasan daripada menteri yang berkenaan ataupun ahli Yang Berhormat yang sedang bercakap mengenai dengan soal yang samar-samar yang mahu penjelasan. Bukan dibuat sebagai helah untuk berbahas kerana semua ahli Yang Berhormat telah pun bercakap dalam perbahasan. Jadi untuk menjimatkan masa, kalau ada yang betul-betul untuk minta diperjelaskan, *direct to the point*. Terus saja kepada isu yang

minta diperjelaskan. Jangan gunakan forum penjelasan ini sebagai helah untuk berbahas. Menteri, sila.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, ini betul-betul minta penjelasan. Disebutkan tadi Pulau Banggi antara pulau yang paling miskin, disebutkan dalam arus pembangunan ketinggalan sangat walaupun diwakili oleh dulunya Ketua Menteri dan anak Ketua Menteri. Soalan saya, disebutkan oleh menteri tadi bahawa program agropolitan Pulau Banggi ini sangat berjaya sedangkan ia baru dilancarkan beberapa bulan yang lalu dan salah satu projeknya ialah membangunkan tanah dengan tanaman getah kalau tidak silap saya, yang jangkanya akan mengambil masa enam hingga tujuh tahun untuk mendapat hasil. Jadi di mana yang dikatakan sangat berjaya itu, Yang Berhormat menteri?

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Betul, tepat.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Terima kasih. Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi melancarkan projek ini dalam bulan Julai kalau tak silap saya, tahun 2007. Dari segi perancangan, dari segi program dan dari segi penerimaan rakyat dan juga pemimpin setempat di Sabah, nampaknya program seperti ini dialu-alukan. Jadi, FELCRA telah pun bermula dan daripada apa *feedback* yang kita terima, nampaknya masyarakat di sana mengalu-alukan projek seperti ini supaya nanti rakyat yang akan dapat tanah. FELCRA cuma menjadi agensi pelaksana. Rakyat akan dapat tanah, rakyat yang berpendapatan lebih kurang RM300, kita akan pilih, letakkan dalam kawasan ini dan daripada unjuran rakyat dengan adanya tanah, kemudahan asas, api, air, jalan, rumah, maka kita menjangkakan rakyat boleh meningkatkan pendapatannya daripada RM300 kepada RM1200 ke RM1500 sebulan.

Jadi dengan itu, ini dianggap oleh rakyat pada ketika ini, sebagai satu yang mereka sangat sokong. Rakyat sangat sokong program seperti ini dilaksanakan. Itulah maksudnya. Terima kasih.

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** *[Bangun]*

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Okey, mengenai program peningkatan pendapatan golongan miskin tegar luar bandar adalah bertujuan untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup. Antara bentuk bantuan yang dilaksanakan di bawah program ini adalah seperti... Oh, da baca tadi!...

**Tuan Yang di-Pertua:** Perlahan-lahan menteri.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Okey, kementerian telah menjalankan tindakan susulan seperti pemantauan yang lebih rapi terhadap kira-kira 55% yang masih menjalankan ekonomi tapi belum mencapai pendapatan melebihi miskin tegar. Beberapa Ahli Yang Berhormat membangkitkan pertanyaan mengenai perancangan dan pelaksanaan program pembasmian kemiskinan seperti Yang Berhormat daripada Jempol, Kapit, Tenom, Sungai Siput.

Kerajaan benar-benar serius dalam usaha mencapai matlamat pembasmian kemiskinan tegar di luar bandar. Kerajaan telah meletakkan matlamat di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, mengurangkan kadar kemiskinan negara daripada 5.7%, di peringkat negara ya, daripada 5.7% pada tahun 2004, kepada 2.85% menjelang tahun 2010; dan kemiskinan luar bandar daripada 11.9% pada tahun 2004, kepada 5.8% pada tahun 2010; dan seterusnya menghapuskan sepenuhnya 2.9% kadar miskin tegar di luar bandar pada tahun 2004. menjelang tahun 2010, kita harap dihapuskan. Insya-Allah.

Bagi merealisasikan agar golongan miskin dan miskin tegar menerima bantuan yang diberikan dan turut terlibat dengan pelaksanaan program pembasmian kemiskinan terutamanya kemiskinan tegar, kementerian telah mendaftarkan nama-nama dan keperluan golongan miskin tegar. Ini dalam sistem Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat. Usaha meningkatkan taraf dan kualiti hidup serta pembangunan modal insan golongan miskin tegar luar bandar dilaksanakan melalui program-program berikut;

- (a) Program Peningkatan Pendapatan
  - (i) program peningkatan pendapatan;
  - (ii) program latihan kemahiran dan kerjaya; dan
  - (iii) bantuan ASB Sejahtera.
- (b) Program Peningkatan Kualiti Hidup
  - (i) program bantuan rumah; dan
  - (ii) program pembangunan masyarakat.
- (c) Program Pembangunan Modal Insan
  - (i) program latihan kecemerlangan pendidikan;
  - (ii) program pembangunan minda insan;
  - (iii) program tambahan makanan seimbang; dan
  - (iv) menyediakan kemudahan-kemudahan taska.

Keutamaan pelaksanaan program-program di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat akan ditumpukan di kawasan-kawasan yang mempunyai insiden kemiskinan tegar yang tinggi termasuk Sabah dan Sarawak. Pembangunan Wilayah dan Kawasan, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian berhubung isu pembangunan wilayah seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ranau mengenai wilayah Ranau dan konsep *regional development authority*, dengan izin.

Kerajaan Persekutuan sememangnya berhasrat untuk mewujudkan Lembaga Kemajuan Wilayah di Sabah memandangkan fungsi dan peranan Lembaga Kemajuan Wilayah sebagai pemangkin kepada pembangunan daerah Ranau dan daerah-daerah persekitarannya melalui penyediaan kemudahan awam dan peningkatan infrastruktur yang lebih baik. Lembaga Kemajuan Wilayah yang dicadangkan itu dijangka dapat memberi kesan limpahan pembangunan kepada kawasan Ranau, Kudat ....

## ▪ 1740

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Tadi saya dengar daripada rancangan-rancangan itu ada rancangan pendidikan. Saya memang berminat kerana saya hendak tahu Tuan Yang di-Pertua, macam mana kita dapat menguatkuasakan rancangan pendidikan. Itulah yang paling penting sekali dalam rancangan itu dan bolehkah Yang Berhormat menjelaskan bagaimana kita dapat menjayakan rancangan pendidikan untuk miskin tegar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya dahulu di Selangor, Yang Berhormat bagi Kepong. Rancangan Pendidikan Miskin Tegar, misal contoh agropolitan kita menyediakan kawasan, kita buka kawasan baru, kita bawa peserta dari luar, orang yang berpendapatan rendah dan kita menyediakan kemudahan-kemudahan api, air, jalan, rumah. Selain daripada itu kemudahan-kemudahan persekolahan juga akan disediakan di kawasan itu dengan kerjasama Kementerian Pelajaran dan dengan membawa ramai golongan miskin tegar di bawah pendapatan RM300 dikelompokkan di suatu tempat, menyediakan pula kemudahan pelajaran daripada taska, tadika, sekolah rendah dan sekolah menengah.

Membawa guru ke situ, maka kemungkinan besar golongan miskin tegar ini dia akan meningkat dari segi pendapatan, maka kemampuan dia untuk mendapatkan makanan yang lebih baik akan ada, dan dia juga akan dapat menghantar anak-anak dia dengan kemudahan sekolah yang diberi, maka dalam jangka satu masa yang panjang, keluarlah anak ini daripada putaran garis kemiskinan, dan satu hari seperti FELDA-FELDA yang wujud, generasi kedua, ketiga kita sudah boleh lihat sudah ada anak-anak daripada FELDA yang menjadi bukan sahaja *millionaire*, tetapi sudah menjadi bilionair pada hari ini, tetapi ini mengambil masa.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan wilayah...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Minta laluan. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan Yang Berhormat Menteri. Banyak kerajaan telah melakukan dari segi *physical development*, prasarana untuk kawasan luar bandar tetapi prasarana ini tidak membantu sangat dalam meningkatkan taraf hidup kelompok yang dipanggil miskin atau miskin tegar, disebabkan oleh peluang yang terhad, sama ada anjakan keluar daripada *psychological trap or barrier* dengan izin, bagi latihan kemahiran dan sebagainya tetapi kalau peluang tidak ada, dia cerdik macam mana pun duduk di kampung tidak boleh buat apa. Banyak kelulusan dari universiti duduk di kampung, tidak ada pekerjaan, *jobless*...

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa penjelasan yang hendak minta dari Menteri, Yang Berhormat?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Jadi saya hendak minta penjelasan, ada satu dua spesifik, rancangan Kementerian Pembangunan Luar Bandar, mengapa tidak begitu berjaya. Umpamanya satu ialah Gerak Daya Wawasan. Gerak Daya Wawasan ini mempunyai matlamat yang besar iaitu untuk meningkatkan ekonomi penduduk luar bandar. Selain daripada itu, ada juga program atau projek yang dikenali sebagai ODOI, *One Industry One District*, sudah jadi 'dodoi'...

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah habis Yang Berhormat bagi Pasir Salak.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, di program ODOI, Satu Industri Satu Kampung diubah kepada 'Satu Industri Satu Daerah' sudah lama diperkenalkan oleh kementerian di kerajaan tetapi tidak menampakkan hasilnya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Salak, sila menteri.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Jadi minta Yang Berhormat menteri kali ini serius betul-betul dalam melaksanakan program ini, terima kasih. *Point of order* Tuan Yang di-Pertua, minta maaflah kalau...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila, sila.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** ...laitu pakai cermin mata dahulu, kang tersalah baca pula... [*Mengenakan cermin mata*] 41(f)...

**Tuan Yang di-Pertua:** Pasal pakaian?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ya. Saya dapati Yang Berhormat bagi Shah Alam kita, dia memakai seluar *jeans*... [*Ketawa*] Minta maaflah Yang Berhormat... Kali ini kita maafkanlah, besok jangan lagi.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apalah, tidak payah jawab tetapi saya hendak ucapkan terima kasih...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia sudah cakap pun dia sudah maafkan kali ini. Kalau dia maafkan, siapa lagi saya? Saya memang pemaaf. Sila menteri.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Salak mengenai Gerak Daya Wawasan, satu *district* satu industri. Ini adalah satu rancangan yang sangat baik. Kita sebenarnya pihak pegawai-pegawai negara kita telah pun belajar dari negara-negara lain yang sudah pun berjaya mewujudkan industri berasaskan kepada satu *district*. Maklum sahaja kalau ia tidak berjaya maka kita kena cari punca kenapa tidak berjaya. Mungkin kepimpinan di dalam kampung itu belum berkesan.

Oleh itu walaupun belum berjaya tetapi perlu diberikan seterusnya penekanan, perlu diberikan lagi latihan, motivasi dan juga galakan supaya masyarakat setempat itu faham dan nampak *opportunities* dengan izin, di hujung *tunnel* itu, apa *opportunity* yang akan wujud dengan adanya industri yang berasaskan kepada satu *district* satu industri.



Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan saranan Yang Berhormat bagi Pasir Salak supaya agensi-agensi kerajaan seperti RISDA dan FELCRA Berhad mempelbagaikan aktiviti pertanian yang tidak terhad hanya kepada tanaman sawit, getah dan padi sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Teras RISDA adalah untuk menanam semula getah tua yang tidak ekonomik di sektor pekebun kecil terutamanya bagi membolehkan pekebun-pekebun kecil menanam semula getah dengan benih bermutu tinggi.

▪ 1750

Selain daripada menanam semula dengan getah pekebun kecil juga dibenarkan untuk menanam semula dengan tanaman lain seperti sawit, buah-buahan nenas, kelapa, koko dan lain-lain. Bagi tanaman lain, selain daripada getah kebanyakan pekebun kecil memilih untuk menanam semula dengan tanaman sawit kerana harganya yang baik.

Bagi tahun 2008 RISDA diperuntukkan RM91.7 juta untuk Program Tanaman Semula Getah kepada getah dan RM49.8 juta untuk getah kepada tanaman lain.

Bagi FELCRA pula agensi ini amat positif berhubung saranan supaya aktiviti pertanian dipelbagaikan. Langkah awal FELCRA dalam usaha ini ialah memperkasakan usaha penyelidikan dan pembangunan dalam industri herba untuk kesihatan khususnya bagi tanaman *safed musli*. Ini sebahagian daripada tanaman yang lebih baik daripada tongkat ali di tapak seluas....

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kinabatangan minat dengan tongkat ali.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya membangkit pembangunan mengenai seimbang ini, Pembangunan Wilayah yang seimbang. Tujuan dan matlamat dia iaitu untuk mengurangkan jurang perbezaan di antara wilayah sama ada dari segi pembangunan, ekonomi, kemiskinan, sosial dan sebagainya. Contohnya RISDA mendapat RM91 juta peruntukan satu tahun. Orang Sabah tidak dapat satu sen pun. Bermakna jurang dia memang ketara di situlah. Kenapa pula RISDA tidak boleh melebarkan sayapnya ke Sabah membantu pekebun-pekebun getah di luar bandar. Apa dia punya perbezaan, adakah orang Sabah itu bukan orang Malaysia ataupun bagaimana?

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya FELCRA telah pun berada di Pulau Banggi...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Bukan FELCRA, RISDA.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Ya, contoh FELCRA telah pun berada di Pulau Banggi, Merudu dan juga akan pergi ke Sarawak di mana tanah sedang dikenal pasti oleh Kerajaan Sarawak begitu juga dengan RISDA, saya telah pun tadi berjumpa dengan pegawai-pegawai RISDA tengah hari. Saya telah pun memberitahu mereka supaya pergi ke Sabah dan juga ke Sarawak dan *identified* dengan izin, kawasan-kawasan di mana RISDA boleh

melibatkan diri. Jadi insya-Allah Yang Berhormat, selepas ini kita akan lihat RISDA, FELCRA dan juga badan-badan yang lain di bawah kementerian akan berada di Sabah dan Sarawak...

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Mana satu Yang Berhormat? Yang Berhormat Pasir Salak ataupun...

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Soalan saya tadi.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Yang Berhormat Pasir Salak lepas itu.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Apa yang saya maksudkan, apa yang diminta, dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu mempelbagaikan pertanian sebagai sumber kekayaan baru, sebagai satu kaedah untuk meningkatkan ekonomi luar bandar. Kelapa sawit, getah dan sawah padi, selain daripada itu banyak lagi barang-barang pertanian yang boleh diusahakan yang ada pasarannya. Mengapa agensi-agensi kerajaan ini tidak secara serius dan besar-besaran menerokai ataupun melaksanakannya umpamanya permintaan kepada sayur-sayuran. Sama ada di tempatan atau di luar mukim, di luar daerah, di dalam negeri, di Kuala Lumpur permintaannya begitu tinggi sekali. Berbagai jenis sayur-sayuran begitu juga dengan buah-buahan. Kita pergi ke *supermarket* kita beli mempelam daripada India, *Alfonso Mango*, daripada India sampai ke *supermarket*...

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Jadi saya minta Tuan Yang di-Pertua izin untuk menyarankan Yang Berhormat Menteri, di atas kertas nampak cantik. Nampak cantik sungguh di atas kertas, ada projek itu, program ini dan sebagainya tetapi perlaksanaannya sehingga hari ini, kita tidak tengok ada perusahaan sebagaimana yang kita harap-harapkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Dia bukan minta penjelasan Yang Berhormat Menteri, dia buat saranan.

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Sebentar tadi Yang Berhormat menyatakan bahawa RISDA, saya kembali kepada RISDA memperuntukkan lebih kurang RM91 juta untuk kebun-kebun kecil. Di sini saya ingin meminta penjelasan dalam era 70-an dan 80-an RISDA ada memperkenalkan projek mini estet. Tanah-tanah orang kampung dimajukan dengan bantuan RISDA dan secara berkelompok dan daripada tanaman getah pada waktu itu ditukar kepada tanaman kelapa sawit kerana harga sawit lebih tinggi pada waktu itu daripada harga getah.

Soalan saya adakah kerajaan bercadang untuk meluaskan lagi projek yang seumpama ini kalau ianya didapati berjaya untuk menambah pendapatan pekebun-pekebun kecil di luar bandar dan adakah projek ini telah diperluaskan di negeri Sabah dan Sarawak, minta penjelasan.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak dan juga Yang Berhormat Kubang Kerian. Yang Berhormat Pasir Salak kata mempelbagaikan, memang kita memang mempelbagaikan tetapi kita kena tengok dengan izin, *the end user*, kalau *the end user* masyarakat kampung, dia tidak hendak tanam sayur. Jadi kita tidak boleh paksa masyarakat kampung tanam sayur. Dia lebih sukar misalnya daripada getah kepada getah ataupun daripada getah kepada kelapa sawit. Jadi kita tidak boleh paksa, kita kata daripada getah awak tanam sayur. Dia tidak nak tanam sayur, sebab sayur belum menjamin dia punya dari segi jaminan, dia sendiri tidak begitu yakin.

Oleh itu sepertimana saya sebutkan tadi, kita bersedia untuk memberi maksudnya RISDA, RISDA bersedia untuk membantu dari segi tanaman semula sawit, buah-buahan nenas, kelapa, koko dan lain-lain. tetapi bergantung kepada masyarakat kampung dengan izin, *the end user*. Kalau mereka berkehendakkan getah, getahlah yang akan kita bantu.

Yang Berhormat Kubang Kerian mengenai mini estet ini merupakan satu usaha pihak kerajaan bagi mana orang-orang yang miskin tegar sudah pun dipindahkan ke kawasan-kawasan FELDA daripada zaman Allahyarham Tun Razak, tetapi yang tinggal di kampung kita kelompokkan. Agensi yang memajukan di peringkat kampung ialah RISDA. Agensi yang membawa orang miskin di kampung ke dalam kawasan FELDA ialah FELDA.

Jadi dengan sudah berpuluh tahun kawasan FELDA maju, kawasan di kampung pun dimajukan juga kerana kawasan kampung juga ada tanah. Maka RISDA datang ke kampung, tanam semula tanah-tanah yang ada di kampung, dibuat secara mini estet dan ini akan mendatangkan pendapatan. Yang Berhormat tadi tanya sama ada kita dah buat di Sabah, jawabnya belum. Kita bersedia pergi ke Sabah, RISDA untuk *explore* dengan izin, kemungkinan-kemungkinan kita boleh menanam semula sama ada tanah-tanah getah atau kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua bagi FELCRA pula agensi ini amat positif berhubung saranan supaya aktiviti pertanian pelbagai. Langkah awal FELCRA dalam usaha ini ialah memperkasakan usaha penyelidikan dan pembangunan dalam industri herba untuk kesihatan khususnya bagi tanaman *safed musli* di tapak seluas 52 ekar di Bota, Perak.

Dalam aspek pertanian pula, FELCRA telah melaksanakan program *Integrated Farming* dan pemeliharaan ternakan lembu di ladang-ladang yang kini telah mencapai hampir 5,000 ekor lembu dalam 12 projek. Di samping itu FELCRA juga terlibat dalam aktiviti *aquaculture*. Antara jenis projek berkenaan yang telah dilaksanakan ialah ternakan ikan dalam sangkar, kerapu harimau di Tuaran, Sabah; dan ternakan udang harimau di Gunung Tunggul, Perak, Maran Terengganu dan Sedili, Johor. Dalam semua aktiviti ini...

•1800

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Padang Serai Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobal Krishnan [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Di RISDA kita tahu bahawa ada ditubuhkan kelab. Kelab 2000

untuk mereka-mereka meneroka getah dan juga Kelab 30 untuk mereka yang meneroka kelapa sawit. Saya hendak tahu, berapa ramaikah ahli-ahli yang menyertai program-program ini? Apakah langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan kenaikan hasil melalui kelab-kelab ini?

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai Kelab 2000 dan juga Kelab 30 di RISDA, ya. Sebenarnya bukan semua, bukan semua peserta-peserta ini mampu untuk mengeluarkan, makna 2000 ialah 2000 berat, liter barangkali, 2000 metrik liter yang boleh dikeluarkan oleh seorang pengusaha getah. Kalau dia boleh keluarkan 2000 liter getah, bermakna dia boleh mendapat pendapatan lebih kurang RM2,500. Ini telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada tahun 2007.

Kita bertujuan, peserta-peserta yang ada di kampung-kampung tanam pokok getah sebanyak 500 pokok dalam satu hektar. Kalau dia ada mempunyai tiga hektar, bermakna dia ada 1,500 pokok. Kalau dia boleh menoreh 15 kali satu bulan, dia boleh dengan senang-senang mendapat pendapatan RM2,000.

Oleh itu, matlamat 2,000 liter ini ialah untuk menggalakkan masyarakat di kampung supaya memastikan bahawa dia cukup 500 pokok satu hektar. Ini dia punya matlamat tetapi bukan semua masyarakat di kampung boleh mencapai tahap mengeluarkan tahap 2,000 liter kerana ini memerlukan penjagaan yang baik dan pokok-pokok tidak mati di tengah jalan.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Terima kasih. Saya hendak tahu berapa ramaikah penglibatan peneroka dalam Program Kelab-kelab ini dan juga langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan hasil yang lebih baik daripada yang sedia ada sebelum mereka menyertai keahlian dalam kelab-kelab ini?

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Yang Berhormat, secara *offhand* saya tidak boleh beritahu berapa ramai tetapi yang penting prinsip. Prinsip apa makna 2,000 dan apa makna 500 pokok satu hektar. Terima kasih. Insya-Allah, saya akan beritahu, pegawai-pegawai saya akan beritahu berapa ramai...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini Yang Berhormat, ini kelab ini cuma istilah. Bukan kelab yang kita masuk bayar yuran?... [Ketawa]

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Ya. Maksudnya yang Tuan Yang di-Pertua ialah siapa yang mencapai tahap pengeluaran 2,000 liter getah dalam satu bulan, dia akan berada dalam satu elit kumpulan elit. Ini di bawah kementerian. Kita mewujudkan kumpulan elit. Orang yang boleh, peserta yang boleh mengeluarkan jumlah bilangan getah. Jadi kalau dia mencapai 2,000 liter, bermakna dia wujud dalam satu kelab. Nama dia akan dicatat.

Dalam semua aktiviti ini, FELCRA sentiasa membimbing dan memudah cara penyertaan langsung seramai semua institusi koperasi dan peserta supaya terlibat sama dalam aktiviti-aktiviti tersebut. Berhubung pembangunan tanah terbiar dan saranan supaya Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka dan Dara diwujudkan semula. Saranan ini dibuat oleh Yang Berhormat daripada

Kuala Krau dan Yang Berhormat Maran. Keputusan pembubaran Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka oleh kerajaan telah dipersetujui oleh Kerajaan Negeri Pahang.

Oleh yang demikian, sebarang cadangan bagi menubuhkan semula Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka dirasakan tidak begitu sesuai pada masa ini kerana kerajaan telah pun menubuhkan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) yang berfungsi untuk membangunkan wilayah-wilayah termasuk bekas kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka.

Menyentuh perkara dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Krau yang mempersoalkan peranan FELCRA dalam membasmi kemiskinan serta cadangan supaya peralatan baja dan racun rumpai dijadikan barangan terkawal atas sebab harga yang semakin meningkat. Sehingga ini FELCRA Berhad telah pun membangunkan seluas 226,162 hektar tanah milik masyarakat luar bandar yang melibatkan 1,600 projek dengan jumlah peserta seramai 96,328 orang.

Pada tahun 2007, FELCRA Berhad telah mengagihkan dividen sebanyak RM318.1 juta kepada 86,000 peserta bagi projek-projek mereka yang telah berhasil iaitu purata dividen 3,700 peserta setahun. Terdapat 1,600 projek yang telah dimajukan oleh FELCRA Berhad. Terdapat sebilangan kecil projek-projek yang kurang berdaya maju disebabkan oleh faktor-faktor yang berikut:

- (i) kedudukan projek yang terpencil, kesukaran jalan perhubungan;
- (ii) projek bersaiz kecil, tanah terbiar; dan
- (iii) bentuk muka bumi yang berbukit, curam dan ada yang berpayau.

Faktor-faktor di atas telah mempengaruhi kos pembangunan yang tinggi di samping menjejaskan produktiviti projek. Pendapatan daripada projek sebahagian besarnya digunakan untuk membayar balik pinjaman dan selebihnya diagihkan kepada peserta dengan dividen. Memang terdapat tiga buah projek seumpama ini di dalam kawasan Parlimen Kuala Krau, Pahang. Iaitu projek-projek di bawah kategori tanah terbiar. Projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Projek Sanggang Dua;
- (ii) Projek Lipat Kajang Tiga; dan
- (iii) Projek Peragap.

Purata kawasan keluasan pegangan peserta bagi projek-projek di atas cuma satu hektar. Pada tahun 2006, purata dividen bagi ketiga-tiga projek ini ialah RM260 peserta setahun. Walau bagaimanapun, pada tahun 2007, purata dividen telah meningkat kepada RM931. FELCRA Berhad akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan dividen peserta melalui peningkatan produktiviti dan pengurangan kos pengeluaran.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian mengambil maklum akan cadangan barang keperluan pertanian seperti peralatan baja dan racun rumpai disenaraikan sebagai barangan terkawal. Namun perkara tersebut bukan di bawah bidang kuasa kementerian.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Tenom supaya Program Agropolitan di Pulau Banggi diperluaskan di kawasan-kawasan pendalaman di Sabah. Kementerian sememangnya amat mengalu-alukan cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tenom. Selain daripada Pulau Banggi, kementerian ada menerima permohonan daripada Kerajaan Negeri Sabah supaya *Gana Arrestment Integrated Development Project* dilaksanakan mengikut modal atau konsep agropolitan Pulau Banggi. Kementerian sedang menimbang cadangan tersebut berdasar kemampuan peruntukan semasa. Prasarana utiliti dan imuniti sosial.

Tuan Yang di-Pertua, ini kepada Yang Berhormat... *[Menunjukkan sehelai kertas]* Yang Berhormat tadi hendak tanya mengenai kelab jumlah penglibatan. Kelab 2,000 ialah 2,788 orang dan Kelab 30, ada 81 orang. Terima kasih.

■1810

Tuan Yang di-Pertua, isu berkaitan dengan prasarana, utiliti dan ameniti sosial merupakan isu yang paling mendapat perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat. Antara Yang Berhormat yang mengambil bahagian membahaskan isu ini ialah Yang Berhormat Kimanis, Batang Sadong, Kinabatangan, Pasir Mas dan Pontian. Bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kimanis mengenai projek-projek luar bandar yang perlu dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan secara kerjasama dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah dalam merancang pelaksanaan projek infrastruktur dan utiliti di negeri Sabah. Sebagai contohnya, bagi pelaksanaan projek bekalan air luar bandar dan bekalan elektrik luar bandar, senarai kampung yang dicadangkan supaya dibekalkan dengan kemudahan ini adalah diputuskan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat berhubung isu keutamaan diberikan kepada syarikat atau kontraktor tempatan Sabah dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan di negeri tersebut, adalah dimaklumkan bahawa kementerian ini sentiasa mengutamakan syarikat kontraktor tempatan Sabah yang diberi peluang untuk melaksanakan projek-projek kementerian di Sabah.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Batang Sadong, Kinabatangan, Sibuti, Kalabakan, Lawas, Limbang, Sekijang, Tenom dan Pasir Mas mengenai projek pembangunan prasarana di kawasan masing-masing, sukacita dimaklumkan kerajaan sememangnya menyedari bahawa liputan bagi program-program ini belum lagi dilaksanakan secara menyeluruh memandangkan peruntukan siling yang terhad di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Oleh itu kementerian sentiasa berusaha untuk menunaikan janji bagi melaksanakan projek-projek pembangunan prasarana khususnya di negeri-negeri termiskin. Walau bagaimanapun, dengan keupayaan kewangan kerajaan yang terhad, pelaksanaan projek-projek

pembangunan tersebut perlu dibuat secara berperingkat-peringkat bagi memastikan kemudahan infrastruktur dan utiliti yang disediakan akan memberi kemudahan yang optimum kepada penggunaanya.

Dalam masa yang sama, kerajaan akan sedaya upaya menyeimbangkan pembangunan luar bandar di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Berhubung pertanyaan Yang Berhormat Lawas dan Sekjiang yang menyentuh isu lampu jalan, sukacita dimaklumkan bahawa pelaksanaan lampu jalan kampung di negeri Sarawak akan dimulakan selewat-lewatnya pada bulan Jun 2008.

Untuk makluman Yang Berhormat Sekijang pula, sejumlah RM94.35 juta telah diperuntukkan untuk pemasangan lampu jalan kampung di seluruh negara di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Di samping itu kementerian juga sedang berusaha untuk mendapatkan pertambahan peruntukan dalam Rancangan Kajian Separuh Penggal supaya pelaksanaan keperluan asas dan infrastruktur khususnya di Sabah dan Sarawak dapat dipertingkatkan.

Menyentuh pertanyaan oleh Yang Berhormat Tawau mengenai permohonan bagi menyediakan peruntukan jalan ladang, dimaklumkan bahawa pembinaan jalan dalam kawasan ladang pertanian bukan di bawah tanggungjawab kementerian ini.

Dasar dan perancangan strategik – bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh dan Batu Gajah berhubung dengan JKKKP, sukacita saya memaklumkan bahawa kementerian tidak pernah campur tangan dalam peletakan jawatan JKKK di Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor. Namun begitu, bagi memastikan keberkesanan projek-projek pembangunan khususnya di bawah kementerian, maka Kerajaan Persekutuan telah mengambil langkah untuk mewujudkan JKKK Persekutuan Peringkat Kampung bagi tujuan kelicinan perancangan dan pelaksanaan projek-projek di bawah Kerajaan Persekutuan di kampung-kampung.

Mengenai hala tuju pembangunan luar bandar yang memerlukan penambahan berterusan...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun]*

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tiga yang berdiri. Gombak...

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Pokok Sena.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Gombak.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Ya silakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mana satu?

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Gombak.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** *[Menyampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Gombak dulu.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Saya kira pengumuman telah pun dibuat oleh Yang Berhormat Menteri berhubung dengan pelantikan JKKK dan juga ketua kampung. Saya ingin mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah tindakan seperti ini tidak akan memecahkan perpaduan rakyat di kampung tersebut kerana sebahagian besar kampung-kampung dalam negara kita masih lagi majoritinya adalah orang-orang Melayu dan di manakah peranan UMNO dan Barisan Nasional yang kononnya ingin mengekalkan dan memperkasa perpaduan Orang Melayu apabila tindakan Yang Berhormat Menteri sendiri cuba melantik ketua kampung dan JKKK bagi setiap kampung di lima buah negeri yang dimaksudkan.

Yang kedua, saya ingin mendapat penjelasan, apakah Yang Berhormat Menteri selaku mantan Menteri Besar Selangor memahami bahawa dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri, pelantikan ketua kampung dan JKKK ini adalah bidang kuasa kerajaan negeri dan pelantikan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri ini melanggar Undang-undang Tubuh Negeri. Saya ingin mohon penjelasan.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Terima kasih Yang Berhormat dari Gombak. Setelah saya memegang tugas selaku Menteri, saya didatangi oleh wakil daripada persatuan ketua-ketua kampung daripada negeri Perak dan juga daripada negeri Selangor. Saya bertanya kepada mereka, apa tujuan mereka bertemu dengan saya, Perak kata bahawa mereka hendak berhenti. Saya tanya kepada Selangor pula, mereka kata mereka tidak hendak berhenti.

Jadi pihak kementerian, kita ada tanggungjawab untuk menyusun kampung dan juga mendengar daripada atas dan daripada bawah, menyampaikan maklumat daripada atas dan juga menyampaikan maklumat daripada bawah. Pihak kementerian tidak pernah menyuruh mana-mana pihak untuk sama ada hendak meletak jawatan atau tidak. Kalau mereka meletak jawatan dan mereka kata bahawa mereka hendak berurusan dengan Kerajaan Persekutuan, maka kita memberi kemudahan kepada mereka, itu satu.

Yang keduanya, mereka juga diuar-uarkan dan sememangnya apa yang mereka uar-uarkan itu benar kerana apabila saya melawat Larut dan Gerik pada hari Ahad yang lepas, mereka tunjuk kepada saya bahawa Kerajaan Negeri Perak ingin melantik ketua-ketua kampung yang baru. Dengan sendirinya sangkaan mereka bahawa ketua-ketua... jawatan mereka ini akan...

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti dahulu, Yang Berhormat Pokok Sena. Kita kasi habis dulu dia punya jawapan.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** ...Akan berakhir. Oleh yang demikian, mereka kata lebih baik mereka siang-siang meletak jawatan daripada besok mereka dihentikan.

Di negeri Selangor pula, mereka tidak ada letak jawatan. Mereka masih berada dalam jawatan mereka masing-masing setakat ini. Jadi saya kata kalau tuan-tuan tidak hendak letak



jawatan, okey, tuan-tuan boleh terus berada seperti mana yang sekarang. Namun demikian mereka juga datang bertemu dengan saya dan telah menunjukkan kepada saya dan diletakkan borang-borang di balai-balai raya bahawa kerajaan negeri akan menggantikan ketua-ketua kampung.

Jadi sekali lagi mereka jumpa saya kata bahawa mereka sudah bertugas selama 20, 30 tahun, umur pun sudah 60, lanjut-lanjut, 50 pun ada. Jadi mereka terkejut. Dengan perkhidmatan yang lama yang mereka beri, mereka hendak dihentikan. Jadi mereka pun datang jumpa saya tiga hari yang lepas, dia kata, "*Kita terus, kita tidak macam Perak, tetapi nampaknya kita pun hendak dihentikan.*" Ada yang kata hendak diadakan pilihan raya di kampung.

■1820

Jadi dalam keadaan macam inilah pihak kementerian kata, terpulanglah kepada Datuk-datuk, kalau Datuk-datuk berhenti maka kita berkehendakkan saluran yang akan berterusan sampai ke akar umbi untuk menyelaraskan kerja-kerja sama ada kerja-kerja daripada Federal ataupun *feedback* daripada bawah ke atas. Jadi kita bersikap terbuka.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Gombak berdiri tetapi tadi Yang Berhormat Pokok Sena pun ada berdiri, Yang Berhormat.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Sila Pokok Sena.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri berkata ada dengar uar-uar bahawa ketua kampung dan JKK ini akan ditukarkan oleh kerajaan-kerajaan negeri yang diperintahkan oleh Pakatan Rakyat. Bagi saya tidak wajarlah apabila mendengar uar-uar begitu lalu kita mengambil satu keputusan untuk... Saya berani mengatakan bahawa itu arahan untuk mereka melepaskan jawatan.

Saya mengambil contohnya di negeri Kedah. Saya tidak bawa kenyataan akhbar hari ini yang dibuat oleh bekas menteri besar yang lalu, yang juga Pengerusi Perhubungan UMNO. Walaupun mungkin Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa kementerian tidak masuk campur, tetapi pengaruh politik UMNO yang menjadi tulang belakang kepada Kerajaan Barisan Nasional ini telah membuat kenyataan bersifat sebagai Pengerusi Perhubungan UMNO, mengarah semua JKK melepaskan jawatan di negeri Kedah, sedangkan Kerajaan Negeri Kedah yang diperintah oleh Pakatan Rakyat mengatakan terus berkhidmat sampai habis tempoh. Kita akan menilai mana yang baik, walaupun dia UMNO kita terbuka, kita akan lantik tetapi apabila mereka sudah melepaskan jawatan, maka kita lantiklah yang baru.

Isunya, persoalannya ialah kalaulah semua mereka itu melepaskan jawatan datang bertemu dengan Yang Berhormat Menteri apa keperluan pula pihak kementerian mewujudkan satu lagi mekanisme JKKP ini? Sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Gombak tadi,

bahawa ini akan mencetuskan bibit-bibit perpecahan sedangkan kita bercakap soal perpaduan di kalangan masyarakat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Ini saya katakan bahawa satu perkara yang tidak menggambarkan rasional, matangnya politik UMNO. Sudah berumur 62 tahun, Tuan Yang di-Pertua. Umur orang tua-tua ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, saya fikir kementerian berkenaan sudah faham, sudah pun dapat mesej itu.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** ...Sedikit kematangan supaya kita melihat bahawa agenda kita adalah agenda perpaduan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, silakan Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Terima kasih, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa pasal JKK yang tadi itu sudah cukuplah sebelum berpindah, masa sudah tidak ada. Cukuplah itu. Sudah dua bermakna mesej sudah kita dapat - perpecahan. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, ada satu yang berkaitan. Saya minta izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okeylah, ini yang menghabiskan soal JKK. Jangan terlampau panjang sangat mengenai soal JKK ini.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Oleh kerana Yang Berhormat Menteri ada sebut tentang perkembangan di negeri Selangor saya bertanggungjawab untuk memberikan sedikit penjelasan sebelum saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Saya kira Kerajaan Negeri Selangor yang baru telah dengan jelas menyatakan tidak ada sebarang pemecatan ataupun arahan untuk ketua kampung dan JKK melepaskan jawatan tersebut. Malangnya ketua-ketua kampung dan JKK yang ada di negeri Selangor ini keseluruhannya adalah Ketua-ketua UMNO Cawangan. Nasihat yang kita berikan ialah sekiranya mereka boleh membezakan di antara politik dengan kerajaan - ini masalah besar minda Ketua-ketua Cawangan di kalangan UMNO dan Barisan Nasional. Mereka tidak boleh pisahkan di antara UMNO dan kerajaan. Selama 50 tahun dia rasa UMNO itu kerajaan, kerajaan itu UMNO.

Jadi, bila berlaku UMNO kalah di negeri Selangor, maka mereka tidak boleh bezakan di antara kerajaan dan UMNO. Kita berikan nasihat sebenarnya, kalau mereka boleh bezakan di antara UMNO dan kerajaan, maka kita tidak akan pecat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Minta laluan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Nantilah dulu. Kalau mereka boleh bezakan peranan mereka selaku ketua kampung dengan peranan mereka selaku Ketua UMNO

Cawangan, maka keputusan kerajaan negeri mereka terus kekal sebagai ketua kampung, tetapi malangnya mereka tidak boleh bezakan UMNO itu kerajaan, kerajaan itu UMNO, walaupun yang kalah pada 8 Mac ialah UMNO dan Barisan Nasional.

Jadi, yang saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengapa Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional mengambil pendekatan untuk memecahbelahkan perpaduan rakyat sama ada orang Melayu atau orang Cina atau orang India di setiap kampung dengan membentuk JKPP yang baru? Terima kasih.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Menteri, minta sikit?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri mahu menjawab atau macam mana?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Di kampung saya pun banyak juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini penghabisanlah mengenai soal JKK dan ketua kampung ini. Mesejnya sudah kita terima.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Kampung saya pun ramai juga ketua-ketua kampung ada 100 lebih dan JKKNya beribu orang. Saya pun ada kepentingan di sini apabila berbangkit soal JKK ini.

Walaupun kita mendengar suara-suara molek daripada pihak parti pembangkang kata jaminan itu dan jaminan ini, tidak bertukar itu, tidak bertukar ini, kenapa menteri hendak tubuh JKK dan ketua kampung yang baru, tetapi saya hendak beri maklumat kepada Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Dewan dan juga Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya ini tidak betul. Di tempat saya, awal-awal lagi sudah rancang mahu tukar ketua kampung, mahu tukar JKK.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Terima kasih. Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Semua cakap daripada parti pembangkang ini cakap politik. Mereka hendak tubuh ketua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Salak, terima kasih...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, minta sikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Nanti tidak sampai kalau dipotong-potong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terlampau banyak mukadimah itu, Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Bukan mukadimah, ini penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Sikit sahaja lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Penjelasan kalau minta daripada Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ya, saya minta dengan Yang Berhormat Menteri. Penjelasan ini, apabila pilihan raya...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** *[Menyampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, apabila seseorang Ahli Yang Berhormat bercakap tolong senyap. Nanti kalau Yang Berhormat bercakap ada orang yang mengganggu

begitu, macam mana? Kita kena dengar sahaja, masing-masing dengar. Selepas itu kita boleh jawab dengan cara baik. Ya, sila, sila.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih di atas kebijaksanaan Tuan Yang di-Pertua dalam hal ini memberi peluang kepada saya..

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan kebijaksanaan tetapi kesabaran. Terima kasih.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kesabaran, ya. Bijaksana dan sabar. Terima kasih banyak.

Sebenarnya maklumat kita telah terima awal lagi bahawa mereka hendak tukar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Janganlah pula kesabaran saya terus dicuba... *[Ketawa]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ringkasnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta Yang Berhormat Menteri jangan percaya cakap parti pembangkang, tidak betul. Tidak betul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sila.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Tuan Yang di-Pertua, ringkas sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mohon lagi satu? Saya kata ini yang penghabisan tadi.

**Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]:** Ini mungkin penyelesaian kepada semua masalah yang kita dengar tadi. Soalan saya mudah sahaja kepada Yang Berhormat Menteri iaitu, adakah Yang Berhormat Menteri mengkaji dan mempelajari pengalaman di Kelantan yang mana dengan tindakan kementerian dan Kerajaan Barisan Nasional ini untuk mewujudkan suatu kerajaan di peringkat kampung yang selari dengan Kerajaan PAS akhirnya bukan sahaja perpecahan masyarakat berterusan, tetapi dalam pilihan raya yang lalu sebahagian besar calon-calon daripada Barisan Nasional telah ditolak oleh rakyat, kerana penyelia-penyelia pembangunan mukim atau PPM ini, begitu hebat diskriminasinya terhadap rakyat, terhadap anak-anak sekolah yang daripada parti kerajaan, bukan parti pembangkang. Di Kelantan, PAS ini parti kerajaan, tetapi tidak dibenarkan dan tidak diberikan apa-apa kemudahan, wang amanah, air, buku teks, semuanya disekat oleh penyelia-penyelia pembangunan mukim daripada Kerajaan Barisan Nasional itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Terima kasih, Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini bukan penjelasan-penjelasan. Ini kenyataan politik masing-masing. Silakan Yang Berhormat Menteri, yang politik itu tidak payah jawablah, yang fakta-fakta sahaja.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Saya bersetuju dengan apa yang disarankan oleh Tuan Yang di-Pertua. Ini sebenarnya merupakan pandangan-pandangan dan pihak kerajaan sendiri bertanggungjawab untuk mewujudkan kerukunan dan kedamaian di kampung-kampung. Pihak kementerian sendiri ingin melihat berlaku keadilan di peringkat

kampung, di mana nanti apa juga program-program dan kemajuan yang dibawa oleh pihak kementerian akan dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

■1830

Oleh itu, ketua-ketua kampung yang telah bertugas lama yang tiba-tiba, mereka berhenti, maka pihak kementerian mengambil pendirian yang mereka ini sebagai satu yang perlu diberikan keutamaan. Bukan maknanya pihak kementerian, saya tidak tahu apa yang dikatakan oleh orang lain di Kedah, saya tidak tahu, tetapi dari segi pihak kementerian, mana-mana ketua kampung di negeri yang meletak jawatan, kita wujudkan jawatan-jawatan di mana mereka akan dapat meneruskan perkhidmatan mereka.

Saya, di peringkat negeri Selangor, mereka tidak berhenti. Di peringkat negeri Selangor, mereka tidak berhenti, tetapi kita bekerjasama dengan mereka. Akhir-akhir ini, mereka juga datang dan memberitahu kepada saya bahawa sudah wujud semacam borang-borang yang ditampal di dinding-dinding. Jadi maknanya orang ini hendak diganti. Orang yang sudah berkhidmat lama hendak diganti.

Jadi sebagai kerajaan yang bertanggung jawab, kita hendak menjaga mereka yang telah menjadi begitu kedudukan tinggi di kampung, yang telah berjasa menjadikan negara kita di luar bandar, bandar begini maju. Takkan orang seperti ini sewenang-wenangnya kita hendak ganti, *just* oleh sebab mereka ini kita anggap tidak boleh bekerjasama dengan kita? Oleh itu, pihak kerajaan, pihak kementerian telah pun membuat keputusan, orang ini kita lantik untuk memberi kerjasama dengan pihak kementerian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan, penjelasan..

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah, sudah Yang Berhormat, sudah tadi.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Berkaitan dengan negeri lain.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Menteri bagi laluan. Saya minta penjelasannya Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Tan Sri...

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuba-cuba mana satu? Ini wakil daripada wanita. Dia kata dia berdiri lama, tidak mengapalah. Okey, sila. Tidak mengapalah.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Ya, terima kasih. Soalan ringkas sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau selepas ini terlampau banyak sudah pasal soal ini.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Menteri, apakah pihak kementerian ada pergi berbincang dengan kerajaan negeri untuk mencapai satu persefahaman untuk menangani isu ini?... [*Tepuk*] Jadi, saya rasa pandangan yang dikemukakan di sini memang benar. Kalau turun padang, memang benar. Pergaduhan sudah akan bermula bila-bila masa dan akan memecahbelahkan orang kampung. Demi perpaduan, apakah Yang Berhormat Menteri

sudi pergi ke negeri-negeri di bawah Pakatan Rakyat untuk berbincang untuk mengelakkan masalah ini? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Tan Sri, satu Tan Sri.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Ya.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Saya lihat bahawa dia seolah-olah satu ultra virus dengan Perlembagaan Persekutuan sebab kedudukan dia adalah kedudukan yang lebih rendah di peringkat yang lebih rendah ini di bawah bidang kuasa kerajaan negeri tetapi kalau itu pandangan pihak kerajaan, pihak kementerian, saya hendak tanya adakah di negeri Melaka akan dihapuskan JKK di peringkat negeri, hendak tubuh satu JKKP sahaja. Logiknya begitu, tetapi adakah kesediaan? Kalau tidak ada kesediaan untuk mewujudkan JKKP ini di negeri-negeri yang lain yang diperintah oleh Barisan Nasional, maknanya tindakan itu adalah tindakan politik. Tindakan yang menggambarkan bebal apabila menghadapi kekalahan dalam pilihan raya baru-baru ini. Ini saya rasa satu, kita tidak boleh memerintah dalam keadaan kita menjadi kepala bebal. Kita harus menjadi kepala dingin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Penghabisan itu.

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Tan Sri sedikit. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, saya mendengar dengan teliti jawapan pihak Menteri. Jawab itu memang *style* itu *cultured* lah. Memang bagus, tetapi untuk kita menggambarkan pemikiran yang *cultured* ini, adakah wajar kita sebagai Menteri, mendengar laporan daripada Tok Penghulu JKK ini, daripada Yang Berhormat Menteri sendiri berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Menteri-Menteri Besar yang telah dipilih oleh rakyat? Ini caranya. Bukan kita dengar, ini *cultured* lah. Maknanya, biar berbudaya, beretika, seorang berpengalaman dalam sebagai Yang Berhormat Menteri Besar, sekarang ini menjadi Menteri.

Jadi ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, yang itu pun Yang Berhormat, dalam peraturan mesyuarat memuji pun tidak boleh juga selain daripada prasangka jahat.

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** ...Ya, ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Memuji pun tidak boleh juga...

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Menteri-Menteri pun ..

**Tuan Yang di-Pertua:** Memuji pun tidak boleh juga selain daripada sangkaan jahat..

[Ketawa]

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Jadi ini untuk mewujudkan supaya budaya itu dapat diterjemahkan. Bukan kita mengambil jalan pintas, jumpa orang tepi jalan, kita buat keputusan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sila Yang Berhormat Menteri. Habiskan semua ini pasal soal JPPK semua Ini.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Terima kasih Yang Berhormat dari Batu Gajah, Pokok Sena dan Kubang Kerian. Saya sudah sebut bahawa ketua-ketua kampung ini, orang yang paling penting sekali di peringkat bawah begitu tertekan selepas berlaku pertukaran kerajaan di negeri-negeri seperti Kedah, Perak, Selangor dan Pulau Pinang.

Oleh sebab mereka menganggap bahawa kedudukan mereka tidak pasti dan sebahagian daripada mereka memutuskan untuk meletakkan jawatan. Ada negeri tidak letak jawatan, sampai hari ini tidak letak jawatan. Jadi, bagi pihak kerajaan, kita memandangi negeri-negeri sama. Bagi negeri yang meletak jawatan, jadi seolah-olah kita nanti akan menghadapi masalah untuk berhubung dengan masyarakat di bawah. Oleh itu, kita memutuskan untuk mengambil ketua-ketua kampung yang meletak jawatan supaya mereka terus, saya harap pihak kerajaan negeri boleh menggunakan ketua-ketua kampung yang meletak jawatan.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Saya, saya..

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, tolong bantu saya Yang Berhormat. Kita ada empat belas kementerian lagi belum menjawab.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Hendak minta laluan...

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Tidakkah bermakna Yang Berhormat Tan Sri tidak memperakui kerajaan negeri yang ada di negeri itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat...

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Sebab kita harus menghormati dan memperakui kerajaan negeri yang wujud.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, boleh tolong duduk.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Bila menghormati kerajaan negeri, yang ditentukan oleh kerajaan negeri tersebut, itulah yang sepatutnya diguna pakai oleh Kerajaan Persekutuan ini. Bukan kerajaan negeri tidak bekerjasama dengan Kerajaan Pusat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Pokok Sena bolehkah duduk sekejap? Boleh duduk, boleh duduk.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, nanti duduk, duduk dulu. Ya, ya saya duduk di sini, saya mendengar kedua belah argumen ini. Yang Berhormat, duduk dahulu. Itulah maka pembangkang sama kerajaan. Kalau pembangkang sama kerajaan satu pendapat, dia bukan kerajaan dan pembangkang maksudnya, kerajaan campuran... *[Ketawa]* Jadi kalau perkara seperti begini kita teruskan, tidak kita dapat kasi habis. Ini tidak sampai menteri saya sudah dengar dia menjawab. Isu yang dikeluarkan sini pun, sudah saya dengar. Pokoknya semua perpaduan memecah dan memang begitu pembangkang sama kerajaan, memang. Pendapat tidak sehaluan. Sila Yang Berhormat Menteri, jangan lagi layan yang ini. Minta maaf sudah terlampau banyak isu saya dengar pasal soal ini.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Saya fikir Yang Berhormat, saya hendak beralih kepada...

**Tuan Yang di-Pertua:** Empat belas lagi, empat belas lagi kementerian. Ahli-ahli Yang Berhormat juga akan mencelah nanti.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Jadi untuk menyelamatkan keadaan menteri ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan saya menyelamatkan keadaan menteri. menyelamatkan Dewan ini daripada dibuat seperti begini. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Terima kasih, terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat semua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pasal JKK lagi, sebagai ketua kampung?

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Tolong bagi laluan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila, sila penghabisanlah ini, tolonglah penghabisanlah ini.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Ya, ya, ya. Ini perkara penting Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu saya kata ada, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat bahawa memanglah sedap hendak bercakap soal perpaduan, soal kesatuan dan sebagainya. Cakap boleh, tetapi tindakan jadi lain nanti. Sebab itu, saya harap kita tidak payahlah, maksudnya memikirkan apa yang diujahkan oleh pembangkang tadi. Memang sedap bercakap. Jadi sebab saya ambil satu contoh masjid dan surau. Lantik bendahari sahaja, dia punya kecoh itu satu masalah yang besar. Jadi sebab itu saya ingin..

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat terima kasih.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Sebab itu saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat bahawa apakah kita akan teruskan apa yang telah dibuat iaitu kita lantik sahaja ketua kampung ini untuk memudahkan hubungan Kerajaan Pusat dengan masyarakat di negeri berkenaan?

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, ini pembedulan, pembedulan terhadap...

**Tuan Yang di-Pertua:** Belum lagi saya jemput untuk bercakap Yang Berhormat Padang Serai. Baru saya tengok, belum lagi, 35(1) harus diingat itu, belum lagi saya jemput. Yang Berhormat Padang Serai duduk dahulu. Itulah makanya saya kata, saya tidak benarkan lagi pasal soal ini.

Kerana apabila satu berdiri, semua pun mahu berdiri. Ada 14 kementerian belum menjawab. Hari ini adalah penghabisan untuk kita sampai pukul 11.30 malam, kecuali Ahli-ahli Yang Berhormat berjanji tidak mencelah di kementerian-kementerian yang lain itu, saya boleh biarkan hal pengerusi JKKK sama ketua kampung, kita bahaskan.



**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Kita tidur sini, tidak mengapa.... *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau itu persetujuan kita, mahu buat usul lagi menteri yang berkenaan dan tidak dibenarkan juga semasa mesyuarat. Sila, sila penghabisan menteri. Jangan lagi layan.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya tidak percaya, saya tidak faham, kenapa rakan Yang Berhormat dari BN selalu mengatakan pembangkang-pembangkang, padahal kami adalah kerajaan negeri. Ini adalah di antara kerajaan negeri dengan Kerajaan Barisan Nasional Pusat dan memecahbelahkan dan mahu merosakkan, mahu menghancurkan perpaduan di antara rakyat Malaysia sekarang, inilah menteri yang bertanggungjawab di hadapan kita ini... *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Padang Serai, duduk Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Jadi, kita merayulah, apabila berurusan dengan kerajaan negeri minta lebih profesional, turun, jumpa dengan kerajaan negeri, selesaikan masalah ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Kita bukan pembangkang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai, semua kita harus bersifat profesional dalam Dewan. Terima kasih.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Pembangkang yang duduk di sana. Ini lima negeri. Lima negeri Pakatan Rakyat. Pembangkang duduk di sana.

**Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** *[Bangun]*

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Siapa besar?

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Boleh fikirkah menteri, wang untuk JKKK, tetapi bayaran dengan duit UMNO, bukan dengan duit kerajaan negeri... *[Tepuk] [Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Penghabisanlah menteri untuk beri laluan pasal JKKK ini. Berapa kali sudah merayu, kalau tidak nanti. Sila.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Terima kasih, saya boleh simpul dengan satu pepatah Melayulah. Sudah terang lagi bersuluh. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebab masing-masing kita buat interpretasi. Sudah terang lagi bersuluh.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Masih kabur, jawapan itu bukan bersuluh lagi, masih kabur.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak mengapa Yang Berhormat, itu jawapan dia... *[Dewan riuh]*

**Dato' Ismail Kasim [Arau]:** Teruskan menteri, teruskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat, sila.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Okey, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Beralih kepada lain tajuk.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan yang di-Pertua, tadi Tuan Yang di-Pertua buat *ruling* bahawa sesi penjelasan ini adalah kalau kabur kita minta penjelasan, jadi sekarang, kalau yang diberi itu terlalu kabur. Jadi saya hendak minta penjelasan, apakah gaji ketua-ketua kampung dan JKKK ini dibayar daripada dana Kerajaan Pusat yang sumbernya adalah daripada pembayar cukai ataupun ibu pejabat UMNO akan membayar gaji ketua-ketua kampung?

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, terima kasih. Yang Berhormat Gombak, penghabisanlah itu.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Terima kasih. Seperti mana ketua-ketua kampung di mana-mana juga di seluruh negara, ketua-ketua kampung dibayar melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan. Mengenai hala tuju pembangunan luar bandar yang memerlukan penambahbaikan berterusan...

**Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Minta penjelasan, dari Barisan Nasional, Yang Berhormat Kapit.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri saya mohon penjelasan bahawa elaun-ketua-ketua kampung atau tuai-tuai rumah istilah di Sarawak, yang mana saya telah difahamkan bahawa beberapa bulan masih belum dibayar. Bilakah peruntukan yang sepatutnya dihulur kepada kerajaan ataupun sepatutnya? Sekian, saya mohon penjelasan.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya geran ataupun pembayaran daripada kementerian dibuat enam bulan sekali. Bermakna untuk bulan Januari hingga bulan Jun telah pun dihantar. Jadi saya harap dapat dibayar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lain kali Yang Berhormat, perincian juga berapa ketua-ketua kampung itu yang belum dibayar dan di kawasan-kawasan mana? Jadi senang dia menjawab.

**Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Mungkin minggu depan saya akan bagi secara bertulis. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Terima kasih. Untuk Yang Berhormat Pontian, Program Pembangunan Luar Bandar merupakan program yang dirancang secara berterusan melalui Rancangan Malaysia Lima Tahun. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Ke-9, dalam usaha mempergiatkan pembangunan kawasan dan masyarakat serta pembasmian kemiskinan luar bandar, beberapa perubahan polisi, hala tuju dan pemantapan strategi pelaksanaan program, projek telah dibuat bagi memastikan pelaksanaan Program Projek Luar Bandar membawa impak yang positif, yang besar kepada masyarakat luar bandar.

Bagi mencapai maksud tersebut, kementerian telah menggariskan enam strategi teras untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-9. Bagi menjelaskan tentang keutamaan

yang perlu diberikan dalam kajian separuh penggal dalam membangunkan luar bandar, dimaklumkan bahawa dalam semakan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-9 yang baru selesai, kementerian telah membuat penilaian ke atas kepentingan dan keutamaan projek secara terperinci, bagi memastikan hanya program dan projek pembangunan luar bandar yang benar-benar memberi impak dan maksimum diteruskan.

Berhubung elaun bulanan ketua-ketua kampung di Sarawak yang dimaklumkan tidak dibayar mengikut jadual, sukacita dimaklumkan di sini bahawa urusan pembayaran elaun ketua kampung, ketua kaum dibuat secara bulanan oleh kerajaan negeri.

Kementerian menyalurkan peruntukan bagi tujuan pembayaran elaun ketua kampung kepada negeri-negeri dua kali setahun, bermakna enam bulan sekali iaitu pada bulan Januari hingga Jun dan Julai hingga Disember. Pada tahun 2008...

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Pasal elaun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pokok Sena pasal elaun. Masih juga ada kaitan dengan JKKK... *[Ketawa]*

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Tan Sri sebut berkaitan dengan elaun dibayar oleh kerajaan negeri enam bulan sekali, setahun dua sekali dan menggunakan peruntukan daripada Kerajaan Pusat, begitu.

Itu untuk ketua kampung di peringkat negeri dan JKKK di peringkat negeri. Adakah kementerian juga akan membayar peruntukan ini, menggunakan peruntukan Kerajaan Pusat ini kepada ketua-ketua kampung ataupun apa-apa mekanisme JKKK baru yang akan dilantik kerajaan negeri sebab kerajaan negeri juga memerlukan mekanisme yang sama untuk membantu kerajaan negeri di peringkat akar umbi.

Adakah kerajaan, pihak kementerian Yang Berhormat sedia menyalurkan bantuan itu, peruntukan itu kepada kerajaan negeri untuk membiayai pembayaran elaun kepada ketua-ketua kampung dan juga JKKK baru ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sila menteri

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Ini saya menjawab soalan tadi yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat daripada Sibuti... Kapit ya, Kapit. Memang itulah caranya.

**Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Bukan 'Kapir', Kapit!

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Kapit... *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila menteri.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Saya tanya, adakah kerajaan akan bayar kepada negeri yang diperintah oleh Pakatan Rakyat melalui kerajaan negeri. Mengikut cara di Sarawak, mengikut cara di Melaka, mengikut cara di Negeri Sembilan, mengikut cara di Perlis, adakah begitu? Dari segi keadilan, begitulah sepatutnya. Saya hendak menteri jawab ya atau tidak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pokok Sena, soalan itu sudah difahami.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Okey, sudah faham.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia sudah faham soalan. Jawab sahaja menteri ya atau tidak.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Tidak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** *[Ketawa]... [Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Cerita selesai. Tidak. Sila menteri. Teruskan.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Hal ehwal Orang Asli. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Saya cuma hendak bertanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pokok Sena, soalan sudah dia jawab. Dia sudah bilang tidak.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Penjelasan, kenapa tidak?... *[Dewan riuh]*  
Apa masalahnya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini sudah hilang perbincangan. Dia sudah kasi jawapan.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Kenapa di peringkat kerajaan negeri yang lain, kerajaan boleh membiayai menggunakan peruntukan Kerajaan Pusat sedangkan duit itu juga adalah datang daripada hasil kutipan cukai yang dipungut secara keseluruhannya termasuk daripada rakyat di negeri-negeri yang diperintah oleh Pakatan Rakyat.

Kenapa tidak boleh menggunakan peruntukan yang sama untuk membantu kerajaan negeri dari sudut pembiayaan kepada elaun ketua kampung dan juga JKKK yang akan dilantik oleh peringkat kerajaan negeri?

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Sila menteri.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Terima kasih Yang Berhormat dari Pokok Sena. Kita sudah pun menyediakan cara untuk membayar ketua-ketua kampung bagi negeri-negeri yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan.

Ada cara-cara tertentu yang akan di... Saya umumkan kemudianlah ya. Hal ehwal Orang Asli, Tuan Yang di-Pertua, berhubung pertanyaan Yang Berhormat Jempol mengenai pembangunan masyarakat Orang Asli, kementerian ini bersetuju dan berterima kasih atas saranan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat.

Untuk makluman, Jabatan Orang Asli sejak tahun 1970-an telah melaksanakan program pembangunan tanah secara tersusun dan sistematik. Sehingga kini seluas 24,698 hektar tanah rizab telah dibangunkan dengan tanaman getah dan sawit melalui kerjasama RISDA dan FELCRA. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan Kementerian Pelajaran juga bekerjasama ke arah meningkatkan tahap pendidikan masyarakat Orang Asli.

Antara program yang dilaksanakan ialah program khas murid Orang Asli, kelas intervensi awal membaca dan menulis, kumpulan wang amanah pelajar miskin dan pelan tindakan pembangunan pendidikan.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab saranan daripada Yang Berhormat Ampang mengenai pelaksanaan sistem prasekolah KEMAS yang lebih berkualiti. Kementerian amat berterima kasih di atas pandangan dan saranan yang diajukan oleh Yang Berhormat Ampang. Untuk makluman Yang Berhormat, KEMAS telah melaksanakan sistem prasekolah berdasarkan faktor berikut:

(i) Kurikulum.

KEMAS telah melaksanakan program prasekolah berdasarkan kurikulum prasekolah kebangsaan mulai tahun 2002 yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Kurikulum ini merupakan dan menekankan perkembangan kanak-kanak secara holistik dan seimbang meliputi aspek 3M membaca, menulis, mengira.

(ii) Program Cepat Membaca.

Dalam melaksanakan program ini pihak KEMAS telah mendapatkan bantuan daripada UNICEF yang telah memberikan peruntukan kepada KEMAS untuk melaksanakan Program Cepat Membaca di tabika khususnya di kawasan Orang Asli dan pedalaman Sabah dan Sarawak.

(iii) Guru Tabika.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan KEMAS telah melaksanakan bengkel peningkatan profesionalisme kepada semua guru tabika secara berperingkat untuk menggunakan bahasa Inggeris dalam kelas tabika. Bagi meningkatkan tahap profesionalisme guru tabika KEMAS mereka telah dihantar untuk mengikuti program diploma melalui dua cara.

- a) Kursus diploma dalam cuti bagi guru-guru yang sedang berkhidmat; dan
- b) Kursus diploma secara sepenuh masa bagi pengambilan guru baru.

Di samping itu juga KEMAS berhasrat menyediakan skim jawatan yang setaraf dengan kelayakan diploma kepada guru tabika KEMAS dan pembantu guru tabika KEMAS menjelang tahun 2009.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan perbahasan Titah Diraja menyentuh mengenai Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Perkara-perkara yang telah disentuh dan dibangkitkan akan diambil perhatian oleh kementerian saya. Saya yakin

kementerian akan terus memberi tumpuan untuk membangunkan kawasan luar bandar supaya terus maju, menarik dan menguntungkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Kementerian Pengangkutan.

**6.52 ptg.**

**Menteri Pengangkutan [Datuk Ong Tee Keat]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya bagi pihak Kementerian Pengangkutan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih atas Titah Diraja yang menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan. Sesungguhnya kementerian menghargai semua pandangan, teguran dan saranan serta cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya merujuk kepada pertanyaan-pertanyaan daripada Yang Berhormat Ipoh Timur mengenai isu tanah dan pembangunan *Port Klang Free Zone* ataupun pendeknya PKFZ.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat perkara ini sesungguhnya telah pun dibangkitkan dan telah juga berulang kali dijawab dalam Dewan yang mulia ini. Tanah bagi projek PKFZ tidak dapat diperolehi melalui pengambilan tanah sebab projek PKFZ bukanlah merupakan kepentingan awam seperti hospital, sekolah dan jalan raya dan yang keduanya tanah berkenaan telah diluluskan permohonan pembangunan ataupun *development order* dengan izin pada 20 Disember tahun 1995. Disebabkan itu tanah tersebut hanya boleh dibeli dan harga RM25 sekaki persegi merupakan harga nilai yang diputuskan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta yang mana nilai berkenaan mengambil kira kos infrastruktur asas seperti tebus guna tanah, pembinaan jalan, jambatan dan perparitan serta kemudahan utiliti.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya tegaskan bahawa Pelabuhan Klang merupakan satu infrastruktur pengangkutan strategik negara dan pelaburan dalam pembangunannya adalah untuk masa depan dan kepentingan negara.

Kementerian Pengangkutan ingin menjelaskan bahawa dakwaan pihak-pihak yang tertentu bahawa PKFZ adalah satu skandal atau duit bagi pembinaannya telah pun lesap adalah tidak betul sama sekali. Ini bukanlah satu projek *bail out*, dengan izin, sebab kerajaan hanya sekadar memberi pinjaman mudah ataupun *softloan*, dengan izin kepada Lembaga Pelabuhan Klang untuk membuat bayaran balik kepada penjual tanah dan juga pemaju. Pembayaran yang berkenaan adalah secara berperingkat mengikut jadual pembayaran yang telah ditetapkan.

Sehingga akhir 31 Mac tahun ini LPK ataupun Lembaga Pelabuhan Klang telah membayar sebanyak RM238 juta untuk pembelian tanah dan RM480 juta untuk kerja-kerja pembangunan. Sehubungan itu adalah jelas dakwaan yang kerajaan telah membelanjakan RM4.6 bilion adalah tidak betul. Mengenai surat-surat sokongan yang telah dikeluarkan oleh

Kementerian Pengangkutan seperti yang pernah dijawab dalam Dewan yang mulia ini. Surat-surat sokongan tersebut telah dikeluarkan kepada Agensi Penarafan Kredit ataupun *Credit Rating Agencies* dengan izin, dan bukannya kepada syarikat Kuala Dimensi Sendirian Berhad seperti yang telah disalah anggap. Surat-surat tersebut hanyalah sekadar surat sokongan dan bukannya surat jaminan. Itu juga pernah dijawab dalam sesi sidang Parlimen...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Penjelasan.

**Datuk Ong Tee Keat:** ...Penggala lalu.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Penjelasan.

**Datuk Ong Tee Keat:** Nanti sekejap ya. Ada satu ayat lagi. Berkenaan dengan terma terma pinjaman Tuan Yang di-Pertua ianya tidak pernah disentuh sama sekali dalam surat-surat yang dimaksudkan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Saya setuju bahawa surat sokongan bukan surat jaminan tetapi daripada segi undang-undang bukannya benar yang pertama bahawa Menteri Pengangkutan tidak ada kuasa memberi surat sokongan itu oleh kerana barulah Yang Berhormat Menteri Kewangan dan dengan persetujuan dan kebenaran daripada Kabinet barulah ada kuasa untuk memberi surat sokongan dan yang kedua dalam tahun lalu bahawa Kabinet selepas nasihat daripada Kamar Peguam Negara dan juga Perbendaharaan mengakui bahawa surat sokongan itu dianggap sebagai satu surat sokongan dan sebab itu Kabinet ada membuat keputusan dengan izin, *rectify* keempat-empat surat sokongan itu yang memberi tanggungan RM4.6 bilion akhirnya dan bukannya ini sebenarnya merupakan satu penyalahgunaan kuasa Menteri Pengangkutan yang berkenaan dan mengapa tindakan tidak diambil mengenai perkara ini supaya penyelewengan seperti ini tidak dibenarkan dan oleh kerana itu *Port Klang Free Zone scandal* yang RM4.6 bilion satu skandal yang lebih besar daripada *Bumiputera Malaysia Finance scandal* iaitu skandal pertama dalam pentadbiran Tun Dr. Mahathir dahulu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Menteri

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bila saya jawab tadi saya menjelaskan bahawa surat yang dimaksudkan itu bukanlah surat jaminan walaupun saya faham juga apa Yang Berhormat sebutkan tadi ada pihak yang tertentu tidak semestinya mempersetujui bahawa surat itu bukannya surat sokongan dan Yang Berhormat juga bangkitkan pandangan mungkin sesetengah pihak termasuk juga apa yang dipertikaikan tapi saya hendak beralih kepada apa Yang Berhormat sifatkan tadi sebagai skandal.

Yang Berhormat memang sebelum ini pun telah berulang kali menyifatkannya sebagai satu skandal. Skandal ini saya sudah sebut tadi kalaulah skandal maksudnya Yang Berhormat telah pun membuat kesimpulan tetapi dalam hal ini setahu saya perkara ini masih lagi disusuli oleh pihak PAC yang terdiri juga dari kalangan Ahli Pembangkang.

## ■1900

Ahli pembangkang bukan tidak ada. Ahli Yang Berhormat Kepong pun menganggotai PAC yang berkenaan. Itu pun belum ada kesimpulan lagi. Lebih-lebih lagi anak buah Yang Berhormat juga pernah buat laporan polis dan juga BPR. Itu pun saya rasa, demi ketelusan, kementerian ini sanggup bekerjasama dengan mana pihak sekalipun untuk mencari kebenarannya.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)  
***mempengerusikan Mesyuarat***]

Namun, sikap Yang Berhormat ini menyifatkan sebagai satu skandal. Sebagai satu kesimpulan peribadi sebelum tamatnya perkara ini disoal siasat. Ini bukan sesuatu yang saya rasa wajar dan munasabah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kalau sekiranya pembangunan PKNZ ini skandal yang besar dan merugikan negara, apakah kementerian berhasrat untuk menarik balik atau menutup projek ini dan Kerajaan Selangor bersetujukah ia ditutup? Saya juga melihat bahawa Kerajaan Selangor pun bersetuju dengan projek ini, sebab ianya mengundang pelabur-pelabur asing melabur di negeri Selangor dan negeri Selangor mendapat keuntungan. Minta penjelasan.

**Datuk Ong Tee Keat:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Sesungguhnya, kalaulah projek ini skandal ataupun projek ini merugikan negara, tidak berdaya maju, takkanlah pihak pembangkang khasnya Kerajaan Negeri Selangor yang diterajui oleh Pakatan Rakyat sekarang ini tunjuk minat. Itu pun saya memang bersikap terbuka. Sesiapapun kalaulah tunjuk minat hendak bekerjasama, apalah salahnya.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]*

**Datuk Ong Tee Keat:** Saya menyambut baik apa yang disyorkan tetapi apa yang penting itu adalah syor yang bernas dan bukanlah syor yang bermotifkan politik. Yang Berhormat Kepong sekejap. Ada peluang nanti. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, mengenai temu ramah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Meneruskan mengenai jawapan tadi. Yang menafikan inilah pakatan *free zone* satu skandal. Kenapa ini bukan sekadar skandal? Apabila anggaran asal ialah RM1.4 bilion dan akhirnya sekarang RM4.6 bilion. Kalau tidak lebih tinggi dan kos untuk pembangunan ialah RM400 juta akhirnya sekarang yang terbaru ialah RM2.8 bilion. Apabila, keputusan yang dibuat oleh Kabinet pada asal ialah bahawa inilah satu projek *self financing* tidak perlu satu sen sokongan kerajaan tetapi sekarang adalah *bailout* RM4.6 bilion. Mengenai pembangunan untuk PKNZ ada syarat oleh Kabinet bahawa untuk setiap penambahan



RM100 juta perlulah mendapat keputusan dan kebenaran daripada Kabinet tetapi tidak pernah berlaku.

Daripada RM400 juta kepada RM2.8 bilion sekurang-kurangnya perlu empat kali perkara ini dirujuk kepada Kabinet, langsung tidak berlaku. Kenapa ini bukan satu skandal? Apabila satu skandal seperti ini RM 4.6 bilion boleh diakui sebagai satu skandal.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, inilah sifatnya seorang ahli politik. Apabila kita hendak buat kesimpulan pun kenalah ambil kira fakta-fakta dari pelbagai pihak. Bukannya, bergantung bulat-bulat pada fakta yang berat sebelah. Saya hendak menangkis, saya hendak jawab apa yang Yang Berhormat sebutkan tadi.

Ada dua perkara di sini, Yang Berhormat rekod. Yang Berhormat mempertikaikan tentang jumlah-jumlah yang terbabit. Tadi, sebelum Yang Berhormat masuk saya sudah sebut RM4.6 bilion itu sebenarnya telah dibelanjakan kesemuanya. Jauh sekali ianya telah dilesapkan. Berbalik kepada angka pecahan bajet bagi pembelian tanah, suka saya maklumkan Yang Berhormat bahawa harga tanah adalah RM1.08 bilion, tetapi Yang Berhormat jangan lupa bahawa ianya melibatkan *soft loan* dengan izin. Itu pun ambil masa 15 tahun. Apabila ia mengambil masa yang panjang, takkanlah tidak ada *financial cost* dengan izin.

Menjelang tahun 2017, apabila jumlah ini perlu dijelaskan maka jumlahnya adalah mencecah RM1.8 bilion. Itu mencakupi harga-harga tebus guna tanah, kemudahan jalan-jalan raya dan juga bekalan utiliti dan perbelanjaan bagi pembangunan.

**Tuan Mohd Firdaus Jaafar [Jerai]:** [Bangun]

**Datuk Ong Tee Keat:** Suka saya maklumkan Yang Berhormat Ipoh Timur bahawa pembangunan ini mencakupi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tunggu Yang Berhormat, menteri hendak jawab.

**Datuk Ong Tee Keat:** Sekejap, sekejap. Nanti dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tunggu Yang Berhormat

**Datuk Ong Tee Keat:** Pembangunan ini mencakupi pembiayaan kos bangunan, gudang, dan sebagainya. Jumlahnya adalah RM1.8 bilion yang mengambil masa 10 tahun untuk dijelaskan. Maka, ini bermaksud bahawa menjelang tahun 2012 jumlah yang perlu dijelaskan itu mencecah RM2.9 bilion. Jadi, bilakah Yang Berhormat hendak buat *statement* ataupun kenyataan khasnya melalui *blog-blog* laman web. Yang Berhormat kena menyentuh tentang jumlah yang dipinjam dan bukannya yang tidak mengambil kira *financial cost*. Takkanlah Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat seorang saudagar atau seorang peniaga takkanlah Yang Berhormat boleh dapatkan *soft loan* tanpa sebarang *financial cost*, ini satu.

Yang keduanya, Yang Berhormat menyentuh tentang *bailout*. Saya sudah jawab tadi. *Bailout* ini, kalaulah projek ini dibiayai sebahagian sekurang-kurangnya sebahagian melalui...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Jerai tunggu

**Datuk Ong Tee Keat:** Geran Kerajaan. Itu mungkin boleh dihubungkan dengan *bailout*.

**Tuan Mohd Firdaus Jaafar [Jerai]:** Mohon penjelasan.

**Datuk Ong Tee Keat:** Namun, dalam hubungan ini, saya hendak menjelaskan bahawa satu sen geran pun tidak terlibat. Apa yang Yang Berhormat bangkitkan tadi itu adalah mungkin Yang Berhormat kata disebabkan oleh adanya surat yang dikeluarkan oleh mantan menteri, maka ini terpaksa diluluskan dan sebagainya.

Namun, yang tadi saya jawab, sebelum Yang Berhormat masuk saya kata bahawa ini telah pun diiktiraf sebagai satu-satunya projek pengangkutan strategik. Apa yang lebih membina sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, adalah *the way forward*, dengan izin, dan cara bagaimana kita hendak pastikan bahawa ini terus berdaya maju dan ianya tidak merugikan *soft loan* yang kita ambil dari kerajaan. Itu pun wang rakyat juga. Kalaulah Yang Berhormat betul-betul sayangkan kepentingan *tax payers* dengan izin, maka saya rasa, kenalah kita ambil kira juga tahap mana ia berdaya maju...

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ada dua yang bangun Yang Berhormat.

**Datuk Ong Tee Keat:** Ya, sila.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Tidak ada pertikaian tentang perlunya projek strategik sebesar ini, 'semega' ini dimajukan. Kita di pihak pembangkang pun yang merasakan perkara ini seperti mana projek-projek yang lain, yang bersifat strategik yang perlu diberi segala sokongan. Cuma, yang dipertikaikan ialah urus tadbir yang mulanya semuanya bersifat swasta ataupun dengan izin, *private financial initiative* mulanya namun akhirnya ketika sudah sampai peringkat kalau saya boleh sebutkan nazak, kepentingan itu akan diambil alih dan dimiliki oleh kerajaan dan dengan sekali lagi menggunakan dana rakyat.

#### ■1910

Jadi kalau kita perhatikan bagaimana sehingga kini kalau boleh Yang Berhormat Menteri jelaskan mengapa pula *Jebel Ali Free Zone Authority* atau JAFZA, ini *pull out* kalau semuanya dalam keadaan yang baik. Kita ingin tahu juga bagaimana yang dikatakan harga tanah yang mulanya RM3 *per square feet* itu menjadi RM25 dan siapa pula pemiliknya? Jadi urus tadbir yang seperti ini yang akhirnya menyaksikan bahawa ia lebih bersifat *the quit return* ataupun ada pihak yang pada pihak *construction* nya dia sudah mengambil untung, kalau dia rugi pun kemudian dia sudah mengambil untung atau dapat untung lebih awal lagi. *And then come the big bailout*. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ya baik Yang Berhormat, sila Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Soalan yang berkaitan.

**Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]:** *[Bangun]*

**Datuk Ong Tee Keat:** Ya, saya jawab sekali gus.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya senang sahaja. Adakah Menteri boleh menjamin sekiranya projek ini untung, memangnya untung Kuala Dimensi dan tuan punya projek itu, tetapi sekiranya projek ini gagal, kerajaan akan lepas daripada sebarang tanggungjawab kewangan sekiranya projek ini gagal. Sekiranya projek ini gagal, adakah kerajaan boleh menjamin supaya *soft loan* itu boleh *recover* dengan izin.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, saya jawab soalan Yang Berhormat Kuala Selangor dulu. Saya memang bersetuju bahawa memang dalam proses membangunkan projek ini ataupun melaksanakan projek ini khasnya bila kita melibatkan pihak asing, Jebel Ali, memang pada masa itu kita hendak ikut acuannya, itu betul. Akan tetapi terdapat juga percanggahan fikiran ataupun percanggahan pendapat. Seterusnya pergeseran itu timbul dan itulah sebabnya satu-satu kelemahan yang perlu kita akui. Itu saya tidak menafikan tetapi berbalik kepada soalan tadi itu, sebab yang saya nampak dari soalan-soalan yang berbangkit, rupa-rupanya ramai lagi yang masih samar-samar sebab *soft loan* dengan izin, yang diambil itu sebenarnya adalah secara berperingkat dan bukannya sekali gus RM4.6 bilion telah pun dikeluarkan.

Beralih kepada soalan Yang Berhormat Gopeng tadi. Yang Berhormat hendak satu minta satu jaminan, saya suka nak maklumkan Yang Berhormat bahawa Kuala Dimensi sesungguhnya hanyalah merupakan penjual tanah dan disebabkan oleh adanya *development order* yang ada padanya sejak tahun 1995 maka ia juga dilantik sebagai pihak pembangun. Ini cukup jelas tetapi Yang Berhormat cuba nak hubung kaitkannya dengan untung rugi PKFZ itu, saya rasa Yang Berhormat mungkin kurang faham. Sebab untung rugi PKFZ itu adalah dikelolakan, dikendalikan oleh PKFZ Sendirian Berhad di bawah LPK, Lembaga Pelabuhan Klang. Dalam hubungan ini, bila saya kata kita khasnya saya selaku menteri baru dalam portfolio ini, saya rasa terpanggil untuk memastikan bahawa kita bukan sahaja hendak pastikan PKFZ ini terus berdaya maju, maksudnya kita kenalah ambil dan tarik pelabur asing masuk. Bukannya kita terus bertelagah sesama kita dan terus kita mempertikaikannya kalaulah pertikaian itu bukanlah sesuatu yang berasas.

Yang Berhormat Kuala Selangor tadi, lupa saya hendak sebut, Yang Berhormat juga mempertikaikan harga kadar tanah RM3 kononnya tetapi apa pula sekarang ini sudah jadi RM25 satu kaki persegi. Suka saya nak maklumkan Yang Berhormat, RM3 itu saya tidak tahulah itu kadar mana tetapi biasanya kalau kita hendak menyentuh tentang kadar jual beli tanah, kita kena soal dulu sama ada tanah itu tanah mentah tanpa sebarang infrastruktur ataupun tanah seperti mana yang saya sebutkan tadi, tanah itu melibatkan tebus guna, *land reclamation*, itu satu,

infrastruktur dan sebagainya. Lagi pun pihak Jabatan Penilaian yang saya sebutkan tadi bila hendak buat penilaian pun takkanlah ia berbuat demikian secara semberono. Sebab kadar jual beli tanah di kawasan yang sama khasnya di persekitaran itu boleh dijadikan satu bandingan dan bukannya Jabatan Penilaian ini boleh sewenang-wenangnya menentukan kadar, itu cukup jelas. Ya Yang Berhormat Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** 'Tan Sri', belum Tan Sri lagi..., Datuk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tunggulah Yang Berhormat, tunggu.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, penjelasan. Yang pertamanya, bolehkah kementerian Yang Berhormat buat siasatan sendiri, saya setuju kita belum pun mencapai satu kesimpulan untuk masalah ini. Yang pertamanya bolehkah Yang Berhormat menyiasat mengapa waktu itu pihak kerajaan negeri tidak setuju dengan Peguam Negara yang mengatakan bahawa tanah itu perlu diambil alih. Ini yang penting sekali.

Dan yang keduanya, mengenai kadar perbelanjaan. Memang Yang Berhormat sendiri boleh mengesahkan bahawa itu kadar yang terlalu tinggi, pembayaran kepada Kuala Dimensi. Memang terlalu tinggi dan pihak Yang Berhormat saya berharap dapat menyiasat dengan teliti daripada harga, daripada cadangan Peguam Negara dan juga mengenai *public listing, Initial Public Offering* (IPO) mengapa dibenarkan tanpa jaminan daripada kementerian. Macam mana surat akuan sahaja bukan daripada Yang Berhormat, daripada mantan-mantan itulah.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Lagi panjang soalan.

**Datuk Ong Tee Keat:** Saya cuba nak padatkan ini sebab saya tahu apa Yang Berhormat bangkitkan tadi saya dah jawab sebab pihak kerajaan negeri sebelum ini pun pernah bagi jawapan atas dua sebab. Sama ada Yang Berhormat terima atau tidak, saya minta maaf, itu saya tidak boleh menentukannya bagi pihak Yang Berhormat tetapi Yang Berhormat mempertikaikan tentang kadar RM25 itu tinggi agaknya, itu bukan untuk saya memutuskannya sebab ini adalah keputusan ataupun penilaian yang dibuat oleh Jabatan Penilaian dan bukannya oleh Kementerian Pengangkutan, ini bezanya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan-pertanyaan ...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Penjelasan, terakhir. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan yang baru yang rela memutihkan apa yang hitam. Bekas Menteri Pengangkutan tak rela, tak berani untuk kata, Yang Berhormat rela mengatakan di sini bahawa *Letter of Support* adalah berasas, sah. Yang Berhormat bekas Menteri Pengangkutan tidak rela cakap begitu dalam Dewan, dia elak. Syabaslah Yang Berhormat sudah merelakan untuk memutihkan apa yang hitam, bukan karakter Yang Berhormat Menteri.

Bukankah benar, adakah Yang Berhormat Menteri mengisahkan sebenarnya sampai akhir tahun 2006 Kementerian Kewangan tidak tahu bahawa ada empat surat sokongan diberi oleh Menteri Pengangkutan mengenai bon-bon yang diterbitkan oleh Kuala Dimensi dan perlu dipikul tanggungjawab oleh kerajaan.

■1920

Oleh kerana sungguhpun surat sokongan, ia adalah surat sokongan tetapi ia merupakan *implicit government guarantee to the market*.

Kalau Kementerian Kewangan dan Kabinet tidak memikul tanggungjawab itu, akan menimbulkan *crisis of confident*. Bukankah ini benar? Ini dalam mesyuarat Jemaah Menteri dan sebab itu Jemaah Menteri pada tahun lepas, pertengahan tahun lepas, ada buat satu keputusan untuk memberi *retrospective ratification* untuk mengesahkan empat-empat *Letter of Support* ini. Jikalau ini benar, apa Yang Berhormat Menteri kata sini semuanya mengelirukan Dewan yang mulia ini. Kenapa Yang Berhormat Menteri rela buat begitu apabila bekas Menteri Pengangkutan yang terlibat tidak berani buat begitu.

Kedua, bukankah benar sebenarnya *Port Klang Authority* pun rasa bahawa syarat-syarat pinjaman, yang *soft loan* yang kita tahu bahawa bukan RM4.6 bilion semua sudah diberi. Kita tidak tahu. Itu liabiliti kerajaan. RM4.6 bilion sebenarnya tidak patut dipikul oleh kerajaan dan rakyat. Akhirnya ialah rakyat 26 juta rakyat Malaysia; wang yang boleh diberi untuk kebaikan rakyat. Sekarang *Port Klang Authority* rasa bahawa tidak mereka tidak *viable* untuk menerima syarat-syarat yang diberikan pada tahun lalu yang memberi satu tempoh 17 tahun. Mereka sekarang memohon ada satu tempoh yang lebih panjang 25 tahun atau 30 tahun. Sehingga 30 tahun dan kurangkan *interest* dari 4% ke 2%.

Bukan ini lagi contoh bahawa *bail out* bukan ini sahaja RM4.6 bilion tetapi adalah terma-terma *bail out* yang lebih tidak memberi kepentingan rakyat Malaysia.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Sambung sikit menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tidak Kuala Selangor.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Sikit saja.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, saya jawab. Nanti dulu.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Saya pasti Yang Berhormat Menteri sedar untuk Kuala Dimensi *to raise the bonds* memerlukan *support* dan itu merupakan satu sokongan implisit ataupun eksplisit untuk mendapatkan rating yang wajar dan *rates* ataupun *interest* yang rendah. Jadi itu adalah secara langsung sokongan daripada kerajaan dan kerajaan dan kerajaan tidak boleh kata tidak ada sangkut paut dengan seluruh *transactions* tersebut. Tolong Yang Berhormat Menteri jelaskan.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, kalaulah apa yang kita memperlihatkan tadi itu khasnya apa yang didakwa oleh Yang Berhormat Ipoh Timur bukanlah putar belit. Saya tidak tahu apa lagi yang boleh disifatkan sebagai putar belit. Ini kerana, saya tidak pernah cakap bahawa keempat-empat surat itu semuanya boleh diterima sebagai surat sokongan. Tadi Yang Berhormat tidak sabar-sabar. Tidak dengar pun yang saya cakap tadi saya nyatakan bahawa, saya sedia maklum bahawa walaupun surat itu adalah dialamatkan kepada *the credit rating agency* dengan izin dan bukannya kepada Kuala Dimensi dan ia pernah dijawab dalam Dewan ini.

Disifatkan sebagai surat sokongan. Itu pun bukan rahsia besar sebab salinan surat itu pernah juga diserahkan kepada PAC untuk disoal siasat dan sebagainya. Belum ada kesimpulannya. Saya tidak buat kesimpulan. Yang Berhormat, jangan cuba nak mengaburi mata rakyat. Mata ahli-ahli yang lain sebab apa yang saya tidak sebut itu tetap tidak sebut. Saya tidak pernah membuat kesimpulan dan masakan Yang Berhormat boleh membuat kesimpulan bahawa saya putihkan yang hitam. Itu saya rasa menjatuhkan maruah seseorang Ahli Parlimen seperti Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *Retrospective ratification*. Ada yang mengakui? Ada mengakui?

**Datuk Ong Tee Keat:** Saya akan jawab. Saya akan jawab.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Mengapa awak membela penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa ini.

**Datuk Ong Tee Keat:** Saya akan jawab. Sabar. Tidakkannya orang lama yang berumur pun tidak sabar? *[Dewan riuh] [Tepuk]*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tidak sabar mengenai orang yang membela penyelewengan bekas menteri itu. Sebab itu tidak sabar.

**Datuk Ong Tee Keat:** Kalaulah Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Dengar. Dengar dulu Yang Berhormat.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua. Inilah gelagat yang saya rasa cukup kita malu. *[Dewan riuh] [Tepuk]*. Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Membela penyelewengan ialah apa yang kita rasa malu.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Kalaulah, kalaulah katakanlah apa yang didakwa itu adalah benar, tidakkannya sebagai menteri yang bertanggungjawab, bila saya ambil alih tempat ini, portfolio ini, saya sanggup nak mengarahkan pihak LPK melantik pihak profesional, pihak bebas syarikat perakaunan bebas untuk menjalankan siasatannya dan juga..

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat kata mahu buat kenyataan. Nak bongkar siapa. Mana itu kenyataan?

**Datuk Ong Tee Keat:** Yang Berhormat, saya tidak bagi

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Mana itu? Mana itu kenyataan?

**Datuk Ong Tee Keat:** Yang Berhormat, saya tidak bagi jalan pada dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Ipoh Timur, dengar dulu menteri. Dengar dulu. Yang Berhormat dengar dulu. Tidak apa, tidak apa Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *[Menyampuk]*

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tapi jangan memutihkan apa yang hitam. Itulah yang dia buat.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat Ipoh Timur. Dengar dulu dia.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, inilah sifatnya seorang lama. Kononnya orang lama. Bila dia tidak ada fakta yang baru, tidak ada modal yang baru, dialah kena bersikap sebegini. *Shifting the goal posts* dengan izin. *[Dewan riuh] [Ketawa]*. Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Kimanis dan Putatan mengenai polisi kabotaj.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Sudah habis.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Soalan saya tadi Kuala Selangor, menteri.

**Datuk Ong Tee Keat:** Ya.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Rating tadi yang dikatakan tidak ada sokongan daripada kerajaan.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tadi sebenarnya Yang Berhormat menyingkap kembali kepada apa yang saya sebut tadi. Saya kata surat, keempat-empat surat itu sebenarnya yang menimbulkan, menimbulkan pertikaian. Ada pihak yang kata surat jaminan. Ada yang kata surat sokongan. Apa yang pernah dijawab dalam Dewan yang mulia ini pada penggal yang lalu adalah ia merupakan surat sokongan. Saya tadi saya sekadar jawab bahawa surat-surat itu sesungguhnya dialamatkan kepada *credit rating agency* dan bukannya kepada pihak *developer*.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Ini bohong Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana Kabinet menerima. Inilah satu *implicit guarantee*. Itu Kabinet, sebab itu ada *bailout*. Bukankah itu benar.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Kalau tidak rating...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Cabar. Cabar untuk mengumumkan minit-minut Kabinet. Kalau berani.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Kuala Selangor duduk.

**Datuk Ong Tee Keat:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat sangguplah nak ulangi apa yang cakap di sini di luar tanpa perlindungan kekebalan, saya akan tunggu Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Kabinet bahawa inilah *implicit guarantee*.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua. *Speaker Sir, I'm having the floor now...*

**Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** *[Menyampuk]*

**Datuk Ong Tee Keat:** ... *Not Ipoh Timur, behave yourself* dengan izin. *[Dewan riuh]*.  
Tidakkanlah orang lama pun tidak reti?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Menteri, sila Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Ong Tee Keat:** Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua,

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sila, sila Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, saya jawab ya. Balik kepada Kimanis dan Putatan mengenai kabotaj untuk makluman Yang Berhormat. Dasar Kabotaj adalah satu dasar yang diperkenalkan pada tahun 1980. Bertujuan untuk.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Penjelasan, penjelasan.

**Datuk Ong Tee Keat:** Nanti dulu. Belum sebut lagi dah kabur? Untuk membangunkan pemilikan dan pertimbangan syarikat-syarikat perkapalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat duduk.

**Datuk Ong Tee Keat:** Milik hak warganegara Malaysia. Dasar ini menetapkan bahawa pengangkutan kargo dan penumpang di mana-mana perairan Malaysia dihadkan kepada kapal-kapal pendaftaran Malaysia saja. Dalam perhubungan ini Tuan Yang di-Pertua, dasar yang diamalkan adalah satu dasar yang agak liberal berbanding dengan dasar yang sama di negara-negara lain seperti Jepun dan Amerika Syarikat yang menguatkuasakan sepenuhnya dasar tersebut; di mana kapal-kapal asing langsung tidak dibenarkan beroperasi.

Di Malaysia kapal-kapal asing turut dibenarkan beroperasi dalam perkhidmatan domestik melalui mekanisme pengecualian dan dengan memiliki lesen perkapalan dalam negeri.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Bagan.



**Datuk Ong Tee Keat:** Sekiranya terbukti kapal-kapal Malaysia tidak dapat memenuhi permintaan sektor-sektor tertentu.

•1930

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sila Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih Yang Berhormat menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik tentang apa yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat menteri tentang skandal Port Klang *Free Trade Zone*. Ini kerana sama ada Yang Berhormat menteri sedar bahawa sungguh pun surat yang telah diberikan oleh bekas Yang Berhormat menteri dikatakan oleh Yang Berhormat menteri tadi adalah satu surat sokongan.

Jadi adakah Yang Berhormat sedar bahawa sungguhpun ia digambarkan atau dipaparkan sebagai satu surat sokongan. Sebenarnya ia adalah surat *implicit guarantee* kerana kalau diberikan kepada *credit rating* dalam aspek kewangan dan aspek perundangan, ia dianggap bila datang daripada seorang menteri adalah satu jaminan oleh pihak kerajaan. Seperti Yang Berhormat menteri sedar dan boleh rujuk kepada pihak kementeriannya. Jikalau dalam sektor atau dalam urusan syarikat, ada satu undang-undang yang dikatakan *internal management rule* dengan izin. Di mana apa-apa perbuatan yang dilakukan oleh seseorang yang mewakili syarikat itu, sungguhpun dalam perundangan atau peraturan syarikat ini adalah salah tetapi ia akan dianggap oleh undang-undang sebagai sah. *This is a internal management rule has far has corporate is concern. So* dalam aspek ini ia pun serupa dalam pihak kerajaan. Oleh kerana itu *implicit guarantee* ini memaksa kerajaan pusat *bail out*, menyelamatkan projek ini dengan meminta RM4 bilion..

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sayalah pula. Panjang sangat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Sejak itu adakah ini satu *implicit guarantee* yang telah memaksa kerajaan pusat menanggung beban yang begitu besar ini? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat menteri, saya ingat saya dah dengar dah soalan itu tadi.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apa yang saya dah hujahkan tadi itu cukup jelas dan Yang Berhormat cuba hendak meyakinkan saya bahawa kesimpulan dia itu betul. Itu memanglah, *you entitle to your view*, dengan izin tetapi saya sebenarnya saya tak buat kesimpulan. Saya cuma kata pada pandangan pihak kementerian, ini adalah surat sokongan! Sebab ianya tidak memberikan sebarang jaminan kepada pihak yang berkenaan. Itu sudah jelas dan itu pun saya sebelum ini pernah saya cakap bahawa ianya masih lagi *open-ended* dengan izin, untuk disiasat oleh pihak polis, BPR seperti mana yang dikehendaki oleh pihak DAP dan

juga belum ada lagi kesimpulan. Yang buat kesimpulan tergesa-gesa sekarang ini adalah pihak DAP.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Penjelasan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya pula. Yang Berhormat, saya pula.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Pasir Salak dan ...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Penjelasan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Pasir Salak. Tuan Yang di-Pertua, soal *guarantee* ini bagi peminjam yang juga meminjam bilion-bilion ringgit, bukan boleh terima dengan mudah begitu sahaja kecuali orang yang tak reti berniaga, tak pernah berniaga. Nak berlagak dia meniaga. Dia pihak *lender, financial*. Bukan dia boleh terima setakat ...

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Hah, Ini penyokong menteri! Kita duduk sini menyokong kerajaan, bukannya nak menyokong parti pembangkang! So *what's wrong about it?* Dengan izin. Jadi saya nak sebut sini ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tak apa, tak apa Yang Berhormat.

**Datuk Ong Tee Keat:** [*Bangun*] Terima kasih.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sekejap, saya belum habis. Belum sampai dah nak keluar dah? [*Merujuk kepada Yang Berhormat Bagan yang bangun untuk keluar*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tak apa Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Soalnya sekarang ini, surat itu sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat menteri ialah surat sokongan. Surat sokongan *it is a* surat sokongan dengan izin, *is not a guarantee whether is implicit or explicit*, Faham ke tidak? Hah, ini yang masalah, tak faham-faham!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ya, sudah Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Biar saya sambung Yang Berhormat menteri!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Kinabatangan lagi Yang Berhormat, Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, ...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ada hubung kait, ada hubung kait!

**Datuk Ong Tee Keat:** *Excuse me*, sekejap.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ada hubung kait dengan itu, satu kali.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya rasa ramai yang mungkin tak pernah baca surat itu. Surat itu bagi saya pun bukanlah rahsia besar dan itulah sebabnya saya rasa kalaulah nak buat kesimpulan pun, bacalah surat itu. Tak kisah dari pihak mana sekalipun, bacalah dulu. Barulah kita buat kesimpulan tetapi yang saya rasa terkilan dengan apa yang didakwa tadi oleh Yang Berhormat Ipoh Timur sebab beliaulah orangnya yang membuat kesimpulan, yang putar belit dan juga membuat sangkaan yang saya rasa tak setimpal dengan kedudukan beliau.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat menteri, minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Minta penjelasan Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Menteri tidak menjelaskan!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Ong Tee Keat:** Saya tak bagi jalan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tak bagi jalan!

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, saya masih bangun lagi. Saya tak bagi jalan. Tuan Yang di-Pertua, saya masih bangun lagi. Saya masih bangun lagi.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* hari yang terakhir beliau bertugas sebagai Menteri Pengangkutan! Kenapa dia boleh beri surat sokongan? *His last day!* Ling Leong Sik!

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Siapa bagi jalan ini?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *Last day as minister*, kenapa boleh buat surat sokongan? Apa penjelasan? Berani kah Yang Berhormat menteri untuk memberi jawapan?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Macam mana dia boleh rampas .....

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua,

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Hari yang terakhir Ling Liong Sik sebagai Menteri Pengangkutan, kenapa dia boleh buat? Adakah dia ....

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua,

**Datuk Ong Tee Keat:** Datuk Yang di-Pertua, saya belum bagi laluan lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya suruh Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Kuala Selangor, minta tolong duduk dulu.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tak apa Yang Berhormat, Yang Berhormat dah tiga empat kali dah bercakap.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Tidak, kita minta menteri memahamkan kita. Menteri memahamkan Dewan yang mulia ini, apa kedudukan....

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua,

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *[Bangun]*

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, saya tak bagi laluan. Kenapa ini nak mencelah sebegini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Kuala Selangor, duduk dulu!

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Kita minta menteri jelaskan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, *I'm still having the floor*, dengan izin.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, sikit saja.

**Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]:** Sini boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Kuala Selangor!

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, saya nak jawab ini dan saya hendak tegaskan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang lain duduk dulu Yang Berhormat, menteri lagi nak jawab.

**Datuk Ong Tee Keat:** ... Saya nak tegaskan bahawa yang tadi saya cakap itu, bacalah *Hansard* dengan cermat dan saya tak pernah buat satu kesimpulan dan itulah sebabnya saya tak kisah ianya melibatkan mantan menteri ke...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Sekejap, *first letter support!* Jawab, jawab. Yang Berhormat menteri datang untuk menjawab.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Ong Tee Keat:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Ipoh Timur duduk, Yang Berhormat Ipoh Timur duduk!

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baiklah Yang Berhormat Ipoh Timur, duduk. Sila duduk, sila duduk dulu!

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, saya belum jawab lagi. Inilah tindakan liar, perkataan liar ....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Akauntabiliti, jawab. Jangan....

**Datuk Ong Tee Keat:** L.I.A.R, liar! Tuan Yang di-Pertua, saya nak sebut di sini,

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Duduk Yang Berhormat Ipoh Timur, duduk!

**Datuk Ong Tee Keat:** Saya nak buat satu pendirian di sini Tuan Yang di-Pertua, saya dah kata tadi,

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Ipoh Timur sila duduk, Yang Berhormat Kuala Selangor sila duduk dulu.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Saya minta menteri tolong jelaskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Macam mana nak jawab Yang Berhormat kalau menteri pun tak diberi peluang nak bercakap!

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Menteri tak faham soalan saya, menteri tak faham soalan saya.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Yang Berhormat pun tak faham juga!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Duduk Yang Berhormat.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Dia tak akan faham! Tak payah jawab!

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, saya nak tegaskan bahawa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Kuala Selangor duduk, duduk. Yang Berhormat Kuala Selangor, sila duduk.

**Datuk Ong Tee Keat:** Saya nak tegaskan bahawa saya tak kisah ianya membabitkan siapa. Mantan menteri ke ataupun bekas presiden MCA ke, pernah saya cakap di luar dewan bahawa ianya tetap akan disoal, akan disiasat dengan sejelas-jelasnya dan itulah sebabnya tadi saya kata! Namun Yang Berhormat Ipoh Timur nampaknya tidak mahu terima hakikat. Bahawa bila melantik pihak bebas, ianya bermaksud bahawa kita hendak benda ini ataupun kes ini dapat disiasat dengan sebaik mungkin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya ingat Yang Berhormat menteri dah panjang jawab sini. Boleh kita pindah ke perkara lain?

**Datuk Ong Tee Keat:** Baik.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Minta menteri jelaskan, minta menteri jelaskan bagaimana kedudukan surat itu berkenaan bon yang di *raise* oleh Kuala Dimensi di sudut *rating*. Kalau itu jawapan kalau menteri boleh jelaskan sebab itu persoalan Yang Berhormat Ipoh Timur

....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Duduk, duduk Yang Berhormat.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya setakat mana *credit rating agency* itu dapat dipengaruhi atau tidak oleh surat yang berkenaan, ini terbuka untuk disiasat. Ini terbuka untuk disiasat!

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Ini adalah *sovereign rating, sovereign rating!*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Kuala Selangor! Ini bukan pasarliah Yang Berhormat!

*[Dewan riuh seketika]*

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya dapat diteruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sila Yang Berhormat.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menekankan bahawa....

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kawan tak boleh ke? Dari tadi saya minta banyak kali.

**Datuk Ong Tee Keat:** ..Dasar Kabotaj tidak menghalang kapal-kapal daftaran asing daripada menjalankan perkhidmatan perkapalan dari destinasi-destinasi asing terus ke mana-mana pelabuhan di Malaysia dan sebaliknya.

Saya ingin juga menjelaskan bahawa di bawah dasar ini, mana-mana syarikat perkapalan tempatan berpeluang untuk memohon lesen dan akan diluluskan lesen yang dipohon setelah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

■1940

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat bagi Kimanis, ingin saya maklumkan bahawa perkara yang sama telah pun dibangkitkan dalam forum Malaysia Logistic Council dengan izin di bawah Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia ataupun MIDA dan cadangan tersebut sedang diperhalusi oleh Kementerian Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Labuan.

**Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ingin saya menanyakan Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat menyedari yang IMO dengan izin Internasional Maritime Organization telah pun menyarankan untuk tahun 2010 semua kapal-kapal *tanker* yang...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *[Keluar dari Dewan]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Pulangkah?

**Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]:** ... mengangkut *clean product* harus menggunakan kapal *double-hull* yang mana kosnya lebih tinggi dari kapal-kapal *tanker* yang ada sekarang. Yang mana ada sekarang kebanyakan perusahaan-perusahaan perkapalan di Malaysia menggunakan *single-hull* ini adalah untuk mengangkut *clean product* dengan izin iaitu kerosin, *gas oil*, minyak petrol dan lain-lain. Sekiranya ia di *impose*, dengan izin ia akan membebankan dan juga menaikkan kos pengangkutan terutama antara Sabah, Sarawak dan *Peninsular Malaysia*, Semenanjung.

Kalaulah di Singapore telah pun memohon supaya *double-hull requirement* akan dilaksanakan pada tahun 2015, saya rasa saya ingin menanyakan kepada Yang Berhormat menteri adakah kementerian akan mengimpose *requirement double-hull tanker* akan dilaksanakan pada tahun 2010. Biasanya kalau boleh biarlah kita *extend* sampai 2015 untuk memudahkan pemilik-pemilik kapal di Malaysia menjalankan operasinya dengan menggunakan *single-hull tanker*, terima kasih.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Labuan. Sesungguhnya Yang Berhormat membangkitkan sesuatu yang agak relevan.

Suka saya hendak maklumkan Yang Berhormat bahawa selama ini apa yang kita amalkan bukan sahaja kenalah sejajar dengan IMO ataupun International Maritime Organization dan peraturan-peraturan IMO, malahan kita kena juga pastikan bahawa dasar yang kita laksanakan itu tidak ketinggalan zaman dan ianya terus memberikan kita *the competitive age* atau daya persaingan yang sewajarnya. Secara spesifiknya mungkin Yang Berhormat bagi Labuan, saya akan maklumkan kepada Yang Berhormat nanti.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sepanggar membangkitkan isu mengenai perlesenan bot nelayan. Ingin saya nyatakan bahawa Jabatan Laut Sabah memang dari dahulu lagi telah melesenkan bot-bot perikanan di Sabah di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar tahun 1960. Jabatan Laut Sabah tidak mengeluarkan permit menangkap ikan dan tidak terlibat dalam pengeluaran permit bagi alat-alat menangkap ikan di mana ianya dilakukan Jabatan Perikanan Sabah. Dalam pada itu Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah pula bertanggungjawab melesenkan bot-bot tradisional iaitu bot-bot kecil yang digunakan untuk menangkap ikan.

Berhubung perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Labuan mengenai sistem pengangkutan feri antara Pulau Labuan dan Sabah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, ketika ini hanya sebuah syarikat sahaja yang telah pun diluluskan oleh Kerajaan Sabah untuk mengendalikan perkhidmatan Ro-Ro feri bagi pengangkutan penumpang dan kenderaan di antara Labuan dan Menumbok Sabah iaitu syarikat Labuan Ferry Cooperation Sdn. Bhd. Perjanjian tersebut berkuat kuasa sehingga 20 Jun 2010. Memang benar bahawa pada ketika ini syarikat tersebut hanya menyediakan sebuah feri sahaja iaitu Feri Wawasan Perdana. Prestasi perkhidmatannya walau bagaimanapun didapati bertambah baik terutamanya dari aspek

keselesaian dan keselamatan di mana feri berkenaan menjalankan pemeriksaan atas galangan tahunan atau *annual docking* dengan izin untuk memperbaharui sijil penumpang atau *passenger certificate* dengan izin.

Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Pengangkutan akan sentiasa memantau rapi akan perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat tersebut agar ianya akan dikendalikan mengikut piawaian-piawaian yang telah ditetapkan bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada penggunaanya. Kementerian juga telah meminta Syarikat Labuan Ferry Cooperation untuk mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi meningkatkan lagi mutu perkhidmatan feri antara Labuan-Menombok.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu kenderaan cermin gelap yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pendang, Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ataupun MITI telah bekerjasama bagi menangani masalah pengimportan kenderaan cermin gelap.

Sebarang AP yang dikeluarkan oleh MITI sesungguhnya perlu juga tertakluk kepada peraturan ataupun undang-undang semasa. Dalam hubungan ini, kementerian menguatkuasakan peraturan cermin gelap melalui kaedah-kaedah kenderaan bermotor khususnya larangan mengenai jenis-jenis kaca tertentu tahun 1991. Walau bagaimanapun, masih terdapat pengimport-pengimport kenderaan yang menggantikan cermin cerah dengan cermin gelap selepas lulus peperiksaan PUSPAKOM dan pendaftaran di JPJ. Ini jelas menyalahi peraturan di bawah kaedah-kaedah kenderaan motor tahun 1991 dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua minggu bagi kesalahan pertama dan denda tidak melebihi RM1000 atau penjara selama tidak melebihi sebulan atau kedua-dua sekali bagi kesalahan berikutnya.

Berhubung dengan saranan Yang Berhormat bagi Jasin supaya kerajaan mempercepatkan lagi liberalisasi sektor penerbangan negara di kalangan negara-negara ASEAN terutamanya dalam penerbangan di antara Singapura dengan lapangan-lapangan terbang lain selain KLIA seperti Singapura-Pulau Pinang, Singapura-Kota Kinabalu, dan Singapura-Kuching. Adalah dimaklumkan bahawa syarikat-syarikat penerbangan dari Singapura telah mengadakan perkhidmatan ke lapangan-lapangan terbang yang lain selain dari Kuala Lumpur. Sebagai contoh Syarikat Penerbangan *SilkAir* mengadakan perkhidmatannya ke Langkawi, Bandar Kuching, dan Kota Kinabalu dari Singapura.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan saranan mempercepatkan lagi liberalisasi sektor penerbangan negara adalah dimaklumkan bahawa pengangkutan udara di kalangan negara-negara ASEAN adalah tertakluk kepada ASEAN *Route Map For Integration of Air Travel Sector* dengan izin ataupun pendeknya *ASEAN Route Map* yang telah dipersetujui di kalangan negara-negara ASEAN. Berdasarkan *route map* ini syarikat-syarikat penerbangan di



kalangan negara-negara ASEAN boleh mengadakan perkhidmatan tanpa had bagi hak trafik ketiga dan keempat ke ibu negara ASEAN mulai Disember tahun ini.

Manakala perkhidmatan tanpa had bagi lapangan-lapangan terbang antarabangsa ASEAN, bagi hak trafik ketiga dan keempat, menjelang tahun 2012. Sedangkan mulai tahun 2015, adalah dimaklumkan perkhidmatan tanpa had bagi semua lapangan terbang di seluruh rantau Asia.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat bagi Kepong bangun Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Yang Berhormat pada akhir-akhir ini timbullah masalah kerana apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi di antara MAS dan AirAsia dan Yang Berhormat pun ada mengaturkan pertemuan dengan kedua-dua pihak. Apakah sebenarnya berlaku sama ada MAS itu betul ataupun AirAsia itu betul ataupun kedua-dua pun tidak betul.

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan sedikit, sama, sama.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Duduk Yang Berhormat, Menteri hendak jawab soalan Yang Berhormat bagi Kepong dahulu.

**Datuk Ong Tee Keat:** Biar saya jawab dahulu. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat bagi Kepong sebenarnya apa yang saya sifatkan sebagai persaingan tambang di antara kedua-dua pihak iaitu AirAsia dan MAS sesungguhnya merupakan satu keputusan perniagaan dan bukannya sesuatu yang ditentukan atau pun dipengaruhi oleh pihak kementerian, ini yang pertama yang saya hendak tegaskan.

■ 1950

Sama ada kedua-dua pihak atau pun salah satu pihak yang bersalah saya rasa kalaulah kita hendak tuding jari itu bukan caranya. Apa yang sebenarnya berlaku adalah pihak MAS bila menawarkan *zero fare* ataupun tambang sifar sesungguhnya ianya adalah terhad kepada kuota yang tertentu bagi sektor yang tertentu khasnya tempat-tempat kosong ataupun tempat-tempat yang tiada pelanggan yang kadangkala dianggap sebagai *unsold seats* dengan izin itu sahaja yang berlaku. Tetapi dengan berbuat demikian sedia maklumlah ianya sedikit sebanyak akan memberikan impak kepada pesaing yang juga salah satu syarikat penerbangan awam di bumi Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Rasah bangun lagi Yang Berhormat.

**Datuk Ong Tee Keat:** Ya, saya bagi Yang Berhormat Rasah dan lepas itu Yang Berhormat Wangsa Maju.

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membetulkan kenyataan Yang Berhormat Menteri tadi. Sebenarnya saranan *open sky policy* di antara Singapore dengan Malaysia ini bukan saranan Yang Berhormat Jasin, saranan Rasah. Saya hendak tanya penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa 'SEA 8' telah dibenarkan terbang di antara Singapore dengan KK dan Kuching dan sebagainya. Persoalan saya ialah mengapa *low cost carrier* yang lain, apakah faktor yang menyebabkan bahawa *low cost carrier* yang lain yang tidak dibenarkan untuk terbang daripada Singapore ke lapangan-lapangan terbang lain seperti ke Penang ke Sabah dan Sarawak kerana saya melihat ini sebagai satu faktor yang sangat strategik kerana kalau kita membuka laluan ini kepada *low cost carrier* ini akan dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi di negeri-negeri yang dibenarkan penerbangan terus ini kerana Singapore ini dia *hub aviation* telah dapat menarik pelancong ke negeri-negeri yang ini seperti Penang, Sabah dan Sarawak dan sebagainya, soalan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Menteri hendak jawab atau bagi Yang Berhormat Wangsa Maju dulu.

**Datuk Ong Tee Keat:** Ya, Yang Berhormat Wangsa Maju

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa masalahnya antara MAS dengan Air Asia ialah mengenai dengan iklan *zero fare* ini. Sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak bahawa iklan-iklan sekarang ini yang dikeluarkan di dalam surat khabar sekarang oleh Air Asia, dua muka surat kadang-kadang tiga muka surat di mana menentukan atau iklannya mengatakan *air fare* RM9.90, padahalnya bila kita masuk di dalam laman webnya harganya RM150 atau RM180. Ini telah boleh dikata *misleading* dengan izin, orang awam dan di Singapura sekarang ini kerajaannya telah menghalang iklan yang sedemikian. Kita mesti perlulah ada satu *one fare system*, di mana kita iklan dalam surat khabar atau di mana-mana, itulah harga untuk orang awam. Itulah kita boleh menjaga kepentingan orang awam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Sama ada kementerian akan ambil tindakan untuk menghalang iklan-iklan yang sedemikian di mana tidak menunjukkan harga yang sebenarnya, satu. Kedua mengenai dengan Air Asia saya juga ada bertanya beberapa soalan mengenai soalan mengenai dengan hutang-hutang Air Asia kepada MAB. Di mana Yang Berhormat mengatakan Air Asia cuma hutang kepada MAB - Malaysia Airports Holding Berhad RM5.4 juta sahaja, itu memang tidak benar. Apa yang benar ialah RM5.4 juta ini untuk hutang daripada FAKS, anak syarikat Air Asia sahaja tetapi yang sebenarnya Air Asia yang hutang kepada MAB ialah RM80 juta, benar atau tidak?

Air Asia juga hutang kepada Petronas RM20 juta dan satu lagi itu mengenai dengan subsidi yang beri kepada Air Asia RM60 juta untuk *rural air services* di Sabah dan Sarawak. Di mana dalam satu tahun itu orang Sabah, pemimpin Sabah dan juga MP-MP di Sabah telah buat aduan berbagai-bagai-bagai aduan terhadap *services FAX* ini di mana akhirnya di kasi balik kepada MAS. Yang Berhormat mengatakan RM60 juta subsidi tidak payah dibayar, tidak apa. Yang amat penting itu ialah itu ada kapal terbang, tujuh kapal terbang Fokker flying ship semasa *rural air services* itu diberi kepada Air Asia, MAS beri kepada kapal terbang ini, tujuh kapal terbang ini dalam keadaan yang baik. Tetapi yang bila tujuh buah kapal terbang ini diberi balik kepada MAS, apakah kejadiannya? Satu telah *cannibalized* yang enam lagi *unworthy* tiba-tiba MAS perlu menggunakan wang RM35 juta untuk membaiki kapal terbang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Wangsa Maju dah panjang cerita Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Saya hendak ini yang penting sebab...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya tahu penting Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Saya hendak tanya Yang Berhormat sama ada Yang Berhormat bersetuju atau tidak kerajaan telah memberi subsidi pula RM30 juta lagi. So, jumlah subsidi yang diberi kepada Air Asia untuk *rural services* ini adalah lebih kurang RM95 juta kepada Air Asia. Apakah tindakan kementerian akan ambil terhadap Air Asia. Satu mengenai RM30 juta membaiki kapal terbang itu, yang kedua, wang-wang yang dihutang oleh Air Asia kepada MAB. Bilakah MAB mengambil tindakan *recover* dengan izin wang-wang tersebut terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Sambung sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tidak payah Yang Berhormat, panjang soalan Yang Berhormat Wangsa Maju

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Soalan pendek.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Dengar Menteri punya jawapan.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Yang Berhormat Wangsa Maju hendak berucap tapi saya bagi peluang juga tapi secara ringkasnya saya hendak jawab ya Yang Berhormat Wangsa Maju. Saya jawab Yang Berhormat Wangsa Maju dulu sesungguhnya soal pengiklanan itu saya bukanlah hendak membela sesiapa tapi kalaulah ada misal kata salah laku yang kita syak ada salah laku bolehlah Yang Berhormat bawa kepada pihak kementerian ataupun demi kepentingan *consumer* bolehlah dibawa kepada tribunal yang berkenaan. Nanti Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Saya kata *misleading* oleh kerana RM9.90 sedangkan bila kita masuk .....

**Datuk Ong Tee Keat:** Faham tu..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Wangsa Maju, saya hendak dengar Menteri jawab. Saya pun minat dengan ini sebab dia kata zero fare padahal kita kena bayar minyak bayar macam-macam lagi, sila Yang Berhormat.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tidak, Tuan Yang di-Pertua sebenarnya zero fare itu MAS bukan Air Asia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Kalau Air Asia pun buat macam itu juga Yang Berhormat, sila Yang Berhormat.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tapi berbalik pada soalan Yang Berhormat Wangsa Maju tadi suka saya hendak maklumkan Yang Berhormat juga ketagih kepada perkataan ataupun istilah subsidi dan kalaulah ada misal kata butiran *services* sedemikian rupa saya memang sanggup menerima apa yang boleh diberikan oleh Yang Berhormat supaya saya sebagai Menteri baru atas portfolio ini saya boleh mengkajinya supaya apa yang pernah berlaku sebelum ini dapat dikuasai dengan seelok mungkin. Dapat ditangani dengan seelok mungkin, ini satu dan Yang Berhormat Rasah tadi minta maaf tadi sebab...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Wangsa Maju Yang Berhormat.

**Datuk Ong Tee Keat:** Ya, lupa satu perkara dan subsidi itu satu saya dah jawab...

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Untuk membaiki kapal terbang.

**Datuk Ong Tee Keat:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bangkitkan perkara ini dan saya sendiri akan siasat apa Yang Berhormat bangkitkan tadi tu. Yang Berhormat juga menyoal tentang hutang tapi biasanya Yang Berhormat bila kita menyentuh hutang piutang ini kenalah ada pecahannya. Tapi Yang Berhormat tadi bagi angka itu pun nampaknya itu pun berbeza lagi. Sesungguhnya saya sekali gus saya hendak jawab persoalan yang sering kali dibangkitkan oleh Yang Berhormat Wangsa Maju.

#### ■ 2000

Jumlah hutang Air Asia kepada Malaysia Airport Holding Berhad ataupun MAHB untuk perkhidmatannya semenjak tahun 2002 hingga 31 Mac tahun ini di semua lapangan terbang negara kita adalah RM110,355,785. Di semua lapangan terbang. Ini cukup jelas. Tak payahlah Yang Berhormat nanti pertikaikan lagi mana yang tak ambil kira dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Wangsa Maju duduk dulu Yang Berhormat. Belum habis menteri menjawab lagi. Menteri belum habis menjawab Yang Berhormat.

**Datuk Ong Tee Keat:** Setahu saya, ini masih lagi tertunggak sebab pihak Air Asia tidak setuju dengan kadar yang dikenakan dan minta kadar yang rendah dapat diterima. Inilah satu-satunya pertikaian yang sekarang ini telah pun dibawa kepada Kementerian Kewangan untuk penyelesaian ini. Jadi Yang Berhormat tanya tadi apa kesudahannya? Jadi saya jawab di sini ianya telah pun dibawa kepada Kementerian Kewangan untuk penyelesaiannya, mencari penyelesaiannya.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Minta penjelasan sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Kenapakah Kementerian Pengangkutan pada 13 Mei 2008 dalam satu soalan yang saya tanya secara lisan bahawa berapakah Air Asia, inilah soalan saya, adakah Air Asia telah membayar balik subsidi sebanyak RM60 juta kepada Air Asia dan telah juga membayar semua hutangnya kepada Malaysia Airport Holding Berhad.

Jawapan di sini adalah, "Oleh yang demikian, mana-mana operator mengendali operasi RAS ini akan disubsidi sepenuhnya oleh kerajaan dan subsidi tersebut tidak perlu dibayar balik". Yang penting ini ialah "berhubung dengan hutang Air Asia kepada Malaysia Airport Holding Berhad adalah dimaklumkan bahawa pihak Air Asia masih mempunyai hutang sebanyak RM5.4 juta dan ini adalah dalam proses pembayaran". Bukankah ini satu untuk mengaburkan Ahli-ahli Parlimen dan mengaburkan negara kita? Kenapakah wang negara kita perlu diberi subsidi kepada sebuah syarikat swasta? Di kawal oleh Tony Fernandez dan menantu orang tertentu? *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya apa yang dibangkitkan, yang dipetik tadi oleh Yang Berhormat Wangsa Maju, sesungguhnya merupakan sebahagian yang masih dipertikaikan. Sebahagian tunggakan yang dipertikaikan. Sedangkan apa yang saya jawab tadi, jelaskan tadi itu adalah jumlah besar, jumlah besar hutang Air Asia di semua lapangan terbang dan bukannya di mana-mana sektor sahaja. Ini satu dan saya, Yang Berhormat tadi kalaulah saya hendak mengaburi mata, takkanlah saya hendak bagi. Saya bagi ini pecahan kalaulah saya hendak baca satu demi satu banyak lagi tapi jumlah besar itu memadailah.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** *[Bangun]*

**Datuk Ong Tee Keat:** Nanti dulu Yang Berhormat ya. Saya beralih kepada Yang Berhormat Rasah tadi. Yang Berhormat Rasah memanglah beranggapan bahawa ada untungnya kalaulah kita dapat membenarkan penerbangan dari Singapura, di antara Singapura dengan destinasi-destinasi yang lain di Malaysia. Kita tidak menyangkal bahawa ini benar tetapi dalam pada itu seperti yang saya sebutkan tadi ianya juga, ianya juga tertakluk juga kepada protokol yang tertentu. Apa yang pernah saya jawab tadi itu menjelang tahun 2012, adalah dijangka bahawa penerbangan di antara bandar raya-bandar raya yang bukan ibu negara Asia

akan dapat kita laksanakan dengan sepenuhnya. Itu adalah sebahagian ataupun adalah sesuatu yang sejajar dengan Asia *route map* yang saya bangkitkan tadi. Tuan Yang di-Pertua...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** [*Bangun*]

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Hendak minta penjelasan sedikit.

**Datuk Ong Tee Keat:** Nanti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tunggu Yang Berhormat, tunggu Yang Berhormat.

**Datuk Ong Tee Keat:** Nanti. Ya, saya beri Kuala Selangor.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Dalam perkara persaingan yang sedang berlaku antara Air Asia dengan MAS. Saya selesa dan saya senang melihat bagaimana penyelesaian *free market*, pasaran bebas ini ataupun kerana ia merupakan juga pandangan Ibnu Khaldum, *believe in the free market*. Saya tidak perlu mengingatkan menteri bahawa MAS adalah sebuah *carrier* yang bersifat *full service carrier* (FSC) dengan izin dan juga Air Asia itu LCC (*Low Cost Carrier*). Dengan ramalan Yang Berhormat Menteri bahawa harga ataupun *all prices* akan melonjak kepada USD154 dalam waktu yang terdekat ini, tentunya akan meninggalkan kesan yang berbeza kepada MAS. Setiap RM1 peningkatan, MAS kerugian 50 *million bottom line* nya. Sementara Air Asia baru mengalami 10 juta kerugian *bottom line* nya.

Persoalan saya, sementara persaingan ini adalah sihat, apakah Yang Berhormat Menteri dalam tindakannya tidak akan memberikan apa jua *advantage*, *deferential advantage* khususnya kepada satu sistem penerbangan ataupun LCC Air Asia itu *in particular* dengan izin, berbanding dengan *national carrier* yang sepatutnya perlu juga kita lindungi dalam beberapa segi. Apakah tindakan kementerian yang akan mengelakkan LCC mendapat *advantage* yang dihalang oleh kerana beberapa peraturan? Kalau boleh Yang Berhormat Menteri perjelaskan? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ringkaskan penjelasan.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pihak kementerian tak menghalang kedua-dua syarikat penerbangan yang berkenaan bersaing selagi persaingan itu adalah sihat. Saya pernah kata, kalaulah persaingan itu merupakan persaingan '*cut throts*' dengan izin, maka ianya akan merugikan kedua-dua pihak. Beralih pada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu harga minyak yang semakin melambung naik. Itu memang satu-satunya yang mengganggu-gugat keadaan semasa dan itu terpulang kepada kedua-dua pihak supaya mereka, merekalah pihak pengurusan kedua-dua syarikat ini yang bertanggungjawab untuk memastikan bahawa operasi mereka ini adalah berdaya maju dan pihak kementerian hanya boleh memantau.

Kita tak boleh masuk campur sekiranya kedua-dua pihak ini bersaing secara sihat.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Persoalannya menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ya Yang Berhormat.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Bukan persoalan, persoalannya itu bukan persoalan - persaingan itu cukup sihat. MAS datang dengan *zero fare*, Air Asia dengan *sub-zero fare*. Itu akhirnya akan baik kepada pengguna. Persoalannya, apakah akan ada kekangan yang mana Air Asia mendapat *advantage* itu, sementara *national carrier* itu dia terhalang dari segi peraturan ataupun dari segi kekangan ataupun boleh dikatakan sebagai kekangan itu.

**Datuk Ong Tee Keat:** Sebenarnya tidak.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** *Right to...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, jangan berdialog Yang Berhormat ya.

**Datuk Ong Tee Keat:** Sebenarnya tidak Tuan Yang di-Pertua. Sebab seperti mana yang disebutkan tadi. Satu *full service carrier* dan satu lagi LCC (*Low Cost Carrier*). Kedua-duanya bukanlah dalam kategori yang sama dan kedua-duanya sepatutnya tiada sebarang masalah yang timbul sekarang. Sama ada terdapat kekangan atau tidak, jawapan saya tidak.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** *[Bangun]*

**Datuk Ong Tee Keat:** Tiada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Kota Melaka.

**Datuk Ong Tee Keat:** Kementerian tidak memihak kepada sesiapa. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan sebab saya beralih kepada Yang Berhormat Wangsa Maju sekarang ini.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** *One short question.*

**Datuk Ong Tee Keat:** Nanti dulu Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Duduk Yang Berhormat.

**Datuk Ong Tee Keat:** Yang Berhormat Wangsa Maju telah mencadangkan supaya satu *open sky policy* dengan izin diadakan di Malaysia supaya lebih banyak syarikat penerbangan boleh menjalankan perniagaan mereka berdasarkan konsep tambang murah. Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia sememangnya menawarkan perjanjian berbentuk *open sky* dengan izin kepada semua negara asing. Walau bagaimanapun, penerimaan tawaran ini adalah tertakluk kepada kesediaan negara-negara tersebut.

■2010

Setakat ini kita telah mengadakan perjanjian berbentuk *open skies*, dengan izin, dengan beberapa buah negara seperti Amerika Syarikat, Emiriah Arab Bersatu, negara-negara Scandinavia, New Zealand, Yemen, Austria dan Taiwan. Perjanjian berbentuk *open skies* ini

membenarkan syarikat penerbangan kedua-dua buah negara mengadakan perkhidmatan tanpa had kapasiti, frekuensi dan jenis pesawat yang ingin digunakan.

Mengenai persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Machang mengenai kesan akibat pembinaan Lapangan Terbang Tioman...

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Boleh minta penjelasan, Yang Berhormat? Yang Berhormat Menteri mengatakan mengenai dengan *open sky policy* ini, soalan saya ialah yang pentingnya *open sky policy* ini mesti juga diberi kepada MAS, di mana MAS diberi peluang untuk melaksanakan satu *low cost carrier* seperti di Singapura. Singapore Airlines juga ada dia punya *low cost carrier* iaitu Tiger Airlines, tetapi di sini MAS tidak diberi peluang untuk *low cost carrier* dan juga *open sky policy* ini tidak diberi kepada orang lain. Apa yang Yang Berhormat beritahu saya dalam soalan ini tidak benar juga, kata tidak ada orang meminta menjalankan satu penerbangan *low cost carrier* ini, sedangkan ada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Baik, Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** ... Asmara Airlines telah minta permohonan tetapi tidak diberi kebenaran, yang pertama.

Yang kedua, Yang Berhormat juga tahu bila kita ada satu *open sky policy* ini, memang ada banyak *low cost airlines* juga akan masuk ke Malaysia dan juga Yang Berhormat sedia dimaklumkan, bahawa di Amerika kita sudah nampak Skyways dan Aloha telah bankrap dan baru-baru ini di Hong Kong, Oasis juga bankrap, *right?* Di India juga *low cost carrier* ini – semua ini *low cost carrier* – di India juga ada masalah tiga atau empat syarikat *low cost carrier* dalam keadaan masalah kewangan.

Air Asia juga terlibat dalam *oil hedging* dalam harga dalam USD82 *per barrel*, *their hedge*. So, sekarang ini *oil hedges* sampai USD120 kalau tidak salah. Saya rasa sudah *trigger*. Soalan saya ialah kalaulah Air Asia dalam keadaan masalah kewangan atau bankrap, sama ada kerajaan akan *bail out* Air Asia pula, disubsidi pula untuk *bail out* Air Asia. Itulah soalan saya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Menteri, saya ingat ringkaskan jawapan.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya itu andaian Yang Berhormat. Itu pun andaian yang *hypothetical*, dengan izin, dan satu lagi Yang Berhormat menyarankan seolah-olah MAS ini dianaktirikan. Sebenarnya tidak. *Open skies policy* ini sebenarnya apa yang saya sebutkan tadi itu MAS sebagai *national carrier*, dengan izin, tidak pernah dikecualikan dan itu pun....

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** [Menyampuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Wangsa Maju, dengar jawapan dulu.



**Datuk Ong Tee Keat:** Ya. Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya beralih kepada Yang Berhormat Machang, sesungguhnya tidak betul juga kalau Yang Berhormat menyatakan bahawa di sini kita tidak benarkan syarikat penerbangan yang lain, *low cost carrier* yang berurusan dengan kita sebab kita sedia maklum bahawa selain daripada apa yang sedia ada, sesungguhnya ada juga Tiger Airlines, misalnya yang berurusan dengan kita dan ini secara ringkaslah saya boleh jawab Yang Berhormat, sebab kalaulah ada Yang Berhormat tetap minat dalam topik ini, saya sanggup maklumkan Yang Berhormat dengan lebih jelas lagi.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Minta penjelasan.

**Datuk Ong Tee Keat:** Mengenai persoalan...

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Minta penjelasan.

**Datuk Ong Tee Keat:** ...yang dibangkitkan oleh Machang..

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh minta sedikit penjelasan?

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya ingin hendak tanya tentang *open air policy* ini sebab di Melaka, lapangan terbang telah dinaiktarafkan dengan berbelanja berjuta-juta wang, saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri apa yang telah dirancang oleh *airlines* atau *national carrier* atau lain-lain LCC yang akan ke Lapangan Terbang Melaka sebab saya ingat jika belanja berjuta-juta, semestinya sudah ada buat perancangan yang teliti. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Baik, Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Yang Berhormat Kota Melaka mungkin beliau samar-samar tentang peranan yang dimainkan oleh pihak MAB, misalnya, pihak pengurusan *airport*, dengan izin, dan juga *carrier* atau syarikat penerbangan. Sebenarnya Lapangan Terbang Batu Berendam, Melaka itu belum siap lagi dan apa yang Yang Berhormat tunjuk minat itu sesungguhnya sudah tentu akan ditangani. Belum lagi kita hendak sampai ke tahap itu. Saya maklumkan kepada Yang Berhormat sedemikian rupa.

Berbalik kepada Yang Berhormat Machang, atas kesan akibat pembinaan Lapangan Terbang Tioman dari sudut biologi dan fizikal terhadap Pulau Tioman, adalah dimaklumkan bahawa lapangan terbang sedia ada mempunyai kekurangan seperti berikut:

- (i) kawasan pendaratan di lapangan terbang yang disediakan tidak memenuhi sepenuhnya keperluan galangan seperti mana yang dikehendaki oleh International Civil Aviation Organization, dengan izin, memandangkan terdapat bukit di hadapan dan di belakang landasan terbang;
- (ii) pembesaran atau pemanjangan landasan tidak dapat dibuat untuk menampung pesawat yang lebih besar, iaitu Boeing 737 tanpa

melibatkan kos yang tinggi dan pengambilan semula sebahagian daripada kawasan Kampung Tekik.

Pada ketika ini, kemasukan pelancong ke pulau ini agak terhad disebabkan oleh keupayaan lapangan terbang sekarang yang hanya mampu mengendalikan pesawat Dash7, dengan izin, dengan kapasiti penumpang sebanyak 50 orang sekali penerbangan. Keadaan bertambah sukar apabila musim tengkujuh, di mana perhubungan melalui jalan laut dihalang sama sekali akibat pukulan ombak besar.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, lapangan terbang lebih besar akan membolehkan hubungan udara ke destinasi baru di luar negara dan seterusnya meningkatkan aktiviti pelancongan. Di samping itu, juga dijangka dapat membantu dalam pembangunan jangka panjang Pulau Tioman. Adalah juga dimaklumkan bahawa kajian terumbu yang dijalankan mendapati hanya kurang daripada 10% terumbu yang perlu dialihkan, di mana kementerian sedang mengambil langkah untuk memindahkannya.

Di samping itu dalam melaksanakan projek ini, kementerian juga mengambil beberapa langkah yang perlu untuk memastikan alam sekitar terus terpelihara dan ini termasuk *sand source study*, dengan izin, *analysis of grains*, dengan izin, kajian impak sosial dan kajian geologi dan kajian-kajian ini perlu disediakan seperti mana yang dikehendaki oleh pihak Jabatan Alam Sekitar sebelum mendapat kelulusan dari *Environment Management Plan*, dengan izin.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Rantau Panjang ini, berhubung perkara yang sama ke?

**Tuan Saifudin Nasution bin Ismail [Machang]:** [Bangun]

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Berhubung dengan pemanjangan landasan kapal terbang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Di mana ini?

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Di Lapangan Terbang Pengkalan Chepa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, ini Pulau Tioman, Yang Berhormat.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Tidak apa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Mungkin selepas itu kita pergi ke sana. Duduk dulu, Yang Berhormat.

**Tuan Saifudin Nasution bin Ismail [Machang]:** Yang Berhormat, laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Machang hendak bangkitkan soalan yang..

**Tuan Saifudin Nasution bin Ismail [Machang]:** Yang Berhormat Menteri, pasal Tioman, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sepanggar membangkitkan...

**Tuan Saifudin Nasution bin Ismail [Machang]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Machang bangun.

**Tuan Saifudin Nasution bin Ismail [Machang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya terus terang sedikit keliru dari segi jawapan. Waktu membahaskan ucapan Titah Diraja, saya merujuk secara khusus berkenaan dengan hasil kajian fizikal dan juga kajian biologi oleh Pusat Penyelidikan Maritim Universiti Malaya. Antara lain, gambaran tentang cerita kemusnahan itu bukan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri. Ini bukan hendak alih *coral reef* kerana kerosakan minimum. *Coral reef* ini, Yang Berhormat Menteri, setahun ia tumbuh dua inci sahaja. Hendak alih ini, ia akan menyebabkan kerosakan kekal.

Saya merujuk kepada kajian *numerical* berkomputer hidro dinamik sama ada ianya di kawasan utara pulau, selatan pulau ataupun barat pulau, kesemuanya hasil kajian profesional ini menunjukkan kerosakan yang luar biasa. Faktor *sedimentation* itu menghalang cahaya sampai yang menyebabkan *coral* boleh membiak dengan baik. Sebab itu kalaulah pilihannya itu ialah memanjangkan landasan terbang, Yang Berhormat Menteri ya, saya jadi keliru, ada paradoks di antara program kementerian ini – antara hendak tarik pelancong dengan menyediakan *facilities*.

■ 2020

Saya baca *pamphlet* Pulau Tioman ini. [*Menunjukkan sehelai risalah*] Cukup menarik. Apa daya tarikan di sini? Daya tarikannya ialah *coral reefs*. Kerajaan kena membuat pilihan antara dua kepentingan, menyediakan kemudahan untuk menarik pelancong dengan mengekalkan ekosistem yang sedia ada. Ini persoalan pokok, jangan ada paradoks antara pertentangan. Oleh sebab itu saya perhatikan dengan tidak bermaksud memperkecilkan kesungguhan Yang Berhormat Menteri mempertahankannya itu ialah gambaran yang diberikan itu seolah-olah minimum kerosakan kepada terumbu karang itu. Itu tidak seperti mana yang saya teliti melalui kajian yang sebenarnya dilantik oleh pihak kerajaan sendiri sama ada NAHRIM ataupun oleh Pusat Kajian Biologi ini. Saya fikir Yang Berhormat Menteri harus memberikan fakta yang lebih tepat dan berautoriti dengan tidak mengecilkan faktor yang menyumbang kepada kerosakan alam sekitar yang kekal generasi demi generasi sama ada di Timur, Utara atau Barat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik, Yang Berhormat. Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, sila.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, saya tahu Yang Berhormat cuba hendak membela kepentingan melindungi alam sekitar. Itu memang sifat yang saya rasa positif. Namun

bila saya berhujah tadi saya hanya memberikan sebab musabab kenapa adanya cadangan untuk memanjangkan lagi landasan itu dan itu pun bukanlah sekarang ini kita sudah buat. Kita tidak boleh buat selagi ia belum lagi memperoleh kelulusan daripada pihak *Environment Management Plan*. Itu pun saya sudah sebut. Apa yang berlaku, yang dipetik oleh Yang Berhormat dalam ucapan Yang Berhormat tadi setahu saya, rakan sejawat saya iaitu Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar akan menyentuhnya lebih lanjut lagi sebab beliaulah yang boleh memberikan butir-butir yang lebih lanjut mengenai *coral reefs* ini.

Apa yang saya jawab tadi itu hanya sekadar menjawab apa yang bersangkutan paut dengan bidang kuasa dan bidang tugas kementerian ini. Saya tidak bermaksud dan itulah sebabnya saya rasa kadangkala orang politik ini kalaulah kita ghairah sangat hendak buat kesimpulan, bahaya. Saya hanya menyentuh tentang sebab mengapa ada projek ini, projek ini untuk apa, ada kekangannya. Saya bukannya hendak meniupkan ataupun menegaskan bahawa kita kena tarik pelancong lebih ramai lagi dan sebagainya. Itu memang kita tahu ada kebaikannya. Dalam pada itu kita juga akur tentang lunas undang-undang khasnya yang berkaitan dengan perlindungan alam sekitar. Yang Berhormat tidak perlu hendak meyakinkan saya tentang ini sebab saya rasa saya sudah arahkan bahawa apa sahaja yang kita hendak buat kenalah kita akur kepada lunas undang-undang, tidak kisah apa sekali pun. Itu yang saya pernah sarankan.

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Minta laluan sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Machang, pendekkan sikit.

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya, dalam reaksi saya tadi tidak ada nada politik. Yang Berhormat Menteri menyinggung tentang usaha mengalihkan *coral reefs* dan itu menyentuh hal ini. Oleh sebab itu saya katakan tadi saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri adakah paradoks dalam perancangan program kerajaan di antara pembinaan lapangan terbang dengan pengendalian keindahan semula jadi, tidak ada nada politik. Komen Yang Berhormat Menteri sangat berbau politik. Biar kita berhujah berdasar kepada fakta di hadapan kita. Saya tahu saya akan *reserve* beberapa kenyataan fakta yang bersentuh dengan Kementerian Alam Sekitar, saya tahu limit itu. Saya juga tahu kesungguhan Yang Berhormat Menteri untuk memajukan sektor pelancongan di pulau itu untuk melengkapkan prasarana, saya faham.

Persoalan dasar saya tadi, pokoknya ialah bagaimana mungkin boleh berlaku paradoks, pertentangan antara perancangan dua kementerian dan saya memetik sumber yang berautoriti tanpa ada khilaf politik pun dalam persoalan itu. Jawapan Yang Berhormat Menteri lebih berbau politik sebenarnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik, Yang Berhormat Menteri jawab yang berfakta, jangan yang berbau politik. Terima kasih.

**Datuk Ong Tee Keat:** Yang berbaur politik ataupun tidak itu interpretasi Yang Berhormat. Saya juga berhak membuat interpretasi saya tetapi apa yang saya jawab itu adalah ikhlas, setakat itu sahaja.

Yang Berhormat Sepanggar membangkitkan mengenai kadar tambang pengangkutan udara yang tinggi di Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat syarikat-syarikat penerbangan di Malaysia seperti penerbangan *Malaysia Air Asia*, *Firefly* dan *Air Asia X* menawarkan harga yang kompetitif kepada pengguna. MAS sebagai contoh telah memperkenalkan struktur tambang yang baru bagi penerbangan domestiknya mulai 21 Ogos 2006.

Berdasarkan struktur tambang baru ini MAS telah memperkenalkan MH *Domestic New Special Fare Structure*, dengan izin yang memberikan lebih banyak pilihan kepada pengguna. Sebagai contoh, MAS kini menawarkan enam struktur tambang ekonomi yang berbeza iaitu yang berdasarkan tarikh tempahan yang dibuat. Semakin awal tempahan dibuat maka semakin rendah tambang yang ditawarkan.

Beliau juga membangkitkan tentang isu bahawa KLIA menentang dasar ruang udara terbuka yang dikatakan mengetepikan kepentingan Sabah. Dalam hubungan ini adalah dimaklumkan bahawa kerajaan tidak menolak konsep dasar langit terbuka. Kerajaan pada masa ini telah mengamalkan dasar langit terbuka dengan beberapa buah negara di dunia yang mana menawarkan perkhidmatan tanpa had antara Malaysia dan negara-negara yang terbabit.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada persoalan Yang Berhormat Labuan bahawa tambang yang ditawarkan oleh penerbangan Malaysia pada masa ini bagi sektor Labuan - Kota Kinabalu adalah meningkat sekali ganda iaitu daripada RM70 kepada RM140 sehala dan mencecah sehingga RM225 sehala. Adalah dimaklumkan bahawa tambang RM70 yang ditawarkan oleh MAS terdahulu adalah merupakan tambang bagi perkhidmatan udara luar bandar ataupun *rural air services* (RAS) bagi laluan Labuan - Kota Kinabalu dengan menggunakan pesawat Fokker 50.

Setelah *rationalization*, dengan izin perkhidmatan udara dilaksanakan pada Ogos 2006 yang menyaksikan perkhidmatan udara luar bandar diserahkan kepada Syarikat *Fly Asian Xpress* yang kini dikendalikan oleh Syarikat MAS *Wings*, MAS kini mengendalikan laluan Labuan - Kota Kinabalu menggunakan pesawat *Boeing 737 400*.

Dalam hubungan ini, memandangkan kos operasi pesawat *Boeing 737 400* yang lebih tinggi, kadar tambang bagi sektor ini juga telah diubahsuai mengikut kos operasi pesawat *Boeing 737 400* ini yang mana menawarkan lebih keselesaan kepada penggunanya. Walau bagaimanapun untuk makluman Yang Berhormat Labuan MAS kini menawarkan enam struktur tambang ekonomik seperti mana yang disebutkan tadi dan tambang MAS yang terendah bagi laluan Labuan - Kota Kinabalu ini adalah RM138 pergi balik ataupun RM69 sehala tidak termasuk cukai.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah perkara-perkara yang saya sempat catat dan jawab. Sekiranya masih lagi terdapat cadangan, pandangan dan teguran yang lain saya memang sentiasa sanggup melayan perkara-perkara yang berbangkit. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih. Sekarang saya menjemput Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menjawab. Sila, Yang Berhormat Menteri.

**8.29 mlm.**

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Dr. Ng Yen Yen]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh dan membangkitkan perkara-perkara di bawah tanggungjawab kementerian semasa perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja. Kementerian amat menghargai semua pandangan, saranan, cadangan dan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Kulai mencadangkan supaya sistem kebajikan dipertingkatkan keberkesannya bagi membolehkan golongan miskin dan mereka yang memerlukan menerima bantuan dari kerajaan pada masa yang sepatutnya dan mencukupi. Ahli Yang Berhormat Kulai juga meminta kementerian memberi perhatian khas kepada sasaran tertentu.

■2030

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa memberi perhatian khas kepada lapan kumpulan sasaran termasuk golongan miskin, remaja yang bermasalah, ibu-ibu tunggal, kanak-kanak, warga emas dan orang kurang upaya bagi memastikan kepentingan dan kesejahteraan mereka terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menyediakan beberapa skim bantuan kebajikan kepada mereka yang memerlukan dan berkelayakan iaitu bantuan kanak-kanak, kepada keluarga miskin termasuk ibu tunggal yang menyara anak-anak iaitu antara RM100.00 sebulan seorang. Bantuan orang tua, kepada warga emas dan miskin, sebatang kara dan berumur 60 tahun ke atas iaitu RM300.00 sebulan. Skim Elaun Pekerja Cacat iaitu RM300.00 sebulan kepada orang kurang upaya yang bekerja dan menerima pendapatan di bawah RM750.00 sebulan sebagai satu insentif untuk mereka bekerja. Bantuan alat-alat tiruan sokongan kepada OKU yang memerlukan alat-alat tiruan dan tidak mampu membiayainya sendiri bagi memudahkan pergerakan mereka. Bantuan ini diberikan berdasarkan kepada harga sebenar alat tiruan sokongan dan diberikan sekali gus.

Pada tahun 2007 Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM322,427,000 bagi menyalurkan bantuan kebajikan di bawah kategori bantuan kanak-kanak, orang tua, elaun pekerja cacat, geran pelancaran, bantuan alat tiruan, sokongan

dan bantuan bencana bagi membantu 207,828 orang. Kementerian juga mentadbir 60 buah institusi mengikut kumpulan sasar seperti rumah kanak-kanak, rumah orang tua, rumah pesakit melarat, asrama akhlak, sekolah tunas bakti, pusat pemulihan wanita, taman sinar harapan, bengkel perlindungan OKU, pusat pemulihan pengemis, pusat harian bekas pesakit mental, kompleks penyayang BAKTI.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Titiwangsa bangun. Hendak bagi yang mana Yang Berhormat? Yang Berhormat Rasah.

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin meminta penjelasan sedikit berkenaan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Memang ada banyak bantuan diberikan kepada golongan-golongan sasar, tetapi selalu masalah yang dihadapi di *ground* ialah masalah masa, sistem penyampaian itu. Kadang-kadang ada orang yang dia layak memohon, kena tunggu lima – enam bulan baru dapat bantuan tersebut. Kadang-kadang orang ini betul-betul memerlukan bantuan.

Soalan saya ialah, adakah kementerian menentukan satu *time frame* yang tetap kepada setiap kes yang dipohon kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat, supaya JKM di peringkat daerah itu mengikut *time frame* yang disediakan dan ditetapkan itu, supaya bantuan dapat disalurkan kepada mereka yang betul-betul memerlukan bantuan dalam jangka masa yang pendek. Itu soalan saya.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Terima kasih, biar saya 'ajar' dia dahulu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Rasah sudah tahu. Yang Berhormat Rasah sudah tahu, bahawa saya akan bercakap mengenai persoalan ini.

Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan sistem kebajikan di negara ini, KPWKM sedang mengkaji sistem kebajikan sedia ada secara menyeluruh dan akan melaksanakan beberapa inisiatif baru di bawah program transformasi kebajikan negara dalam sedikit masa lagi.

KPWKM melalui JKM telah mengambil beberapa langkah untuk menambah baik sistem penyampaian bagi membolehkan kumpulan sasar menerima bantuan secara cepat dan cekap, iaitu mengurangkan karenah birokrasi dan mengkaji syarat-syarat pemberian bantuan secara berkala.

Ini termasuklah tindakan-tindakan berikut:

- (i) kelulusan bantuan dipercepatkan melalui penurunan kuasa meluluskan bantuan daripada Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri kepada pegawai kebajikan masyarakat daerah iaitu *decentralisation*, dengan izin;
- (ii) proses penyiasatan dilengkapkan dalam tempoh dua minggu. Menubuhkan tabung bantuan segera dan menyeragamkan tempoh mengkaji semula kes-kes bantuan kepada dua belas bulan bagi semua

skim bantuan berbanding enam bulan bagi sesetengah kes sebelum itu. Juga membuat bayaran bantuan mengikut jadual iaitu menetapkan tarikh bayaran bantuan pada setiap 5 hari bulan dan baucar bayaran disediakan dalam tempoh dua minggu bagi kes-kes penerima bantuan yang baru.

Ahli Yang Berhormat dari Ranau menerangkan supaya...

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tiga Ahli Yang Berhormat bangun Yang Berhormat. Hendak bagi yang mana? Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat Pendang dan Yang Berhormat Titiwangsa.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Yang Berhormat Pendang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pendang.

**Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan kajian semula pemberian bantuan ini, saya dapati ada ramai di antara mereka yang kebiasaannya mendapat bantuan, tetapi apabila pejabat kebajikan mendapat maklumat bahawasanya ada di antara anaknya ataupun sesiapa yang duduk dengan dia telah bekerja, maka Jabatan Kebajikan Masyarakat terus memberhentikan bantuan bulanan yang diberikan. Sebenarnya mereka yang bekerja ini bukanlah boleh *support* ataupun membantu keluarga ataupun mereka yang mendapat bantuan tersebut.

Jadi saya berharap perkara ini tidak akan berlaku lagi. Walaupun ada di antara anak dia itu yang telah pun bekerja, kerana pekerja ini mungkin pekerja kilang, tidak mendapat sumber kewangan yang cukup untuk membantu keluarga. Jadi saya minta kementerian dapat memperjelaskan perkara ini.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Pendang...

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Menteri minta penjelasan sedikit.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Boleh minta jawab, tanya soalan sekali?

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Sama tak?

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Tentang bantuan juga.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Ada sedikit tentang bantuan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Okey, Yang Berhormat Titiwangsa.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan bantuan ini, adakah Yang Berhormat Menteri menyedari bahawa masih ramai lagi kumpulan-kumpulan yang diperkatakan tadi seperti ibu tunggal, keluarga miskin, OKU dan sebagainya masih lagi belum mendapat bantuan dan sebahagian daripada mereka telah menderita bertahun-tahun sebagai ibu tunggal tetapi tidak mendapat bantuan.

Ini adalah kerana mereka tidak berapa tahu prosedur. Yang keduanya juga minta maaf dengan izin, *hassle* hendak pergi ke jabatan, hendak pergi ke pejabat, kemudian mungkin



hendak ini dan sebagainya yang juga memerlukan kos, sedangkan mungkin duit mereka RM5.00, RM10.00 duit untuk tambang teksi itu adalah merupakan mungkin belanja untuk mereka makan sekeluarga pada hari tersebut. Bolehkah agaknya kementerian turun ke lapangan, terutama ke tempat-tempat penempatan misalnya PPR dan sebagainya untuk secara proaktif mencari pihak-pihak seperti ini dan memberi bantuan yang sewajarnya. Terima kasih.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya sedikit tentang bantuan kepada ibu tunggal. Tadi kita telah dijawab. Saya hendak tahu jika seorang ibu tunggal juga dia seorang pesakit, macam kanser atau kena *stroke* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, apakah bantuan tambahan yang telah disediakan kepada ibu tunggal itu?

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Pendang. Memang betul kita ada mendapat laporan yang ada pegawai-pegawai kita yang membuat keputusan sendiri dan tidak mengikut syarat-syarat, seperti yang ada dilaporkan kepada saya mereka pergi ke rumah seseorang, nampak ada peti ais, terus tidak bagi bantuan.

Kita sudah memberikan arahan-arahan yang sangat-sangat tegas iaitu pegawai perlu mengikut syarat-syarat dan jangan mengikut pandangan-pandangan beliau. Seperti juga jikalau ada anak yang bekerja kita ada syarat. Jikalau pendapatan tidak mencukupi untuk menanggung orang tuanya, maka orang tua tersebut perlu mendapat bantuan.

Untuk Yang Berhormat Titiwangsa, kita di kementerian pun memerlukan kerjasama dari semua pihak agar kes-kes yang memerlukan bantuan dari JKM dapat dikesan dan diberikan bantuan.

▪ **2040**

Saya ingin memohon kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat untuk melaporkan kepada JKM jika terdapat kes-kes tertentu yang memerlukan *intervensi* JKM. Ini adalah bagi membolehkan setiap kes dikaji dan dipertingkatkan untuk diberikan bantuan-bantuan yang sesuai. Tuan Yang di-Pertua...

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Sedikit Yang Berhormat Menteri. Agaknya bolehkah membuat permohonan...

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Belum habis lagi, biar saya habis dahulu. Sila duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila duduk Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua, jikalau setiap Ahli Yang Berhormat boleh mengikut inisiatif sendiri mencari kes-kes yang perlu bantuan dan memberikan laporan kepada kita, kita tidak kisah apa latar belakang, agama, bangsa dan lain-lain sejak dia perlu dapat bantuan kita akan memberikan bantuan.

Jikalau kata susah dia keluar daripada pejabat sebab itu tugas-tugas Ahli Parlimen memberikan mereka semangat, bagi kepada kita laporan, Ahli Parlimen datang ke pejabat negeri kita atau daerah kita. Di Malaysia, antara satu pegawai kebajikan mesti jaga 400 pihak yang

perlu dapat bantuan, jika ikut *international standard* satu pegawai jaga 30. Jadi untuk kita semua bekerjasama menentukan siapa yang perlu dapat bantuan, bagi kita laporan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Belud bangun. Di belakang.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia bagi Yang Berhormat Kota Belud.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Yang Berhormat Kota Belud.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri kepada satu kenyataan Yang dibuat oleh Yang Berhormat di Jitra baru-baru ini di mana Yang Berhormat Menteri akan menubuhkan satu unit bergerak yang akan menggerakkan satu program yang dipanggil Program atau Projek Cari-cari.

Saya setelah membaca naskhah surat khabar itu, saya kadang-kadang rasa bingung kerana tujuan untuk mengadakan Projek Cari-cari ini ialah untuk mencari kononnya orang-orang tua yang memerlukan bantuan, ibu-ibu tunggal dan sebagainya.

Yang saya tahu Yang Berhormat Menteri ialah tidak perlu ada unit *mobile* ini kerana saya rasa semua wakil rakyat, Ahli Dewan Undangan dan Ahli Dewan Rakyat ini mempunyai senarai, saya tahu di kawasan saya sendiri sahaja 1,000 lebih senarai anggota-anggota masyarakat, ibu tunggal yang miskin dan sebagainya yang masih lagi mencari jalan untuk mendapatkan bantuan daripada kerajaan.

Saya kira dengan Projek Cari-cari ini, saya tidak mahu kerajaan dilihat hanya batuk di tangga sahaja. Tidak serius sedangkan kita sudah mempunyai senarai jadi saya minta Yang Berhormat Menteri supaya memberi penjelasan apa gunanya Projek Cari-cari ini kalau ahli-ahli wakil rakyat sudah mempunyai jumlah pemohon itu. Terima kasih.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Saya mohon menteri, satu ayat sahaja. Apakah boleh kita selaku Ahli Parlimen membuat permohonan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat, kita sediakan satu hari kumpulkan orang-orang ini dan pegawai datang untuk membuat pendaftaran dan sebagainya. Itu sahaja yang saya ingin tanya.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Terima kasih. Memang boleh dan itu adalah sesuatu harapan kita melalui Projek Cari. Seperti yang dibangkit oleh Ahli Parlimen Kota Belud, di tangan Ahli Parlimen Kota Belud ada 1,000 lebih kes kita dengar tadi. Kita risau, mengapa ada 1,000 lebih kes?. Pegawai kita tidak bekerja kah? Sebab itu kita akan lancar Projek Cari.

Sesuatu inisiatif kementerian melalui semua pegawai kita dan kita akan menjemput Ahli-ahli Parlimen menolong kita dan kita akan tengok kesan program kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Gajah bangun.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Jadi di sini juga, biar saya habis dahulu. Jadi saya harap esok Yang Berhormat Kota Belud bagi saya senarai terus dan saya terus akan mengarahkan pegawai negeri saya terus membuat siasatan mengapa ada 1,000 kes di tangan Yang Berhormat yang tidak diselesaikan.

**Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]:** *[Bangun]*

**Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]:** *[Bangun]*

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]:** *[Bangun]*

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Kepada Yang Berhormat Titiwangsa, memang boleh tetapi Tuan Yang di-Pertua ada orang miskin, ada orang miskin, ada orang miskin. Pada setiap seorang RM700 satu bulan miskin juga, ada sesetengah orang RM1,000 pun miskin juga. Ada bezanya.

Sebab itu kita mesti ada syarat, kita mesti ikut syarat walaupun kita ikut syarat itu saya tadi sudah lapor pada tahun 2007 sejumlah dekat 200,000 penduduk di Malaysia dapat bantuan, sejumlah 300 lebih juta, jadi kita tidak boleh kata, dia sendiri rasa dia miskin, mesti ikut syarat. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi yang mana Yang Berhormat? Yang Berhormat Ampang, Kuantan, Batu Gajah.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Yang Berhormat Ampang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ampang.

**Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya cuma hendak tanya sedikit di sini bahawa bagaimanakah usaha kementerian untuk memperkemas dan meluaskan lagi rangkaian untuk melaksanakan kerja-kerja untuk menyampaikan sumbangan kepada ibu-ibu tunggal dan wanita-wanita dalam kedudukan yang tersepit, cuma saya susah hati kerana syarat-syarat yang telah dikatakan oleh menteri tadi bahawa rangkaian itu ketika ini terhad kepada rangkaian-rangkaian yang berbau politik sama ada mereka itu melalui saluran UMNO, MIC ataupun MCA dan tidak terbuka luas kepada mereka yang memerlukan di luar sana.

Setahu saya di Ampang, apabila saya kaji, saya dapati maklumat yang saya dapat hanya ada 85 orang sahaja ibu tunggal. Itu mengejutkan saya kerana sebesar-besar Ampang itu sudah pasti ada 1,000 lebih ibu tunggal di dalam kesempitan.

Jadi saya minta apakah penjelasan menteri di atas usaha untuk memperluaskan rangkaian ini agar tidak terhad kepada saluran-saluran politik sahaja. Terima kasih.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Dengan izinnya *accusation* ini sangat-sangat bahaya dan saya harap Yang Berhormat Ampang terus memberikan saya bukti, jikalau tidak ada bukti tolong tarik

balik sebab di kementerian kita saya sudah kata kita tidak pilih siapa itu sejak dia perlu dapat bantuan, dia dapat bantuan. Jadi saya bagi Yang Berhormat 24 jam bagi saya bukti, jika tiada bukti, tarik balik.

**Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]:** Saya juga memberi Yang Berhormat.....

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Penjelasan.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Ya, sila.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuantan.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Ya, Yang Berhormat Kuantan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebelah sana pun ada bangun Yang Berhormat Tenggara, Kota Melaka.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Yang Berhormat Kuantan.

**Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Setakat ini saya dapati kerjasama agak baik juga dari pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat cuma mungkin mereka takut apabila kita sebut daripada Keadilan jadi mereka *respons* cepat.

Cuma saya dapati tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa 5 hari bulan di mana tarikh dipastikan bahawa pembayaran dibuat. Saya ada banyak kes malah saya punya fail yang begitu tebal di mana bayaran ini selalunya berlaku *skip month, skip payment* dengan izin.

Maksudnya bulan ini dapat, bulan depan tak dapat kadang-kadang dua bulan tak dapat kemudian dapat dan saya ada banyak kes yang begitu. Mohon Yang Berhormat Menteri beri penjelasan.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya jawab kepada Kuantan, sekali lagi saya Tuan Yang di-Pertua, tunggu 24 jam dari Yang Berhormat Ampang bagi saya bukti siapa itu yang kata sebab politik dan tidak dapat bantuan bagi saya bukti jika tidak, esok tarik balik ucapan itu.

**Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]:** Boleh.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli bangun Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Yang kedua, kepada Yang Berhormat Kuantan. Ahli Parlimen Kuantan, bukan pegawai saya takut PKR, bukan sebab saya di situ arahkan mereka jaga semua orang, bukan jaga kita sahaja, jaga semua sebab itu PKR dapat perkhidmatan yang baik.

Masa dapat perkhidmatan baik kata takut, masa tidak bagi baik kata pilih hati, pilih kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Pilih kasih.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Jangan macam itu. Tidak baik kepada rakyat kita.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat hendak bagi Yang Berhormat Tenggara, Maran.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]:** [Bangun]

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** *Skip payment.* Saya baru bangun. Saya sudah bagi arahan kepada pegawai iaitu menetapkan tarikh bayaran bantuan pada setiap 5 hari bulan sebab kita ada terima rayuan, *skip payment.* Sebab itu kita menjelaskan kita punya sistem bayaran.

■2050

Tuan Yang di-Pertua, saya akan sambung lagi.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** [Bangun]

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tak bagi jalan Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tak bagi sudah, cukuplah.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Ini hendak sokong Yang Berhormat.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]:** Tenggara, Tenggara.

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** [Bangun]

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Yang Berhormat Pasir Mas...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tak bagi Yang Berhormat.

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Tadi tak ada jawapan. Tadi saya tanya ibu tunggal yang sakit.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Okey, okey. Bagi ibu tunggal yang sakit dapat kanser tak kisah jika ibu tunggal atau siapa. Jikalau ada penyakit sesuatu yang teruk, yang *acute*, yang *terminal* dengan izin boleh memohon dari Kementerian Kesihatan. Kementerian Kesihatan ada satu dana khas untuk pihak yang perlu dapat bantuan dan dari kementerian saya JKM kita tidak ada bantuan untuk perubatan.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** [Bangun]

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Yang Berhormat, sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat hendak bagi jalankah Yang Berhormat? Tenggara, Maran, Batu Gajah.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Hendak sokong Yang Berhormat.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]:** Satu lagi Yang Berhormat Menteri, Tenggara.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Ahli Yang Berhormat Pasir Mas juga membangkitkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tak bagi, sila duduk Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** ...Juga membangkitkan mengenai masih ramai golongan orang cacat...

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]:** *Supporting*lah sedikit menteri.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** ...Orang miskin dan ibu tunggal yang tidak menerima bantuan di Pasir Mas. Mana Yang Berhormat Pasir Mas? Ada sini tak?

**Beberapa Ahli:** Tak ada!

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Kasihan. Untuk makluman Yang Berhormat Pasir Mas sejumlah 2,238 penduduk Pasir Mas diberikan bantuan persekutuan dengan jumlah RM3 juta pada tahun 2007. di Pasir Mas sahaja tahun 2007 sejumlah 2,238 penduduk dapat bantuan jumlah RM3 juta.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, ada yang bangun lagi Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** ...Kita di kementerian, sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tenggara.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya hendak bertanya bagaimana kementerian dapat memastikan yang rakyat ini semua tahu tentang semua jenis bantuan yang disediakan oleh kementerian dan adakah masyarakat ini faham tentang mekanisme yang ada di Jabatan Kebajikan dan Masyarakat? Peranan mereka menyediakan dan memberikan kemudahan untuk kumpulan sasar dapat bantuan tanpa sebarang kerenah Tuan Yang di-Pertua kerana ada di antara penerima bantuan ini terpaksa panjat turun pejabat JKM untuk mendapatkan bantuan bulanan. Kata 5hb, bila sampai 5hb datang pegawai kata duit belum sampai. Tambang yang perlu dibayar oleh penerima bantuan ini lebih banyak daripada jumlah bantuan yang patutnya mereka terima. *[Tepuk]*

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, kalau JKM telah berfungsi dengan sepatutnya saya kadang-kadang hairan terfikir dekat kepala otak saya ini macam mana TV3 itu boleh cari dan kenal pasti mangsa-mangsa ataupun penerima-penerima yang berhak mendapat bantuan dan kita yang ada ini tidak mampu untuk berbuat demikian. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Tenggara pun adalah sebagai Exco Johor yang menjaga kebajikan dan wanita dan saya harap dapat...

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]:** Untuk pembetulan Yang Berhormat Menteri saya menjaga kerajaan tempatan dan kesihatan bukan kebajikan masyarakat.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Okey tetapi Exco juga. Jadi saya harap dapat jugalah pandangan selepas ini macam mana Yang Berhormat buat di Johor dan meluaskan kefahaman dan pengetahuan ini kepada semua.

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, hendak bagi Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Kementerian saya...

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Boleh Yang Berhormat, sekali Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Biar saya habis dahulu. Silalah sabar sedikit. Tak akan dua *sentence* tak boleh habis ayat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduk dahulu Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya ada satu talian yang percuma. Talian nombor 15999. Kita sudah lapor beberapa kali di surat khabar dan juga di papan tanda dan juga melalui Ahli-ahli Parlimen dan ADUN. Kita sudah bagi banyak taklimat. Jikalau ADUN dan Ahli Parlimen tak boleh tolong kita, macam mana. Ini adalah kerjasama ADUN, ini adalah tanggungjawab ADUN dan Ahli Parlimen memberikan taklimat yang patut diberikan kepada semua. Tak akan pembangkang tak tahu ini juga? Jika pembangkang tak tahu, kenapa tak tahu? Surat khabar ada. Tak baca surat khabar?

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Yang Berhormat Tenggara ialah dari Barisan Nasional bukan pembangkang.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Bukan, / bukan kata Yang Berhormat Tenggara. / bukan kata Yang Berhormat Tenggara, / kata semua. *Sorry*, maaf. Bukan kata Yang Berhormat Tenggara, semua. Yang kedua...

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Maran mencelah sedikit boleh?

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** ...Sebab ada bangkit perkara naik turun pergilah pejabat kita sebab itu kita buat transformasi perkhidmatan kebajikan.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Reformasi!

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Bagi saya dua bulan. Bagi saya dua bulan. Jikalau dalam dua bulan ada masalah terus tulis kepada saya sendiri *and I will take action against the* pegawai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tuaran bangun Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *Email, email* tak mahu tulis surat.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana proaktif.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Yang Berhormat.

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya dengar Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Siapa, siapa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tuaran.

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Tuaran. Tadi saya dengar penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai dengan bantuan bukan sahaja kepada orang tua, ibu tunggal dan sebagainya tapi juga bantuan kepada pesakit. Jadi ini soalan saya yang khusus mengenai dengan masalah rakyat di Sabah mengenai dengan kes perubatan ini di mana memang kalau kes-kes tertentu di mana pesakit memerlukan rawatan khas *special treatment* di Kuala Lumpur selalunya kalau pesakit kanak-kanak hospital membenarkan ibu atau bapanya mengiringi Yang Berhormat hanya setakat tambang kapal terbang tapi apabila sampai di Kuala Lumpur mereka tidak ada wang.

Jadi saya ingin bertanya di sini sama ada kementerian boleh *extend* sedikit bantuan ini kepada mereka sebab apabila memerlukan rawatan khas di Kuala Lumpur ini mereka tinggal di sini satu hingga dua minggu dan mereka tidak mampu tidak ada wang poket. Ini dari kampung Yang Berhormat. Selalunya kami terpaksa berjumpa untuk memberikan sedikit wang ihsan kepada mereka. Jadi kalau bantuan setakat tiket kapal terbang itu tidak boleh membantu sepenuhnya. Jadi rayuan saya dan pertanyaan sama ada Yang Berhormat boleh *extend* sedikit tak kepada mereka ini. Terima kasih.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua, memang ini adalah satu cadangan yang baik. Bagi saya masa bincang dengan menteri kesihatan sebab ini pada masa sekarang tidak di bawah skop kita tapi macam mana pun apa-apa cadangan yang bagus yang membawa manfaat kepada penduduk kita akan kaji dan ambil tindakan apa yang patut.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** [Bangun]

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** [Bangun]

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** [Bangun]

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Yes.

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Terima kasih, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Gajah.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Yang Berhormat Batu Gajah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu duduk Yang Berhormat Batu. Yang Berhormat Batu Gajah.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya merasa ada harapan perubahan dari aspek pengendalian dan pelaksanaan memberi bantuan kepada mereka yang memerlukannya. Saya ingin tanya sama ada bantuan kewangan kecemasan yang sebelum ini diberi kepada setiap Ahli Parlimen ini akan diteruskan sebab pada penggal yang lalu Ahli Parlimen boleh menghantar permohonan bantuan kewangan kecemasan dalam masa seminggu akan diluluskan. Selepas itu bagi Ahli Parlimen pembangkang sahaja ditarik balik. Apabila saya bertanya mengapa sedemikian mereka beritahu saya sekarang permohonan yang diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat perlu dihantar ke Putrajaya. Saluran yang lain.



Jadi saya ingin tahu apakah akan memulihkannya kembali agar apabila setiap permohonan kami kemukakan peruntukan itu akan diluluskan. Sebab sebelum ini adalah sedemikian. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Boleh jawab sekali Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Maran bangun Yang Berhormat.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Maran. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ucapkan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kerana banyak kerja telah dibuat membantu orang miskin, susah dan sebagainya walaupun ada kelemahan. Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat setakat ini saya kecewa dengan pembangkang asyik hendak menyalahkan Kerajaan Barisan Nasional dan sebagainya sedangkan telah terbukti banyak bantuan telah dibuat.

Saya hendak tanya Yang Berhormat setakat ini kita ada banyak kejadian, malapetaka, ribut dan sebagainya berapa banyak peruntukan yang telah dikeluarkan oleh pembangkang dalam membantu orang-orang yang menghadapi masalah baru-baru ini...

**Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]:** [*Menyampuk*]

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Sebab mereka sebagai Ahli Parlimen juga. Apakah bantuan yang telah diberikan? Minta penjelasan.

**Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]:** Kita hendak *check and balance* kita hendak tanya apakah salah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jerai, Yang Berhormat Jerai duduk Yang Berhormat Jerai. Tak ada ruang untuk mencelah selepas orang mencelah. Silakan menteri. Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua, apa-apa bantuan yang diberikan kepada sesiapa biar orang tua, biar kanak-kanak atau kecemasan kita ada talian kita untuk semua iaitu melalui pejabat kebajikan di sesuatu tempat dan Ahli-ahli Parlimen, ADUN-ADUN tak kisah dari mana parti bila-bila boleh pergi kepada pejabat JKM daerah. [*Tepuk*]

■2100

Jangan kata yang pembangkang tidak dapat. Apa mustahak, bagilah bukti yang betul, senarai yang betul. Jangan bagi orang tahu "*You miskin, you dapat*", ada syarat, jikalau kita bagi sesuatu yang *expectation* tinggi, mestilah dia marah kita. Jika tidak beri betul-betul punya maklumat kepada mereka. Mereka punya pendapatan tidak boleh lebih berapa banyak barulah boleh dapat. Saya risau kita beri *expectation* tinggi kepada rakyat-rakyat kita, dia yakin siapa-siapa yang pergi ke pejabat JKM terus boleh dapat bantuan. Malaysia bukan dengan izinnya a *welfare state*. Belum, *please understand* dengan izinnya. Tuan dan puan-puan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli Yang Berhormat.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]:** Menteri, satu aja sekali. Jawab sekali.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Saya hendak habis jawab dia.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]:** Satu sahaja, nanti jawab sekali.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Nanti, nanti saya lupa. Tidak apa, saya jawab dia dahulu. Bagi Yang Berhormat Maran, saya akan beri secara bertulis. Berapa yang kita beri pada Kelantan, sesuatu negeri yang di bawah pembangkang. Berapa penggal sudah, kita tidak kisah. Pasir Mas sahaja kita beri RM3 juta dalam tahun 2007. Kementerian tidak pilih siapa di bawah, bawah siapa, sesiapa yang perlu, dia dapat. Sila, Yang Berhormat Tenggara.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh jelaskan pada kami semua apa fungsi dan peranan Yayasan Kebajikan Negara. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ini perkara baru Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Yayasan Kebajikan Negara adalah perkara baru, dan saya mohon Tuan Yang di-Pertua beri saya memberi jawapan bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya. Hendak beri mana, Yang Berhormat Batu. Ya Yang Berhormat Batu

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih menteri. Isu tadi yang kita sebut isu *payment* yang bukan sahaja lambat tetapi juga dihentikan. Saya faham, kalau kita bukan satu *welfare state* sekurang-kurangnya saya agak, pegawai kita harus bersifat kebajikan. Kalau kita bukan negara kebajikan tetapi juga harus berkebakjian.

Saya ingin mendapatkan sedikit penjelasan. Apakah alasan pegawai-pegawai ini membuat sesuatu keputusan yang agak *arbitrary*. Bolehkan saya juga memohon menteri supaya kita memberi latihan kepada pegawai-pegawai supaya mereka merasa prihatin kepada kesusahan dan kegelisahan rakyat yang miskin ini. Jangan menganggap mereka hanya pengemis atau orang-orang yang datang untuk minta bantuan itu adalah satu angka, *only the figures or data*. Terima kasih.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Saya banyak susah hatilah. Saya banyak susah hati. You tidak prihatin kepada pegawai-pegawai JKM saya. Saya jemputlah Yang Berhormat datanglah ke pusat-pusat kita, 60 pusat-pusat kita. Yang jaga OKU dan yang jaga perlindungan kanak-kanak, bayi-bayi yang dibuang. Jangan ingat pegawai-pegawai saya tidak ada hati.

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Kita bukan sebut semua.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Jangan, jika hendak sebut beri saya nama.

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Ada satu, dua.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Jika tidak, saya datang kementerian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Biar dia jawab Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Saya ada.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua, biar saya jawab

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Biar dia jawab Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Biar saya jawab.

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Saya ada nama.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Okey, bagus. Itu saya hendak.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Beri nama kepada saya. Semasa saya pergi kementerian, saya sudah kata kementerian ini adalah kementerian yang terus berkait dengan rakyat dan membangunkan wanita, keluarga dan masyarakat. Sesiapa pegawai yang tidak ada hati *where is no heart, doesn't belong to my ministry*. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** ...harus memberi alasan kalau...

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Saya cakap terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Namun, pada masa sekarang, sesiapa yang membangkitkan masalah pegawai saya, sila beri nama kepada saya.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Jika tidak, saya tidak boleh jalankan tugas saya, saya tidak boleh perbaiki. Saya tidak boleh buat apa-apa perubahan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat soalan ini penting.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Teresa Kok ini *you* bukan Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. *You* bukan Tuan Yang di-Pertua. Saya ada mata, *I don't need your help, thank you very much*.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Yang Berhormat Teresa Kok, sila duduk.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Sila duduk, sila duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seputeh duduk.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Sebut kawasanlah bukan nama! Yang Berhormat Menteri pun tidak faham ini.

*[Dewan riuh] [Ketawa]*

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Seputeh. *Sorry*, kita rakan baik sebab itu saya panggil nama *you* tetapi saya terkejut *you* hendak jadi Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Janganlah panggil you Yang Berhormat. Panggillah Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak beri jalan Yang Berhormat. Sudah habis.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Sudah habis, Tuan Yang di-Pertua. Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam. Ini yang suka dengar. Menyentuh mengenai penubuhan Mahkamah Keluarga. Beliau mencadangkan agar Mahkamah Keluarga ditubuhkan bagi memudahkan isteri-isteri yang miskin datang ke mahkamah untuk mendapat bantuan. Mengenai cadangan supaya Mahkamah Keluarga ditubuhkan saya ucapkan terima kasih. Kementerian sangat prihatin mengenai kelewatan penubuhan dan...

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** ...Sedang giat membincangkan perkara ini dengan melibatkan beberapa pihak lain seperti Jabatan Perdana Menteri.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Soalan dari Putatan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Putatan, dia tengah baca.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Biar saya habiskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Habiskan ayat dahulu Yang Berhormat Putatan. Saya nampak Yang Berhormat Putatan.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Jabatan Peguam Negara, Mahkamah...

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Ini sudah terlepas Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** ...Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan Biro Bantuan Guaman. Seperti juga Yang Berhormat, pihak kementerian ini...

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Saya tidak mahu duduk sebab...

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** ...Lebih-lebih lagi sangat berharap agar...

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Sudah tukar.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** ...Mahkamah Keluarga ini dapat ditubuhkan segera. Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak beri jalan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini menjaga pembangunan keluarga dan masyarakat. Membangunkan keluarga dan masyarakat mestilah mengikut disiplin. Jikalau, tidak ada disiplin saya tidak beri jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya. Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Saya tidak beri jalan lagi. Biar saya habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Silakan duduk Putatan. Dia tidak beri jalan.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Saya hendak jawab kepada Yang Berhormat dari Bukit Mertajam sebab sama isu. Sebelum Mahkamah Keluarga dapat dilaksanakan, kerajaan telah mengadakan satu model yang berkonsepkan mesra keluarga di Kompleks Mahkamah Jalan Duta, Kuala Lumpur pada tahun 2007 bagi mendengar kes-kes penceraian, nafkah, hak penjagaan anak-anak dan pembahagian harta. Mahkamah ini mempunyai kemudahan yang bersesuaian seperti bilik bicara yang dilengkapi dengan '*varnema!*' *witness courtroom system* dengan izin WVWS yang bertujuan untuk mengasingkan pemberian keterangan oleh saksi-saksi yang diklasifikasikan sebagai terancam, terutamanya bagi saksi kanak-kanak. Selain itu, bilik khas untuk kanak-kanak yang dilengkapi dengan alat-alat permainan kanak-kanak, ruang bacaan dan sebagainya turut disediakan di mahkamah ini.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Yang Berhormat, saya sama perasaan dengan Yang Berhormat iaitu kita hendak mempercepatkan penubuhan Mahkamah Keluarga. Sebelum itu, kita guna konsep mesra keluarga yang peranannya seperti Mahkamah Keluarga juga. Siapa hendak tanya, sila.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya sebenarnya, berdiri untuk menyokong Yang Berhormat sebab Yang Berhormat Menteri sungguh begitu berlembut dengan Ahli Parlimen.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Soalan Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Ini, puji dahulu Yang Berhormat. Kita punya menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tengah malam sudah ini. Jam 9.00 malam

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Jadi, Yang Berhormat sungguh terima kasihlah kerana mempunyai pegawai-pegawai yang semua berwibawa. Akan tetapi ada juga yang terhormat, pegawai-pegawai kita harus menerima kelemahan kita juga. Di Sabah kita ada mempunyai pegawai di peringkat negeri atas nama Jabatan Kebajikan juga.

Jadi, saya mahu tanya Yang Berhormat berapakah jumlah bantuan oleh kementerian kepada orang-orang yang sudah meninggal dunia. Di Sabah ada rekod, yang baru ini termasuk dalam laporan *Auditors General* bahawa ada beberapa penerima yang telah meninggal dunia menerima bantuan daripada kementerian. Minta penjelasan.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Memang saya mengakui perkara ini ada berlaku di Sabah.

■2110

Saya mohon maaf dan tindakan sudah diambil kepada pegawai-pegawai yang buat begitu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, nak bagi jalan?

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** *[Bangun]*

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Batu Gajah.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Yang Berhormat Indera Mahkota.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Indera Mahkota.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dari aspek bantuan kewangan tadi, adakah kementerian bercadang, oleh sebab selain daripada bantuan daripada kementerian, kebanyakan pertubuhan-pertubuhan yang menjalankan aktiviti kebajikan juga menerima sumbangan daripada pihak-pihak swasta dan juga entiti perniagaan. Terutama yang mendapat kelulusan di bawah seksyen 44, subseksyen 6 bawah Akta Cukai Pendapatan.

Sesetengah organisasi yang mendapat bantuan ini ada ketikanya lebih efisien, lebih kualiti *service* nya berbanding dengan pihak kementerian sendiri atau agensi yang ada di bawah kementerian. Maka sepatutnya setelah dua penggal kementerian ini diwujudkan dan menjalankan tugas, sepatutnya telah ada satu *coordination* dengan izin untuk melihat aktiviti-aktiviti *self-funding* di bawah kelulusan seksyen 44(6) tadi dibuat. Ianya agar penyaluran bantuan kepada institusi yang sepatutnya pertama, tidak wujud pertindihan dan tidak akan wujud lagi rating di mana institusi yang menerima bantuan tersebut menjadi institusi yang lebih ke depan berbanding dengan yang sepatutnya. Apa yang lebih membimbangkan lagi ada di antara institusi-institusi yang menerima tadi ada menerima pengaruh luar ataupun pengaruh daripada pertubuhan-pertubuhan yang juga punya koordinasi di luar negara. Terima kasih.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Terima kasih. Seksyen 44(6) adalah satu seksyen di bawah Akta Cukai yang memberikan sesuatu organisasi pengecualian cukai jikalau mereka menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan pembangunan pendidikan atau kebajikan. Jadi sesiapa hendak mendapat pengecualian cukai mesti memohon daripada Kementerian Kewangan untuk dapat pengecualian cukai itu.

Kepada kementerian saya, kita dah pilih pihak-pihak pertubuhan yang ada tujuan sama dengan kementerian dan memberikan mereka peruntukan. Bagi swasta, untuk jalankan CSR mereka dengan izin *corporate social responsibility* dan lain-lain, mereka ambil inisiatif sendiri memohon pengecualian cukai bawah Akta Cukai 44(6). Saya sambung, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam juga telah menyentuh mengenai pusat jagaan kanak-kanak. Beliau mencadangkan supaya kementerian mengadakan akta mewujudkan pusat jagaan kanak-kanak untuk mengurangkan beban keluarga dan ibu-ibu yang miskin yang perlu bekerja dan mempunyai anak-anak yang kecil dan tidak mampu menghantar anak-anak untuk dijaga oleh penjaga kanak-kanak.

**Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]:** Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Silam bangun di belakang.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Saya belum jawab lagi. Berkaitan dengan kanak-kanak?

**Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]:** Berkaitan dengan kanak-kanak.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Sila.

**Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik dengan perwujudan pusat jagaan kanak-kanak. Saya melihat bagaimana peranan Jabatan Perpaduan dalam perwujudan kelas-kelas tabika perpaduan di seluruh negara. Apabila saya melihat pembentukan dan pembukaan kelas tabika perpaduan di kawasan saya, saya dapati perwujudannya seperti kadang-kadang perlu, kadang-kadang tidak perlu. Tempat mereka membuka kelas-kelas tabika perpaduan ini ada suatu ketikanya tidak sesuai diwujudkan.

Jadi pertanyaan saya di sini, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Adakah dasar ataupun kurikulum yang diadakan di kelas-kelas tabika perpaduan ini ada keselarasannya dengan Kementerian Pelajaran ataupun dengan agensi-agensinya yang di Kementerian itu sendiri, di Kementerian Pembangunan Wanita ini yang menggubal satu dasar yang boleh menjamin akan keselamatan anak-anak kita apabila mereka belajar di tabika. Terima kasih.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Terima kasih. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ada satu kursus iaitu KK untuk melatih pihak yang hendak menjalankan penjagaan kanak-kanak dari umur 0 hingga 4 tahun. Jadi pihak Kemas dan juga tabika-tabika yang disediakan oleh Jabatan Perpaduan Negara boleh guna modul kita untuk menjalankan program mereka. Walau bagaimanapun, kita tidak ada sesuatu peranan yang tertentu dalam menjalankan tadika-tadika oleh Kementerian Luar Bandar iaitu Kemas dan Jabatan Perpaduan Negara.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Indera Mahkota bangun Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Biar saya habis ini dulu ya. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat amat prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh keluarga dan ibu yang miskin dalam penjagaan kanak-kanak. Oleh yang demikian, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mewujudkan taska komuniti pada tahun 2006 khusus untuk membantu keluarga berpendapatan rendah.

Perwujudan taska komuniti ini bertujuan menjamin agar pengasuhan dan perkembangan awal kanak-kanak yang berkualiti dapat diberi terutama kepada keluarga berpendapatan rendah.

Sehingga kini sebanyak 14 buah taska komuniti telah beroperasi dan tiga buah lagi dijangka beroperasi pertengahan tahun ini. Keluarga yang berpendapatan RM2,000 ke bawah bagi keluarga yang tinggal di bandar dan RM1,200 ke bawah di luar bandar diberi subsidi sebanyak RM180 sebulan seorang kanak-kanak. Selain daripada kemudahan taska komuniti, terdapat juga perkhidmatan pengasuhan awal kanak-kanak di 13 pusat anak permata negara yang diwujudkan oleh Sekretariat PERMATA di bawah Jabatan Perdana Menteri. Di samping itu, seperti Yang Berhormat bangkitkan, taska dan tabika yang disediakan oleh Kemas pun dijalankan. Di seluruh negara turut menyediakan kemudahan penjagaan kanak-kanak kepada keluarga yang berpendapatan rendah.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kementerian sedang menjalankan program untuk menambahkan pusat penjagaan kanak-kanak di rumah yang lebih berkualiti. Sehubungan itu, wanita-wanita dan ibu-ibu tunggal yang pendapatan kurang RM2,000 sebulan boleh dapat latihan secara percuma untuk mengendalikan pusat penjagaan kanak-kanak.

**Datuk Halimah Mohamed Sadique [Tenggara]:** Laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Di samping itu, kita juga akan menjalankan *hand-holding* program dengan izin selama enam bulan yang melibatkan bimbingan dan pengawasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Nak bagi Yang Berhormat Tenggara?

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Kementerian berharap program ini dapat melahirkan sekurang-kurangnya 2,000 usahawan wanita setahun dengan mengadakan pusat-pusat jagaan kanak-kanak di rumah mereka sendiri. Jadi itu pun boleh menolong kita melindungi kanak-kanak dan memberi peluang kepada wanita-wanita dan juga ibu tunggal masuk ke pasaran kerja.

**Datuk Halimah Mohamed Sadique [Tenggara]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tahu, kita perhatikan sekarang ini taska-taska diwujudkan bagi cendawan di hari hujan.

■2120

Bagi menjamin kualiti taska yang diwujudkan ini mengikut piawaian JKM, bagaimana agaknya kementerian memantau untuk menentukan taska persendirian ini berdaftar dan mendapat kebenaran daripada JKM. Terima kasih.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Terima kasih. Pada masa sekarang setiap tabika yang dijalankan perlu didaftar di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Pada masa sekarang, sebanyak 2,000 lebih tabika sudah didaftar dengan kita. Pada masa sekarang kita sedang jalankan kajian

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** [Bangun]



**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Kita sedang jalankan kajian di setiap tempat untuk kaji dan daftar tabika-tabika ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kota Raja.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Kota Raja.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cuma ingin bertanya adakah Yang Berhormat Menteri sedar yang walaupun Jabatan Kebajikan Masyarakat meluluskan ataupun membantu wanita-wanita untuk menubuhkan pusat-pusat penjagaan kanak-kanak ini, tetapi PBT dan juga agensi-agensi kerajaan yang lain seperti bomba dan sebagainya mengenakan syarat-syarat tertentu pula. Bagi mereka membuka pusat-pusat penjagaan kanak-kanak ini, mereka juga perlu memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dan yuran yang dikenakan juga agak tinggi.

Jadi dengan kos-kos ini, maka *overhead* dengan izin juga meningkat. Maka yuran yang dikenakan juga kepada ibu bapa yang kurang pendapatan ini juga tinggi. Jadi ini akan dengan izin *defeat of the purpose*. Kita mewujudkan pusat-pusat penjagaan berkualiti tetapi mampu oleh keluarga yang berpendapatan rendah. Terima kasih.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Raja. Sebab itu tadi saya ada sebut kementerian akan jalan enam bulan punya program *handholding programme* dengan izinnnya. Memang semua masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Raja, kita tahu. Walaupun dia sudah dapat kursus, balik ke tempat mereka, masalah-masalah timbul. Tidak boleh dapat lesen, bomba tidak bagi, mereka tidak tahu macam mana mohon, mereka tidak tahu nak beli alat-alat apa jenis dan lain-lain dan mereka tidak tahu macam mana berniaga.

Sebab itu program ini selain daripada memberikan mereka latihan dan modul penjagaan kanak-kanak, kita masukkan juga modul macam mana menyediakan satu pelan perniagaan, macam mana mohon *microfinance*, macam mana buat *basic accounting* dan kita jaga mereka enam bulan. Selepas lulus kursus, enam bulan kita jalan dengan mereka untuk menentukan mereka berjaya dalam berniaga ini. Ini kerana apa-apa yang dibangkit oleh Yang Berhormat, kita di kementerian tahu semua.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas mencadangkan supaya ibu tunggal.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Penjelasan.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Yang mempunyai dua anak. Yes?

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Yang Berhormat Menteri. Saya membangkitkan tentang *family court* itu ataupun mahkamah keluarga itu berkaitan dengan nafkah, masalah nafkah. Jadi saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Menteri akan menjawab soalan itu.

Mengenai nafkah yang susah nak dapat nafkah sekarang dan pada September 2005 bahawa Setiausaha Parlimen Kementerian Yang Berhormat yang tidak datang yang sudah gagal kali ini, pernah kata bahawa akta ini akan dipinda supaya anak dan bekas isteri dapat

pembelaan. Kita lihat sekarang sudah tahun 2008 masih kita tidak lihat bahawa pindaan itu dibawa ke Parlimen. Jadi walaupun ini di bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri, saya harap kerana ini terlibat ramai ibu tunggal. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri dapat dalam masa dua bulan boleh bawa perkara ini. Terima kasih.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya memang terkejut *you* tidak bangkit perkara ini. Saya tunggu-tunggu Yang Berhormat bangkit perkara ini.

Memang kita bersetuju iaitu dah masa lama dah perkara ini belum diselesaikan. Saya sudah berbincang dengan Menteri Dalam Negeri dan juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Perkara ini kita harus percepatkan sebab ramai wanita, ibu-ibu, isteri menghadapi masalah.

Apa yang kita perlu faham adalah masalah-masalah nafkah di bawah ke mahkamah dan bukan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Walau bagaimanapun, saya mengakui ini adalah tanggungjawab kita juga sebab sasaran kita. Kita akan kaji sesuatu program di negara Singapura yang mereka ada sesuatu dana tertentu untuk nafkah. Di Singapura, sesiapa yang tidak bayar nafkah terus pergi ke *jail* dengan izinnya, *no second doubt*. Jadi kita haraplah sesuatu keputusan boleh ada untuk kita menjalankan sesuatu yang tertentu untuk kurangkan masalah ini.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas ada membangkit, manakala anak-anak yatim diberi bantuan bulan sebanyak RM100, RM200 sebulan dan orang kurang upaya diberi RM300.

Ahli Yang Berhormat Titiwangsa pula menyarankan supaya golongan ibu-ibu tunggal yang perlu diberi bantuan dan pembelaan supaya mereka dapat membesarkan anak-anak mereka dalam keadaan yang mencukupi. Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ipoh Barat Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Sebelum, yes, sila.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ya, Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada sesi yang lepas dan permulaan dari tahun 2004, kementerian Yang Berhormat telah memberi *guarantee* kepada Dewan yang mulia ini termasuk kepada perkara yang saya sendiri telah bangkitkan iaitu dari segi undang-undang *Law Info Managed Act* di mana seseorang anak hanya akan dipaksa dibiayai pampasan atau pelajaran beliau hanya akan dibiayai sehingga dia menjadi *action majority* 18 tahun sahaja.

Kerajaan telah memberi jawapan mengatakan bahawa menggubal undang-undang baru supaya meliputi di mana situasi di sana iaitu lebih daripada 18 umur pun dia akan diambil kira. Sebenarnya dalam pihak ini saya telah mengambil satu kes ke Mahkamah Tinggi dan lepas itu ke Mahkamah Rayuan. Apabila perkara itu dibangkitkan di Dewan yang mulia ini, kerajaan telah mengatakan bahawa undang-undang yang spesifik akan digubal. Apa terjadi kepada perkara tersebut?

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Terima kasih.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Yang Berhormat Menteri boleh sambung saja. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak bertanya adakah kementerian ada satu polisi untuk membantu keluarga banduan kerana banduan itu mungkin salahlah tetapi isterinya dan anak-anaknya tidak bersalah dan mereka ini menjadi mangsa kepada keadaan lebih-lebih lagilah kepada keluarga mangsa ISA yang tidak dibicarakan. Maknanya yang ditahan tanpa bicara. Jadi saya bercakap tentang banduan secara keseluruhan. Terima kasih.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Yang Berhormat, kita tidak kisah latar belakang mereka. Sejak mereka ada mengikut syarat-syarat kita, mengikut pendapatan, anak-anak mereka dan lain-lain. Kita akan kaji. *We will choose* dengan izin *background* mereka sejak dia perlu.

Kepada Ipoh Barat..

**Puan Chong Eng [Bukti Mertajam]:** Penjelasan, *here on this*. Saya rasa bukan itu bukan maksud Yang Berhormat Titiwangsa. Sama ada dasar kerana sekarang kita lihat bahawa ramai keluarga dia akan jatuh dalam kemiskinan apabila suaminya telah ditangkap ataupun dihantar ke pusat pemulihan. Jadi yang kita cadangkan di sini ialah supaya apabila seseorang itu ditangkap, keluarganya akan dibela yang seperti yang dikatakan bahawa keluarganya tidak bersalah. Jadi ini di *put in place*. Mekanisme ini di *put in place*. Kalau tidak mereka hendak pergi ke mana untuk mendapat bantuan? Walaupun saya tahu ini kebajikan, Pejabat Kebajikan ada di mana-mana tetapi ramai yang belum tahu. Jadi yang kita minta ialah satu dasar supaya di *put in place, a mechanism in place*.

■2130

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Saya faham, saya faham apa ahli Yang Berhormat bangkitkan dan saya dah kata ini tak payah dasar. Jikalau suami dia sudah masuk ISA atau penjara mana-mana, tak ada pendapatan. Jika tak ada pendapatan, dia masuk kepada sasaran yang perlu ditengok. Tak payah dasar khas untuk ini.

Barangkali semesti ada dasar khas untuk satu saluran lagi? Sekarang kita ada lapan sasaran, cukup dah. Kita tak ada pilih kasih. Jangan bimbang. Kepada Yang Berhormat Ipoh Barat, apa Yang Berhormat Ipoh Barat bangkitkan, saya perlu kaji dengan pegawai saya sebab saya pun nak tahu macam mana bagi gerenti. Jika bagi gerenti, kita mesti *follow through* dengan izin. Saya tahu tetapi macam mana itu? Untuk membuat undang-undang itu, kita memang ada masuk sesuatu. Adalah masa kita nak bagi kanak-kanak punya *maintenance*, kita perlu memberikan mereka sampai mereka habis ijazah *basic* atau diploma.

Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Banyak lagi ke Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Boleh kata banyak juga lah. Sebentar tadi,

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Fokus, tumpukan kepada yang telah dibangkitkan ya Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Ya, terima kasih.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Sikit saja, sikit saja Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Sebentar tadi saya telah pun maklumkan skim-skim bantuan yang bersesuaian bagi golongan ibu tunggal, anak-anak yatim dan OKU. Bantuan ini diberikan kepada keluarga yang tidak berkemampuan dan mengalami kesulitan kewangan buat sementara waktu atau sehingga suatu jangka masa mereka dapat berdikari.

Namun demikian, kementerian bukan semata-mata memberi bantuan tetapi yang lebih penting ialah meningkatkan kapasiti dan mengupayakan ibu-ibu tunggal agar menjadi lebih berdikari.

Kementerian merancang dan memperkenalkan pelbagai inisiatif bagi tujuan ini termasuklah peluang menceburkan diri dalam bidang keusahawanan kecil-kecilan melalui inisiatif *micro-enterprise* dengan izinnya seperti Amanah Ikhtiar Malaysia dan pelbagai bidang kemahiran yang lain-lain. Kementerian sentiasa bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dalam usaha ini. Bagi golongan ibu tunggal, selain daripada bantuan kebajikan, kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita turut menyediakan program seperti program meningkatkan kemahiran dan pendapatan. Bagi tahun 2006 dan 2007, sejumlah 1,253 orang ibu tunggal telah diberikan peruntukan sejumlah RM255,000 melalui 15 pertubuhan bukan kerjasama dalam usaha membangunkan kapasiti mereka.

Tujuan pelaksanaan program ini adalah bagi memperlengkapkan ibu tunggal ini dengan pengetahuan dan kemahiran yang boleh digunakan untuk menjana pendapatan sendiri. Program ini dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan Wanita sendiri dan juga secara kerjasama bestari dengan pihak-pihak lain terutama NGO. Program-program pembangunan kapasiti wanita dan latihan kemahiran ekonomi untuk ibu tunggal yang dilaksanakan meliputi bidang pengasuhan kanak-kanak-kanak, industri pemakanan dan lain-lain.

Kerjasama pintar di antara kementerian dan NGO yang berkaitan sedekat ini telah banyak memberi perubahan kepada ibu-ibu tunggal yang memerlukan bantuan sehingga mereka dapat berdikari. Antara tahun 2001 sehingga 2007, seramai 3900,000 ibu tunggal telah mendapat manfaat daripada program-program yang telah dijalankan oleh 97 NGO dengan jumlah peruntukan sebanyak RM4.7 juta.

Ahli Yang Berhormat dari Ampang mencadangkan supaya satu pelan atau satu dana berkonsep elaun kepada suri rumah tangga diwujudkan agar pekerjaan suri rumah tangga diberi pengiktirafan ekonomi kerana membuat kerja rumah dan juga Ahli Yang Berhormat dari Kota Raja membangkitkan bahawa suri rumah tangga atau wanita yang tidak bekerja di mana tiada pengiktirafan diberikan terhadap golongan ini sedangkan mereka ada menyumbang kepada produktiviti negara dalam menghasilkan modal insan. Ahli Yang Berhormat berkenaan seterusnya mencadangkan agar KWSP boleh disumbangkan oleh pihak suami dan simpanan tersebut boleh digunakan oleh mereka apabila sampai umur tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian sangat terkejut dan kecewa dengan pandangan Yang Berhormat Ampang kerana meletakkan semua beban dan tanggungjawab suri rumah kepada kerajaan. Sebenarnya kita semua Ahli Parlimen khususnya Ahli Parlimen wanita mesti bersama-sama berjuang supaya memberi kesedaran kepada suami-suami agar lebih menghormati isteri selaku suri rumah dengan mengiktiraf dan memberi elaun yang sepatutnya kepada isteri sebagai suri rumah yang menjaga anak, kesejahteraan rumah tangga dan dalam beberapa kes mengorbankan kerjaya masing-masing demi kebahagiaan rumah tangga.

**Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]:** *[Bangun]*

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Pembedulan, pembedulan.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Janganlah kita semua...kita terkejut apa dibangkit oleh Yang Berhormat.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Pembedulan. Saya tidak mengatakan kerajaan, saya mengatakan suami atau pihak kerajaan.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tidak, atau kerajaan. Sama, sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tunggu dia bagi jalan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Janganlah kita semua mengalihkan tanggungjawab suami kepada kerajaan. Hargailah pengorbanan isteri-isteri....

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** ....jadi Yang Berhormat menteri ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Padang Serai, kejam Yang Berhormat Padang Serai.

**Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]:** Penjelasan, penjelasan.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Kementerian memang bersetuju dengan cadangan ahli Yang Berhormat Kota Raja agar KWSP atau skim ala PERKESO disumbangkan oleh suami.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Menteri, minta lalu.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tahniah kepada ahli Yang Berhormat yang juga tidak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tunggu Yang Berhormat, tunggu.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** ....yang cukup peka *gender*. Saya harap lebih ramai ahli Yang Berhormat seperti ahli Yang Berhormat dari Ampang juga peka *gender*. Dapat kursus dari Yang Berhormat Kota Raja.

Untuk maklumat ahli Yang Berhormat,

**Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]:** Penjelasan sikit. Menteri silap pasal Yang Berhormat Ampang.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** ...Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah diwujudkan skim caruman KWSP untuk bekerja sendiri.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Berilah laluan.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Melalui skim ini, kaum wanita yang bekerja sendiri atau suami suri rumah boleh membuat tabungan untuk jaminan masa hadapan diri dan anak-anak. Kementerian saya menyambut baik cadangan ini. Oleh yang demikian, saya suka menyeru kepada pihak suami melalui ahli-ahli Parlimen sini agar mencarum dengan kadar minimum RM50 sehingga maksimum RM5000 setiap bulan ke dalam akaun KWSP isteri mereka secara sukarela dan juga suami adalah diseru untuk menamakan isteri sebagai *beneficiary*. Harap ada dapat *champion* dari sini, ahli Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua,

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Nak bagi jalan Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tak bagi jalan. Yang Berhormat Padang Serai duduk. Yang Berhormat Padang Serai, duduk.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Ini....

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Disiplin Tuan Yang di-Pertua. Ahli Yang Berhormat dari Rasah mencadangkan supaya diwujudkan disiplin Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, duduk ahli Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Ahli Yang Berhormat dari Rasah mencadangkan supaya diwujudkan...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Menteri kurang disiplin lah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, dia tak bagi jalan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** ...satu tabung kebajikan. Siapa kata saya tak ada disiplin?

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya cakap.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua, siapa kita ikut arahan? Tuan Yang di-Pertua atau Ahli Yang Berhormat? Tarik balik tak ada disiplin!

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Padang Serai...

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tarik balik!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Padang Serai, kita tidak boleh menuduh Menteri tidak ada disiplin, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon tarik balik!

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya bukan kata ikut disiplin. Saya katakan menteri kurang disiplin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat kata Menteri tiada disiplin. Saya setuju bahawa Yang Berhormat tidak boleh sebut perkataan begitu. Ada *act* Yang Berhormat,

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tarik balik! Tuan Yang di-Pertua, tarik balik!

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Menteri yang kata ..... tiada disiplin.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Mana saya tak ada disiplin?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri, sekejap Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat bercakap bahawa Yang Berhormat Menteri tak ada disiplin. Saya melihat itu sebagai satu sangkaan dan niat yang jahat terhadap Menteri.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Boleh saya....

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua,

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Boleh saya bagi penerangan?

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua, saya belum habis cakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat tidak boleh cakap begitu. Saya minta Yang Berhormat tarik balik.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, adakah saya diberi keadilan?

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tarik baliklah Yang Berhormat. 36(6), Yang Berhormat tidak perlu ada sangkaan jahat terhadap seseorang. Saya minta Yang Berhormat tarik baliklah.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tarik balik!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak ada disiplin kepada menteri ya. Tariklah Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya diberi keadilan? **ato' Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bagi laluan kepada dia Tuan Yang di-Pertua. Siapa yang tiada disiplin di sini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat tidak boleh menuduh orang tiada disiplin.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya minta laluan.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Saya tak bagi!

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua, hak saya! Hak saya, bukan tidak disiplin!

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Sekarang Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Menteri duduk sementara kita selesaikan perkara ini?

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Saya tak akan duduk!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat kena ikut peraturan!

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Saya tak akan duduk!

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat duduk bila Speaker bercakap.

■2140

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat bagi Padang Serai, saya telah katakan bahawa Yang Berhormat bagi Padang Serai tidak boleh berniat menuduh seorang Yang Berhormat Menteri tidak berdisiplin dan itu bertentangan dengan peraturan mesyuarat. Sebab itu saya kata Yang Berhormat bagi Padang Serai perlu menarik balik perkataan...

**Beberapa Ahli:** Tarik balik, tarik balik...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Bolehkah saya dibenarkan untuk mengatakan kebenaran ini?

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tidak boleh. Saya tidak bagi, hak saya...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Kebenaran tidak boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tariklah Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Padang Serai...

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Cakap dengan Tuan Yang di-Pertua, tolong Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tidak tolong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat bagi Padang Serai, memang jelas Yang Berhormat menuduh Yang Berhormat Menteri tidak berdisiplin.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Memang, selepas...

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tidak payah selepas, duduk, duduk.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** ... saya dikatakan tidak ada disiplin oleh Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, peraturan mesyuarat Yang Berhormat kena patuh. Menteri sedang memberi jawapan sama ada untuk memberi laluan kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat kena minta izin daripada Yang Berhormat Menteri. Sebab itu peranan Speaker di sini untuk menemukan peminta penjelasan dengan Yang Berhormat Menteri. Itu jelas. Kalau Yang Berhormat Menteri tidak bagi laluan, ramai juga Yang Berhormat Menteri tadi tidak beri laluan, tetapi selepas satu ayat Yang Berhormat Menteri bagi juga laluan kepada seseorang. Yang itu Yang Berhormat kena tunggu dan Yang Berhormat tidak boleh terus menuduh kepada Yang Berhormat tidak berdisiplin kepada Yang Berhormat Menteri. Itu jelas Yang Berhormat melakukan pelanggaran kepada peraturan.

**Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]:** Yang Berhormat bagi Padang Serai yang tidak berdisiplin, duduk Yang Berhormat bagi Padang Serai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat bagi Padang Serai, saya minta tarik, menuduh Yang Berhormat Menteri tidak ada disiplin.



**Beberapa Ahli:** Tarik balik, tarik balik...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Malu dengan perempuanlah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat bagi Padang Serai saya minta Yang Berhormat tarik balik menuduh Yang Berhormat Menteri tidak berdisiplin.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Bolehkah saya dibenarkan untuk mengemukakan kebenaran itu?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tarik baliklah...

**Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]:** ... menteri....

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat telah pun bercakap tadi.

**Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]:** Yang Berhormat bagi Padang Serai, tarik baliklah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya sudah dengar Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Malulah, malulah?

**Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]:** Tarik balik Yang Berhormat bagi Padang Serai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya minta Yang Berhormat tarik balik.

**Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]:** Yang Berhormat Menteri tidak bagi laluan, duduk Yang Berhormat bagi Padang Serai.

**Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:** Tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat bagi Padang Serai, saya minta Yang Berhormat tarik balik...

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Tarik balik, tarik balik....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** ... tuduhan terhadap Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Tarik balik.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Boleh saya katakan?

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]:** Tarik baliklah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sekejap Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa pembesar suara] [Ketawa]*

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Mahu tarik apa? *[Ketawa]*

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Tarik sahajalah apa hendak buang masa.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Dengan perempuan mahu kalah hoi...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya Yang Berhormat bagi Padang Serai bangun dan minta laluan daripada Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]:** Jangan bagi, tarik balik....

**Beberapa Ahli:** Tarik balik...

**Seorang Ahli:** Apa degil...

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Jangan bising, bising. Tarik balik sahajalah. Tidak usah pusing-pusing lagilah.

**Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]:** Tarik balik, ini bukan teh tarik. *[Ketawa]*

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya tarik balik, tolong bagi laluan.

*[Dewan riuh] [Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]:** Yang Berhormat bagi Padang Serai *gentleman*.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]:** Dengan perempuan pun boleh kalah.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat bagi Padang Serai dengan perempuan pun boleh kalah. *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua, siapa kata saya perempuan, tarik balik.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** Sana, sana... *[Sambil menuding jari ke arah ahli Barisan Nasional]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sudah...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Sana, sana...

**Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]:** Sana Yang Berhormat Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada dia, memangnya dia seorang *gentleman*.

*[Tepuk] [Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Padang Serai. Ya, teruskan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya minta laluan.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tidak bagi sebab you sudah buat satu... sila duduk. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tidak bagi laluan, sila duduk Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat bagi Padang Serai, sila duduk Yang Berhormat.

*[Dewan riuh]*

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya hendak ucapkan...

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Rasah...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** ... terima kasih kepada orang yang panggil saya "*gentleman*".

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduk Yang Berhormat. Dia tidak bagi laluan.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** ... mencadangkan supaya mewujudkan satu tabung kebajikan...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Tetapi dia bukan *gentleman*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduk Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** ... untuk kecemasan bagi diagihkan kepada mangsa-mangsa kecemasan seperti banjir kilat, kebakaran dan lain-lain. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ada tiga jenis bantuan...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** ...Tabung Bantuan Bencana Daerah...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya minta laluan.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** ... dipengerusikan oleh pegawai daerah. Sabar sedikit. Biar saya habis dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Biarkan habis ayat itu Yang Berhormat. Duduk dahulu Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** ... dan Tabung Bantuan Bencana Negeri dipengerusikan oleh Menteri Besar Negeri dan Majlis Keselamatan Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sekejap Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia akan panggil nanti Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** .... telah pun diwujudkan untuk membantu mangsa-mangsa bencana alam. Tabung ini diletakkan di bawah Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Daerah bagi bencana tahap satu dan Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negeri bagi bencana tahap dua. Malah Majlis Keselamatan Negara turut mempunyai mekanisme penyampaian bantuan dan pengurusan bagi bencana alam yang lebih besar...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya mohon laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** ... peranan JKM sekiranya berlaku bencana ialah kebakaran dan banjir kilat...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Dia sudah langkah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tunggu sekejap Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Saya sudah hendak bagi, tetapi you tidak sabar, sebab itu I tidak bagi.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya minta laluan.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Sila duduk. *[Ketawa]*

Saya hendak bagi, tetapi nampak tidak sabar, *you must learn patience*, sila duduk, dengan izin. *[Ketawa]*

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sekejap Yang Berhormat, dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia akan bagi kemudian, saya percaya.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Peranan JKM jika sekiranya berlaku bencana seperti kebakaran, banjir-banjir kilat ialah:

- (i) pendaftaran mangsa-mangsa bencana untuk membantu mereka mendapat bantuan dari agensi-agensi lain...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

*[Ketawa]*

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** ... mewujudkan agensi. Tuan Yang di-Pertua, jikalau Yang Berhormat bangun dua kali lagi, saya tidak akan bagi laluan. Saya bagi dia *chance* sekali lagi, sila duduk sampai saya habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia sudah bagi tahu dengan Yang Berhormat bagi Putatan tadi, bahawa kementerian ini melibatkan wanita...

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Keluarga...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** ... keluarga, kita mesti ada disiplin dan kesabaran yang tinggi Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Menteri sudah langkah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak apa Yang Berhormat.

**Dato' Ismail Kassim [Arau]:** Hormati wanita Yang Berhormat bagi Padang Serai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kita kena...

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** ... pendaftaran mangsa-mangsa bencana untuk membantu mereka, mendapat bantuan dari agensi-agensi lain, mewujudkan pusat pemindahan, memberi bantuan kecemasan seperti makanan, kesihatan, ubat dan membantu dalam pemulihan mangsa-mangsa bencana. Sila Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat bagi Padang Serai. *[Tepuk]*

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Terima kasih saudari Yang Berhormat Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri... tidak payahlah saudari Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Oh, Yang Berhormat Menteri. *[Ketawa]* Ini Menteri Keluarga, kita kenal-mengenal melalui keluarga. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, terima kasih kerana panggil saya "*gentleman*" dan saya tidak berapa senang kerana apabila saya buat pertama kali selepas Yang Berhormat Menteri memulakan hujah balas malam ini, pertama sekali Yang Berhormat Menteri kata, "Kurang disiplin". Itu adalah sesuatu yang kurang elok. *[Ketawa]*

Walau bagaimanapun, sebagai seorang *gentleman*, yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri saya terima sebagai seorang *gentleman*. Saya menuju ke soalan yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri tadi, mengenai meminta suami-suami supaya mencarum dan juga memberikan peluang yang lebih. Tetapi saya juga mahu tanya kepada Yang Berhormat Menteri yang menjadi ahli dalam Jawatankuasa Kabinet untuk kesamaan gender, berapa mesyuarat yang Yang Berhormat Menteri sudah hadir, dan apakah topik-topik perbincangan yang diadakan dan sudahkah wanita-wanita negara ini mencapai tahap kesamaan dengan lelaki di negara ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** .. dan adakah Yang Berhormat Menteri menuju ke arah itu apabila meminta suami-suami supaya membantu isteri-isteri mereka. Saya sendiri menggalakkan, tanpa membantu wanita. Misalan di rumah saya, isteri saya, saya menggalakkan mereka, merangsangkan mereka untuk melakukan yang terbaik dalam perniagaan. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Jangan berucap Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** *Independently*, merangsangkan mereka... *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat, tidak payah berucap Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Itu sahaja, jadi Yang Berhormat Menteri saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat memberikan pencapaian melalui Jawatankuasa Kabinet itu. Terima kasih.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Penjelasan, penjelasan.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** .. mohon ya, memang saya tidak berapa faham *gentleman* ini ya. Apa soalan? Soalan ialah berapa kali Kabinet bermesyuarat?

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Jawatankuasa Kabinet. Saya minta maaf mungkin Yang Berhormat Menteri tidak faham atau tidak sedar bahawa...

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Sedar, tetapi tidak faham.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** ... beliau adalah ahli dalam Jawatankuasa Hak Kesamaan Gender yang ditubuhkan oleh Kabinet tahun 2004.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Cukup, cukuplah, sila duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sila duduk.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Cukup, cukup, saya faham, saya faham.

#### ■2150

Yang pertama, saya sebagai Menteri adalah Ahli Jawatankuasa Kabinet, tetapi pada masa sekarang sejak Pilihan Raya Ke-12 yang baru habis, mesyuarat belum dipanggil lagi. Saya betulkan ini. Kita sudah tulis surat kepada Perdana Menteri selaku Pengerusi Jawatankuasa ini dan kita sudah memberi beliau satu kertas kerja mengenai situasi wanita pada masa sekarang dan saya yakin beliau akan panggil mesyuarat dengan secepat mungkin. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Teluk Intan, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Lain punya saya akan jawab masa jawab Ahli Yang Berhormat Tenggara sebab semua sama punya tajuk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Ahli Yang Berhormat dari Ampang dan Tenggara membangkitkan bahawa wanita di Malaysia telah dipinggirkan – sama soalan – dan tidak diberikan keutamaan langsung serta ibu tunggal sering menghadapi penderitaan dan stigma negatif masyarakat. Sama apa yang dibangkitkan.

Dakwaan bahawa kedudukan wanita kini semakin dipinggirkan adalah tidak benar. Antara inisiatif yang telah diperkenalkan oleh kerajaan termasuklah penggubalan Dasar Wanita Negara, Pelan Tindakan Pembangunan Wanita, mengintegrasikan satu bab khas wanita dan pembangunan di dalam rancangan pembangunan lima tahun sejak dari RMK6 hingga RMK9.

Penubuhan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada tahun 2001 menandatangani konvensyen penghapusan segala bentuk keganasan terhadap wanita pada tahun 1995 dan pindaan undang-undang terutamanya Perlembagaan Persekutuan yang tidak membenarkan sebarang diskriminasi terhadap wanita serta advokasi dan kerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan.

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Penjelasan.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Inisiatif ini...

**Datuk Halimah bini Mohamed Sadique [Tenggara]:** Pembedulan Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Tenggara dan Yang Berhormat Teluk Intan.

**Datuk Halimah bini Mohamed Sadique [Tenggara]:** Saya tidak sebut wanita dipinggirkan. Saya sebut wanita tidak boleh dilihat sebagai masalah pinggiran. Pembedulan.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Terima kasih.

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Penjelasan, saya mohon penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Teluk Intan, Yang Berhormat.

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Teluk Intan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, mengenai undang-undang yang disentuh tadi, saya mendapati bahawa salah satu undang-undang yang telah dipinda pada tahun 1984 apabila seseorang mengalami kemalangan jalan raya, jika dia meninggal dunia dan umur dia melebihi 55 tahun, waris ataupun isteri tidak boleh buat tuntutan di mahkamah. Saya percaya ini adalah satu pemindahan beban oleh syarikat insurans. Ia lari dari bebannya. Jadi adakah cadangan untuk meminda Undang-undang Akta Sivil 1956 ini untuk kepentingan, khususnya ibu tunggal. Terima kasih.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini *point* baru, tetapi terima kasihlah kepada pandangan itu dan saya akan bawa balik dan kita akan kaji dan kita akan jemput Yang Berhormat bersama kita dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, inisiatif ini telah meningkatkan status wanita dan kedudukan mereka dalam masyarakat. Kita harus berbangga bahawa dibandingkan dengan banyak negara di dunia, wanita Malaysia hari ini telah diberi peluang untuk meningkatkan kapasiti mereka, bebas untuk mencebur dan melibatkan diri dalam pelbagai bidang, baik dalam bidang ekonomi, sosial, budaya dan politik. Mengikut *Gender Related Index*, dengan izin, GDI yang dikeluarkan oleh United Nations Development Program (UNDP), dengan izin, Malaysia telah dikategorikan dalam kalangan negara-negara yang tinggi dalam pembangunan gender.

Indeks GDI 2007 menunjukkan Malaysia berada di tangga ke-58 dengan nilai *index point* 0.802 di kalangan 177 negara yang dinilai. Nilai indeks melebihi 0.8 menunjukkan pencapaian yang tinggi atau *high human development*, dengan izin, bagi sebuah negara.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat?

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Kata Yang Berhormat cari saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Mas di belakang sana.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak habiskan ucapan saya. Saya tidak akan bagi sesiapa lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tidak bagi, Yang Berhormat. Duduk, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** *You* sudah lewat masuk, *sorry!*

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** / pergi sembahyanglah.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Wanita Malaysia yang menceburi bidang profesional..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduklah, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** ...semakin meningkat. Wanita merupakan 48.2% daripada doktor gigi, 44.9% akauntan dan 45.9% peguam. Manakala pelajar-pelajar wanita di peringkat pengajian tinggi juga lebih ramai dan lebih cemerlang berbanding pelajar lelaki. Enrolmen pelajar perempuan di institusi pengajian tinggi awam ialah 61.4% berbanding dengan 38.6% lelaki. Perangkaan ini menggambarkan bahawa wanita tidak dipinggirkan dan sentiasa diberi keutamaan seperti lelaki di negara ini. Perkara ini juga jelas termaktub dalam...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tidak bagi jalan lagi, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** ...Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan iaitu tidak membenarkan sebarang diskriminasi berasaskan gender.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Penjelasan.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Walau bagaimanapun semua inisiatif ini tidak akan dapat direalisasikan tanpa kerjasama dan sokongan daripada setiap individu dan lapisan masyarakat. Undang-undang, peraturan dan dasar-dasar sahaja tidak akan memastikan diskriminasi dan keganasan terhadap wanita dihapuskan. Sebab itulah...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Penjelasan, penjelasan.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** ...buat masa ini masih terdapat segelintir wanita yang didiskriminasikan, dizalimi dan diganasi.

Mengikut data dari Polis Diraja Malaysia sebanyak 3,756 kes telah dilaporkan dalam kes keganasan rumah tangga terhadap wanita pada tahun 2007. Walau bagaimanapun, jumlah ini adalah berdasarkan yang dilaporkan sahaja. Dipercayai jumlah kes yang berlaku adalah lebih dari jumlah ini. Kerjasama semua adalah penting untuk menangani masalah seperti ini termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri.

Saya menyeru semua lapisan masyarakat termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat untuk bersama saya dan kementerian dalam usaha membanteras gejala yang tidak diingini ini. Kementerian telah pun menubuhkan pusat panggilan setempat untuk pertanyaan, aduan dan bantuan yang dinamakan Talian Nur 15999. Kita hendaklah sama-sama, dengan izin, *break the silence*, memecahkan budaya senyap mengenai diskriminasi dan keganasan terhadap wanita.



**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Penjelasan, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Kementerian tidak rela seorang pun wanita dizalimi dan diganasi dan saya percaya bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat juga berfikiran sama. Dalam hal ini, tidak adanya perbezaan ideologi kerana ia tidak mendatangkan apa-apa kebaikan dan manfaat, sebaliknya keburukan dan kehancuran.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Penjelasan.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Saya berharap pihak yang merupakan golongan yang paling ramai...

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Bagilah jalan.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** ...menzalimi wanita melalui pelbagai bentuk dapat menghentikan kezaliman dan keganasan ini – semua kaum lelaki yang tidak peka gender dan menghormati hak-hak wanita.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan, Yang Berhormat? Ya, Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri memberi banyak angka yang menunjukkan bahawa kaum wanita tidak dipinggirkan dan angka-angka itu saya memang setuju tetapi Yang Berhormat Menteri, saya tidak tahu sama ada dengan sengaja atau tidak sengaja telah tidak memberitahu bahawa apa yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Tenggara dan juga saya sendiri di Dewan ini ialah perwakilan dalam politik.

Umpamanya, menteri wanita di dalam Kabinet telah dikurangkan daripada tiga kepada dua. Itu 33 peratuslah. *[Tepuk]* Yang ini yang kita katakan dan juga dikatakan dalam indeks GDI itu. Ia pun ada kata bahawa perwakilan dalam politik wanita ini adalah paling lemah sekali tetapi Yang Berhormat Menteri tidak menyebutnya. Saya hendak tanya bahawa sama ada Yang Berhormat Menteri sedar atau tidak sedar atau sengaja *left out*.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Terima kasih. Jikalau saya tidak sedar, saya tidak patut ada di sini. Jika saya tidak sedar, saya tidak patut jadi Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Tuan Yang di-Pertua, masa kita kata pembangunan wanita itu...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Menteri, minta laluan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi laluan, Yang Berhormat?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Minta laluan.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tidak bagi laluan, cukuplah.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Sekali sahaja.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Wanita boleh, lelaki tidak bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Mana boleh macam ini?

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, dia tidak bagi, Yang Berhormat. Duduklah, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Saya hendak jawab kepada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Semua persoalan Pasir Mas telah dijawab, Yang Berhormat.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Ada perkara lain ini.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Hendak tanya pasal wanita di Perak, Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Berkaitan, berkaitan.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua...

#### ■2200

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ada perkara lain. Berkaitan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak payah bangkit perkara baru

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua, memang saya mengakui anggaran wanita dalam politik dan dalam Kabinet diturunkan. Sama juga dalam parti-parti pembangkang, tidak ada satu parti pembangkang yang dapat 30% *decision making*, di mana ada parti, tidak ada satu pun parti. Tidak, tidak.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat, minta laluan.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Ini adalah sesuatu yang pihak kita sedang dan akan bekerja kuat untuk mendapatkan ini. Di seluruh dunia pencapaian 30% yang terus, susah ada dalam politik sebab dalam politik siapa yang memilih kita? Lelaki. Sebab itulah wanita mesti bersatu padu dalam perkara ini.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat, minta laluan.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tidak. Ahli Yang Berhormat Tenggara mencadangkan satu pelan strategi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Parti jaga hal wanita di Perak ini, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** ...Untuk membentuk satu *task force* dengan izin, khususnya menangani isu-isu wanita. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian telah pun

menyediakan satu pelan tindakan pembangunan wanita sebagai panduan asas bagi pembangunan wanita di negara ini.

Pelan ini yang sedang dikaji semula antara lainnya menggariskan tindakan bagi menangani isu-isu wanita khususnya pekerjaan dan penyertaan 30% wanita di peringkat pembuat keputusan iaitu selaras dengan dasar sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat membuat keputusan di sektor awam yang diumumkan oleh kerajaan pada tahun 2004.

Di samping itu, satu pelan tindakan khusus untuk mencapai dasar sekurang-kurangnya 30% dalam bidang pembuat keputusan sedang dirangka bersama-sama dengan kerjasama *United Nation Development Programme* (UNDP), dengan izin.

Berhubungan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat supaya satu jawatankuasa *by partition* yang dianggotai oleh semua parti dan wakil NGO...

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** ...Bagi memantau kedudukan wanita dalam semua kedudukan baik di sektor awam atau swasta, suka saya maklumkan bahawa Majlis Penasihat Wanita Negara (MPWN) telah ditubuhkan sejak tahun 1976. Dahulunya ia dikenali sebagai Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan masa kini...

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]:** Penjelasan, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** ...Membantu kerajaan mengintegrasikan wanita dalam pembangunan negara dan menangani isu-isu dan permasalahan yang dihadapi oleh wanita. Ahli MPWN terdiri daripada profesional, akademik, NGO dan pegawai-pegawai kerajaan.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]:** Penjelasan, Yang Berhormat Menteri. Ini perkara yang saya bangkitkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** ...Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Maran membangkitkan bahawa masih terdapat golongan OKU yang merasa malu untuk memohon bantuan...

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah perkara yang saya bangkitkan. Penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** ...Ahli Yang Berhormat berkenaan menyarankan supaya kementerian lebih aktif dan meluaskan peranan dalam usaha melaksanakan program dan bantuan kepada golongan OKU...

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Yang Berhormat Menteri, Maran.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** ...Pandangan kementerian adalah juga selari dengan pandangan Yang Berhormat bahawa masih ramai OKU yang tidak tampil mendaftar disebabkan oleh

beberapa faktor termasuklah faktor malu, bukan sahaja bagi pihak individu tetapi juga keluarga mereka. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, sehingga akhir Disember 2007 hanya seramai 120,000 orang OKU telah berdaftar dengan JKM. Bilangan ini adalah sangat rendah berbanding dengan anggaran WHO iaitu 10% daripada jumlah penduduk sesebuah negara adalah terdiri daripada golongan orang kurang upaya.

Kementerian merasa begitu bimbang dengan jumlah OKU...

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]:** Tuan Yang di-Pertua, saya perlukan jawapan yang tepat kepada persoalan yang saya bangkitkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, dia tidak bagi, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** ...Kementerian memerlukan gambaran yang lebih jelas akan bilangan sebenar dan kategori kecacatan untuk kita merancang dan menggubal dasar, menyediakan peruntukan yang sewajarnya. Kementerian telah berusaha sedaya upaya untuk mengesan OKU untuk didaftarkan. Untuk meningkatkan kejayaan dalam mendaftar OKU ini kita memerlukan kerjasama dan bantuan daripada pemimpin-pemimpin peringkat akar umbi seperti ketua kampung.

Ahli Yang Berhormat, tanpa bantuan ini bilangan pendaftaran OKU tidak akan berjaya dengan secepatnya. Alangkah bahagiannya kementerian ini sekiranya setiap Ahli Parlimen dapat mengambil tindakan proaktif dan mengemukakan segala maklumat berkaitan dengan OKU ke kementerian saya. Ini akan membolehkan kementerian mengambil tindakan sewajarnya untuk membantu OKU-OKU yang terlibat.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Penjelasan, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Yang Berhormat Tenggara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tenggara dulu.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan, kami semua faham tentang pelan-pelan tindakan yang dinyatakan, tetapi pelan tindakan sahaja tidak cukup. Cadangan saya ialah penubuhan sebuah *task force* untuk melihat secara tuntas, komprehensif semua strategi dan pendekatan yang membabitkan soal wanita. Jadi, kalau kerajaan boleh tubuhkan macam-macam suruhanjaya dan jawatankuasa, apakah susah sangat hendak menubuhkan satu *task force* yang akan melihat kepada isu wanita secara nyata?

Saya minta, Yang Berhormat Menteri adalah menteri yang berkaliber. Yang Berhormat Menteri *fights for us* dengan izin, untuk *task force* ini. Terima kasih.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Terima kasih. Saya memang bersetuju. Kita akan tunggu selepas kajian yang akan dijalankan oleh kementerian saya dengan UNDP. Selepas itu jikalau perlu kita akan adakan satu *task force*.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Penjelasan, Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Mertajam, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Cukuplah.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Mengenai OKU.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Pada masa sekarang kita telah mengambil beberapa langkah untuk memperjuangkan hak-hak OKU. Komitmen kerajaan yang tidak berbelah bahagi terhadap pembelaan dan pembangunan OKU dapat jelas dilihat dengan penggubalan Akta OKU 2007 yang telah diluluskan di Dewan yang mulia ini pada bulan Disember 2007, Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Hak-hak Orang Kurang Upaya, pelantikan Datuk Dr. Ismail Salleh sebagai Senator pertama OKU, penggubalan dasar dan pelan tindakan OKU.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya bagi pihak kementerian ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Yang Berhormat Menteri, penjelasan yang terakhir mengenai pendaftaran OKU.

Sudah beberapa kali saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa pendaftaran OKU perlu dihalusi, kerana pada waktu sekarang masih tidak mengikut kecacatan ataupun ketidakupayaan, seperti autistik ia tidak didaftar sebagai autistik. Sekiranya tidak didaftarkan sedemikian, bagaimana hendak sediakan kemudahan-kemudahan untuk mereka? Bilakah Yang Berhormat Menteri boleh melaksanakannya?

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Terima kasih kepada Yang Berhormat yang memang ada pandangan sama dengan saya. Pada masa sekarang, mengikut *Statistic Bureau* mereka tidak membezakan pihak OKU, dan saya bersetuju kita mesti membezakan dengan tidak mendisorder, autisme, dengan izin *dyslexia* dan lain-lain. Saya sudah pun memberikan arahan kepada kementerian saya supaya mereka letak OKU mengikut jenisnya. Bukan sahaja fizikal tetapi juga *mental order*. Tuan Yang di-Pertua...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Mengenai warga tua ada apa-apa yang dibangkitkan sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak selesaikan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** ...Tuan Yang di-Pertua, isu keganasan ibu tunggal dan keluarga, kebajikan kanak-kanak, OKU dan orang tua menjadi tanggungjawab kita bersama. KPWKM ikhlas berkhidmat penuh setia membangunkan wanita, masyarakat dan keluarga. Ibu dan bapa, teruna dan dara, hormat-menghormati antara kita, barulah tercapai kesaksamaan gender. Keluarga cemerlang masyarakat sejahtera. Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya jemput Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

**10.09 mlm.****Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:**

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara berkaitan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi semasa perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Diraja kali ini.

**■ 2210**

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi atau MECD akan memastikan segala usaha-usaha, aktiviti, dasar, dan strategi yang telah dirancang dapat memberi impak yang positif dan dengan sistem penyampaian yang baik, ia akan dapat dinikmati oleh semua golongan rakyat sehingga ke peringkat akar umbi.

Sehubungan dengan ini, perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam membahaskan usul menjunjung kasih ke atas titah diraja adalah berkaitan dengan strategi dan usaha MECD untuk membangunkan usahawan termasuklah dalam bidang pendidikan, pembangunan perusahaan kecil dan sederhana dan pengangkutan awam. Tuan Yang di-Pertua, berhubung cadangan Yang Berhormat Lipis mewajibkan mata pelajaran keusahawanan kepada pelajar adalah amat baik supaya mereka lebih berdikari apabila menamatkan pengajian. Namun perkara ini memerlukan penelitian daripada segi pelaksanaannya oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia.

Sungguhpun begitu, MECD melaksanakan program keusahawanan sebagai kokurikulum kepada pelajar-pelajar sekolah rendah melalui Program Perintis Usahawan dan pelajar sekolah menengah melalui Program Usahawan Muda. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri. Penubuhan kelab-kelab usahawan di sekolah-sekolah juga berperanan dalam usaha membudayakan keusahawanan di kalangan pelajar sekolah. Selain itu menggalakkan keusahawanan melalui pendekatan koperasi turut diadakan di peringkat sekolah dan dipantau oleh MECD melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Sehingga kini sebanyak 1,818 koperasi telah ditubuhkan di sekolah-sekolah di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, manakala di peringkat institusi pengajian tinggi pula, Program Keusahawanan Siswa di peringkat IPTA telah dilaksanakan oleh kementerian ini khususnya bagi menanam budaya keusahawanan di kalangan para mahasiswa. Kesemua 20 IPTA-IPTA di negara ini telah terlibat dalam program ini. Kerjasama dengan Universiti Tun Abdul Razak ataupun UNITAR, "... Sains Universiti dan Kolej Universiti Twintech, kini diadakan dalam memperluaskan pembelajaran keusahawanan kepada pelajar-pelajar di IPTS. Selain itu, pengenalan mata pelajaran wajib di bidang keusahawanan telah diperkenalkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi mulai 2007 di IPTA-IPTA.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, MECD juga sedang membangunkan latihan dan pendidikan sebagai satu industri dalam usaha pembangunan modal insan. Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lipis berhubung dengan pinjaman mikro kredit diwakafkan supaya dapat dimanfaatkan peminjam. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, pada masa ini kementerian belum ada cadangan untuk mewakafkan kemudahan pinjaman mikro kredit. Kemudahan pinjaman ini hanya dikeluarkan oleh Bank Rakyat dan TEKUN Nasional manakala Majlis Amanah Rakyat atau MARA mempunyai kemudahan skim pinjaman yang dinamakan Skim Pembiayaan Kecil Tanpa Cagaran.

Sementara itu, melalui Skim Jaminan Usahawan Kecil ataupun SJUK, usahawan-usahawan kecil boleh mendapatkan pembiayaan atau pinjaman perniagaan dengan jaminan daripada TEKUN Nasional. Melalui TEKUN Nasional, kementerian ini telah memperuntukkan sejumlah RM50 juta bagi melaksanakan jaminan kredit kepada usahawan TEKUN, rakan niaga yang memerlukan jaminan bagi mendapatkan pembiayaan perniagaan. Yang Berhormat Batu Pahat pula bertanya mengapa dalam usaha membantu IKS, banyak bank sukar memberikan pinjaman dan terlalu banyak karenah birokrasi dan dicadangkan supaya MECD patut lebih serius dalam aktiviti membantu IKS. Saya ingin memaklumkan, bahawa dalam tempoh dua tahun pelaksanaan RMK-9, kementerian telah menerima sebanyak 83,031 permohonan pinjaman perniagaan daripada usahawan atau *enterprise* kecil dan sederhana.

Daripada jumlah ini, sebanyak 73,834 permohonan atau 88.9% telah pun diluluskan oleh agensi-agensi MECD. Dalam usaha memberikan sistem penyampaian yang lebih baik, kementerian telah menubuhkan Majlis Pembangunan Usahawan Daerah (MPUD) dan juga Jawatankuasa Pembangunan Usahawan Daerah dalam usaha memastikan segala perancangan kementerian dapat dinikmati di peringkat akar umbi. Mulai 1 Jun 2008, kementerian telah mewajibkan agar setiap penolakan terhadap sebarang permohonan pembiayaan perlulah disertai justifikasi terhadap pemohon akaun tersebut kepada pemohon-pemohon yang gagal memohon pinjaman. Sekiranya pemohon-pemohon tersebut ingin membuat rayuan, mereka bolehlah membuat rayuan kepada Jawatankuasa Rayuan Pembiayaan di peringkat MECD.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat Pontian yang mencadangkan penambahbaikan kepada kedai-kedai MARA seperti *rebranding* dengan nama yang lebih baik seperti Kedai Desa Cemerlang dan Kedai Wawasan dan dibina berhampiran jalan utama. Kementerian ini di bawah agensi MARA dan juga Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri sehingga 31 Mac 2008 telah menyediakan sebanyak 3,133 buah premis perniagaan untuk usahawan bumiputera di kawasan luar bandar. Daripada jumlah tersebut, MARA telah menyumbang sebanyak 912 unit premis atau 29.1% perniagaan di luar bandar yang meliputi bazar, arked, bengkel, gerai dan rumah kedai.

Selain daripada MARA dan UDA, SME Bank turut membangunkan Skim Kilang Bimbingan. Sehingga kini sebanyak 24 kompleks kilang yang mengandungi 420 kilang yang memberi kemudahan kepada 560 syarikat telah dibangunkan. Melalui skim ini, usahawan-usahawan IKS terutamanya di luar bandar ditawarkan kilang dengan harga 30% lebih rendah dari harga pasaran. Usahawan-usahawan IKS yang menyertai skim ini akan dibimbing dan dibantu dengan insentif-insentif tambahan seperti geran persijilan dan *matching grant* yang dapat menambah nilai aktiviti perkilangan usahawan-usahawan IKS tersebut.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Pasir Mas bangun Yang Berhormat.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Saya hendak bertanya Yang Berhormat, apakah kementerian mempunyai cukup peruntukan bagi menambahkan lagi premis perniagaan di luar bandar walaupun semasa ini ada 912 tetapi tidak mencukupi dan di luar bandar sudah banyak rumah-rumah kedai yang dibina oleh usahawan pemaju-pemaju yang secara bersendirian saya dapati cukup banyak di luar bandar, tetapi sama ada kementerian cukup atau tidak peruntukan, dan apakah pihak kementerian sanggup membeli rumah-rumah kedai ini untuk dijadikan premis bagi usahawan-usahawan bumiputera di luar bandar.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Pasir Mas. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, matlamat kita ialah untuk melahirkan 15,818 unit premis di seluruh negara. Jadi, dalam dua cara kita memenuhi hasrat ini. Yang pertama, kita akan membina di tanah-tanah yang sedia punya oleh MECD, dan yang kedua kita akan membeli rumah-rumah kedai yang dibuat oleh pihak swasta sekiranya di tempat berkenaan diperlukan tetapi tidak mempunyai tanah untuk MECD membuat bangunannya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan dasar tamat penyertaan ataupun *exit policy* dilaksanakan oleh kementerian melalui dua pendekatan sama ada mengeluarkan penyewa yang mampu membeli premis perniagaan sendiri ataupun mengenakan kadar sewa pasaran semasa kepada usahawan yang belum mampu membeli premis perniagaan tersebut. Usaha ini membolehkan lebih ramai usahawan mendapat kemudahan premis perniagaan daripada kementerian.

Untuk makluman Yang Berhormat Pontian, pada masa ini MARA telah mempunyai 5,125 premis perniagaan dan langkah-langkah penambahbaikan sedang diambil bukan sahaja untuk mempromosi dan menaik taraf premis tersebut bahkan juga diurus secara profesional bagi menambahkan daya saing premis perniagaan tersebut. Perancangan terhadap pembinaan premis perniagaan baru kini dibuat berdasarkan kepada kehendak semasa dan dilaksanakan dengan menggunakan khidmat perunding, *retail consultant*. Selain itu, Yang Berhormat Pontian juga mahukan...

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Penjelasan.



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kubang Kerian, Yang Berhormat.

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri yang datang menjawab sendiri pada malam ini. Saya ingin bertanya adakah pihak kementerian ada membuat satu pemantauan yang serius terhadap premis-premis yang disewakan oleh MARA ini?

Adakah yang menyewa itu sendiri mengendalikan perniagaan mereka atau benarkah ada tuduhan-tuduhan yang mengatakan 'dialibabakan'?

Ini atau disewa oleh seseorang yang berpengaruh, dapat lot-lot atau premis-premis ini kemudiannya menyewakan kepada orang lain. Kalau ini berlaku, saya rasa hasrat kita gagal untuk terus melihat anak-anak bumiputera ini menggunakan premis-premis ini untuk mereka berdikari dan menjadikan mereka usahawan seperti mana yang kita harapkan. Adakah satu pemantauan dibuat di seluruh premis MARA dalam negara kita? Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Kubang Kerian. Kita memang sedar ada di antara penyewa-penyewa premis kita yang kurang bertanggungjawab.

■2220

Sebab itu dalam kita hendak menentukan subsidi sebagai contoh sama ada kita hendak bagi subsidi ini 10% daripada penyewa ataupun 30% daripada sewa asal, kalau kita bagi subsidi terlalu tinggi sampai 30% terutamanya premis-premis yang di dalam bandar, kita dapati kemudian disewa kepada orang lain.

Begitu juga kalau kita bagi 5% dia akan melakukan sedemikian sebab itu memang di dalam pemantauan kita dapati ada mana-mana penyewa yang menyewakan kepada orang lain dan mengambil untung di atas angin, kita tidak teragak-agak untuk membatalkan sewaan yang diberikan. Ini hanya boleh kita pantau sekiranya kita dapat maklum balas daripada akar umbi. Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri saya ingin bertanya selain dari insentif-insentif yang dikatakan untuk bantu IKS termasuk geran dan pinjaman sebelum ini saya hendak tahu adakah pihak kementerian ada pusat atau agensi yang terlibat dalam R&D untuk membina mesin atau reka bentuk mesin untuk pembinaan dan pembungkusan untuk makanan-makanan tradisi negara kita.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Kita memang ada satu program dipanggil *Groom Big* di mana kita bekerjasama dengan SIRIM.

MECD memberikan peruntukan-peruntukan tertentu untuk usahawan-usahawan mendapat bimbingan daripada segi *packaging*, *re-branding* dan juga kita ada kerjasama dengan

pihak MARDI untuk kita memastikan kualiti bahan-bahan terutama bahan makanan yang dikeluarkan oleh usahawan kita memang mencapai standard seperti yang diharapkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pontian juga mahukan penjelasan mengapa bilangan usahawan IKS di luar bandar masih sedikit sedangkan MARA sudah lama ditubuhkan.

Untuk makluman Yang Berhormat Pontian, MARA sentiasa melaksanakan program-program bagi membantu usahawan-usahawan luar bandar seperti pembiayaan perniagaan RM50,000 tanpa penjamin dan juga tanpa cagaran serta mengadakan kursus-kursus terhadap usahawan-usahawan di luar bandar.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kita menyasarkan tiap-tiap tahun RM30,000 untuk melatih usahawan-usahawan baru dan RM1.5 juta untuk kita mengamalkan budaya usahawan di kalangan belia dan juga pelajar-pelajar.

Sementara itu, MARA juga turut membangunkan kedai-kedai rakyat di kawasan perumahan baru dan juga di luar-luar bandar supaya usahawan-usahawan di luar bandar dapat kita berikan bantuan. Pembangunan kedai rakyat sebagai contoh dibuat bagi menyediakan tempat perniagaan yang lebih selesa dan teratur kepada usahawan di luar bandar yang biasanya menjalankan perniagaan di rumah.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** MARA kini sedang membangunkan sebanyak 82 unit kedai rakyat di seluruh negara.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]:** Laluan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tenggara.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Menteri saya hendak tahu apakah tindakan kementerian untuk membela nasib peniaga-peniaga yang meniaga di premis-premis perniagaan MARA yang disediakan, yang tidak kondusif dan tidak *business friendly* seperti apa yang ada di daerah Kluang, Johor. Terima kasih banyak. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Tenggara. Seperti yang saya katakan tadi, kita akan bawa perkataan yang baru. Kalau dahulu kemungkinan MARA dia buat premis, kemudian dia tawar dan orang ramai akan mohon dan jenis-jenis perniagaan mengikut kehendak mereka yang memohon tetapi pendekatan baru yang kita akan buat, kita akan gunakan *retail consultant* yang mana pihak MARA akan menentukan apakah jenis-jenis perniagaan yang boleh diwujudkan. Di samping itu kita akan melantik konsultan untuk kita membuat promosi di dalam satu-satu premis MARA.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** *[Bangun]*

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]:** Yang Berhormat Menteri, bangunan MARA yang ada di Kluang itu, dia tertonggok di tengah-tengah bandar, tiada *parking*, kemudahan *parking* lot tidak ada dan sebagainya.

Satu bangunan yang orang Kluang tengok sebagai pembaziran. Orang Melayu yang berniaga di situ memang tidak boleh berniaga jadi saya hendak tahu apa tindakan kementerian untuk menyelesaikan soal bangunan yang tidak boleh mendatangkan hasil langsung kepada peniaga-peniaga yang berniaga di situ.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita sedar dan saya sendiri pun membuat lawatan mengejut di Klang. Kalau di Kluang rasa itu sikit, ini di Klang tengah-tengah pekan Klang.

Satu bangunan MARA lapan tingkat menjadi gajah putih dan hari ini Yang Berhormat kata di Kluang. Saya alu-alukan makluman ini, tindakan yang kita ambil seperti di Klang, pertama sekali tentu kita akan tukar Pegawai MARA daerah.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** [Bangun]

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Kerana dia tidak layak duduk di dalam pekan sosial tukarlah dia di luar bandar. Jadi di Kluang, Insya-Allah saya sendiri akan pergi melihat masalah Yang Berhormat bangkitkan.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Yang Berhormat, di Pasir Mas pun masalah yang sama juga. Kedai MARA berlonggok dalam bandar, tepi jalan kereta api dan mengganggu lalu lintas dan apakah Yang Berhormat bercadang hendak pindah kedai-kedai ini cari kawasan baru.

Perkara kedua, Yang Berhormat ada sebut tadi kedai rakyat. Saya hendak tanya apakah jangka panjang di mana pihak kementerian bercadang untuk mewujudkan kedai-kedai rakyat ini mengikut konsep dua buah kedai rakyat dan satu kampung ataupun dua buah kedai rakyat untuk setiap mukim di mana tanah-tanah di kampung-kampung ini murah. Kalau boleh pihak kementerian ini membina kedai rakyat ini ataupun memberi pinjaman supaya dapat didirikan kedai-kedai ini di tiap-tiap kampung atau di tiap-tiap mukim supaya wujud rangkaian kedai rakyat ini. Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita sedar rungutan-rungutan mengenai bangunan-bangunan MARA. Saya pun semalam pergi Lumut, itu yang sudah lama. Ini kadang-kadang bangunan MARA yang baru buat pun tidak terurus dengan baik jadi sebab itu pendekatan kita, kita akan pastikan bahawa kita hendak *re-branding* balik bangunan-bangunan MARA ini supaya ia mendapat perhatian dan boleh bersaing.

Kita sedar kalau MARA sendiri tidak mampu menguruskan bangunan sendiri bagaimana kita hendak membimbing usahawan-usahawan yang lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, baik.

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** [Bangun]

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Dengan cadangan Yang Berhormat ini, kedai rakyat ini saya nyatakan satu konsep yang baru kita buat di mana kita membeli tanah atau kita menyewa tanah dengan penduduk-penduduk setempat dan setakat ini kita sudah mula di FELDA-FELDA dan baru mula 82 buah. Insya-Allah program ini tidak menjadi gajah putih atau boleh diguna dengan sebaiknya dan kita akan perluaskan pula ke seluruh negara.

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya kepada menteri. Tadi dalam menyelesaikan persoalan bangunan-bangunan yang dibuat oleh MARA tidak strategik dan tidak mencukupi prasarana di sekelilingnya.

Menteri ada mengatakan akan pindahkan pegawai MARA di Klang itu keluar bandar dan minta Yang terhormat Tenggara juga memberikan maklumat yang sama mengenai Kluang tadi.

Adakah menteri serius hendak mengambil tindakan kepada pegawai ini atau pun hanya bergurau kerana saya rasa kelulusan membina bangunan ini tidak dibuat oleh pegawai-pegawai, ia mesti sampai ke atas dan akhirnya kepada menteri. Jadi tak kanlah kerana masalah yang dibangkitkan ini maka pegawai yang menjadi mangsa. Jadi apakah menteri serius untuk mengambil tindakan seperti yang disebutkan?

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih. Saya sudah ambil tindakan pun. Saya sudah tukar pun. Jadi soalnya Yang Berhormat, betul-betul pelan ini kita buat tetapi sebagai pegawai yang bertanggungjawab duduk di pejabat itu, pejabat MARA pun di tingkat lapan, yang tingkat dua, tingkat tiga, tingkat empat, tingkat lima ini kosong, *food court* pun kosong saya beranggapan apa kerja pegawai dekat situ, dia tidak tengok kah apa-apa kelemahan-kelemahan.

Sepatutnya kita proaktif, proaktif berusaha memajukan bangunan dan juga premis-premis yang sedia ada. Dia patut ada satu semangat kalau premis, tempat sebelah kalau tengok kadang-kadang bangunan yang dibuat oleh MARA ini bersaing dengan yang sebelah yang dibuat oleh swasta, kita lihat yang MARA punya lengang.

■2230

Jadi sebab itu kita telah pun minta pendekatan baru, kita juga telah mengadakan bermacam-macam *brainstorming* bagaimana cara untuk kita menaikkan imej semula bangunan MARA dan salah satu cara kita memberi peruntukan tertentu untuk kita membina semula dan mengubah corak bangunan MARA.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri sekejap Yang Berhormat. Kita ada usul. Sila Yang Berhormat Menteri.

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**10.30 mlm.**

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) dengan tidak menghiraukan walau apa pun ketetapan dibuat pada tengah hari tadi supaya Majlis mesyuarat hari ini ditangguhkan sekarang dan ditangguhkan ke jam 10.00 pagi esok 21 Mei 2008 dan sesi perbahasan ini akan disambung selepas sesi pertanyaan bagi jawab lisan”.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed]:** Saya menyokong Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan hendaklah tadi disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Rabu, 21 Mei 2008.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 10.32 malam.***